وَصَايَا الرَّسُولِ لِلتُّجَّارِ

WASIAT

Rasulullah ﷺ Kepada Para Peniaga

JAHABERSA

Dr. Abdul Futuh Sabri

وَصَايَا الرَّسُوْلِ لِلتُّجَّارِ

WASIAT
Rasulullah ﷺ
Kepada Para Peniaga

Dr. Abdul Futuh Sabri

www.jahabersa.com.my

KANDUNGAN

Kata Pengantar 1
Pendahuluan 11
Perbahasan ke-1: Fiqh Kerjaya Dalam Islam 11
Perbahasan ke-2: Halal dan Haram Dalam Islam 21

FASAL I
MUAMALAH YANG DIHARAMKAN 35
Perbahasan ke-1: *al-Gharar* (Penipuan) Dan *al-Ghabn* (Kecurangan) 41
Pertama: *al-Gharar* (Penipuan) 43
Batasan *al-Gharar* (Penipuan) 43
Jual Beli *Habl al-Habalah* 45
Jual Beli *al-Hashat* 47
Jual Beli *Dhirab al-Jamal* 47
Jual Beli *al-Munabadzah* dan *al-Mulamasah* 48
Jual Beli *al-Mu'awamah* 49
Jual Beli *al-Thanaya* 50
Jual Beli *al-Muhadharah* 51
Jual Beli *al-Muzabanah* 55
Jual Beli Barang Yang Tiada Pemiliknya 59
Jual Beli Lebihan Air 60
Jual beli *al-Fudhuli* 61
Kedua: *al-Ghabn* (Kecurangan) 62
Jual Beli *al-Najsy* (Pemalsuan) 63
Jual Beli *Al-Hadhir Li Al-Badi* 64
Jual Beli *Al-Jalb* 66
Masalah: Jual Beli Yang Dilarang 68
Jual Beli Semasa Azan Solat Jumaat Dikumandangkan 72
Perbahasan ke-2: Jual Beli Barangan Yang Diharamkan

Allah ﷻ 73
Menjual Barang Yang Diharamkan Allah ﷻ 75
Arak (*Khamr*) 75
Bangkai 76
Perabot Yang Diharamkan 79
Masalah: Barang-barang Najis Yang Boleh Dijualbeli 82
Pelbagai Jenis Daging 85
Daging Khinzir (Babi) 87
Daging Import 89
Daging *al-Jallalah* (Haiwan Yang Memakan Kotoran) 90
Pelbagai Jenis Pakaian 90
Jual Beli Haiwan 94
Jual Beli Anjing 95
Jual Beli Kucing 96
Jual Beli Kera 97
Jual Beli Gajah 98
Jual Beli Ikan Kecil 98
Jual Beli Burung Perhiasan 98
Jual Beli Burung Buas 98
Jual Beli Serangga 99
Jual Beli Rokok dan Sejenisnya 99
Jual Beli Ular 99
Jual Beli Mushaf 100
Al-Yanashib 100
Masalah: Sesuatu Yang Dimaksudkan Untuk Perkara Haram 101
Perbahasan ke-3: Riba 104
Pelbagai Jenis Riba 114
1. Riba *al-Fadhl (al-Ziyadah)* 114
2. Riba *al-Nasi'ah (al-Ta'khir)* 115
Antara Bahaya Riba Di Bidang Sosial 117
Jual Beli *al-'Inah* 118
Masalah: Riba, Antara Orang Muslim Dengan *Non*-Muslim Di Negara *Non*-Muslim 121

Masalah: Bertaubat Daripada Riba 123
Beberapa Sebab Yang Menjadikan Perbuatan Jual
Beli Diharamkan Dalam Sistem Ekonomi Islam 125

FASAL II
PERKARA-PERKARA YANG WAJIB DITINGGALKAN DAN YANG WAJIB DIJADIKAN PEGANGAN 127
Perbahasan ke-1: Beberapa Perkara Yang Wajib
Dihindari Oleh Para Peniaga 129
Al-Ghisy (Pemalsuan) 129
Al-Ihtikar (Menyorok Atau Monopoli) 142
Al-Tas'ir (Menetapkan Harga Dengan Paksa) 147
Mengurangi Takaran Dan Timbangan 149
Memperdagangkan Barang Curian Dan Rompakan 153
Menjual Barang Yang Belum Diterima 154
Masalah: Persaingan antara Sesama Muslim, "Menjual
Sesuatu yang Sedang Ditawar Orang Lain" 157
Masalah: Menjual Barang Kepada Pembeli Pertama 160
Masalah: Keringanan Atas Pembayaran Hutang,
"Berilah Potongan Dan Segeralah Dibayar" 161
Masalah: Beberapa Syarat Dalam Akad Jual Beli 165
Masalah: *Al-Khiyar* Dalam Akad Jual Beli 169
Masalah: Jual Beli Pada Musim Haji 174
Perbahasan ke-2: Niat Yang Baik 175
Mengetahui Halal Dan Haram Merupakan *Fiqh al-Mu'amalah* 178
Mencatat Hutang Dan Membuat Persaksian 179
Selalu Mengingat Allah Dan Bersyukur Kepada-Nya 180
Mencari Yang Halal Dan Menjauhi Yang Syubhat 186
Menghindari Sumpah 188
Menghias Diri Dengan Akhlak Mulia 190
Jujur 193
Amanah 197
Menepati Janji 200

Qana'ah 203
Berlapang Dada Atau Pemaaf 204
Perbahasan ke-3; Di Antara Contoh Muamalah Semasa 210
Jual Beli Kredit Dengan Tambahan Harga Yang Mesti Dibayar 211
Jual Beli *al-Saftijah* 213
Masalah: Hukum Jual Beli Anggota Tubuh Manusia 215
Jual Beli Haiwan Secara Ditimbang 218
Akad al-Istishna' Dan al-Muqawalah 219
Akad Sewa Yang Berakhir Dengan Pemilikan 221
Jual Beli Dengan Cara *al-'Urbun* (Wang Deposit) 225
Al-Tawarruq 227
Jual Beli *al-Murabahah lil Amir bi al-Syira'* 232
Al-Wada'i' al-Bankiyyah (Akaun Bank) 235
Akad Insurans 237
Al-Khalw (Wang Pengganti) 239
Mensyaratkan Pemeliharaan Barang Kepada Penyewa 241
Hadiah Dari Kedai 241
Al-Simsarah 245
Masalah: Hukum Atas Ungkapan: "Barangan Yang Telah Dibeli Tidak Boleh Dikembalikan Dan Tidak Boleh Diganti" 246
Masalah: Berbagai Bentuk Rekayasa Hukum Fiqh Yang Bertujuan Untuk Menghalalkan Sesuatu Yang Haram 249
Khithab al-Dhaman (Letter of Credit) 251
Pencucian Wang (*Money Loundry*) 254

KATA PENGANTAR

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Segala puji-pujian hanya milik Allah, kami memuji-Nya, memohon ampunan dan pertolongan kepada-Nya. Kami berlindung kepada-Nya daripada keburukan jiwa dan amal kami. Sesiapa yang diberi hidayah Allah, maka tidak ada yang dapat menyesatkannya dan sesiapa yang disesatkan Allah, maka tiada yang dapat memberinya petunjuk. Aku bersaksi bahawa baginda Muhammad adalah hamba dan rasul-Nya. Ya Allah, limpahkanlah rahmat kepadanya, keluarga dan para sahabatnya serta kepada orang-orang yang mendapat hidayah dan berjalan di atas manhaj-nya serta berpegang teguh pada sunnahnya hingga datang hari kiamat.

Amma Ba'du:

Allah ﷻ telah mengutus baginda Nabi terakhir yang bernama Muhammad ﷺ kepada seluruh manusia. Risalah yang dibawa baginda Nabi berlaku untuk semua manusia di pelbagai keadaan, lingkungan dan di pelbagai zaman. Risalah yang dibawa baginda Nabi sesuai dengan *fitrah* (keadaan semula jadi) manusia yang tidak dapat digantikan, dipertentangkan dan tidak mengalami

perubahan, hal ini sebagaimana yang disebutkan firman Allah ﷻ berikut:

فِطْرَتَ ٱللَّهِ ٱلَّتِى فَطَرَ ٱلنَّاسَ عَلَيْهَا ۚ لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ ٱللَّهِ ۚ ذَٰلِكَ ٱلدِّينُ ٱلْقَيِّمُ

"(Tetaplah atas) fitrah Allah yang telah menciptakan manusia menurut fitrah itu. Tidak ada perubahan pada fitrah Allah. (itulah) agama yang lurus." **(Surah al-Rum: 30)**

Di dalam risalah tersebut, Allah ﷻ telah menjelaskan secara terperinci tentang syariat yang mengandungi aturan kehidupan manusia pada semua masa dengan seluruh aktivitinya. Seluruh dasar dan kaedah disandarkan kepada syariat itu sesuai dengan perkembangan tempat dan waktu. Oleh kerana itu, syariat dengan dasar asas yang universal dan hukum-hukum yang terperinci mencakup segala sesuatu yang diperlukan oleh kehidupan manusia, sama ada berupa ketetapan, petunjuk, ajaran ataupun aturan-aturan, sejak munculnya risalah tersebut hingga akhir zaman. Semua itu mengandungi maksud agar risalah yang dibawa baginda Nabi ﷺ terus dapat diguna pakai, tumbuh dan berkembang serta mengalami pembaharuan di sekitar poros dan cakupannya.

Islam memandang ibadah sebagai rukun asas yang di atasnya agama boleh berdiri kukuh. Dan Islam memandang muamalah sebagai sesuatu yang memiliki

hubung kait yang sangat rapat dengan agama. Hingga terdapat ungkapan terkemuka daripada sebuah hadith yang menyatakan: "*Agama adalah Muamalah.*" Hal itu tidak dapat ditolak, kerana muamalah merupakan kayu pengukur bagi hakikat keimanan yang tertanam dalam jiwa orang Mukmin. Tujuan ibadah adalah bagi mendapatkan balasan di akhirat, sedangkan tujuan muamalah adalah bagi mendapatkan balasan dunia, dengan syarat ia menjadi dasar bagi kemaslahatan agama. Jual-beli merupakan pintu muamalah yang paling luas. Allah ﷻ membolehkan akad tersebut kerana tujuan-tujuan tertentu. Antaranya untuk memudahkan urusan kehidupan dan keberlangsungan hidup, untuk memadamkan api perselisihan, perompakan, pencurian, pengkhianatan dan penipuan. Selain itu, ia bertujuhan untuk keberlangsungan hidup kerana sesungguhnya seseorang itu cenderung memerlukan sesuatu yang terdapat di tangan orang lain. Oleh kerana itu, dengan tanpa adanya syariat jual-beli boleh menjadikan manusia saling membunuh dan bergaduh serta menyebabkan dunia dan aturan yang ada di dalamnya hancur.[1]

Jual-beli adalah sebahagian daripada aktiviti para peniaga. Ia merupakan jalan melakukan perniagaan, sedangkan perniagaan merupakan salah satu *wasilah* (perantara) usaha yang disyariatkan dan dianjurkan Islam, al-Qur'an telah menyifatkan jual-beli sebagai aktiviti yang baik. Hal ini sebagaimana yang disebutkan dalam firman Allah ﷻ berikut:

يَبۡتَغُونَ مِن فَضۡلِ ٱللَّهِ[٢]

---

[1] Lihat *Nail al-Authar*, karya al-Syaukani

"Mencari sebahagian kurnia Allah." **(Surah al-Muzammil: 20)**

Ayat di atas menyatakan bahawa mencari rezeki dengan cara berniaga merupakan usaha mencari sebahagian kurnia Allah ﷻ. Telah diriwayatkan daripada Abu Hurairah bahawa sesungguhnya baginda Nabi ﷺ pernah membaca firman Allah ﷻ berikut:

رِجَالٌ لَّا تُلْهِيهِمْ تِجَـٰرَةٌ وَلَا بَيْعٌ عَن ذِكْرِ ٱللَّهِ

"Lelaki yang tidak dilalaikan oleh perniagaan dan tidak (pula) oleh jual-beli dari mengingati Allah." **(Surah al-Nur: 37)**. Lalu baginda bersabda: *"Mereka adalah orang-orang yang berjalan di atas bumi untuk mencari sebahagian kurnia Allah."* [2]

Telah diriwayatkan daripada Abdullah bin Umar, bahawa sesungguhnya Umar bin Khattab berkata; "Allah tidak menjadikan mayit yang mati setelah mengikuti perang di jalan Allah itu lebih Aku (Allah) cintai daripada yang mati di antara dua pelana kuda untuk berkelana di atas bumi guna mencari sebahagian kurnia (rezeki) Allah." Perkataan Umar yang demikian itu diambil dari firman Allah:

وَءَاخَرُونَ يَضْرِبُونَ فِى ٱلْأَرْضِ يَبْتَغُونَ مِن فَضْلِ ٱللَّهِ ۙ وَءَاخَرُونَ يُقَـٰتِلُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۖ

[2] Lihat *Ishlah al-Mal,* karya Abdullah bin Muhammad.

"Dan orang-orang yang berjalan di muka bumi mencari sebahagian kurnia Allah; dan orang-orang yang lain lagi yang berperang di jalan Allah." **(Surah al-Muzammil: 20)**

Keberadaan sebuah akad jual-beli dan para peniaga merupakan kemuliaan tersendiri. Hal ini kerana Allah ﷻ telah membuat istilah "*Tijarah*" dalam al-Qur'an yang disandarkan kepada para hamba-Nya yang ikhlas dan bertakwa. Mereka adalah orang-orang yang suka membaca Kitab Allah ﷻ dan mengikuti segala perintah dan menjauhi semua larangan Allah yang terdapat di dalam Kitab tersebut. Mereka juga mendirikan solat dan menginfakkan hartanya, sama ada secara sembunyi-sembunyi mahupun secara terang-terangan. Itulah bentuk perniagaan yang sudah pasti menguntungkan. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan firman Allah ﷻ berikut:

إِنَّ ٱلَّذِينَ يَتۡلُونَ كِتَٰبَ ٱللَّهِ وَأَقَامُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَأَنفَقُواْ مِمَّا
رَزَقۡنَٰهُمۡ سِرّٗا وَعَلَانِيَةٗ يَرۡجُونَ تِجَٰرَةٗ لَّن تَبُورَ ﴿٢٩﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca kitab Allah dan mendirikan solat dan menafkahkan sebahagian dari rezeki yang Kami anugerahkan kepada mereka dengan diam-diam dan terang-terangan, mereka itu mengharapkan perniagaan yang tidak akan merugi." **(Surah Fatir: 29)**

Allah ﷻ telah menjadikan iman kepada-Nya dan iman kepada Rasulullah, serta menjadikan jihad di jalan

Allah dengan mengorbankan harta dan jiwa sebagai bentuk perniagaan yang dapat menyelamatkan seseorang dari seksa yang pedih. Hal ini sebagaimana disebutkan dalam firman-Nya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ هَلۡ أَدُلُّكُمۡ عَلَىٰ تِجَٰرَةٖ تُنجِيكُم مِّنۡ عَذَابٍ أَلِيمٖ ﴿١٠﴾ تُؤۡمِنُونَ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَتُجَٰهِدُونَ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ بِأَمۡوَٰلِكُمۡ وَأَنفُسِكُمۡۚ ذَٰلِكُمۡ خَيۡرٞ لَّكُمۡ إِن كُنتُمۡ تَعۡلَمُونَ ﴿١١﴾

"Wahai orang-orang yang beriman, sukakah kamu Aku tunjukkan suatu perniagaan yang dapat menyelamatkan kamu dari azab yang pedih? (iaitu) kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan berjihad di jalan Allah dengan harta dan jiwamu. Itulah yang lebih baik bagi kamu jika kamu mengetahuinya." **(Surah al-Shaff: 10-11)**

Bagida Nabi ﷺ juga menjadikan perniagaan yang baik sebagai usaha yang paling utama. Telah diriwayatkan daripada Nu'aim bin Abdul Rahman, dia berkata: baginda Rasulullah ﷺ bersabda: *"Sembilan sepersepuluh rezeki terdapat dalam perniagaan."* [3]

Telah diriwayatkan daripada Ibnu Mas'ud, dia berkata: baginda Rasulullah ﷺ bersabda: *"Terdapat* 20

[3] *Kanz al-'Umal* (4/255), al-Albani menganggap hadith tersebut sebagai hadith *dha'if*

pintu rezeki, 19 pintu untuk peniaga dan 1 pintu untuk yang membuat."[4]

Al-Sya'bi berkata: "Berniaga adalah separuh rezeki."

Itulah beberapa dalil yang menyatakan akan erti penting perniagaan dan kedudukannya dalam Islam. Akan tetapi apakah kamu mengetahui bahawa baginda Nabi ﷺ juga pernah bersabda: *"Sesungguhnya para peniaga adalah mereka yang derhaka."*

Telah diriwayatkan daripada Abdul Rahman bin Syabl, dia berkata; saya mendengar baginda Rasulullah ﷺ bersabda: *"Sesungguhnya para peniaga adalah mereka yang derhaka."* Lalu para sahabaat bertanya: "Wahai Rasulullah, bukankah Allah ﷻ telah menghalalkan akad jual-beli? Baginda Nabi menjawab: *"Benar, akan tetapi mereka sering mengucapkan sumpah dan mereka tidak menepatinya, mereka sering berkata-kata dan mereka berbohong."*[5]

Telah diriwayatkan daripada Ismail bin Abid bin Rifa'ah daripada ayahnya daripada datuknya, sesungguhnya dia keluar bersama baginda Nabi ﷺ untuk menuju ke tempat solat, lalu baginda melihat orang-orang yang saling menjualbelikan barangannya (berniaga), kemudian baginda berkata: "Wahai para peniaga, mereka menjawab seruan baginda dengan mengangkat kepala dan pandangan mereka. Setelah itu baginda Nabi ﷺ bersabda: *"Sesungguhnya para peniaga kelak pada hari*

---

[4] *Kanz al-'Umal* (4/250)

[5] Diriwayatkan oleh al-Hakim dalam kitab al-Mustadrak (2/8)

kiamat dibangkitkan sebagai orang-orang yang derhaka kecuali mereka yang bertakwa kepada Allah, berbuat baik dan berlaku jujur." [6]

Hadith tersebut menunjukkan bahawa Rasulullah ﷺ telah menunjukkan sebuah penyakit dan bersamaan itu baginda memberikan ubatnya, iaitu: *"Sesiapa yang bertakwa, berbuat baik dan berlaku jujur,"* lalu baginda melanjutkan perkataannya: *"Peniaga yang jujur dan terpercaya akan bersama para Nabi, orang-orang yang jujur dan juga para syuhada."* [7]

Telah diriwayatkan daripada Anas bin Malik, dia berkata: *"Peniaga yang jujur pada hari kiamat nanti akan berada di bawah Arsy."* [8]

Dan dengan lafaz Ibnu Abbas: *"Peniaga yang jujur tidak akan terhalang daripada pintu-pintu syurga."* [9]

Jadi, para peniaga dapat masuk dalam golongan orang-orang yang derhaka dan dapat juga masuk dalam golongan orang-orang yang baik (mulia). Sesiapa yang bertakwa kepada Allah dan terjaga daripada perbuatan dosa, sama ada dosa kecil mahupun dosa besar seperti penipuan dan pengkhianatan, dan sesiapa pada saat berniaga berbuat baik kepada orang lain, taat kepada Allah dan rajin beribadah serta jujur dalam sumpah dan

---

[6] *Ibid.*,

[7] Diriwayatkan oleh al-Tirmizi (3/515)

[8] *Kanz al-'Umal* (4/11)

[9] *Kasyf al-Khafa'* (1/348), al-Albani telah menganggap lemah (*dha'if*) hadith tersebut di dalam kitab *al-Jami' al-Shaghir.*

perkataannya, maka dia termasuk orang yang baik (mulia). Sesiapa yang dalam berniaga berjalan di atas jalan para peniaga yang penuh dengan kebohongan, rakus dalam menawarkan barangannya dengan cara bersumpah palsu dan sejenisnya, maka dia termasuk orang yang derhaka.

Allah ﷻ menganjurkan kebaikan dan ketakwaan yang telah disebutkan dalam al-Qur'an, iaitu ayat:

وَتَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْبِرِّ وَٱلتَّقْوَىٰ

"Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa." **(Surah al-Ma'idah: 2)**

Baginda Rasulullah ﷺ juga bersabda: *"Sesiapa yang menunjukkan jalan kebaikan, maka dia akan mendapatkan pahala yang sesuai dengan orang yang melakukan kebaikan itu."* Dan juga perkataan baginda Nabi kepada Ali bin Abi Talib: *"Demi Allah, sesungguhnya jika kamu memberi petunjuk Allah kepada seorang lelaki itu lebih baik bagimu daripada harta benda dunia yang paling indah."*[10]

Hikmah yang diharapkan dari buku ini adalah untuk menjelaskan hadith-hadith baginda Nabi ﷺ yang berkaitan dengan urusan perniagaan, jual-beli dan hukum-hukumnya. Selain itu, ia juga menerangkan tentang hal-hal yang diperbolehkan dan yang tidak diperbolehkan dalam akad jual-beli serta hikmah di

---

[10] Riwayat Bukhari (3/1096)

sebalik semua itu. Ia juga menjelaskan tentang dasar-dasar, prinsip-prinsip dan etika dalam berniaga. Pada asasnya, saya tidak pernah menemukan *manhaj* yang lebih baik daripada itu. Oleh kerana itu, sesungguhnya sebaik-baik petunjuk bagi seorang yang berjalan adalah berakhlak seperti akhlak yang pernah dipraktikkan baginda Nabi ﷺ, iaitu teladan yang sangat mulia bagi umat terdahulu dan masa sekarang ini. Rahmat dan salam semoga sentiasa tercurahkan kepada baginda dan seluruh Nabi sebelumnya.

PENDAHULUAN

Perbahasan ke-1: Fiqh Kerjaya Dalam Islam

Syariat Islam memadukan antara amal untuk keperluan duniawi dan amal untuk mendapat pahala akhirat. Ia memotivasi kita untuk mengorbankan kekuatan jasad dan akal kita untuk melakukan kerja, mengeluarkan barangan dan mengembangkannya. Semua itu merupakan kewajipan bagi setiap orang yang bertugas sebagai khalifah di atas bumi ini. Adapun ibadah, iman dan takwa diposisikan sebagai alat kawalan dan sebagai pemicu untuk mewujudkan berlakunya manhaj Islam dalam kehidupan manusia. Oleh kerana itu, manhaj Islam sangat menekankan pondamen tersebut dan menjadikannya sebagai pedoman asas dalam setiap usaha dan kreativiti. Dan kemudian menolak segala amal dan aktiviti yang tidak didasarkan padanya dan dianggap menyimpang serta tidak diterima oleh Allah. Kerana Allah ﷻ mengetahui bahawa sesungguhnya tidak ada kebahagiaan bagi manusia kecuali dengan menerapkan manhaj Islam. Baginda Rasulullah ﷺ meriwayatkan sebuah hadith yang berasal daripada Allah yang Maha mulia: *"Wahai hamba-Ku, sesungguhnya Aku telah mengharamkan perbuatan zalim kepada diri-Ku dan Aku menjadikan perbuatan zalim tersebut sebagai sesuatu yang haram di antara kamu semua, maka dari itu*

janganlah kamu saling berbuat zalim. Wahai hamba-Ku, kamu adalah orang yang tersesat kecuali orang yang Aku beri petunjuk. Oleh kerana itu, mintalah petunjuk kepada-Ku, maka Aku akan memberimu petunjuk. Wahai hamba-Ku, kamu adalah orang yang lapar, kecuali orang yang Aku beri makan. Oleh kerana itu, mintalah makan kepada-Ku, maka Aku akan memberimu makanan. Wahai hamba-Ku, kamu adalah orang yang telanjang (bogel) kecuali orang yang Aku beri pakaian. Oleh kerana itu, mintalah pakaian kepada-Ku, maka Aku akan memberimu pakaian. Wahai hamba-Ku, sesungguhnya kamu selalu melakukan kesalahan, sama ada pada waktu malam mahupun pada waktu siang dan Aku akan mengampunkan semua dosa-dosa. Oleh kerana itu, mintalah ampunan kepada-Ku, maka Aku akan memberi ampunan kepada kamu. Wahai hamba-Ku, kamu tidak akan mampu memberi mudharat dan tidak akan mampu memberi manfaat kepada-Ku. Wahai hamba-Ku, jika orang-orang yang datang dahulu, orang-orang yang datang kemudian, seluruh manusia dan jin berada pada keadaan hati yang paling jahat dan derhaka, maka hal tersebut tidak sedikitpun akan mengurangkan kerajaan-Ku. Wahai hamba-Ku, jika orang-orang yang dataang dahulu, orang-orang yang datang kemudian, seluruh manusia dan jin berdiri di atas satu tempat, kemudian mereka semua meminta kepada-Ku, lalu Aku mengabulkan permintaan setiap orang dari mereka semua, maka hal itu tidak sedikitpun mengurangkan apa yang terdapat di sisi-Ku. Kecuali hanya seperti mengurangkannya jarum yang dimasukkan ke dalam lautan (terhadap air laut). Wahai hamba-Ku, sesungguhnya ia adalah amal perbuatan kamu dan Aku menghitungnya untuk kamu, kemudian Aku

membalasnya untuk kamu semua. Oleh kerana itu, sesiapa yang menemukan kebaikan, maka memujilah kepada Allah dan sesiapa yang menemukan selain kebaikan, maka janganlah mencela kecuali pada dirinya sendiri."[11]

Keimanan, ketakwaan, ibadah dan menerapkan manhaj dan hukum Allah merupakan suatu kepastian (yang harus diwujudkan) untuk mencapai kemaslahatan manusia di dunia dan di akhirat.

Islam memandang ibadah sebagai rukun asas, di mana di atas ibadah tersebut berdiri kukuh prinsip-prinsip agama. Dan Islam memandang muamalah sebagai sesuatu yang mempunyai hubung kait yang erat dengan agama dan ia sangat berkaitan dengan agama. Hingga ada ungkapan terkemuka dari sebuah hadith yang menyatakan: *"Agama adalah Muamalah."* Dan hal tersebut tidak dapat ditolak, kerana muamalah adalah kayu pengukur bagi hakikat keimanan yang terdapat pada jiwa seorang Mukmin. Di sana tidak terdapat jalan bagi manusia untuk memperoleh darjat kesempurnaan dan kebaikan yang diharapkan serta kebahagiaan yang dicita-citakan, kecuali melalui jalan keimanan. Semua itu dapat dicapai ketika seorang hamba mencampakkan sifat egois dan nafsu, sehingga perilaku dan amal perbuatannya benar-benar mencerminkan akhlak yang mulia. Dengan demikian, kita akan terus berjalan di atas jalan kebenaran dan kejujuran dalam rangka mewujudkan kesempurnaan sebagai manusia, seperti yang kita harapkan dan kita cita-citakan.

---

[11] Riwayat Muslim (4/1994)

Sesungguhnya, tidak halal bagi seorang Muslim untuk bermalas-malasan dalam mencari rezeki dengan alasan untuk meluangkan waktu bagi melakukan ibadah atau bertawakkal kepada Allah. Dan tidak halal juga bagi seorang Muslim hanya mengandalkan sedekah yang diberikan orang lain, padahal dia mampu dan kuat bekerja untuk menyara hidupnya sendiri, dan untuk mencukupi keperluaan keluarga dan orang-orang yang menjadi tanggungjawabnya. Dalam hal ini baginda Nabi kita ﷺ bersabda; *"Tidak halal hukumnya sedekah bagi orang kaya dan bagi orang yang memiliki kekuatan yang sempurna."*[12]

Di antara perilaku yang sangat ditentang oleh baginda Nabi ﷺ adalah seorang Muslim yang meminta kepada orang lain. Secara tidak langsung, dia telah mengalirkan air mukanya dan mengikis harga diri dan kehormatannya tanpa ada keperluan mendesak yang mendorong dirinya untuk meminta kepada orang lain. Baginda Rasulullah ﷺ pernah bersabda; *"Orang yang meminta sesuatu tanpa memerlukannya, maka itu seperti orang yang menelan bara api."*[13]

Baginda Nabi ﷺ bersabda; *"Sesiapa yang meminta kepada orang lain untuk memperkaya dirinya sendiri, maka pada hari kiamat nanti akan terdapat cakaran di mukanya dan terdapat batu panas dari neraka Jahanam yang memakan dirinya. Sesiapa yang ingin, maka*

---

[12] Sunan Tirmizi (3/42)

[13] Riwayat al-Baihaqi dalam kitab *Syu'ab al-Iman* (3/271)

sedikitkanlah dan sesiapa yang ingin, maka perbanyaklah."[14]

Dan baginda Nabi ﷺ bersabda; "*Salah satu di antara kamu yang selalu meminta-minta hingga ajalnya tiba, maka di mukanya tidak akan melekat secebis daging pun."*[15]

Sesungguhnya Rasul kita yang mulia telah mengajarkan kepada kita bahawa kehormatan terdapat dalam kerja atau usaha apapun dan sesungguhnya kehinaan dan kerendahan harga diri terdapat pada selalu bergantung dengan bantuan orang lain. Baginda Rasulullah ﷺ bersabda; "*Sesungguhnya salah satu di antara kamu yang mengambil tali, lalu mengikatkan kayu bakar di atas pundaknya dan menjualnya, kemudian dengan pekerjaan tersebut Allah mencukupkan dia, itu lebih baik baginya daripada meminta-minta kepada orang lain, sama ada mereka memberinya ataupun tidak memberinya."*[16]

Oleh kerana itu, wajib bagi seorang Muslim untuk bekerja dengan kerja apa sahaja, selama ia tidak melakukan pekerjaan haram, atau menolong terhadap pekerjaan haram atau bersamaan dengan pekerjaan haram. Di antara para Nabi ada yang bekerja untuk dirinya sendiri dan di antara mereka ada yang bekerja untuk memenuhi keperluan orang lain. Hal ini seperti Nabi Daud yang bekerja membuat baju besi untuk

---

[14] Sunan Tirmizi (3/43)

[15] *Muttafaq 'Alaih*

[16] Riwayat Bukhari (2/535)

melindungi seseorang dalam peperangan. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan oleh firman Allah ﷻ berikut ini:

وَعَلَّمْنَٰهُ صَنْعَةَ لَبُوسٍ لَّكُمْ لِتُحْصِنَكُم مِّنۢ بَأْسِكُمْ ۖ فَهَلْ أَنتُمْ شَٰكِرُونَ ﴿٨٠﴾

"Dan telah Kami ajarkan kepada Daud membuat baju besi untuk kamu, guna memelihara kamu dalam peperanganmu, maka hendaklah kamu bersyukur (kepada Allah)." **(Surah al-Anbiya': 80)**

Dikatakan: "Sesungguhnya Nabi Nuh pernah bekerja sebagai tukang kayu, meskipun al-Qur'an tidak menyebutkan hal itu, akan tetapi pembuatan perahu yang pernah dilakukannya cukup menjadi dalil bahawa dia adalah seorang tukang kayu. Nabi Yusuf pernah bekerja sebagai salah satu kaki tangan pada pemerintahan Fir'aun, hal ini sebagaimana dijelaskan dalam firman Allah ﷻ berikut:

قَالَ ٱجْعَلْنِى عَلَىٰ خَزَآئِنِ ٱلْأَرْضِ ۖ إِنِّى حَفِيظٌ عَلِيمٌ ﴿٥٥﴾

"Berkata Yusuf, "Jadikanlah aku bendahari negara (Mesir); sesungguhnya aku adalah orang yang pandai menjaga, lagi berpengetahuan." **(Surah Yusuf: 55)**

Rasul kita yang mulia pernah bekerja sebagai peniaga dan penggembala. Baginda bersabda; "Allah tidak

mengutus seorang Nabi, kecuali ia pernah mengembala kambing." Lalu para sahabat bertanya; "Dan engkau, wahai baginda Nabi? Nabi menjawab; "Ya, aku juga pernah menggembalakan kambing milik penduduk Makkah dengan bayaran beberapa wang *(Qirath)*."[17]

Baginda Nabi ﷺ pernah bekerja sebagai penggembala dan menerima upah atas pekerjaannya itu. Baginda juga pernah bekerja sebagai peniaga, baginda berkerja sebagai peniaga bersama al-Saib bin Abdillah, lalu baginda berkata kepada al-Saib; *"Engkau adalah sebaik-baik kawan bekerja, engkau tidak pernah berkhianat dan membantah."*[18]

Sesungguhnya Islam mencakup seluruh segi kehidupan manusia. Pada suatu hari, baginda Rasulullah ﷺ pernah duduk bersama dengan para sahabatnya. Tiba-tiba ada seorang lelaki yang sedang berjalan dengan penuh bersemangat. Salah seorang sahabat bertanya; "Jika semangat tersebut digunakan di jalan Allah *(jihad)*, maka Nabi tidak akan pernah meninggalkannya, kemudian Nabi memberi komen padanya dengan bersabda; *"Apabila dia keluar mencari nafkah untuk anaknya yang masih kecil, maka itu juga termasuk berjuang di jalan Allah dan apabila dia keluar mencari nafkah untuk kedua orang tuanya yang sudah tua, maka itu juga termasuk berjuang di jalan Allah dan apabila dia keluar mencari nafkah untuk dirinya sendiri untuk menjaga harga dirinya, maka itu juga termasuk berjuang di jalan Allah. Akan tetapi, apabila dia keluar dengan disertai*

---

[17] Riwayat Bukhari (2/789)
[18] Riwayat Abu Daud (2/676)

riya' dan sombong, maka itu merupakan amal usaha di jalan syaitan.'"[19]

Allah telah menjadikan manusia sebagai khalifah di atas bumi dan Dia telah menyediakan rezeki dan makanan yang terkandung di dalam bumi. Allah juga telah memberikan kekuatan dan kemampuan kepada manusia. Hanya sahaja Allah ﷻ tidak membiarkan manusia memiliki kekuasaan tak terbatas dan melimpah. Allah telah memberikan batasan-batasan yang sangat jelas. Suatu akad, transaksi, muamalah, akhlak dan ibadah yang sesuai dengan batasan-batasan yang ditentukan Allah, maka ia akan diterima. Dan jika ia tidak sesuai dengan batasan-batasan yang ditentukan Allah ﷻ, maka ia merupakan amal yang batal dan tidak diterima.

Manusia dalam setiap amal perbuatan dan aktiviti kehidupannya di dunia selalu berhadapan dengan ujian dan cubaan. Amal perbuatan dan aktiviti tersebut juga akan dihisab di akhirat nanti. Allah ﷻ yang telah memberikan fitrah kepada manusia mengetahui bahawa salah satu fitrah manusia adalah cenderung mengharapkan sesuatu yang tidak dimilikinya. Oleh kerana itu, Allah menyediakan aturan-aturan tertentu guna mengatur aktiviti manusia. Dalam hal ini Allah ﷻ berfirman:

وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ ۚ وَمَن يَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُۥٓ ۚ

إِنَّ ٱللَّهَ بَٰلِغُ أَمْرِهِۦ ۚ قَدْ جَعَلَ ٱللَّهُ لِكُلِّ شَىْءٍ قَدْرًا ﴿٣﴾

---

[19] Riwayat Tabrani dalam kitab *Mu'jam al-Kabir*

"Dan memberinya rezeki dari arah yang tiada disangka-sangkanya. Dan sesiapa yang bertawakkal kepada Allah nescaya Allah akan mencukupkan (keperluan)nya. Sesungguhnya Allah melaksanakan urusan (yang dikehendaki)-Nya. Sesungguhnya Allah telah mengadakan ketentuan bagi tiap-tiap sesuatu." **(Surah al-Talaq: 3)**

Takwa adalah sebab utama seseorang dalam mencari rezeki dan keberkahannya. Rezeki sangat berkaitan dengan amal usaha seseorang. Hal ini telah dijelaskan oleh Allah ﷻ dalam firman-Nya:

فَإِذَا قُضِيَتِ ٱلصَّلَوٰةُ فَٱنتَشِرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ وَٱبْتَغُوا۟ مِن فَضْلِ ٱللَّهِ وَٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠﴾

"Apabila telah ditunaikan sembahyang, maka bertebaranlah kamu di atas bumi; dan carilah kurnia Allah dan ingatlah Allah banyak-banyak supaya kamu beruntung." **(Surah al-Jumuah: 10)**

Oleh kerana itu, seorang Muslim hendaklah turun ke medan pekerjaan dengan tanpa putus asa dan terus berusaha mencari pintu-pintu rezeki. Akan tetapi dia harus sentiasa menggantungkan hatinya kepada Allah dan fikirannya harus selalu hadir bersama Allah, takut kepada-Nya dan taat pada aturan-aturan-Nya serta patuh kepada perintah-perintah-Nya, sehingga dia termasuk dari golongan orang yang dijelaskaan dalam firman Allah ﷻ berikut ini:

رِجَالٌ لَّا تُلْهِيهِمْ تِجَٰرَةٌ وَلَا بَيْعٌ عَن ذِكْرِ ٱللَّهِ

"Lelaki yang tidak dilalaikan oleh perniagaan dan tidak (pula) oleh jual-beli dari mengingati Allah." (Surah al-Nur: 37)

Allah ﷻ telah menetapkan kepada kaum Muslim agar sentiasa mensucikan niat, beramal dan membersihkan *wasilah* (perantara) dan tujuan mereka. Allah ﷻ juga telah menetapkaan kepada mereka batasan-batasan dalam mengembangkan harta bendanya dengan tanpa menempuh jalan yang dapat menyakiti hati dan perasaan orang lain atau merugikan kehidupan dan dasar asas masyarakat.

Hal tersebut cukup menjadi bukti bahawa sesungguhnya bekerja merupakan bahagian daripada ibadah kepada Allah ﷻ. Baginda Nabi ﷺ bersabda; *"Tidak ada seseorang itu memakan makanan yang lebih baik daripada ia memakan makanan yang dihasilkan dari kerja tangannya sendiri."*[20]

Oleh kerana itu, para sahabat melakukan pekerjaan yang bermacam-macam. Mush'ab bin 'Umair dan Mu'adz bin Jabal bekerja sebagai guru dengan gaji (upah) yang dibayar baginda Nabi ﷺ. Manakala Abu 'Ubaidah ditugaskan untuk menarik pajak *(jizyah)*. Sedangkan sahabat Bilal ditugaskan sebagai tukang azan (*muazzin*). Abu Bakar pernah menjadi seorang peniaga, begitu juga Abdul Rahman bin Auf, Uthman bin Affan dan Talhah

[20] Riwayat Bukhari (2/730)

bin Abdullah. Uthman bin Talhah pernah bekerja menjadi tukang jahit, manakala Ali bin Hatim bekerja sebagai pemburu. Itulah pelbagai jenis pekerjaan yang bermacam-macam. Tidaklah satu pekerjaan itu lebih baik dan lebih utama daripada pekerjaan yang lain, akan tetapi justeru ia merupakan kepelbagaian jenis pekerjaan dalam masyarakat Islam.

Perbahasan Ke-2: Halal Dan Haram Dalam Islam

Islam datang pada saat penyimpangan dalam perkara halal dan haram banyak ditemui di masyarakat. Usaha pertama yang diambil bagi memperbaiki penyimpangan tersebut adalah menyusun sejumlah prinsip asas dan aturan-aturan dasar syariat, lalu menetapkannya sebagai pondamen bagi kehalalan dan keharaman sesuatu perkaara. Setelah itu, segala sesuatu kita kembalikan padanya dan setelah itu kita membuat standard secara adil serta meletakkan prinsip keadilan dan keseimbangan dalam hal apapun, sama ada yang halal mahupun yang haram.

Dasar asas syariah pertama yang dapat digunakan dalam perkara ini adalah; "Sesungguhnya hukum asal setiaap muamalah adalah *Ibahah* (harus),[21] kecuali jika

---

[21] Ada sebahagian kelompok yang bertentangan dengan hal itu, mereka berpendapat bahawa asal dari segala sesuatu adalah haram. Mereka mengambil dalil dari firman Allah ﷻ yang ertinya, *"Diharamkan bagimu (memakan) bangkai, darah, daging babi, (daging haiwan) yang disembelih atas nama selain Allah, yang tercekik, yang dipukul, yang jatuh, yang ditanduk, dan yang diterkam binatang buas, kecuali yang sempat kamu menyembelihnya, dan*

ada nas (dalil) jelas yang menerangkan keharaman sesuatu tersebut." Ini adalah pendapat majoriti ulama. Adapun dalil akan dasar asas ini adalah ayat al-Qur'an berikut:

(diharamkan bagimu) yang disembelih untuk berhala. Dan (diharamkan juga) mengundi nasib dengan anak panah, (mengundi nasib dengan anak panah itu) adalah kefasikan. Pada hari ini orang-orang kafir telah putus asa untuk (mengalahkan) agamamu, sebab itu janganlah kamu takut kepada mereka dan takutlah kepada-Ku. Pada hari ini telah Kusempurnakan untuk kamu agamamu, dan telah Ku-cukupkan kepadamu nikmat-Ku, dan telah Ku-redhai Islam itu menjadi agama bagimu. Maka sesiapa terpaksa kerana kelaparan tanpa sengaja berbuat dosa, sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang." (Surah al-Ma'idah: 3)

Mereka berpendapat bahawa sesungguhnya Allah ﷻ telah menyempurnakan agama sebagaimana yang telah ditetapkan dalam al-Qur'an dan Hadith. Oleh sebab itu, asal dari segala sesuatu adalah haram, kerana hal tersebut telah dinyatakan dalam firman Allah ﷻ surah al-Baqarah: 229 yang ertinya; *"Talak (yang dapat dirujuki) dua kali. Setelah itu boleh rujuk lagi dengan cara yang ma'ruf atau menceraikan dengan cara yang baik. Tidak halal bagi kamu mengambil kembali dari sesuatu yang telah kamu berikan kepada mereka, kecuali kalau keduanya khuatir tidak akan dapat menjalankan hukum-hukum Allah. Jika kamu khuatir bahawa kedua-duanya (suami isteri) tidak dapat menjalankan hukum-hukum Allah, maka tidak ada dosa atas kedua-duanya tentang bayaran yang diberikan oleh isteri untuk menebus dirinya. Itulah hukum-hukum Allah, maka janganlah kamu melanggarnya. Sesiapa yang melanggar hukum-hukum Allah mereka itulah orang-orang yang zalim."*

Penolakan mereka terhadap pendapat majoriti ulama di atas dengan menyimpulkan bahawa maksud melanggar batasan-batasan Allah sebagaimana termaktub dalam ayat tersebut adalah mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَوْفُوا۟ بِٱلْعُقُودِ ۚ أُحِلَّتْ لَكُم بَهِيمَةُ ٱلْأَنْعَٰمِ إِلَّا مَا يُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ غَيْرَ مُحِلِّى ٱلصَّيْدِ وَأَنتُمْ حُرُمٌ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ يَحْكُمُ مَا يُرِيدُ

"Wahai orang-orang yang beriman, penuhilah akad-akad itu. Dihalalkan bagimu binatang ternak, kecuali yang akan dibacakan kepadamu. (Yang demikian itu) dengan tidak menghalalkan berburu ketika kamu sedang mengerjakan haji. Sesungguhnya Allah menetapkan hukum-hukum menurut yang dikehendaki-Nya." **(Surah al-Ma'idah: 1)**

Perintah untuk memenuhi akad dalam ayat di atas mencakup seluruh jenis akad, sama ada dari segi bentuk mahupun lafaznya dan sama ada yang ditemui pada masa Nabi mahupun yang tidak ditemui pada masa Nabi. Di antara dalilnya lagi adalah firman Allah ﷻ berikut:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَأْكُلُوٓا۟ أَمْوَٰلَكُم بَيْنَكُم بِٱلْبَٰطِلِ إِلَّآ أَن تَكُونَ تِجَٰرَةً عَن تَرَاضٍ مِّنكُمْ ۚ وَلَا تَقْتُلُوٓا۟ أَنفُسَكُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ﴿٢٩﴾

"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesama kamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku

dengan suka sama suka antara kamu. Dan janganlah kamu membunuh dirimu; sesungguhnya Allah adalah Maha Penyayang kepadamu." (Surah al-Nisa': 29)

Dan Allah ﷻ juga berfirman:

وَمَا لَكُمْ أَلَّا تَأْكُلُوا مِمَّا ذُكِرَ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَقَدْ فَصَّلَ لَكُم مَّا حَرَّمَ عَلَيْكُمْ إِلَّا مَا اضْطُرِرْتُمْ إِلَيْهِ ۗ وَإِنَّ كَثِيرًا لَّيُضِلُّونَ بِأَهْوَائِهِم بِغَيْرِ عِلْمٍ ۗ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِالْمُعْتَدِينَ ﴿١١٩﴾

"Mengapa kamu tidak mahu memakan (binatang-binatang yang halal) yang disebut nama Allah ketika menyembelihnya, padahal sesungguhnya Allah telah menjelaskan kepada kamu apa yang diharamkan-Nya atas kamu, kecuali apa yang terpaksa kamu memakannya. Dan sesungguhnya kebanyakan (dari manusia) benar-benar hendak menyesatkan (orang lain) dengan hawa nafsu mereka tanpa pengetahuan. Sesungguhnya Tuhanmu, Dia-lah yang lebih mengetahui orang-orang yang melampaui batas." (Surah al-An'am: 119)

Di antara dalil yang menunjukkan atas perkara ini dari hadith baginda Nabi ﷺ adalah hadith Sa'd yang ertinya; *"Sesungguhnya, orang Muslim yang paling besar dosanya adalah orang yang bertanya tentang sesuatu yang semestinya tidak haram, lalu sesuatu itu menjadi*

haram kerana pertanyaannya tersebut."[22] Hadith ini merupakan dalil yang menunjukkan bahawa hukum asal muamalah dan akad adalah halal, sah, dan tidak haram. Sesungguhnya Allah ﷻ menghalalkan kepada manusia segala sesuatu yang telah Allah tundukkan untuk mereka. Hal ini sebagaimana yang disebutkan dalaam firman Allah ﷻ berikut:

وَسَخَّرَ لَكُم مَّا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا مِّنْهُ ۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿١٣﴾

"Dan Dia menundukkan untukmu apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi semuanya, (sebagai rahmat) daripada-Nya. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi kaum yang berfikir." **(Surah al-Jathiyah: 13)**

Dan Allah ﷻ mengharapkan sebahagian kecil (dari muamalah dan akad tersebut) kerana adanya sebab dan hikmah tertentu. Adapun sesuatu yang Allah tidak memberikan ketentuan, maka ia tetap dalam kebolehannya. Baginda Rasulullah ﷺ bersabda; *"Sesuatu yang Allah halalkan dalam kitab-Nya, maka ia adalah halal dan sesuatu yang Allah haramkan, maka ia adalah haram dan sesuatu yang Allah tidak menentukannya, maka ia diperbolehkan. Oleh kerana itu, terimalah keringanan daripada Allah. Sesungguhnya Allah tidak*

---

[22] *Muttafaq 'Alaih*

pernah lupa, kemudian baginda Nabi ﷺ membaca ayat berikut:

وَمَا كَانَ رَبُّكَ نَسِيًّا ﴿٦٤﴾

"Dan tidaklah Tuhanmu lupa." **(Surah Maryam: 64)**[23]

Ketentuan di atas mencakupi segala sesuatu, sama ada berupa benda, perbuatan mahupun akad yang bukan termasuk dalam kategori urusan ibadah. Manusia hanyalah sebagai pelaku dan yang menjalankan semua itu dan kemudian baginda Nabi datang dengan membawa syariat untuk membenarkan, meluruskan, mengajarkan dan kadang-kala memberikan pengakuan, bahawa di situ tidak mengandungi keroskan dan bahaya. Berkata Ibnu Taimiyah; "Hukum asal adat resam (kebiasaan) adalah diampuni (diperbolehkan), dan ia tidak membahayakan kecuali yang telah diharamkan Allah, jika tidak maka ia termasuk di dalam makna ayat yang difirmankan Allah ﷻ berikut:

قُلْ أَرَءَيْتُم مَّآ أَنزَلَ ٱللَّهُ لَكُم مِّن رِّزْقٍ فَجَعَلْتُم مِّنْهُ حَرَامًا
وَحَلَٰلًا قُلْ ءَآللَّهُ أَذِنَ لَكُمْ ۖ أَمْ عَلَى ٱللَّهِ تَفْتَرُونَ ﴿٥٩﴾

"Katakanlah: Terangkanlah kepadaku tentang rezeki yang diturunkan Allah kepadamu, lalu kamu jadikan

---

[23] Diriwayatkan oleh al-Hakim dan di-*takhrij* oleh al-Bazzar.

sebahagiannya haram dan (sebahagiannya) halal. Katakanlah: Apakah Allah telah memberikan izin kepadamu (tentang ini) atau kamu mengada-adakan saja terhadap Allah?" (Surah Yunus: 59)

Kemudian dia berkata lagi; "Ini adalah kaedah yang agung dan sangat bermanfaat, dan jika keadaannya demikian, maka kami dapat mengatakan bahawa sesungguhnya akad jual-beli, hibah (pemberiaan), akad sewa dan yang lain merupakan adat resam (kebiasaan) yang diperlukan oleh manusia dalam kehidupannya sebagaimana makan, minum dan juga berpakaian. Kemudian syariat datang untuk mengawal adat resam tersebut dengan membawa seperangkat etika yang sangat berharga. Syariat mengharamkan sesuatu yang mengandungi unsur merosakkan, dan mewajibkan sesuatu yang memang menjadi hal yang mesti dilaksanakan, memakruhkan sesuatu yang tidak layak, dan mensunnahkan adat kebiasaan yang mengandungi maslahat besar, sama ada dilihat dari jenis, takaran dan sifatnya. Jika demikian halnya, maka masyarakat diperbolehkan melakukan akad jual-beli, dan akad sewa sesuai yang mereka kehendaki, selama syariat tidak mengharamkannya seperti makan dan minum sesuai yang mereka inginkan selama makanan dan minuman tersebut tidak diharamkan syariat. Meskipun sebahagian daripada akad tersebut ada yang disunnahkan dan ada juga yang dimakruhkan. Dan sesuatu yang tidak ditentukan hukumnya oleh syariaat, maka ia tetap mengikut hukum asal yang berlaku."[24]

---

[24] *Qawa'id Nuraniyah* (hal. 112)

Di antara rahmat Allah yang diberikan kepada hamba-Nya adalah Allah ﷻ telah menjelaskan kepada kita tentang perihal halal dan haramnya sesuatu dan hal ini bukanlah perihal yang tiada erti atau maksud. Akan tetapi ia mengandungi alasan yang dapat diterima akal dan sesuai dengan maslahat bagi manusia. Allah ﷻ tidak menghalalkan sesuatu kecuali ia mengandungi kebaikan, dan Dia tidak mengharamkan sesuatu kecuali ia mengandungi keburukan.

Sesuatu yang jelas mengandungi unsur bahaya, pasti Allah mengharamkannya. Dan sesuatu yang jelas-jelas mengandungi unsur manfaat, pasti Allah menghalalkan. Dan sesuatu yang bahayanya lebih besar daripada manfaatnya, maka hukumnya haram dan sesuatu yang manfaatnya lebih besar daripada bahayanya, maka hukumnya halal.

Tidak menjadi kewajipan bagi orang Muslim untuk mengetahui secara terperinci bahaya atau keburukan yang terkandung dalam sesuatu yang kerananya Allah mengharamkannya. Ada sebahagian orang yang mampu mengetahui keburukan atau bahayanya dan ada yang tidak mampu mengetahuinya. Pada masa sekarang, mungkin tidak ada yang mampu menyingkap bahaya dari suatu barang, akan tetapi mungkin di masa yang akan datang bahaya tersebut dapat diketahuinya. Oleh kerana itu, wajib bagi seorang Muslim untuk sentiasa berkata sebagaimana ayat berikut:

سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا

"Kami mendengar dan kami taat." **(Surah al-Baqarah: 285)**

Sungguh Allah telah mengharamkan daging khinzir dan kadang-kala orang Muslim tidak memahami alasan mengapa ia diharamkan, kecuali hanya sekadar bahawa daging khinzir itu kotor. Setelah ilmu pengetahuan mengalami kemajuan, maka terungkap bahawa pada daging khinzir terdapat cacing dan bakteri yang mematikan dan boleh menghancurkan tubuh manusia. Begitulah yang terjadi, ketika ilmu pengetahuan mencapai kemajuannya, maka akan nampak jelas kepada kita akan keistimewaan dan kelebihan Islam dalam perihal halal dan haram (yang telah ditetapkan pada suatu barang).

Baginda Nabi Muhammad ﷺ juga mengharamkan beberapa sesuatu yang membahayakan walaupun sedikit, kerana ia dapat mendatangkan bahaya yang lebih besar lagi. Hal ini sebagaimana baginda mengharamkan sedikit arak (*khamr*) kerana ia dapat menimbulkan sesuatu yang disebabkan oleh arak yang banyak. Begitu juga pengharaman praktik riba *al-Fadhl,* hikmah di sebalik pengharamannya masih samar (tersembunyi). Hal ini kerana, seseorang tidak boleh menukar satu dirham dengan dua dirham kecuali kerana perbezaan sifat, seperti menukar dirham yang bagus dan utuh dengan dua dirham yang terpecah atau rosak, atau ditukar dengan satu dirham yang disepuh dengan perhiasan atau dengan yang lain. Bagi Ibnu Abbas, Mu'awiyah, dan sahabat yang lain, hikmah pengharaman bentuk riba di atas masih samar (tidak dapat difahami). Mereka tidak mampu melihat adanya sisi negatif di sana, sehingga para

pembesar sahabat seperti Ubadah bin Shamit, Abu Sa'id dan yang lainnya memberitahu kepada Ibnu Abbas dan Mu'awiyah bahawa baginda Nabi ﷺ telah mengharamkan riba *al-Fadhl.*

Di antara rahmat Allah ﷻ kepada hamba-Nya adalah Dia tidak membiarkan para hamba-Nya berada dalam kebingungan kerana tidak mengetahui halal dan haramnya sesuatu. Namun Allah ﷻ telah menjelaskan perkara-perkara yang haram dan menerangkan perkara-perkara yang halal. Dalam hal ini Allah ﷻ berfirman:

وَمَا لَكُمْ أَلَّا تَأْكُلُوا مِمَّا ذُكِرَ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَقَدْ فَصَّلَ لَكُم مَّا
حَرَّمَ عَلَيْكُمْ إِلَّا مَا اضْطُرِرْتُمْ إِلَيْهِ ۗ وَإِنَّ كَثِيرًا لَّيُضِلُّونَ بِأَهْوَائِهِم
بِغَيْرِ عِلْمٍ ۗ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِالْمُعْتَدِينَ ﴿١١٩﴾

"Mengapa kamu tidak mahu memakan (binatang-binatang yang halal) yang disebut nama Allah ketika menyembelihnya, padahal sesungguhnya Allah telah menjelaskan kepada kamu apa yang diharamkan-Nya atasmu, kecuali apa yang terpaksa kamu memakannya. Dan sesungguhnya kebanyakan (dari manusia) benar-benar hendak menyesatkan (orang lain) dengan hawa nafsu mereka tanpa pengetahuan. Sesungguhnya Tuhanmu, Dia-lah yang lebih mengetahui orang-orang yang melampaui batas." (Surah al-An'am: 119)

Baginda Nabi ﷺ bersabda; *"Perkara yang halal telah jelas dan perkara yang haram juga telah jelas dan di*

antara kedua-duanya ada perkara-perkara yang belum jelas (syubhat), banyak orang yang tidak mengetahui apakah ia halal ataukah haram. Sesiapa yang meninggalkannya untuk menjaga agama dan harga dirinya, maka dia selamat. Dan sesiapa yang jatuh ke dalamnya, maka dia hampir terjerumus ke dalamnya, maka diragukan bahawa dia telah terjerumus pada perkara yang haram. Hal ini sebagaimana orang yang menggembala di tanah yang dipagar, oleh kerananya dia hampir terjerumus masuk ke tanah milik orang lain. Ingatlah! sesungguhnya setiap sesuatu yang dimiliki ada batasan tertentu dan batasan Allah adalah hal-hal yang diharamkan-Nya."[25]

Sungguh Allah ﷻ telah melarang perilaku menyiasat sesuatu yang telah Allah haramkan. Baginda Nabi ﷺ bersabda; *"Janganlah kamu semua melakukan perilaku seperti perilakunya orang-orang Yahudi dan janganlah kamu semua menghalalkan sesuatu yang telah Allah haramkan, meski dengan tipu dan reka daya yang paling rendah sekalipun."*[26]

Di antara jenis tipu muslihat adalah menamakan sesuatu dengan selain nama yang sebenarnya. Ramai orang yang mencipta pelbagai bentuk tipu muslihat sehingga mereka berani memakan hasil riba dengan menyandarkan pada tipu muslihatnya tersebut. Meskipun nama atau bentuknya telah berubah tapi esensinya tetap utuh dan sama, maka keharaman riba

---

[25] Riwayat Tirmizi (2/511)

[26] Dituturkan oleh Ibnu Qayyim dalam *Hasyiah ala Sunan Abi Daud,* dia berkata; "Sanad hadith tersebut dianggap sahih oleh Tirmizi."

tidak akan berubah. Baginda Rasulullah ﷺ bersabda; *"Akan datang suatu zaman, di mana orang-orang berusaha menghalalkan riba dengan mengatas namakan akad jual-beli."* [27]

Sesungguhnya manusia tidak dapat terlepas untuk melakukan muamalah di antara mereka dengan cara jual-beli. Oleh kerana itu, syariat Islam telah menetapkan beberapa kaedah asas bagi tujuan menghalalkan atau mengharamkan muamalah tersebut. Lalu Allah mengharamkan kepada kita tindakan memakan harta benda kita dengan cara batil dan mengharamkan riba yang merupakan lawan (kebalikan) daripada sedekah. Allah ﷻ juga mencela orang-orang Yahudi yang telah memakan riba, padahal mereka telah dilarang daripada memakan riba dan mereka juga dicela kerana memakan harta benda orang lain dengan cara batil. Sungguh baginda Rasulullah ﷺ telah memberikan keterangan secara terperinci atas nas-nas yang telah terhimpun dalam al-Qur'an.

Islam sengaja mempersempit wilayah keharaman, terlebih lagi terhadap sesuatu yang jelas keharamannya dan Islam juga telah menutup jalan-jalan yang mengarah ke sebuah tindakan yang telah diharamkan, sama ada secara zahir mahupun batin. Akan tetapi Islam tidak melupakan situasi dan keadaan kehidupan yang memaksa dan seseorang merasa payah untuk menghindarinya. Oleh kerana itu, dalam keadaan terpaksa Allah ﷻ membolehkan seorang Muslim melampaui batas yang telah diharamkan padanya sekadar

---

[27] Riwayat Tirmizi, lihat kitab *Ighathah al-Lahfan* (1/352)

untuk menghilangkan keadaan keterpaksaan tersebut. Allah ﷻ berfirman:

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ ٱلْمَيْتَةَ وَٱلدَّمَ وَلَحْمَ ٱلْخِنزِيرِ وَمَآ أُهِلَّ بِهِۦ لِغَيْرِ ٱللَّهِ ۖ فَمَنِ ٱضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَآ إِثْمَ عَلَيْهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٧٣﴾

"Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan bagimu bangkai, darah, daging khinzir (babi) dan binatang yang (ketika disembelih) disebut (nama) selain Allah. Tetapi sesiapa dalam keadaan terpaksa (memakannya) sedangkan ia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, maka tidak ada dosa baginya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang." **(Surah al-Baqarah: 173)**

Maha benar Allah, Zat Yang Maha agung yang berfirman:

شَهْرُ رَمَضَانَ ٱلَّذِىٓ أُنزِلَ فِيهِ ٱلْقُرْءَانُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَٰتٍ مِّنَ ٱلْهُدَىٰ وَٱلْفُرْقَانِ ۚ فَمَن شَهِدَ مِنكُمُ ٱلشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ ۖ وَمَن كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ ۗ يُرِيدُ ٱللَّهُ بِكُمُ ٱلْيُسْرَ

وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ ٱلْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا۟ ٱلْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا۟ ٱللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَىٰكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٨٥﴾

"(Beberapa hari yang ditentukan itu ialah) bulan Ramadhan, bulan yang di dalamnya diturunkan (permulaan) al-Qur'an sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan-penjelasan mengenai petunjuk itu dan pembeza (antara yang hak dan yang batil). Kerana itu, sesiapa di antara kamu hadir (di negeri tempat tinggalnya) di bulan itu, maka hendaklah ia berpuasa pada bulan itu, dan sesiapa sakit atau dalam perjalanan (lalu ia berbuka), maka (wajiblah baginya berpuasa), sebanyak hari yang ditinggalkannya itu, pada hari-hari yang lain. Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu. Dan hendaklah kamu mencukupkan bilangannya dan hendaklah kamu mengagungkan Allah atas petunjuk-Nya yang diberikan kepadamu, supaya kamu bersyukur." **(Surah al-Baqarah: 185)**

Dia ﷻ juga berfirman:

يُرِيدُ ٱللَّهُ أَن يُخَفِّفَ عَنكُمْ ۚ وَخُلِقَ ٱلْإِنسَـٰنُ ضَعِيفًا ﴿٢٨﴾

"Allah hendak memberikan keringanan kepadamu, dan manusia dijadikan bersifat lemah." **(Surah al-Nisa': 28)**

FASAL I
MUAMALAH YANG DIHARAMKAN

Keadilan adalah prinsip asas dalam setiap muamalah. Asal daripada setiap akad adalah adil sebagaimana yang dibawa oleh para utusan Allah dan diwahyukan dalam kitab-kitab-Nya. Allah ﷻ berfirman:

لَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلَنَا بِالْبَيِّنَاتِ وَأَنزَلْنَا مَعَهُمُ الْكِتَابَ وَالْمِيزَانَ لِيَقُومَ النَّاسُ بِالْقِسْطِ ۖ وَأَنزَلْنَا الْحَدِيدَ فِيهِ بَأْسٌ شَدِيدٌ وَمَنَافِعُ لِلنَّاسِ وَلِيَعْلَمَ اللَّهُ مَن يَنصُرُهُ وَرُسُلَهُ بِالْغَيْبِ ۚ إِنَّ اللَّهَ قَوِيٌّ عَزِيزٌ ﴿٢٥﴾

"Sesungguhnya Kami telah mengutus rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti yang nyata dan telah Kami turunkan bersama mereka al-Kitab dan neraca (keadilan) supaya manusia dapat melaksanakan keadilan. Dan Kami ciptakan besi yang padanya terdapat kekuatan yang hebat dan pelbagai manfaat bagi manusia, (supaya mereka mempergunakan besi itu) dan supaya Allah mengetahui siapa yang menolong (agama)-Nya dan rasul-rasul-Nya padahal Allah tidak dilihatnya. Sesungguhnya

Allah Maha Kuat lagi Maha Perkasa." (Surah al-Hadid: 25)

Allah ﷻ berfirman dalam ayat lain:

۞ إِنَّ ٱللَّهَ يَأْمُرُ بِٱلْعَدْلِ وَٱلْإِحْسَٰنِ

"Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil dan berbuat kebajikan." (Surah al-Nahl: 90)

Dalam hadith Qudsi disebutkan; *"Wahai hamba-Ku, sesungguhnya Aku mengharamkan kezaliman pada diri-Ku dan Aku menjadikannya sebagai sesuatu yang haram di antara kamu semua."*[28]

Kezaliman dalam keadaan tertentu tidak diperbolehkan, sedangkan dalam keadaan apapun keadilan harus ditegakkan. Menjunjung tinggi keadilan di tengah masyarakat hukumnya wajib, tanpa memperdulikan mereka itu dari kalangan muda ataupun tua, dari kalangan terhormat ataupun hina. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan dalam firman Allah ﷻ berikut:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُونُوا۟ قَوَّٰمِينَ لِلَّهِ شُهَدَآءَ بِٱلْقِسْطِ ۖ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَـَٔانُ قَوْمٍ عَلَىٰٓ أَلَّا تَعْدِلُوا۟ ۚ ٱعْدِلُوا۟ هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ ۖ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ خَبِيرٌۢ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

---

28 Riwayat Muslim (4/1994)

"Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu menjadi orang-orang yang selalu menegakkan (kebenaran) kerana Allah, menjadi saksi dengan adil. Dan janganlah sesekali kebencianmu terhadap sesuatu kaum, mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah, kerana adil itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan." **(Surah al-Ma'idah: 8)**

Kezaliman menjadi penyebab utama tumbuhnya kerosakan dan keadilan menjadi penyebab utama tumbuhnya kejayaan. Dengan keadilan, kemaslahatan masyarakat dalam kehidupan dunia dan kehidupan akhirat akan tercapai. Keadilan menjadi sesuatu yang paling wajib di antara kewajipan-kewajipan lain dan merupakan ketaatan yang paling fardhu.[29]

Dalam perniagaan, terbuka lebar pintu untuk menzalimi orang lain dan memakan hartanya dengan cara batil.[30] Oleh kerana itu, menolak kezaliman dan menjunjung tinggi keadilan khususnya dalam perniagaan dan dalam semua jenis muamalah secara umum merupakan tujuan syariat *(Maqashid al-Syari'ah)* yang paling penting.[31] Allah ﷻ telah mengharamkan kezaliman dan memakan harta orang lain secara batil. Hal ini sebagaimana yang disebutkan dalam firman Allah ﷻ berikut:

---

[29] *Al-Da' wa al-Dawa'* (hal. 255), *Al- Fawa'id* (hal. 253), karya Ibnu Qayyim al-Jauziyyah

[30] *Majmu' al-Fatawa* (29/469)

[31] *Al-Muwafaqat* (3/48)

وَلَا تَأْكُلُوٓا۟ أَمْوَٰلَكُم بَيْنَكُم بِٱلْبَٰطِلِ وَتُدْلُوا۟ بِهَآ إِلَى ٱلْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا۟ فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَٰلِ ٱلنَّاسِ بِٱلْإِثْمِ وَأَنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٨﴾

"Dan janganlah sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang batil dan (janganlah) kamu membawa (urusan) harta itu kepada hakim, supaya kamu dapat memakan sebahagian daripada harta benda orang lain itu dengan (jalan berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui." **(Surah al-Baqarah: 188)**

Dan masih banyak lagi ayat lain yang menjelaskan tentang hal tesebut.[32] Adapun hadith yang melarang dan

---

[32] *"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka sama-suka di antara kamu. Dan janganlah kamu membunuh dirimu; sesungguhnya Allah adalah Maha Penyayang kepadamu."* (Surah al-Nisaa': 29)

"Dan (Kami telah mengutus) kepada penduduk Madyan saudara mereka, Syu'aib. Ia berkata: "Wahai kaumku, sembahlah Allah, sesekali tidak ada Tuhan bagimu selain-Nya. Sesungguhnya telah datang kepadamu bukti yang nyata dari Tuhanmu. Maka sempurnakanlah takaran dan timbangan dan janganlah kamu kurangkan bagi manusia barang-barang takaran dan timbangannya, dan janganlah kamu membuat kerosakan di muka bumi sesudah Tuhan memperbaikinya. Yang demikian itu lebih baik bagimu jika betul-betul kamu orang-orang yang beriman." (Surah al-A'raf: 85)

"Daud berkata: "Sesungguhnya dia telah berbuat zalim kepadamu dengan meminta kambingmu itu untuk ditambahkan kepada kambingnya. Dan sesungguhnya kebanyakan dari orang-orang yang berserikat itu sebahagian mereka berbuat zalim kepada sebahagian yang lain, kecuali orang orang yang beriman dan mengerjakan amal yang soleh; dan amat sedikitlah mereka ini". Dan Daud mengetahui

mengharamkan kezaliman dalam bermuamalah juga sangat banyak. Di antaranya adalah sabda baginda Nabi ﷺ; *"Sesungguhnya darah, harta benda, dan harga diri kamu adalah haram bagi kamu (mensia-siakannya), (ia sangat terhormat) sebagaimana kehormatan hari kamu saat ini, di bulan ini dan di negara ini."*[33]

Dan sabda baginda Nabi ﷺ yang lain; *"Dengan apa salah seorang di antara kamu mengambil harta milik saudaranya?"*[34] Dan sabda baginda; *"Setiap Muslim terhadap Muslim yang lain adalah haram (terjaga) darah, harta benda dan harga dirinya."*[35]

Pada hakikatnya semua pernyataan, sama ada yang terdapat dalam al-Qur'an mahupun hadith, yang melarang berbuat sesuatu dalam bermuamalah, bertujuan membangun keadilan dan menafikan kezaliman.[36] Amalan riba dilarang kerana ia mengandungi unsur kezaliman, begitu juga halnya perjudian dan akad jual-beli yang lain yang mengandungi unsur kezaliman dan ketidakadilan juga dilarang kerana ia jauh daripada prinsip kebenaran.[37] Hal itu sebagaimana larangan mempraktikkan akad jual-beli yang mengandungi unsur penipuan seperti: jual-beli *al-Hashat* (jual-beli yang jika kerikil dilemparkan dan mengenai

---

bahawa Kami mengujinya; maka ia meminta ampun kepada Tuhannya lalu menyungkur sujud dan bertaubat." (Surah Shad: 24) Lihat *Majmu' al-Fatawa* (18/157)

[33] Riwayat Bukhari (1/37)

[34] *Al-Muwatta'* (2/618)

[35] Riwayat Muslim (2/1986)

[36] *Majmu' al-Fatawa* (18/157)

[37] *Majmu' l-Fatawa* (29/283)

barang yang diniagakan, maka ia harus dibeli), *al-Mulamasah* (jual-beli yang jika seseorang menyentuh barang perniagaan, maka dia harus membelinya), *al-Munabadzat* (amalannya hampir sama dengan jual-beli *al-Hashat*), jual-beli *al-Sinin* (menjual buah di atas pokok selama masa tertentu), *Muzanabah* (menjual sesuatu yang kelayakannya belum terlihat), *Habl al-Hablah* (jual-beli haiwan dengan ditangguhkan pembayarannya hingga haiwan tersebut beranak), *al-Musharrat* (menjual haiwan yang ditahan air susunya, sehingga terkesan haiwan tersebut memiliki air susu yang sangat banyak), *al-Ma'ib* (jual-beli barang yang mengandungi cacat), *al-Najasy* (menjual sesuatu dengan menaikan harganya di hadapan orang yang jelas-jelas tidak membelinya, dengan harapan dapat menarik orang lain untuk membeli dengan harga di atasnya). Begitu juga dilarang menjual sesuatu yang sedang ditawar oleh orang lain, berakad jual-beli barang sebelum sampai ke pasar, jual-beli yang mengandungi unsur kecurangan, penipuan dan monopoli (sorok). Juga dilarang mempraktikkan *al-Tas'ir* (menentukan harga dengan paksa) dan jenis-jenis akad lain yang sangat banyak.[38]

Semua itu diharamkan kerana mengandungi unsur kezaliman. Syariat Islam mengharamkannya dengan tujuan mencipta sistem yang adil dan untuk menciptakan kemaslahatan di antara kedua-dua pihak; sama ada dari pihak penjual ataupun pembeli serta untuk menghilangkan mudharat di antara keduanya.[39] Jadi, seluruh muamalah yang tidak mengandungi unsur

---

[38] Akan dijelaskan secara terperinci di halaman-halaman berikutnya

[39] *Tafsir al-Manar* (2/196)

penipuan, kecurangan, kezaliman, ketamakan dan amalan-amalan kotor lain yang diharamkan oleh Allah adalah muamalah yang diperbolehkan dan dibenarkan syariat. Dan setiap muamalah yang mengandungi salah satu unsur di atas, maka ia merupakan muamalah yang dilarang dan diharamkan. Oleh kerana itu, setiap pekerjaan yang mempraktikkan cara-cara tersebut merupakan pekerjaan yang dilarang dan sangat keji. Setiap daging yang tumbuh dari hasil rezeki yang kotor, maka neraka lebih baik untuknya.

Pengharaman muamalah disebabkan pada tiga kaedah asas, iaitu:

1. Kaedah penipuan (*al-Gharar*) dan kecurangan (*al-Ghabn*)
2. Kaedah pemalsuan (*al-Gisy*) dan tipu muslihat
3. Kaedah Riba

Perbahasan -ke-1: *al-Gharar* (Penipuan) dan *al-Ghabn* (Kecurangan)

Pertama: *al-Gharar* (Penipuan)

Al-Gharar menurut bahasa memiliki erti sekitar kekurangan, bahaya, cenderung mengarah ke sebuah kehancuran dan ketidakjelasan. Adapun erti *al-Gharar* menurut istilah adalah sebagaimana yang didefinisikan oleh al-Sarakhsi. Dia berkata; "*al-Gharar* adalah sesuatu yang akibatnya tertutup (tidak dapat diketahui)."[40] Syaikh al-Islam Ibnu Taimiyah mendefinisikan *al-Gharar*

---

[40] *Lisan al-'Arab* (5/13) bahagian *Gharar*

dengan sesuatu yang tidak diketahui hasilnya.[41] Manakala al-Syirazi mendefinisikan *al-Gharar* dengan; "Sesuatu yang tertutup dan tidak diketahui akibatnya."[42] Dari definisi-definisi tersebut di atas dapat kita simpulkan bahawa sesungguhnya *al-Gharar* adalah Sesuatu yang tidak diketahui hasilnya atau sesuatu yang tidak diketahui hakikat dan takarannya.[43]

Larangan mempraktikkan *Gharar* (penipuan) dalam akad jual-beli secara khusus, dan dalam muamalah secara umum merupakan dasar asas bagi syariat Islam. Berkata Imam al-Nawawi: "Larangan terhadap *Gharar* (penipuan) merupakan salah satu dasar asas bagi syariat yang dapat berlaku pada pelbagai permasalahan."[44] Adapun dalil dari penjelasan ini adalah hadith yang diriwayatkan Abu Hurairah, dia berkata; "Baginda Rasulullah ﷺ melarang jual-beli yang mengandungi unsur penipuan."[45] Pelbagai permasalahan tidak dapat dilepaskan dari larangan penipuan (*gharar*) ini. Di antara akad yang dilarang kerana mengandungi unsur penipuan adalah jual-beli *Habl al-Hablah, Malaqih* (jual-beli haiwan pejantan yang apabila pejantan tersebut dapat membuahi sel telur haiwan betina, maka anaknya menjadi milik pembeli), *Madhamin* (jual-beli anak haiwan yang masih di dalam perut induknya) dan menjual buah sebelum nampak tua, *Mulamasah, Munabadzah* dan jual-beli barang yang tidak dapat

---

[41] *Al-Fatawa al-Kubra* (4/16)
[42] *Muhadzdzab* (3/30)
[43] *A'lam al-Muwaqqi'in* (2/19)
[44] *Syarh al-Nawawi ala Sahih Muslim* (4/5) cet. Dar al-Sya'b
[45] Riwayat Tirmizi (3/532)

diserahkan serta akad-akad jual-beli lain yang mengandungi unsur penipuan dan tidak dapat diketahui akibat atau risikonya, apakah ia membahayakan atau memberi maslahat?!. Sama ada penipuan tersebut berlaku dalam akad, wang penganti (bayaran) ataupun berlaku pada waktu akad.[46]

Batasan *al-Gharar* (Penipuan)

Sesungguhnya larangan syariat terhadap perbuatan *gharar* (penipuan) tidak dapat diterapkan secara mutlak. Hal ini kerana, kadang-kala ada muamalah yang hampir tidak dapat terlepas dari amalan penipuan.[47] Oleh kerana itu, para ulama memberikan beberapa syarat atau batasan tertentu sehingga dapat dibezakan antara penipuan yang dibenarkan dan yang tidak dibenarkan, antara syarat dan batasan tersebut adalah:

1. Penipuan mesti berat dan sering terjadi dalam akad, dengan demikian penipuan yang bersifat ringan tidak menghalangi sahnya akad, kerana tidak mungkin menjaga akad secara keseluruhan daripada penipuan yang bersifat ringan. Hal ini seperti mengambil air minum dengan tanpa menakarnya, masuk tandas awam dengan bayaran tertentu, padahal setiap orang berbeza-beza dalam hal memakai air dan masa waktu di dalam tandas tersebut.[48]
2. Penipuan yang wujud itu tidak menimbulkan kepayahan dan kesukaran. Penipuan yang tidak

[46] *Al-Muntaqi*, karya al-Baji (5/41)
[47] *Al-Muntaqi*, karya al-Baji (5/41)
[48] *Al-Muwafaqat* (4/15)

mungkin dapat dihindari kecuali dengan risiko yang amat berat, seperti penipuan yang ada pada dinding, misalnya ada sedikit kerosakan atau cacat yang tertutup oleh cat. Begitu juga penipuan pada bahagian dalam perut haiwan, seperti haiwan itu terkena penyakit yang nampak jelas atau buah-buahan yang sebahagiannya terlihat masak dan sebahagian yang lain belum masak. Penipuan yang demikian itu termasuk penipuan yang dapat difahami dan dimaafkan,[49] kerana tidak mungkin membongkar dinding atau membelah perut haiwan tersebut atau memilih antara buah yang masak dan tidak masak hanya untuk memastikan sesuatu yang tidak begitu penting.

3. Tiada keperluan yang bersifat umum yang mendorong untuk berbuat penipuan. Kerana keperluan yang bersifat umum itu sama kedudukannya dengan keadaan darurat (*emergency*). Adapun batasan-batasan suatu keadaan boleh dikatakan darurat adalah setiap perkara yang jika masyarakat meninggalkannya, maka mereka akan terancam bahaya, sama ada dari segi kedudukan mahupun harta benda.[50] Berkata Ibnu Taimiyah; "Allah tidak mengharamkan suatu jual-beli (muamalah) yang sangat diperlukan manusia, meskipun ia mengandungi unsur *al-Gharar* (penipuan). Akan tetapi Allah ﷻ membolehkan apa yang diperlukan manusia itu."[51] Di antara dalil yang menjelaskan tentang hal itu adalah hadith yang diriwayatkan daripada Ibnu Umar; "Baginda

---

[49] *Al-Muwafaqat* (4/158)

[50] *Ghiyath al-Umam fi al-Imamah al-Juwaini* (hal. 479)

[51] *Majmu' al-Fatawa* (29/227)

Rasulullah ﷺ melarang akad jual-beli buah-buahan, hingga ia terlihat jelas kematangan buah tersebut, baginda melarang akad itu kepada penjual dan pembeli."[52] Akan tetapi baginda Rasulullah ﷺ telah memberi keringanan dengan membolehkan seseorang untuk membeli buah kurma setelah matang hingga kematangannya sempurna, meskipun ada sebahagian buah yang belum terbentuk. Hal ini menjadi dalil akan diperbolehkannya membeli atau menjual kurma dalam keadaan seperti di atas, meskipun ia mengandungi unsur penipuan.[53] Jika demikian, maka buah-buahan yang belum masak diikutkan pada pokoknya.[54]

Di sana ada pelbagai jenis akad jual-beli yang di dalamnya mengandungi unsur penipuan (*Gharar*) yang diharamkan. Hanya sahaja ia disebutkan dalam nas-nas khusus kerana ia merupakan akad jual-beli yang masyhur dan banyak dilakukan di masa jahiliyah, antaraanya adalah:

Jual-Beli *Habl al-Habalah*

Telah diriwayatkan daripada Ubaidillah bin Umar, dia berkata; "Baginda Nabi ﷺ pernah melarang jual-beli *Habl al-Hablah.*"[55] Telah diriwayatkan daripada Ibnu Abbas bahawa, "Sesungguhnya baginda Rasulullah ﷺ telah melarang jual-beli *Madhamin*, *Malaqih* dan *Habl al-*

---

[52] Riwayat Bukhari (2/766)
[53] *Majmu' al-Fatawa* (20/341), *A'lam al-Muwaqqi'in* (2/6)
[54] *Majmu' al-Fatawa* (29/26)
[55] Riwayat Muslim (3/1153)

Hablah."[56] Hadith tersebut lemah (*dha'if*) dari segi sanad, namun ia sahih dari segi makna. Kedua-dua jenis akad tersebut diharamkan kerana ia mengandungi unsur penipuan dan keraguan. Berkata Ibnu Umar atau Nafi'; "Ada seorang lelaki yang membeli unta sembelihan untuk mendapatkan anak unta, tidak lama kemudian unta sembelihan itu melahirkan anak dari dalam perutnya." Akad tersebut mengandungi unsur keraguan dan penipuan, kerana pada saat akad berlangsung, tidak ada anak unta dan juga tidak dapat diketahui secara pasti apakah unta tersebut akan beranak atau tidak. Selain itu, hal ini disebabkan kerana barangan yang dijualbelikan tidak wujud dan ia tidak dapat diserahkan ke pihak pembeli. Pengarang buku *"Uli al-Nuha"* berkata; "Tidak sah hukumnya, jika dalam akad jual-beli mengecualikan janin yang ada di dalam perut daripada ibunya." Al-Sarakhsi memberi alasan atas tidak diperbolehkannya pengecualian tersebut, kerana janin yang ada di dalam perut tidak dapat diketahui secara pasti dan tidak dapat dilihat apakah janin itu jantan atau betina? Janin itu berjumlah satu atau dua?! Jika yang dikecualikan (janin) tidak dapat diketahui, maka yang mengecualikan (induknya) juga menjadi sesuatu yang *majhul* (tidak diketahui). Dan ketidakjelasan objek (barangan) yang dijadikan transaksi menyebabkan akad yang berlangsung tidak sah.[57]

---

[56] Riwayat Tabrani dalam kitab *Mu'jam al-Kabir* (11/230), Al-Bazzar, dan di dalam hadith tersebut ada perawi Ibrahim bin Ismail bin Abi Habibah. Ahmad menganggap dia sebagai orang yang dapat dipercaya, namun majoriti ulama menganggapnya lemah.

[57] *Al-Mabsuth* (6/200)

Jual-Beli *al-Hashat*

Telah diriwayatkan daripada Abu Hurairah, dia berkata; "Baginda Rasulullah ﷺ melarang jual-beli bentuk *al-Hashat*."[58] Yang dimaksud dengan jual-beli *al-Hashat* adalah "Jika seorang penjual berkata pada pembeli: "Lemparkanlah batu kerikil ini, maka pakaian mana yang terkena lemparan itu, maka kamu harus membelinya dengan harga sekian." Atau dia berkata; "Aku menjual tanah dengan luas sejauh kamu boleh melemparkan kerikil." Dan contoh lain yang sepadan. Jual-beli jenis ini merupakan jual-beli yang diharamkan Allah dan objek yang dijualbelikan tidak dapat diserahkan secara langsung. Di situlah unsur *al-Gharar* (penipuan) dan ketidakjelasan nampak jelas yang menyebabkan ia diharamkan. Setiap akad jual-beli yang mengandungi unsur penipuan dan ketidakjelasan pada barangan yang dimaksud, maka hukumnya batil (tidak sah).

Jual-Beli *Dhirab al-Jamal*

Telah diriwayatkan daripada Jabir bin Abdillah, dia berkata; "Baginda Rasulullah ﷺ melarang jual-beli *Dhirab al-Jamal* dan melarang jual-beli air dan tanah untuk ditanami, lalu dari keduanya baginda juga melarangnya."[59] Telah diriwayatkan daripada Ibnu Umar secara *marfu'*; "Baginda Nabi ﷺ melarang jual-beli bentuk *'Asab al-Fahl*."[60] Yang dimaksud dengan jual-beli *'Asab al-Fahl* adalah menyewakan unta jantan, atau lembu jantan, atau

[58] Riwayat Muslim (3/1152)
[59] Riwayat Muslim (3/1197)
[60] Riwayat Bukhari (2/797)

kambing jantan atau haiwan lain untuk membuahi sel telur haiwan betina. Baginda Rasulullah ﷺ melarang seseorang untuk mengambil wang bayaran sewa tersebut (bayaran sperma haiwan jantan). Hal ini menjadi dalil bahawa hukum menyewakan haiwan jantan adalah haram, kerana sel sperma jantan merupakan barang yang tidak dapat dinilai dengan wang, takarannya tidak dapat diketahui dan tidak dapat diserahkan secara langsung. Ulama hanya membolehkan meminjamkan unta jantan kepada orang lain.

Jual-Beli *al-Munabadzah* dan *al-Mulamasah*

Telah diriwayatkan daripada Abi Sa'id al-Khudri, bahawa baginda Rasulullah ﷺ melarang jual-beli bentuk *al-Munabadzah*, iaitu seorang lelaki melemparkan bajunya untuk dijual kepada orang lain sebelum dia meneliti atau melihat baju tersebut. Baginda juga melarang jual-beli bentuk *al-Mulamasah*, iaitu seseorang yang membeli baju yang ia sentuh tanpa melihatnya.[61]

Telah diriwayatkan daripada Abi Hurairah bahawa baginda Rasulullah ﷺ melarang jual-beli bentuk *al-Mulamasah* dan *al-Munabadzah*.[62] Kedua-dua jenis muamalah tersebut diharamkan dan tidak sah (batil) kerana ia mengandungi unsur penipuan dan ketidakjelasan akan barangan yang dijualbelikan. Terlaksananya akad jual-beli dan adanya kewajipan membeli hanya kerana menyentuh atau terkena lemparan dengan tanpa melihat, tanpa berfikir, dan

---

[61] Riwayat Bukhari (2/754)
[62] Riwayat Bukhari (5/2190)

dengan tanpa membolak-balik barangan yang dijualbelikan merupakan bahagian dari penipuan dan mengandungi bahaya. Hal ini kerana seorang peniaga seharusnya menjelaskan dan memberitahu barangan yang dijualbelikan. Oleh kerana itu, dalam akad jual-beli para ulama mensyaratkan supaya barangan yang dijualbelikan merupakan barangan yang dapat diketahui, sama ada melalui penglihatan secara langsung mahupun dengan cara diketahui sifat-sifatnya.

Jual-Beli *al-Mu'awamah*

Telah diriwayatkan daripada Jabir bin Abdillah, dia berkata, "Baginda Rasulullah ﷺ melarang jual-beli bentuk *al-Muhaqalah, al-Muzabanah, al-Mu'awamah,* dan *al-Mukhabarah.*"[63] Adapun yang dimaksud dengan *al-Mu'awamah* adalah menjual buah-buahan di pokok selama dua atau tiga tahun atau lebih daripada itu. Ia merupakan jual-beli yang batil (tidak sah) mengikut kesepakatan (ijmak) pada ulama, kerana ia menyebabkan kepada menjual barangan yang tidak wujud, tidak diketahui, tidak dapat diserahkan, dan belum dimiliki sepenuhnya oleh penjual.[64] Ibnu Mundzir berkata: "Para ulama bersepakat bahawa menjual buah kurma selama dua tahun adalah jual-beli yang tidak dibenarkan."[65]

---

[63] Riwayat Muslim (3/1172)

[64] *Syarh al-Nawawi ala Sahih Muslim* (4/40)

[65] *Fiqh al-Mu'amalah* (hal. 31)

Jual-Beli *al-Thanaya*

Maksudnya adalah mengecualikan dalam sebuah akad jual-beli. Telah diriwayatkan daripada baginda Rasulullah ﷺ bahawa baginda melarang jual-beli bentuk *al-Thanaya* (dengan menetapkan syarat pengecualian), kecuali sesuatu yang dikecualikan itu benar-benar diketahui."[66] Contohnya adalah; Aku menjual kepadamu pokok-pokok itu, atau kambing-kambing itu, atau pakaian-pakaian itu, kecuali sebahagian daripadanya. Akad jual-beli tersebut tidak sah kerana yang dikecualikan tidak jelas. Jika yang dikecualikan jelas, maka hukum akad jual-beli tersebut menjadi sah. Oleh kerana itu, penjual boleh mengecualikan sebahagian manfaat dari penjualannya, jika manfaat yang dikecualikan itu termasuk manfaat yang boleh ditetapkan pemilikannya pada orang lain. Hal ini mengikuti hadith yang diriwayatkan daripada Jabir bin Abdillah, dia berkata; "Baginda Rasulullah ﷺ pernah membeli seekor unta daripada saya dan baginda mengecualikan bahagian punggungnya hingga sampai ke Madinah."[67]

Sesungguhnya dasar asas dalam akad tukar-menukar (jual-beli) adalah adanya timbal-balik, sehingga kedua-dua pihak saling mengambil manfaat atas apa yang mereka dapatkan. Penjual boleh mengambil manfaat atas wang yang dibayarkan dan pembeli mengambil manfaat atas barang yang diperolehi. Itulah yang dimaksudkan dengan akad tukar-menukar. Jika pengecualian dibolehkan dalam akad tukar-menukar (*mu'awadhah*)

---

[66] Riwayat Tirmizi (2/584)

[67] *Al-Mu'jam al-Ausat* (6/34)

dengan tanpa syarat untuk mengetahui apa yang dikecualikan, maka maslahat yang diharapkan dalam sebuah akad tidak dapat diperoleh, kerana ia mengandungi unsur penipuan dan keraguan dalam akad tersebut.

Sesiapa yang menjual rumahnya dan mengecualikan (mensyaratkan) kepada pembeli supaya ia boleh menempati rumah tersebut selama hidupnya, maka akad jual-beli tersebut tidak sah. Kerana pengecualian yang dibuat tidak jelas atau *majhul*. Hal ini kerana, kita tidak mengetahui sampai bila dia boleh bertahan hidup. Akan tetapi, jika ia mengecualikan dengan menentukan waktu seperti sebulan atau setahun atau waktu-waktu lain yang dapat diketahui untuk menempati rumah tersebut, maka pengecualian tersebut diperbolehkan kerana waktunya tertentu dan jelas. *Wallahu A'lam*

Jual-Beli *al-Muhadharah*

Telah diriwayatkan daripada Ibnu Umar bahawa baginda Nabi ﷺ melarang menjual buah-buahan hingga nampak jelas kelayakan untuk dituai. Baginda melarang kepada penjual dan juga pembeli."[68] Dalam kalimat lain disebutkan; "Baginda Nabi ﷺ melarang untuk menjual kurma kecuali telah bagus (tua). Baginda juga melarang untuk menjual biji-bijian kecuali sudah berwarna putih (mengeras) dan tidak mudah rapuh."[69] Telah diriwayatkan daripada Abu Hurairah, dia berkata;

---

[68] *Muttafaq 'Alaih*

[69] Riwayat Muslim dan Tirmizi

baginda Rasulullah ﷺ bersabda; *"Janganlah kamu semua membeli buah-buahan kecuali ia telah nampak jelas kelayakan untuk dituai (tua)."*[70]

Telah diriwayatkan daripada Anas bahawa sesungguhnya baginda Nabi ﷺ melarang untuk menjual anggur kecuali ia sudah berwarna hitam dan melarang menjual biji-bijian kecuali (kulitnya) sudah keras."[71]

Dalam hadith lain disebutkan; "Baginda Nabi ﷺ melarang untuk menjual buah-buahan kecuali ia sudah matang (*tazha*). Para sahabat bertanya; "Apa yang dimaksud dengan *tazha*? Baginda Nabi menjawab; "Berwarna merah." Baginda melanjutkan perkataannya; *"Apakah kamu tahu jika Allah membuatnya tidak berbuah, maka dengan apa kamu dapat menghalalkan wang saudaramu?"*[72]

Larangan-larangan tersebut di atas adalah untuk mewujudkan keadilan dalam bermuamalah. Hal ini kerana bagaimanapun juga buah dan tanaman sebelum nampak jelas kematangannya, ia akan mudah rapuh. Oleh kerana itu, untuk menjaga hak pembeli, maka ia dilarang membeli buah-buahan atau sejenisnya sebelum masak (matang atau tua). Kematangan buah atau tanaman dikembalikan kepada orang yang berpengalaman di bidang ini. Buah kurma dikatakan matang apabila sudah berwarna kuning atau merah, sebagaimana yang dikehendaki hadith di atas. Dan haram

---

[70] Riwayat Muslim (3/1167)

[71] Riwayat Lima Imam Hadith kecuali Nasa'i

[72] *Muttafaq 'Alaih*

hukumnya menjual kurma sebelum berwarna kuning atau merah. Adapun buah anggur yang matang adalah jika airnya sudah terasa manis atau ketika ia telah mengeluarkan warna matangnya. Baginda Nabi ﷺ melarang menjual buah-buahan hingga berbau harum."[73] Pengakuan orang yang ahli dalam menentukan buah yang matang, hendaknya dijadikan pegangan. Matangnya sebahagian buah mewakili keseluruhan, maka menjual seluruh buah yang sebahagianya sudah matang adalah perkara yang diperbolehkan.

Ibnu Qayyim al-Jauziyah berkata; "Jika sebahagian buah yang terdapat di pokok sudah matang, maka boleh menjual seluruh buahnya."[74] Para ulama mensyaratkan agar buah dipetik seketika itu juga, kerana tujuan dilarangnya menjual atau membeli buah yang belum matang adalah untuk menjauhkan diri daripada terjadinya kerosakan atau kebusukan pada buah dan semua itu tidak akan terjadi jika tidak menunda masa memetik. Bersamaan dengan itu, buah yang sudah dipetik juga harus segera dimanfaatkan dan itu dilakukan bukan untuk menyiasat agar tidak terjebak melakukan tindakan yang dilarang. Kerana jika tidak segera dimanfaatkan, maka justeru akan berkesan pada kerosakan dan termasuk mensia-siakan harta benda. Sedangkan baginda Nabi ﷺ melarang tindakan mensia-siakan harta benda.

Ketentuan yang sama juga berlaku pada buah dan tanaman-tanaman lain, seperti jenis pare, terung, laici,

---

[73] Riwayat Ahmad (2/312)

[74] *A'lam al-Muwaqqi'in* (4/23)

jenis kekacang, timun, kentang, lobak dan lain-lainnya. Para ulama berpendapat bahawa hendaknya tanaman-tanaman tersebut dijual bersama akarnya dan jika hendak dijual dengan tanpa akar, maka hendaknya ia dilihat dan diketahui secara pasti. Mereka beralasan bahawa sesuatu yang terpendam di dalam tanah tidak dapat diketahui dan dianggap tidak ada. Oleh kerana itu, jika tidak dicabut dari tanahnya, maka akad jual-belinya tidak sah dan mengandungi unsur penipuan *(al-Gharar)* kerana tidak diketahui hasilnya. Akan tetapi ada sebahagian ulama yang membolehkan untuk menjualnya, sama ada bersama akarnya mahupun terpisah dari akarnya. Mereka menganggap sah atas akad jual-beli dalam keadaan seperti itu, bahkan sampaipun buah gambasnya mengering. Semuanya dilakukan kerana keadaan yang menuntut demikian, selain itu kerana tidak ada nas dari al-Qur'an dan hadith Nabi serta sahabat yang menyatakan bahawa jual-beli barang yang tidak ada dihadapan mata itu tidak dibolehkan. Selain itu juga, bagi orang yang sudah berpengalaman bahawa untuk mengetahui buah yang tertanam di dalam tanah cukup dengan melihat daunnya. Oleh kerana itu, boleh menjual buah gambas, terung dan sejenisnya yang masih tergantung di pohon setelah kelayakan untuk dipetik nampak jelas, sebagaimana menjual buah-buahan lain yang masih menempel di batang pokoknya. Akad jual-beli tetap sah, jika seseorang menentukan kematangan buahnya secara tidak sekaligus, sebagaimana tidak menghalangi atas sahnya akad jual-beli buah strawberi dan buah tin serta buah-buahan lain yang keluarnya bertahap. Hal tersebut murni *qiyas*, selama cara tersebut

mengandungi unsur kemaslahatan bagi manusia dan merupakan hal yang tidak dapat ditinggalkan mereka.[75]

Dr. Wahbah Zuhaili berkata; "Menjual sesuatu yang tersimpan di dalam tanah atau menjual sesuatu yang susah terlihat oleh mata atau yang membahayakan untuk dilihat seperti menjual makanan yang disimpan atau terbungkus dan sejenisnya seperti ubat-ubatan, cairan dan gas yang tidak boleh dibuka kecuali jika mahu digunakan. Disamakan dengannya adalah jual-beli sesuatu yang tertanam di dalam tanah, seperti kentang dan lobak. Maka mazhab Hanafi dan juga Maliki membolehkan akad jual-beli dalam keadaan demikian. Hal ini sebagaimana mereka membolehkan akad jual-beli barang yang tidak ada di hadapan mata. Kerana menurut hukum adat, barangaan tersebut dapat difahami meskipun tidak ada di hadapan mata dan *al-Gharar* (unsur penipuan) yang terkandung dalam akad tersebut amatlah sedikit (ringan)."[76]

Jual-beli *al-Muzabanah*

Para ulama mensyaratkan bahawa sahnya sebuah akad jual-beli valas (wang) itu mesti sama. Untuk memastikan kedua-dua wang tersebut sama, maka masing-masing harus diketahui ukurannya, tidak cukup dengan mengetahui jumlah nominalnya sahaja. Bahkan persamaannya harus benar-benar diketahui secara nyata, kerana ketidakjelasan ukuran kedua-duanya atau salah

---

[75] *A'lam al-Muwaqqi'in* (3/44)

[76] *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu* (4/264). Lihat juga *Fiqh al-Mu'amalah* (hal. 27)

satu dari keduanya dianggap lebih banyak dari yang lain dan itu menimbulkan hukum riba. Oleh kerananya, disyaratkan dalam akad tukar-menukar antara barang yang sejenis dan berpotensi mengandungi unsur riba, ia harus sama, sama ada dalam takaran mahupun timbangannya. Jika kedua-dua barang tersebut tidak diketahui kesamaannya, maka akad jual-beli tidak diperbolehkan. Kecuali akad yang dilakukan para pemilik *al-'Araya,* iaitu seseorang yang memiliki kurma kering dan dia memerlukan kurma matang yang masih tergantung di pokok milik orang lain, maka dia boleh membeli kurma matang tersebut dengan kurma kering miliknya hanya cukup dengan mentaksirnya. Keadaan demikian tidak mewajibkan dia untuk mengetahui secara sempurna mengenai ukuran kedua-dua barang tersebut, ia cukup mengetahui dengan mentaksirnya sahaja.

Telah diriwayatkan daripada Ibnu Umar, dia berkata; "Baginda Rasulullah ﷺ melarang akad jual-beli bentuk *al-Muzabanah,* iaitu seseorang menjual kurma yang masih tergantung di pokoknya dan pokok tersebut dijadikan sebagai pagar rumah atau tanahnya dengan kurma takaran (kering). Atau menjual anggur basah dengan anggur kering (kismis) yang dapat ditakar. Atau tanaman padi dengan beras takaran. Baginda Nabi ﷺ melarang jual-beli bentuk seperti itu."[77] Dalam riwayat Muslim; "Baginda Nabi ﷺ melarang untuk menjual semua itu dengan buah-buahan yang ditakar."[78] Telah diriwayatkan daripada Rafi' bin Khadij dan Sahl bin Abi Khaithumah bahawa baginda Rasulullah ﷺ melarang akad jual-beli

---

[77] *Muttafaq 'Alaih*

[78] Riwayat Muslim (3/171)

bentuk *al-Muzabanah*, yakni menjual buah-buahan yang masih tergantung di pokok dengan kurma takaran, kecuali pemilik *al-'Araya*. Terhadap mereka baginda membolehkannya."[79] Dan sesungguhnya baginda Nabi ﷺ melarang menjual anggur basah dengan anggur kering, dan menjual buah-buahan yang masih di pokoknya dengan buah yang ditakar."[80]

Telah diriwayatkan daripada Sahl bin Khaithamah, dia berkata; "Baginda Rasulullah ﷺ melarang menjual kurma kering dengan kurma kering dan baginda memberi keringanan kepada para pemilik *al-'Ariyah*, yang mana mereka membeli kurma basah untuk dimakan keluarganya dengan kurma kering tanpa menakar (hanya mentaksir)."[81] Dalam kalimat lain disebutkan; "Baginda melarang untuk menjual kurma kering dengan kurma kering yang lain." Baginda berkata; "Itu namanya riba dan itu termasuk *al-Muzabanah.*" Akan tetapi baginda membolehkan amalan *al-'Ariyah*, iaitu satu kurma basah dan dua kurma basah yang akan dimakan oleh keluarganya, lalu ditukarkan dengan kurma kering dengan cara mentaksir (tanpa melalui penakaran)."[82] Alasan mengapa *al-Muzabanah* dilarang adalah sesungguhnya harta yang berpotensi mengandungi unsur riba jika satu jenis, maka keduanya harus sama sebagaimana yang telah dijelaskan di atas. Sedangkan dalam transaksi *al-Muzabanah* seperti contoh di atas, kedua-dua barangnya tidak diketahui ukurannya, kecuali

---

[79] Riwayat Bukhari (nombor 839)
[80] Riwayat Tirmizi (nombor 596)
[81] Riwayat Ahmad (4/2)
[82] Riwayat Muslim (3/1170)

al-Muzabanah pada buah-buahan yang tertanam di bumi. Adapun buah-buahan yang menempel di batang pokok, maka jelas tidak dapat diketahui takarannya. Baginda Nabi melarangnya kerana tidak diketahui kesamaan takaran antara dua barang tersebut. Mengetahui kesamaan takaran antara kedua-dua benda yang sejenis ketika terjadi pertukaran itu sangat diperlukan. Mengetahui kesamaan takaran tidak diperlukan hanya pada satu masalah, iaitu pada transaksi *al-'Araya*. Dan hal tersebut diperbolehkan hanya pada ukuran lima *Ausaq*. Oleh kerana itu, tidak boleh menukar harta benda yang mengandungi unsur riba dengan harta benda sejenis tanpa menakarnya kerana tidak diketahui kesamaan takaran antara kedua-duanya.

Disamakan dengan *al-Muzabanah* adalah *al-Muhaqalah,* iaitu: membeli gandum yang masih terdapat di tangkai dengan gandum yang ditakar kandungan dan ukurannya. Transaksi tersebut tidak sah kerana gandum yang masih menempel di tangkainya dihukumkan tidak ada dan tidak dapat diketahui takaran pastinya. Penjual juga tidak dapat menjamin dirinya dapat menyerahkan gandum tersebut kepada pembeli.

Begitu juga hukumnya tidak boleh menjual perak murni dengan perak sepuhan (sudah dicampur), jika kedua-duanya tidak diketahui takarannya. Dan juga tidak boleh menukar tumpukan kayu dengan tumpukan kayu yang lain tanpa diketahui takaran kedua-dua tumpukan kayu tersebut. *Wallahu A'lam*

Jual-beli Barang Yang Tiada Pemiliknya

Syarat bagi seseorang ketika ingin menjual barang adalah dia bertindak sebagai pemilik atau menjadi bahagian dari pemilik atau mempunyai kuasa atas barangan tersebut. Jika tidak memilikinya, maka tindakannya dihukumkan sebagai *Ghashab* dan merupakan tindak kejahatan. Dan juga boleh dihukumi sebagai pemilik, jika seseorang telah diberi kuasa oleh pemilik asal atau oleh pemberi kuasa untuk melakukan suatu akad. Syarat tersebut merupakan salah satu daripada *al-Dharurat al-Khams* (lima kepastian yang harus dijaga), iaitu berupa menjaga harta benda. Dalilnya adalah sabda baginda Nabi ﷺ kepada Hakim bin Hizam; *"Janganlah kamu menjual sesuatu yang tidak terdapat di sisimu (bukan milikmu)."*[83]

Dan hadith yang diriwayatkan daripada Amr bin Syu'aib daripada ayahnya daripada datuknya, yang berupa hadith *marfu'*; *"Tidak halal meminjamkan dan menjual (satu barang dalam satu waktu), dan tidak boleh menetapkan dua syarat dalam satu akad jual-beli, dan tiada keuntungan dari barang yang belum sampai ke tangannya, dan tiada akad jual-beli pada sesuatu yang tidak ada di sisimu (bukan milikmu)."*[84] Ertinya (tidak boleh menjual) sesuatu yang bukan milikmu, bukan hakmu dan bukan kuasamu. Di antara contoh transaksi tersebut adalah;

---

[83] Riwayat Abu Daud (2/305) dan Tirmizi (3/534)

[84] Riwayat Tirmizi (3/535)

Jual-beli Lebihan Air

Tidak boleh hukumnya menjual air sumur, air sungai, mata air dan sejenisnya. Hal ini kerana sabda baginda Nabi ﷺ yang menyatakan; *"Kaum Muslim itu secara bersama-sama berkongsi memiliki tiga hal, iaitu; air, rumput dan api."*[85] Dan sesungguhnya baginda Nabi ﷺ telah melarang menjual lebihan air. Hal ini dapat kita lihat pada hadith Nabi ﷺ yang berbunyi; *"Ada tiga golongan yang mana Allah tidak akan berbicara dengan mereka, (di antaranya adalah) seorang lelaki yang memiliki kelebihan air di padang pasir dan dia melarangnya dari Ibnu Sabil (musafir)."*[86]

Ini adalah dalil yang menunjukkan bahawa air adalah milik bersama, dan hal itu juga menunjukkan bahawa seseorang tidak mempunyai hak untuk menjualnya. Kerana bagaimanapun sumber air di dalam bumi tidak dapat dimiliki oleh siapapun atau orang tertentu, akan tetapi ia milik orang ramai (milik bersama). Oleh kerana itu, sesuatu yang menjadi milik bersama, maka ia tidak boleh secara sepihak menjualnya. Setiap orang berhak untuk mengambil manfaat daripada air tersebut untuk memenuhi keperluannya. Adapun seseorang yang menampung air di kolam atau tasik atau di tempat penyimpanan air atau sejenisnya, maka itu menjadi miliknya dan boleh menggunakan sesuka hatinya.

---

[85] Riwayat Abu Daud (2/220) dan Ibnu Majah (2/826)

[86] Riwayat Muslim (1/103)

Jual-beli *al-fudhuli*

Iaitu seseorang yang menjual barang dagangan yang bukan miliknya dan dia juga bukan orang yang diberi izin untuk menjualnya. Mengenai sah atau tidaknya penjualan tersebut, para ulama berbeza pendapat. Sebahagian ulama menganggapnya sah, jika akhirnya si pemilik membolehkan, kerana pembolehan yang sifatnya menyusul itu diandaikan sebagai izin. Sebahagian ulama yang lain membatalkannya dan menganggap jual-beli tersebut tidak sah, kerana pada hakikatnya dia bukanlah pemilik barang tersebut dan bukan orang yang mendapat kuasa dari pemiliknya. Meskipun pendapat yang terakhir ini sejalan dengan kaedah, namun yang lebih mendekati kebenaran adalah apabila pemilik akhirnya membolehkan dia menjualkan barang dagangannya, maka jual-beli tersebut menjadi sah. Kita tidak boleh menjualkannya, kerana hak penjualan sepenuhnya ada di tangan pemilik, bukan Allah ﷻ. Oleh kerana itu, seseorang tidak boleh sembarangan menjual barang dagangan yang bukan haknya, kecuali mendapatkan izin dari pemiliknya. Jika si pemilik telah mengizinkan kepada orang lain untuk menjualkan barang dagangannya, maka hilanglah *mafsadah* (halangan). Dan sesuatu yang dilarang menjadi diperbolehkan, jika ada izin. Dalilnya adalah hadith yang diriwayatkan oleh Urwah al-Bariqi bahawa baginda Nabi ﷺ pernah memberi wang satu dinar kepada salah seorang sahabat untuk membelikan seekor kambing, akan tetapi dia membelikannya dua ekor kambing dan menjual salah satunya dengan satu dinar. Kemudian dia mengembalikan wang satu dinar dan seekor kambing kepada baginda Nabi ﷺ. Lalu baginda mendoakan keberkatan atas jual-

beli yang dilakukan oleh sahabatnya itu."[87] Hadith di atas menjadi dalil dari permasalahan ini. Aku (pengarang) berpendapat; "Hukum asal atas tindakan seseorang yang menjualkan barang dagangan milik orang lain tanpa mendapatkan izin *(al-Fudhuli)*, itu tidak benar (tidak patut). Akan tetapi ketika dia diperbolehkan oleh pemiliknya dan diizinkan, maka ketidakbenaran tersebut menjadi lenyap dan hukum jual-belinya menjadi sah. Izin yang datang kemudian kedudukannya seperti izin sebelum melakukan sesuatu dan itu tidak ada bezanya. *Wallahu 'Alam*

Kedua: *al-Ghabn* (Kecurangan)

Di antara perbuatan yang dilarang oleh Allah Yang Maha bijaksana dalam akad jual-beli adalah kecurangan yang kotor (*al-Ghabn*). Iaitu dengan menambahkan harga melebihi batas yang telah ditentukan oleh para pelaku pasar yang berpengalaman dan tertentu. Baginda Rasulullah ﷺ menyebutkan bahawa kecurangan yang tidak terkawal (seseorang dengan sepenuh hati menerima kerana tidak tahu harga sebenar) adalah termasuk perbuatan riba. Baginda Nabi ﷺ telah menetapkan sebuah peraturan yang mencakupi segala macam hubungan dan muamalah melalui sabdanya; *"Tidaklah salah satu di antara kamu itu dapat mencapai keimanan yang sempurna hingga ia dapat mencintai saudaranya sebagaimana ia mencintai dirinya sendiri."*[88]

---

[87] Riwayat Bukhari (3/132)
[88] Riwayat Bukhari (1/14)

Para ulama telah menetapkan hukum tindakan curang yang kotor dalam sebuah akad jual-beli. Mereka menjadikan tindakan curang sebagai penyebab rosak dan batalnya akad. Hal tersebut ditetapkan supaya manusia terhindar dari kezaliman dan tidak memakan harta orang lain secara batil. Adapun kecurangan yang sifatnya ringan tidak mempengaruhi sahnya akad, kerana ia tidak dianggap sebagai menaikkan harga secara berlebihan, (maka hal itu dimaafkan).

Para ulama menyebutkan tiga contoh kecurangan yang kotor, iaitu:

Jual-beli *al-Najsy* (Pemalsuan)

Makna *al-Najsy* secara bahasa adalah pujian dan sanjungan. Manakala secara istilah ia diertikan dengan seseorang yang menaikkan harga barangan dengan tanpa ada tujuan untuk membeli *(al-Najisy)* agar pembeli yang lain tertipu. Dia menyangka bahawa dirinya tidak melebihi standard harga dan harga yang dia tawarkan sama dengan orang yang tadinya pura-pura menawar, sehingga dia tertipu. Sebenarnya si penjual telah bersepaakat dengan orang yang pura-pura mahu membeli (pemalsu) dan jika demikian, maka kedua-duanya sama berdosa. Kadang-kala, dia *(al-Najisy)* melakukan tindakan tersebut tanpa sepengetahuan penjual, jika demikian maka yang berdosa adalah *al-Najisy*. Akan tetapi jika ada orang lain mengetahui tindakan kotornya, maka secara mutllak haram bagi dia untuk ikut menaikkan harganya atau mendukung harganya. Meskipun dia tidak bermaksud untuk menipu dan mengecuh para pembeli. Dalam hal ini tidak ada

bezanya, sama ada pemalsuan tersebut dilakukan bersama penjual mahupun dengan selain penjual.

Tindakan pemalsuan dengan cara mengecuh sangat dilarang, hal ini sebagaimana yang telah ditetapkan oleh baginda Nabi ﷺ; "Baginda Rasulululllah ﷺ melarang berbuat pemalsuan yang mengecuh (*al-Najsy*)."[89] Dan oleh hadith yang diriwayatkan Abu Hurairah, dia berkata; "Baginda Rasulullah ﷺ bersabda; "*Seorang penduduk bandar tidak boleh menjual barang dagangannya kepada penduduk kampung dan janganlah kamu saling menipu.*"[90]

Telah diriwayatkan daripada Ibnu Abi Aufa, dia berkata; "*Al-Najisy* adalah orang yang memakan riba, tindakannya merupakan penipuan yang tidak dibenarkan dan haram hukumnya."[91] Berkata Ibnu Battal; "Para ulama bersepakat bahawa sesungguhnya *al-Najisy* adalah orang yang telah berbuat maksiat, dan para ulama berbeza pendapat jika hal itu terjadi dalam akad jual-beli."

Jual-beli *al-Hadhir li al-Badi*

Yang dimaksud dengan jual-beli *al-hadhir li al-badi* adalah jika seorang penduduk bandar melarang kepada penduduk kampung untuk menjual barang dagangannya. Dia berkata kepadanya: "Jangan kamu jual barang itu, aku lebih tahu akan barang tersebut daripada kamu."

---

89 *Muttafaq 'Alaih*
90 Riwayat Bukhari dan Muslim
91 Dituturkan oleh al-Bukhari, sebagai *ta'liq* atas al-Hadib (2/753)

Lalu penduduk kampung menyerahkan barang dagangannya kepada penduduk bandar (tengkulak), dan tengkulak tersebut menjualnya kembali dengan harga yang tinggi kepada penduduk setempat. Padahal jika penduduk kampung itu yang menjualnya sendiri, maka akan lebih murah dan lebih bermanfaat bagi daerah yang bersangkutan dan tengkulak juga mendapat manfaatnya. Jual-beli bentuk di atas pada masa kini sudah sangat ramai dipraktikkan di tengah-tengah masyarakat. Berkata Anas; "Kita melarang penduduk bandar (tengkulak) menjual barang dagangannya kepada penduduk kampung, meskipun ia menjual kepada ayah atau ibunya sendiri."[92] Kepentingan awam harus kita junjung tinggi di atas kepentingan peribadi. Baginda Nabi ﷺ pernah bersabda; *"Janganlah penduduk bandar (tengkulak) menjual barang dagangannya kepada seorang penduduk kampung. Biarkanlah masyarakat yang menentukannya, Allah akan memberi rezeki kepada sebahagian mereka dari sebahagian yang lain."*[93]

Ibnu Abbas pernah ditanya tentang maksud hadith; *"Janganlah penduduk bandar (tengkulak) menjual barang dagangannya kepada seorang penduduk kampung."* Lalu Ibnu Abbas menjawab; "Hendaklah penduduk bandar tidak menjadi tengkulak atau makelar."[94] Akan tetapi ketika ditunjukkan kepadanya tentang harga setempat, maka berilah nasihat dan berilah tahu keadaan pasar, tanpa mengambil keuntungan sebagaimana yang dilakukan oleh lazimnya para tengkulak, kerana hal

---

[92] *Mushannif Ibnu Abi Syaibah* (4/347)

[93] Riwayat Muslim (3/1157)

[94] *Sahih Bukhari* (2/757)

tersebut tidak ada hal. Kerana dia menasihati semata-mata kerana Allah dan nasihat adalah bahagian dari agama, bahkan inti daripada ajaran agama. Hal ini sebagaimana yang disebutkan dalam hadith Nabi; *"Agama adalah nasihat."*[95] Dalam hadith lain disebutkan; *"Ketika ada salah seorang di antara kamu meminta nasihat kepada saudaranya, maka nasihatilah dia."*[96] Akan tetapi, pada umumnya tengkulak yang tergiur dengan keuntungan peribadinya membuat dia melupakan kepentingan masyarakat umum.

Jual-beli *al-Jalb*

Jual-beli *al-Jalb* adalah membeli barang dengan cara menjemput para kafilah dagang. Ia mempunyai dua bentuk berikut;

Pertama; Peniaga membeli bahan makanan asas dari para kafilah dagang pada masa inflasi untuk dijual kembali kepada penduduk dengan harga yang lebih tinggi.

Kedua; Peniaga membeli bahan makanan asas dari para kafilah dagang dengan harga lebih murah daripada harga biasa ketika dijual langsung kepada penduduk, sedangkan mereka tidak mengetahui harga sebenar pada waktu itu. Jual-beli bentuk seperti ini adalah jual-beli yang dilarang, kerana ia dapat mendatangkan bahaya bagi penduduk setempat atau dapat mengacau harga yang biasa berlaku dari para kafilah dagang. Abu Hurairah

---

[95] Riwayat Muslim (1/74)

[96] Riwayat Bukhari (2/757)

meriwayatkan sebuah hadith; "Sesungguhnya baginda Rasulullah ﷺ telah bersabda; *"Janganlah kamu menjemput para kafilah dagang, janganlah sebahagian dari kamu menjual barang dagangannya di atas penjualan orang lain dan janganlah kamu saling menipu, serta janganlah seorang penduduk bandar (tengkulaak) menjual barang dagangannya ke penduduk kampung."*[97]

Begitu juga ketika ada salah seorang penduduk setempat ingin membeli sesuatu dari para pendatang, maka hendaknya dia jangan membohongi dan menipu mereka, sehingga dia mampu membeli dari mereka dengan harga yang jauh lebih murah dari harga yang biasa berlaku di pasaran. Akan tetapi ketika dia memberitahu mereka tentang harga pasar, bertindaklah jujur kepada mereka dan belilah sesuatu dari mereka, maka hal itu diperbolehkan kerana tidak mengandung unsur kebohongan dan kecurangan. Kerana, kadang-kala dia memerlukan kenderaan untuk mengangkut barang-barang yang ia beli dari mereka atau tentunya sangat lelah untuk mengangkut barang-barang tersebut. Oleh kerana itu, tidak ada masalah jika dia membeli barang-barang tersebut dengan harga lebih murah selama mereka merelakannya. Sehingga ketika mereka memasuki pasar, mereka tidak terkejut lagi ketika menemukan beraneka macam harga seperti yang telah dimaklumkannya.[98]

---

[97] Riwayat Malik (2/683)

[98] *Al- Fiqh al-Wadhih* (Juz. 2, hal. 509)

Masalah: Jual-beli Yang Dilarang

Telah diriwayatkan daripada Abi Sa'id al-Khudri bahawa sesungguhnya baginda Nabi ﷺ melarang untuk membeli anak yang berada di dalam perut haiwan ternak hingga ia melahirkannya. Dan juga melarang untuk membeli air susu yang masih melekat di dalamnya, membeli hamba sahaya yang hilang, membeli harta pampasan kecuali setelah dibagi, membeli harta pemberian kecuali setelah diterima, dan melarang untuk mengambil sesuatu dari *Dharbah al-Gha'ish* (seseorang yang berkata pada peniaga; "Aku akan menyelami laut dan kamu harus membeli sesuatu yang akan aku perolehi darinya)."[99]

Meskipun sanad hadith ini lemah, akan tetapi jenis-jenis muamalah yang telah disebutkan tersebut tidak boleh dipraktikkan, kerana mengandungi unsur penipuan dan ketidakjelasan atas barangan yang dituju. Apa yang ada di dalam perut binatang tentu tidak dapat diketahui dan tidak mungkin dapat diserahkan kepada pembeli. Itulah penipuan yang wujud. Begitu juga air susu yang masih melekat pada binatang, kita tidak dapat mengetahui kadarnya. Hamba sahaya yang hilang, kita tidak mengetahui apakah ia dapat diserahkan kepada pembeli atau tidak. Harta pampasan sebelum dibahagi tidak dapat dimiliki secara peribadi. Sebelum dibagikan ia menjadi milik bersama oleh orang yang berhak mendapatkan *ghanimah*. Semua itu mengandungi unsur penipuan dan ketidakjelasan.

---

[99] Riwayat Ibnu Majah (22/740) dan al-Albani menganggapnya sebagai hadith yang lemah (*dha'if Ibnu Majah*)

Begitu juga harta sedekah, si fakir tidak boleh menjual harta sedekah atau zakatnya sebelum ia menerima harta tersebut. Juga perkataan seorang pembeli kepada orang yang menyelam di laut; "Jika kamu mendapat ikan, maka aku harus membayar kepadamu sekian ringgit misalnya." Yang demikian ini, mengandungi unsur penipuan dan ketidakjelasan. Kerana tidak dapat diketahui berapa banyak ikan yang akan didapatkan ketika menyelam. Juga kerana pada waktu akad si penyelam belum menjadi pemilik ikan yang dijualnya. Terdapat hadith daripada Ibnu Mas'ud; *"Janganlah kamu semua membeli ikan di dalam air."*[100]

Makna hadith tersebut sahih, akan tetapi ia mengandungi sanad yang lemah. Jenis-jenis transaksi yang disebutkan dalam hadith di atas merupakan jenis transaksi yang dilarang kerana mengandungi unsur penipuan dan ketidakjelasan. Telah ditetapkan bahawa setiap muamalah yang mengandungi unsur penipuan, kecurangan, dan ketidakjelasan, maka hukumnya tidak sah (batil).

Para ahli fiqh berpendapat; "Seseorang tidak sah menjual hamba sahaya yang hilang, anak haiwan yang masih di dalam perut, burung di udara, ikan di dalam air, dan bulu-bulu di punggung."

Adapun jika ketidakjelasan bukan pada objek yang diperdagangkan, akan tetapi pada sesuatu yang mengikutinya, maka ia tidak mempengaruhi pada sah

---

[100] Riwayat Ahmad (nombor 2388) dan Tabrani dalam *Al-Mu'jam al-Kabir* (9/321)

dan tidaknya akad. Hal ini seperti jual-beli lembu dalam keadan hamil, jika yang menjadi objek jual-beli adalah lembu tersebut sahaja, sementara anak yang masih dalam kandungannya mengikut pada lembu tersebut dan kedua-dua pihak tidak boleh memisah-misahkan antara harga lembu dan anaknya, maka jual-belinya adalah sah. Kerana anak yang masih dalam kandungan mengikut pada induknya, dan bukan menjadi objek jual-beli secara terpisah. Contoh lain adalah menjual rumah dengan tanpa mengetahui tapak dan lain-lainnya dan jual-beli ini adalah sah. Kerana tapak rumah mengikut pada bangunan rumah atau termasuk dari bahagian rumah dan tapak bukanlah merupakan sasaran jual-beli. Contoh lain lagi adalah seperti bulu dan rambut yang menempel pada binatang. Maka tidak ada masalah jika tidak diketahui ukurannya. Ia bukanlah sasaran atau objek jual-beli, ia hanya sesuatu yang mengikut dan hukumnya juga mengikut pada apa yang diikuti. Sebagaimana membeli ladang atau kebun yang di dalamnya terdapat air dan ikan. Maka dari itu, tidak ada masalah jika ikan dan air tidak ditetapkan harganya secara sendiri-sendiri. Kerana yang menjadi objek jual-beli adalah tanah secara keseluruhan. Jadi bukan merupakan halangan, jika jumlah atau kadar ikan tidak diketahui secara pasti, kerana ia mengikut pada ladang atau sawah yang dijual. Begitu juga ketika di ladang tersebut terdapat rumah merpati. Contoh lain juga adalah seperti menjual binatang yang di dalamnya mengandungi air susu dan seterusnya.

Ada sebuah kaedah fiqh yang mengatakan; "Yang termasuk menjadi bahagian dari sesuatu adalah sesuatu

yang memang menjadi kepastian mengikutinya dan yang menurut undang-undang dan hukum adat mengikutinya."

Sesiapa yang menjual rumahnya, maka yang termasuk menjadi bahagian rumah adalah dinding, tanah, sumur, atap, tanaman seperti kurma dan sejenisnya, halaman, elektrik, kabel-kabel dan juga lampunya. Hal ini kerana sudah menjadi kelaziman bahawa semua itu merupakan bahagian dari rumah dan juga menurut adat. Bahkan menjadi hal yang maklum di kalangan masyarakat jika sebuah rumah dijual, maka pembeli berhak mengambil semua itu. Adapun yang bukan termasuk rumah dan tidak dijual bersamanya adalah tilam, almari dan buku-buku. Akan tetapi semua itu dikembalikan pada hukum adat yang berlaku di kawasan itu.

Apabila ada seseorang yang menjual tanah dan di dalamnya terdapat tanaman, maka untuk tuaian pertama hasilnya menjadi hak penjual, seperti tanaman padi atau gandum. Apabila tanaman dapat dituai berulang-ulang seperti tanaman bersem, maka tuaian yang pertama menjadi hak penjual. Manakala tuaian selanjutnya adalah menjadi hak pembeli. Ini adalah ketentuan yang biasa berlaku dan harus dipraktikkan, di situ tidak ada syarat yang bertentangan dengan adat tersebut. Jika ada syarat, maka yang mengamalkan syarat hanyalah orang yang membuat syarat, kerana sesungguhnya kaum Muslimin itu berjalan di atas syarat yang mereka buat. Terdapat sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar, sesungguhnya baginda Rasulullah ﷺ bersabda; *"Sesiapa yang membeli pokok kurma di mana pokok kurma tersebut telah diberi serbuk (pupuk), maka hasil tuaian buah*

kurma tersebut menjadi milik penjual, kecuali pembeli mensyaratkannya. Sesiapa yang membeli hamba sahaya dan hamba sahaya tersebut memiliki wang, maka wang tersebut menjadi hak penjual kecuali pembeli mensyaratkannya."[101]

Begitulah ketentuan hukum syariat dan adat yang berlaku.

Atas dasar penjelasan di atas, dapat disimpulkan bahawa ada tiga hal yang ikut menjadi bahagian yang dijual, iaitu; pertama: Segala sesuatu yang menjadi kelaziman mengikut pada objek yang dijual. Kedua: Sesuatu yang menurut syariat mengikut pada objek yang dijual. Ketiga: Sesuatu yang menurut adat kebiasaan mengikut pada objek yang dijual. Dengan kaedah ini, maka hilanglah kesulitan dan pertentangan yang sering terjadi di antara kedua-dua pihak yang disebabkan kerana mereka bergaduh memperebutkan segala sesuatu yang menjadi hak milik masing-masing. *Wallahu 'A'lam*

Jual-beli Semasa Azan Solat Jumaat Dikumandangkan

Wajib bergegas untuk melaksanakan solat Jumaat seperti yang telah diterangkan oleh majoriti ulama semasa azan kedua dikumandangkan dan setelah khatib naik ke atas mimbar. Para pengikut mazhab Hanafi berpendapat; "Yang paling sahih adalah wajib bergegas setelah azan pertama. Meskipun azan pertama pada masa baginda Nabi ﷺ tidak ada." Menurut madzhab Hanafi hukumnya makruh tahrim dan menurut ulama lain hukumnya

---

[101] *Muttafaq 'Alaih*

haram menyibukkan diri dengan jual-beli atau transaksi lain dan tidak memperdulikan solat Jumaat. Adapun menurut majoriti ulama, semua itu hukumnya haram setelah azan dan khatib naik ke atas mimbar, kerana ada firman Allah ﷻ yang menyatakan:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِذَا نُودِىَ لِلصَّلَوٰةِ مِن يَوْمِ ٱلْجُمُعَةِ فَٱسْعَوْاْ إِلَىٰ ذِكْرِ ٱللَّهِ وَذَرُواْ ٱلْبَيْعَ ۚ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٩﴾

"Wahai orang-orang yang beriman, apabila diseru untuk menunaikan sembahyang pada hari Jumaat, maka bersegeralah kamu kepada mengingat Allah dan tinggalkanlah jual-beli. Yang demikian itu lebih baik bagimu jika kamu mengetahui." **(Surah al-Jumuah: 9)**

Disamakan dengan akad jual-beli adalah jenis transaksi-transaksi lain dan semua jenis kesibukan yang dapat melalaikan solat Jumaat. Larangan akad jual-beli di atas disebabkan kerana ada faktor lain yang tidak ada hubung kaitnya dengan hakikat akad itu sendiri.[102]

Perbahasan ke-2: Jual-beli Barangan yang Diharamkan Allah ﷻ

Barangan dan manfaat yang ingin dijual-beli mesti memenuhi dua syarat:

---

[102] Lihat *Mughni Muhtaj* (hal. 25 dan halaman setelahnya)

Pertama; Barang tersebut mempunyai nilai manfaat. Oleh kerana itu, barang yang sama sekali tidak mengandungi manfaat, maka tidak boleh untuk dijual-beli kerana memberikan harta untuk sesuatu yang tidak bermanfaat termasuk usaha sia-sia dan membazir. Contohnya adalah seperti jenis serangga, maka ia tidak boleh dijual-beli kerana tidak mengandungi manfaat.

Kedua; Manfaat di atas dibolehkan dan dibenarkan oleh syariat. Atas dasar syarat yang kedua ini, maka tidak boleh menjual sesuatu yang bermanfaat tetapi diharamkan oleh syariat. Seperti arak (*khamr*), alat-alat permainan dan segala sesuatu yang mengandungi najis seperti yang akan dijelaskan pada muka surat berikutnya. Jika ada barangan yang bebas dari dua syarat di atas, maka hukum jual-belinya sah kecuali memang ada nas khusus yang melarang untuk menjual barangan tersebut. Jika ada dalil tertentu atas ketidakbolehan menjual atau membeli barangan tersebut, bererti ia dikecualikan dari hukum asalnya.

Allah ﷻ berfirman dalam hal ini:

قُلْ مَنْ حَرَّمَ زِينَةَ ٱللَّهِ ٱلَّتِىٓ أَخْرَجَ لِعِبَادِهِۦ وَٱلطَّيِّبَٰتِ مِنَ ٱلرِّزْقِ ۚ

"Katakanlah: "Siapakah yang mengharamkan perhiasan dari Allah yang telah dikeluarkan-Nya untuk hamba-hamba-Nya dan (siapa pulakah yang mengharamkan) rezeki yang baik?" **(Surah al-A'raf: 32)**

Ayat tersebut menunjukkan bahawa hukum asal perhiasan adalah halal untuk diambil manfaatnya, sama

ada perhiasan tersebut dapat dimakan, diminum atau dipakai. Dan di antara manfaat yang dapat diambil darinya adalah ia dapat dijual-belikan.

Menjual Barang Yang Diharamkan Allah ﷻ

Allah ﷻ mengharamkan seorang hamba untuk bekerja dengan cara yang diharamkan oleh Allah ﷻ kepada hamba-Nya. Baginda Rasulullah ﷺ telah bersabda: *"Sesungguhnya Allah ketika mengharamkan sesuatu, maka Dia juga mengharamkan harganya (hasilnya)."*[103]

Arak (*Khamr*)

Allah ﷻ mengharamkan pada orang Muslim untuk menjual arak (*khamr*), meskipun ia dijual kepada *non*-Muslim. Baginda Nabi ﷺ telah bersabda; *"Allah melaknat sepuluh golongan yang terlibat dalam masalah khamr, iaitu; pemeras, penyaring, peminum, pembawa, orang yang dibawa khamr, orang yang meminumkan, penjualnya, yang memakan hasil jualannya, pembelinya dan orang yang dibelikan khamr."*[104]

Suatu hari ada seorang lelaki yang mendatangi baginda Nabi ﷺ dengan membawa sebotol *khamr* untuk diberikan kepada baginda Nabi agar baginda menghancurkannya, lalu baginda berkata kepada lelaki tersebut; *"Sesungguhnya arak (khamr) telah diharamkan,"* kemudian dia berkata kepada baginda Nabi ﷺ; "Apakah tidak haram jika aku menjualnya?

---

[103] Riwayat Ibnu Hibban (11/312)

[104] Riwayat Tirmizi (2/589)

baginda menjawab; *"Sesungguhnya barang yang haram diminum, maka haram juga ia dijual."* Dia bertanya lagi; "Apakah ia haram jika aku menjamukan kepada Yahudi?" Baginda menjawab; *"Sesungguhnya barang yang haram diminum dan dijual, maka haram pula ia dijamukan kepada Yahudi."* Dia bertanya; "Lalu apa yang harus aku lakukan dengan arak (*khamr*) ini?" Baginda Nabi menjawab; *"Bantinglah ia di daratan (tumpahkan ia ke bumi)."*[105]

Telah diriwayatkan daripada Aisyah, dia berkata; "Ketika turun beberapa ayat terakhir dari surah al-Baqarah, baginda Rasulullah ﷺ keluar dan baginda membacakan ayat-ayat tersebut kepada kita, lalu baginda melarang agar tidak memperdagangkan arak (*khamr*)."[106]

Bangkai

Sesungguhnya binatang jika ia mati mendadak kerana dijerat dengan tali atau sejenisnya, atau dipukul dengan batu atau kayu, atau jatuh dari tempat yang tinggi, atau ada binatang lain yang menanduknya hingga ia mati atau ada bahagian tubuhnya yang dimakan binatang buas kemudian ia mati, maka para ulama bersepakat untuk mengharamkan memakan binatang tersebut. Begitu juga ia haram untuk dijual kepada sesama Muslim. Allah ﷻ berfirman dalam hal ini:

---

[105] *Musnad al-Humaidi* (2/447)
[106] Riwayat Muslim (3/12006)

حُرِّمَتۡ عَلَيۡكُمُ ٱلۡمَيۡتَةُ وَٱلدَّمُ وَلَحۡمُ ٱلۡخِنزِيرِ وَمَآ أُهِلَّ لِغَيۡرِ ٱللَّهِ بِهِۦ
وَٱلۡمُنۡخَنِقَةُ وَٱلۡمَوۡقُوذَةُ وَٱلۡمُتَرَدِّيَةُ وَٱلنَّطِيحَةُ وَمَآ أَكَلَ ٱلسَّبُعُ إِلَّا
مَا ذَكَّيۡتُمۡ وَمَا ذُبِحَ عَلَى ٱلنُّصُبِ وَأَن تَسۡتَقۡسِمُواْ بِٱلۡأَزۡلَٰمِۚ ذَٰلِكُمۡ
فِسۡقٌۗ ٱلۡيَوۡمَ يَئِسَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ مِن دِينِكُمۡ فَلَا تَخۡشَوۡهُمۡ وَٱخۡشَوۡنِۚ
ٱلۡيَوۡمَ أَكۡمَلۡتُ لَكُمۡ دِينَكُمۡ وَأَتۡمَمۡتُ عَلَيۡكُمۡ نِعۡمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ
ٱلۡإِسۡلَٰمَ دِينٗاۚ فَمَنِ ٱضۡطُرَّ فِي مَخۡمَصَةٍ غَيۡرَ مُتَجَانِفٖ لِّإِثۡمٖ فَإِنَّ
ٱللَّهَ غَفُورٞ رَّحِيمٞ ﴿٣﴾

"Diharamkan bagimu (memakan) bangkai, darah, daging khinzir, (daging haiwan) yang disembelih atas nama selain Allah, yang tercekik, yang dipukul, yang jatuh, yang ditanduk, dan yang diterkam binatang buas, kecuali yang sempat kamu menyembelihnya, dan (diharamkan bagimu) yang disembelih untuk berhala. Dan (diharamkan juga) mengundi nasib dengan anak panah, (mengundi nasib dengan anak panah itu) adalah kefasikan. Pada hari ini orang-orang kafir telah putus asa untuk (mengalahkan) agamamu, sebab itu janganlah kamu takut kepada mereka dan takutlah kepada-Ku. Pada hari ini telah Aku sempurnakan untuk kamu agamamu, dan telah Aku cukupkan kepadamu nikmat-Ku, dan telah Aku redhai Islam itu jadi agama bagimu. Maka sesiapa terpaksa kerana kelaparan tanpa sengaja

berbuat dosa, sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang." (Surah al-Ma'idah: 3)

Ertinya, binatang tersebut menjadi halal apabila ia masih dalam keadaan hidup dan disembelih sesuai syariat Islam. Adapun di antara tanda kehidupannya adalah binatang tersebut masih bernafas, bergerak-gerak dan apabila setelah disembelih binatang tersebut masih bergerak-gerak serta darahnya mengalir.[107] Dan jika sudah mati, maka haram menjualnya akan tetapi tidak haram untuk mengambil manfaat darinya kecuali dimakan. Baginda Rasulullah ﷺ bersabda; *"Sesungguhnya Allah dan Rasul-Nya mengharamkan untuk menjual arak (khamr), bangkai, daging khinzir dan berhala sesembahan."* Lalu baginda Rasul ditanya; "Wahai Rasulullah, apakah engkau pernah melihat lemak dari bangkai, ia dipakai untuk mengecat perahu dan dibuat krim untuk kulit serta dijadikan minyak untuk lampu." Lalu baginda menjawab; *"Tidak, menjualnya adalah haram."*[108] *Dhamir* di bahagian akhir dari hadith tersebut kembali ke kata *al-Bai'* (menjual) dengan dalil yang diucapkan baginda Nabi atas perilaku orang-orang Yahudi, hal ini sebagaimana dalam hadith yang disabdakan setelah hadith di atas. Baginda bersabda; *"Semoga Allah mematikan orang-orang Yahudi, sesungguhnya Allah ketika mengharamkan lemak bangkai, mereka mencairkannya, kemudian mereka menjualnya dan memakan wang hasil jualannya."*[109]

---

[107] Lihat *Al-Fiqh al-Wadhih* (juz. 2, hal. 387)
[108] Riwayat Bukhari dan Muslim
[109] Riwayat Muslim (3/1207)

Begitu juga hadith yang diriwayatkan oleh al-Baihaqi dengan sanad yang sahih daripada Ibnu Umar, dia pernah ditanya tentang minyak yang dimasuki tikus, lalu dia menjawab; *"Jadikanlah minyaknya sebagai penerang dan lumurkan minyaknya pada makanan kamu."*[110]

Ada hadith lagi yang menyebutkan bahawa suatu hari baginda Rasulullah ﷺ berjalan melalui kambing milik Maimunah, lalu baginda Nabi melihat bangkai kambing yang dibuang. Kemudian baginda bersabda; *"Hendaklah kamu mengambil kulitnya, kemudian menyamaknya dan mengambil manfaat darinya."* Mereka berkata kepada baginda Nabi; "Wahai Rasulullah, sesungguhnya ia adalah bangkai." Baginda Nabi menjawab; *"Sesungguhnya yang diharamkan adalah memakannya."*[111] Ertinya, diperbolehkan bagi seseorang untuk mengambil manfaat dari bangkai selain memakannya, akan tetapi tidak boleh menjual bangkai tersebut."[112]

Perabot Yang Diharamkan

Tidak boleh memperdagangkan perabot yang digunakan untuk hal-hal yang diharamkan. Seperti menjual berhala yang disembah, peralatan judi seperti dadu dan mejanya, domino dan juga catur. Begitu juga diharamkan menjual alat-alat permainan yang diharamkan, seperti stick, dram, kecapi dan gitar. Pengarang buku "*Qut al-Qulub*" berpendapat; "Segala sesuatu, sama ada berupa alat

---

[110] Riwayat Baihaqi dalam *Al-Sunan al-Kubra* (9/354)
[111] Riwayat Muslim (1/276)
[112] *Nail al-Authar* (juz. 1, hal. 65)

mahupun prasarana yang menyebabkan pelakunya terjerumus ke dalam kemaksiatan adalah termasuk barang yang mengandung maksiat. Oleh kerana itu janganlah membuatnya dan menjualnya, kerana hal itu sama saja dengan menuntun seseorang berbuat dosa dan maksiat."

Adapun alat-alat yang biasanya mengandungi dua kemungkinan; sesuatu yang dihalalkan dan diharamkan, seperti peralatan yang diciptakan untuk menangkap suara dan gambar atau alat perakam, penyiaran dan pemancar, maka boleh menjualnya selama ia digunakan untuk hal-hal yang bermanfaat dan dihalalkan seperti untuk mendengarkan al-Qur'an, menyebarkan ilmu pengetahuan, mengajarkan pekerjaan, menyebarkan hukum syariat, nasihat agama, berita, mengiklankan produk dagangan, dan yang lainnya. Dan hukumnya haram menjual alat-alat tersebut jika digunakan untuk hal-hal yang diharamkan, seperti untuk menyebarkan pemikiran-pemikiran sesat, gambar-gambar yang menggiurkan dan segala sesuatu yang dapat membuat otak dan akhlak orang Muslim terperosok. Oleh kerana itu, wajib bagi kaum Muslim menghindari peralatan tersebut dan wajib bagi orang yang memiliki peralatan tersebut untuk menggunakannya di jalan yang benar dan menjauhkannya dari hal-hal yang menyebabkan Allah ﷻ murka. Disamakan dengan peralatan tersebut adalah surat khabar dan majalah yang mempublikasikan berita-berita kotor dan menyerang kebenaran, mengukuhkan kekafiran, menentang sunnah, menumbuhkan kerancuan, dan menghina para pengibar agama dan kebaikan. Dan disamakan dengannya adalah buku-buku yang mengajarkan tentang sihir dan silap mata. Peralatan-

peralatan yang berkaitan dengan semua itu tidak boleh dijualbelikan kerana dapat merosak akidah dan membangkitkan syahwat dan syubhat.

Di antara peralatan yang diharamkan adalah kaset-kaset, CD dan VCD yang di dalamnya memuat segala sesuatu yang diharamkan, seperti lagu-lagu, filem-filem lucah dan sejenisnya. Pada zaman sekarang ini, kemaksiatan telah tersebar, maka dari itu wajib bagi kita menghindari semua itu. Kerana larangan akan hal tersebut sudah sangat jelas.

Di antara yang diharamkan lagi adalah menjual gambar-gambar yang bernyawa, sama ada yang berbayang mahupun yang tidak. Semua itu diharamkan kerana manfaat dari gambar-gambar tersebut diharamkan dan segala sesuatu yang manfaatnya diharamkan, maka menjualnya juga diharamkan. Kecuali sesuatu yang dianggap dharurah. *Wallahu 'A'lam*

Sebagaimana tidak boleh menjual peralatan yang dipergunakan untuk hal-hal yang haram, maka menjual sesuatu yang diarahkan untuk hal-hal haram juga tidak sah, seperti menjual alat penyaring yang digunakan untuk memerah *khamr*, menjual pedang untuk menyebarkan fitnah, menjual hamba sahaya wanita untuk berzinah, menjual atau menyewakan rumah untuk dijadikan tempat perjudian, maksiat dan segala sesuatu yang diharamkan, menjual atau menyewakan kedai untuk memperdagangkan barang-barang yang diharamkan. Jika tempat-tempat tersebut difungsikan untuk salah satu di atas, bagi orang yang mengetahuinya dan ada bukti-buktinya maka dia tidak boleh menjualnya. Sebagaimana

tidak sah akadnya, jika tempat-tempat tersebut dijual atau disewakan untuk tujuan-tujuan yang diharamkan. Kerana Allah ﷻ berfirman yang menyatakan:

وَتَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْبِرِّ وَٱلتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْإِثْمِ وَٱلْعُدْوَٰنِ ۚ

"Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran." **(Surah al-Ma'idah: 2)**

Maksud dan tujuan dalam transaksi apapun sudahlah dijelaskan. Oleh kerana itu, menjual pedang terhadap orang yang ingin membunuh orang Muslim adalah diharamkan. Manakala menjual pedang kepada orang yang ingin berjihad di jalan Allah adalah diperbolehkan. Contoh yang sepadan dengannya adalah menjual gelas kepada seseorang yang mahu meminum air. Jadi, setiap barang yang diarahkan untuk perbuatan haram, maka hukumnya haram. Dan setiap sesuatu yang menunjang perbuatan maksiat, maka hukumnya maksiat pula.

Masalah: Barang-barang Najis Yang Boleh Dijual-beli

Boleh hukumnya menjual barang-barang yang mengandungi najis jika memang bermanfaat dan merupakan kebiasaan bagi masyarakat, kecuali arak (*khamr*), bangkai dan khinzir. Boleh menjual setiap barang yang najis yang mana barang tersebut bermanfaat untuk sesuatu kecuali untuk dimakan dan diminum. Hal itu seperti minyak yang terkena najis yang dapat digunakan untuk penerangan dan untuk melumur. Juga

boleh menjual kulit najis yang mungkin dapat disamak, seperti diperbolehkan juga menjual barang-barang yang dapat disucikan. Contohnya baju, selimut dan makanan kering yang terkena najis. Hal ini sama halnya dengan menjual kulit bangkai yang dapat disamak, kerana menyamak adalah bahagian dari tindakan mensucikan seperti disebutkan dalam hadith dan tidak ada satu pun dalil yang melarang untuk menjual sesuatu yang dapat diambil manfaatnya setelah suci.

Terdapat beberapa barang najis yang tidak disyaratkan adanya pensucian, seperti sebahagian minyak, sabun dan sabun yang terkena najis. Semua itu merupakan barang-barang yang boleh dijual-beli. Ada juga beberapa barang najis yang manfaatnya bergantung pada kesuciannya, seperti madu dan minyak yang digunakan sebagai makanan. Kedua-duanya jelas boleh dijual-beli. Syarat untuk mengesahkan jual-beli barang tersebut hendaklah si penjual memberitahu akan keadaan barangnya kepada pembeli sehingga akad jual-beli terbebas dari unsur penipuan yang harus dihindari oleh setiap Muslim.[113]

Disamakan dengan masalah di atas adalah menjual sampah (kotoran binatang dan burung). Dalam hal ini, para ulama berbeza pendapat, akan tetapi pendapat yang paling *Rajih* (unggul) adalah, apabila kotoran tersebut berasal dari binatang yang halal dimakan, maka ia termasuk barang suci. Begitu juga jika ia berasal dari burung yang halal dimakan dan dapat diambil

---

[113] Lihat *Al-Fiqh al-Wadhih* (juz. 2, hal. 205), *Minhaj al-Shalihin*, (juz. 2, *Kitab al-Tijarah*)

manfaatnya. Setiap barang yang boleh diambil manfaatnya, maka boleh juga dijual kecuali jika ada dalil yang melarangnya. Dan di sana tidak ada dalil yang melarang untuk menjual kotoran yang dihukumkan suci. Adapun ketika kotoran tersebut dari binatang dan burung yang haram dimakan, maka ia najis dan tidak boleh dijual-beli. Kerana ada hadith baginda Nabi yang menyatakan; *"Sesungguhnya Allah ﷻ ketika mengharamkan sesuatu, maka haram pula menjualnya."*[114]

Juga ada sabda Nabi yang menyatakan; *"Allah melaknat orang-orang Yahudi yang menjual lemak bangkai dan memakan hasilnya, padahal Allah telah mengharamkan kepada mereka. Sesungguhnya ketika Allah mengharamkan sesuatu, maka haram pula wang (hasil menjualnya)."*[115]

Akan tetapi apabila seseorang dalam keadaan dharurah dan dia memanfaatkan kotoran yang najis serta tidak ditemui kotoran yang suci, maka itu diperbolehkan sekadar untuk menutupi keadaan dharurah. *Wallahu 'A'lam*

Sama halnya dengan permasalahan tersebut adalah permasalahan ubat-ubatan yang mengandung najis. Maka ia tidak boleh dijual-beli kerana ia tidak boleh diambil manfaatnya. Segala sesuatu yang tidak boleh diambil manfaatnya, maka ia tidak boleh dijualnya. Barang-barang yang najis hukumnya haram dimakan dan diminum.

---

[114] Riwayat Ibnu Hibban (11/312)

[115] Riwayat Ahmad (1/293)

Telah sabit larangan tentang berubat dengan barang-barang yang telah diharamkan oleh Allah. Sesungguhnya Allah ﷻ tidak pernah menjadikan sesuatu yang diharamkan sebagai ubat bagi umat ini. *Wallahu 'A'lam*

Pelbagai Jenis Daging

Para ulama bersepakat atas haramnya memakan daging *himar* (keledai) dan *baghal* yang dipelihara. Hal ini kerana ada hadith yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim daripada Abi Tha'labah al-Khasyani, dia berkata; "Baginda Rasulullah ﷺ mengharamkan daging *himar* (keledai) yang dipelihara."[116] Telah diriwayatkan daripada al-Barra' bin Azib, dia berkata; "Baginda Rasulullah ﷺ telah merlarang kami semasa perang Khaibar untuk memakan daging *himar* (keledai) yang dipelihara manusia, sama ada daging tersebut sudah dimasak mahupun yang masih mentah."[117] Telah diriwayatkan daripada Shalih bin Yahya bin al-Miqdam bin Ma'dikariba daripada ayahnya daripada datuknya daripada Khalid bin Walid; "Sesungguhnya baginda Rasulullah ﷺ semasa perang Khaibar pernah melarang untuk memakan daging kuda, *baghal, himar* (keledai) dan setiap binatang yang memiliki taring penerkam atau kuku pencakar yang ada pada burung."[118] Oleh kerana itu, diharamkan menjual daging *baghal* dan *himar* (keledai) kecuali menjual *baghal* dan keledai yang

---

[116] *Muttafaq 'Alaih*
[117] Riwayat Ahmad, 4/2978
[118] Riwayat Dar Qutni dalam *al- Sunan* (4/287)

dimanfaatkan sebagai alat pengangkut. Allah ﷻ berfirman:

وَٱلْخَيْلَ وَٱلْبِغَالَ وَٱلْحَمِيرَ لِتَرْكَبُوهَا وَزِينَةً ۚ وَيَخْلُقُ مَا لَا تَعْلَمُونَ

"Dan (Dia telah menciptakan) kuda, bighal, dan keledai agar kamu menunggganginya dan (menjadikannya) perhiasan. Dan Allah menciptakan apa yang kamu tidak mengetahuinya." **(Surah al-Nahl: 8)**

Adapun khusus untuk binatang kuda, para ulama berbeza pendapat dalam hal memakan dagingnya. Ulama yang mengharamkan daging kuda, mendasarkan pendapatnya pada dalil hadith di atas dan firman Allah ﷻ yang ertinya: *"Dan (Dia telah menciptakan) kuda, baghal, dan keledai, agar kamu menunggganginya dan (menjadikannya) perhiasan. Dan Allah menciptakan apa yang kamu tidak mengetahuinya."* **(Surah al-Nahl: 8)**

Sekiranya apabila Allah ﷻ menciptakan kuda untuk dimakan, nescaya Dia menjelaskannya seperti binatang-binatang yang lain. Ada juga ulama yang membolehkan untuk memakan daging kuda dengan dalil yang diambil dari beberapa hadith. Seperti hadith yang diriwayatkan daripada Jabir bin Abdillah bahawa, "Sesungguhnya baginda Rasulullah ﷺ semasa perang Khaibar melarang untuk memakan daging *himar* (keledai) peliharaan dan baginda mengizinkan (memakan) daging kuda."[119] Dalam kalimat yang lain, "Baginda Rasulullah ﷺ membolehkan kami untuk memakan daging kuda dan melarang kami

---

[119] Riwayat Muslim (3/1541)

(memakan) daging *himar* (keledai)."[120] Ulama yang membolehkan makan daging kuda menjawab ulama yang telah menjadikan surah al-Nahl ayat 8 sebagai dalil atas tidak diperbolehkannya memakan daging kuda; "Sesungguhnya ayat tersebut diturunkan di Makkah sedangkan izin memakan daging kuda itu terjadi setelah hijrah ke Madinah. Selain itu, ayat tersebut tidak secara jelas menyatakan ketidakbolehan memakan daging kuda, sementara banyak nas hadith yang secara jelas dan sahih menghalalkan daging kuda. Ada juga ulama yang tidak secara mutlak menghalalkan daging kuda. Kehalalan tersebut berlaku dalam keadaan sangat memerlukan, sama ada semasa di perjalanan mahupun semasa di rumah. Oleh kerana itu, memakan daging kuda lebih utama daripada daging keledai jika tidak ditemui daging binatang yang jelas halal hukumnya. *Wallahu 'A'lam*

Hukum boleh menjual daging kuda tergantung pada hukum boleh memakan daging kuda tersebut. Sesiapa yang mengharamkan daging kuda, maka haram pula menjualnya dan sesiapa yang menghalalkan daging kuda dalam keadaan dharurah, maka menjualnya pun mesti disyaratkan dalam keadaan dharurah. *Wallahu 'A'lam*

Daging Khinzir (Babi)

Allah ﷻ telah mengharamkan untuk memakan daging khinzir dalam firman-Nya berikut ini:

---

[120] Riwayat Tirmizi (4/253)

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ ٱلْمَيْتَةَ وَٱلدَّمَ وَلَحْمَ ٱلْخِنزِيرِ وَمَآ أُهِلَّ بِهِۦ لِغَيْرِ ٱللَّهِ ۖ فَمَنِ ٱضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَآ إِثْمَ عَلَيْهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٧٣﴾

"Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan bagimu bangkai, darah, daging khinzir (babi) dan binatang yang (ketika disembelih) disebut (nama) selain Allah. Tetapi sesiapa dalam keadaan terpaksa (memakannya) sedang ia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, maka tidak ada dosa baginya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang." **(Surah al-Baqarah: 173)**

Begitu juga Allah mengharamkan untuk mengambil manfaat bahagian apapun dari khinzir, kerana seluruh yang terdapat pada khinzir (babi) adalah najis. *Al-Lahm* (daging) secara bahasa diertikan dengan daging dan juga lemak. Oleh sebab itu baginda Rasulullah bersabda; *"Sesungguhnya Allah dan Rasul-Nya telah mengharamkan untuk menjual arak (khamr), bangkai dan khinzir."*[121]

Jadi, yang haram bukan hanya dagingnya sahaja, tetapi khinzir secara keseluruhan. Pada mulanya tidak ada seorang pun dari bangsa Arab yang mengetahui sebab diharamkannya memakan daging khinzir kecuali hanya ia adalah binatang najis. Akan tetapi bersamaan dengan

[121] Riwayat Bukhari (2/779)

kemajuan ilmu pengetahuan, telah ditemui bahawa khinzir mengandungi bakteria yang sangat membahayakan dan bakteria tersebut tidak dapat mati meskipun sudah direbus (dimasak hingga mendidih). Di samping itu, ia mengandungi cacing pita dan kandungan-kandungan lain yang amat membahayakan dan mematikan sekaligus menimbulkan beraneka ragam penyakit pada manusia.[122]

Daging Import

Allah ﷻ berfirman:

وَطَعَامُ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَـٰبَ حِلٌّ لَّكُمْ

" Makanan (sembelihan) orang-orang yang diberi al-Kitab itu halal bagimu" **(Surah al-Ma'idah: 5)**

Adapun daging-daging yang diimport dari negara-negara luar atau yang secara jelas tidak disembelih dengan cara Islam seperti penyembelihan yang dilakukan setelah dialirkan dengan arus elektrik atau ditembak, maka itu semua secara syar'i tidak boleh dimakan. Dalam erti, ia tidak boleh diambil manfaatnya, sama ada dagingnya mahupun bahagian lainnya. Kerana mengambil manfaat atas semuanya telah diharamkan. Oleh kerana itu, pada gilirannya seseorang tidak boleh menjualbelikannya, sama ada kepada orang Muslim mahupun orang *non*-Muslim. Adapun daging yang didatangkan dari negara-negara Komunis, Majusi, atau Hindu, menurut hukum Islam tidak boleh dijual atau

[122] Lihat *Kitab al-Qur'an wa al-Tibb,* karya Dr. Muhammad Washfi

dibelinya, kerana makanan daging dari hasil sembelihan mereka hukumnya haram.[123]

Daging *al-Jallalah* (Haiwan Yang Memakan Kotoran)

Adapun binatang yang sebahagian besar kandungan makanannya diambil dari kotoran atau barang-barang najis lain, sama ada binatang tersebut berupa unta, lembu, kambing mahupun ayam dan itik serta haiwan sejenisnya, maka binatang tersebut dihukumi najis. Para pemilik *al-Sunan* meriwayatkan sebuah hadith daripada Ibnu Umar, dia berkata; "Baginda Rasulullah ﷺ melarang memakan daging haiwan *al-Jallalah* dan juga susunya."[124] Larangan tersebut berlaku hingga rasa daging, susu dan keringatnya berubah menjadi seperti haiwan yang tidak memakan kotoran. Oleh kerana itu, sebagaimana diharamkan memakannya, maka haram pula menjual daging dan susu binatang tersebut.[125] *Wallahu A'lam*

Pelbagai Jenis Pakaian

Hukum asal menjual atau membeli pakaian adalah boleh. Allah ﷻ berfirman dalam hal ini:

---

[123] *Al-Fiqh al-Wadhih* (2/399)

[124] Riwayat Abu Daud dan Tirmizi

[125] *Al-Mughni* (8/593), *Kasyf al-Qina'* (6/192), *Mughni al-Muhtaj* (3/303), dan *al-Muhadzdzab* (hal. 249)

يَٰبَنِيٓ ءَادَمَ قَدۡ أَنزَلۡنَا عَلَيۡكُمۡ لِبَاسٗا يُوَٰرِي سَوۡءَٰتِكُمۡ وَرِيشٗاۖ
وَلِبَاسُ ٱلتَّقۡوَىٰ ذَٰلِكَ خَيۡرٞۚ ذَٰلِكَ مِنۡ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ لَعَلَّهُمۡ يَذَّكَّرُونَ

"Wahai anak Adam, sesungguhnya Kami telah menurunkan kepadamu pakaian untuk menutupi 'auratmu dan pakaian indah untuk perhiasan. Dan pakaian takwa itulah yang paling baik. Yang demikian itu adalah sebahagian dari tanda-tanda kekuasaan Allah, mudah-mudahan mereka selalu ingat." (Surah al-A'raf: 26)

Ada tiga keadaan dalam persoalan memperdagangkan pakaian:

1. Pakaian yang jika dipakai hukumnya mubah, seperti pakaian jubah dan pakaian lelaki. Pakaian-pakaian tersebut tidak ada hal untuk dijual-beli.
2. Pakaian yang haram dipakai, seperti pakaian sutera bagi kaum lelaki. Pakaian jenis ini tidak boleh dijual-beli kerana ada hadith yang melarang (haram hukumnya) bagi seorang lelaki memakai pakaian yang diperbuat dari sutera. Baginda Nabi ﷺ bersabda; *"Sesungguhnya seseorang yang mengenakan pakaian sutera di dunia, maka di akhirat nanti dia tidak dibuatkan baju sutera."*[126] Telah diriwayatkan daripada Juwairiyah binti al-Harith bahawa baginda Nabi ﷺ bersabda; *"Sesiapa yang mengenakan pakaian*

[126] Riwayat Muslim (3/1638)

sutera di dunia, maka pada hari kiamat nanti Allah akan memakaikan untuknya pakaian dari api."[127]

Adapun jika bahan baju diperbuat dari campuran sutera dengan kain tenun yang lain atau komposisi suteranya lebih sedikit daripada bahan yang lain, maka menurut pendapat yang masyhur adalah dibolehkan. Hanya sahaja jika terlihat berkilau seperti sutera, maka untuk menghindari syubhat lebih baik tidak memakainya.

Disamakan dengan hal di atas adalah menjual emas untuk dipakai lelaki. Telah diriwayatkan daripada Abi Umamah bahawa baginda Nabi ﷺ bersabda; *"Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhir, maka janganlah memakai sutera dan emas."*[128] Begitu juga menjual cincin emas untuk kaum lelaki. Para ulama berdalil untuk keharaman semua itu dengan hadith yang diriwayatkan oleh al-Barra' bin 'Azib, dia berkata; "Baginda Rasulullah ﷺ pernah memerintahkan kami tujuh perkara dan melarang tujuh perkara. Baginda memerintahkan kami untuk menghantarkan jenazah, menjenguk orang yang sakit, mendatangi orang yang memanggil, menolong orang yang dizalimi, memperbaiki sumpah, menjawab salam, dan menjawab bacaan hamdalah orang yang bersin. Baginda melarang kami untuk menggunakan peralatan yang diperbuat daripada perak, cincin emas, sutera, sutera *al-Dibaj*, pakaian pastur dan kain burkat."[129]

---

[127] Riwayat Tabrani dalam *Al-Mu'jam al-Kabir* (42/65)

[128] Riwayat Ahmad (5/261)

[129] Riwayat Bukhari (1/417)

3. Pakaian yang mengandungi dua kemungkinan untuk digunakan; mungkin digunakan untuk hal yang mubah dan mungkin digunakan untuk yang haram. Hal ini seperti pakaian perempuan yang pendek dan bentuk-bentuk yang lain. Dalam hal ini, jika sangat dimungkinkan seorang wanita membelinya untuk memperlihatkan auratnya di hadapan orang lain, maka pakaian tersebut tidak boleh dijual. Akan tetapi jika diketahui atau yakin dia memakainya bukan untuk memperlihatkan auratnya di hadapan orang lain, misalnya dia akan memakainya di rumah, maka boleh menjualnya. Tetapi jika tidak diketahui, maka dikembalikan kepada hukum asal, iaitu mubah. Kecuali jika jelas-jelas dipakai di negara yang terbiasa memperlihatkan aurat. Allah ﷻ berfirman;

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تُحِلُّوا۟ شَعَـٰٓئِرَ ٱللَّهِ وَلَا ٱلشَّهْرَ ٱلْحَرَامَ وَلَا
ٱلْهَدْىَ وَلَا ٱلْقَلَـٰٓئِدَ وَلَآ ءَآمِّينَ ٱلْبَيْتَ ٱلْحَرَامَ يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّن
رَّبِّهِمْ وَرِضْوَٰنًا ۚ وَإِذَا حَلَلْتُمْ فَٱصْطَادُوا۟ ۚ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَـَٔانُ
قَوْمٍ أَن صَدُّوكُمْ عَنِ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ أَن تَعْتَدُوا۟ ۘ وَتَعَاوَنُوا۟
عَلَى ٱلْبِرِّ وَٱلتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْإِثْمِ وَٱلْعُدْوَٰنِ ۚ وَٱتَّقُوا۟
ٱللَّهَ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٢﴾

"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu melanggar syiar-syiar Allah, dan jangan melanggar

kehormatan bulan-bulan haram, jangan (mengganggu) binatang-binatang hadyu, dan binatang-binatang qala'id, dan jangan (pula) mengganggu orang-orang yang mengunjungi Baitullah sedang mereka mencari kurnia dan keredhaan dari Tuhannya dan apabila kamu telah menyelesaikan ibadah haji, maka bolehlah berburu. Dan janganlah sesekali kebencian (mu) kepada sesuatu kaum kerana mereka menghalang-halangi kamu dari Masjidil Haram, mendorongmu berbuat aniaya (kepada mereka). Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat seksa-Nya."(**Surah al-Ma'idah: 2)**

Disamakan dengan permasalahan pakaian di atas adalah beberapa peralatan perhiasan dan jenis-jenis kosmetik yang sekiranya pemakainya tidak sampai merubah ciptaan Allah. *Wallahu 'A'lam*

Jual-beli Haiwan

Jual-beli haiwan dibolehkan ketika ada manfaat yang dihalalkan syariat dan ia berlaku di dalam masayarakat. Maksud manfaat di situ adalah faedah yang dihalalkan dan dianggap layak jual di pasaran. Meskipun keberadaan manfaat tersebut didasarkan pada pendapat sebahagian orang yang ahli dalam menentukan manfaat atas suatu barang, sama ada ia disetujui oleh majoriti masyarakat mahupun oleh sebahagian orang tertentu sahaja. Hal ini sebagaimana dalam permasalahan jual-beli ubat-ubatan yang digunakan untuk bidang perubatan.

Jual-beli Anjing

Anjing adalah salah satu jenis benda. Dan hukum asal dari setiap benda adalah boleh diambil manfaatnya. Oleh kerana itu, ia boleh dijual-beli kecuali ada dalil yang melarangnya. Kalau kita melihat dalil, ternyata kita menemukan dalil yang mengharamkan jual-beli anjing. Dalil tersebut adalah hadith yang diriwayatkan oleh Abu Mas'ud al-Anshari; "Sesungguhnya baginda Rasulullah ﷺ melarang wang hasil penjualan anjing, wang jerih payah wanita kotor dan wang dari seorang dukun."[130]

Telah diriwayatkan daripada Rafi' bin Khadij bahawa baginda Rasulullah ﷺ pernah bersabda; *"Wang dari hasil penjualan anjing adalah wang kotor, wang dari seorang pezinah juga kotor dan wang hasil kerja tukang bekam juga kotor."*[131]

Anjing tidak boleh dijual-beli, meskipun ia boleh dilatih. Dalam kitab *"Sahih Muslim"* terdapat sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Abu Zubair, dia berkata; "Aku pernah bertanya kepada Jabir bin Abdillah tentang wang hasil jual-beli kucing dan anjing." Lalu dia menjawab; "Baginda Nabi ﷺ pernah mencegah kita untuk menerimanya."[132] Adapun tambahan; "Kecuali anjing pemburu," menurut al-Nasa'i sanad hadith ini adalah lemah (*dha'if*). Telah diriwayatkan daripada Abu Jahifah, sesungguhnya ayahnya pernah berkata; "Sesungguhnya baginda Rasulullah ﷺ melarang wang hasil

---

[130] *Muttafaq 'Alaih*

[131] Riwayat Muslim (3/1199)

[132] Riwayat Muslim

penjualan anjing."[133] Dalam hadith Ibnu Abbas disebutkan; "Ketika ada seseorang yang datang meminta wang hasil penjualan anjing, maka penuhilah tapak tangannya dengan debu tanah."[134] Kerana ada hadith yang melarang menjual-beli anjing, akan tetapi bersamaan dengan itu mengambil manfaat dari binatang anjing itu dibenarkan jika anjing tersebut adalah jenis anjing pemburu, pelacak, atau anjing penjaga tanaman. Dan hal tersebut tidak bertentangan dengan kaedah hukum Islam; "Sesungguhnya setiap benda yang boleh diambil manfaatnya, maka boleh pula menjual-belikannya." Berkait dengan kaedah tersebut, terdapaat ketentuan yang disebutkan di atas, yang mana ia merupakan pembatas dari sebuah kenyataan mutlak, yakni *"Illa bi Dalil"* (kecuali jika ada dalil). Dan ternyata banyak dalil hadith yang menunjukkan tidak dibolehkannya memperdagangkan anjing, meskipun melatihnya diperbolehkan. Akan tetapi boleh menghadiahkan anjing tanpa mengambil bayaran wang. *Wallahu 'A'lam*

Jual-beli Kucing

Kucing adalah jenis haiwan yang boleh diambil manfaatnya. Akan tetapi ada dalil yang secara jelas dan sahih melarang *(al-Nahyu)* memperdagangkan kucing. Bahkan mencegahnya *(al-Zajru)*. Dan lafaz *al-Zajru* dalam kaedah Arab itu lebih tinggi penekanannya daripada sekadar *al-Nahyu*. Kerana ada hadith yang diriwayatkan daripada Abu Zubair, dia pernah bertanya kepada Jabir bin Abdullah tentang wang hasil penjualan

---

[133] Riwayat Bukhari (2/735)

[134] Riwayat Ahmad dan Abu Daud

anjing dan kucing. Lalu dia menjawab; "Baginda Nabi ﷺ telah melarangnya."[135] Dalam kalimat lain, "Sesungguhnya baginda Nabi ﷺ melarang untuk mengambil wang hasil penjualan kucing."[136] Hadith tersebut menjadi dalil atas larangan memperdagangkan kucing. Ini adalah pendapat yang dipilih oleh Ibnu Qayyim dan Ibnu Rajab serta ulama yang lain. Oleh kerana itu, tidak boleh menjual-belikannya, akan tetapi diperbolehkan menjadikan hadiah tanpa ada akad jual-beli. *Wallahu 'A'lam*

Jual-beli Kera

Al-Qurtubi berpendapat bahawa para ulama bersepakat mengharamkan jual-beli kera kerana ia tidak ada manfaatnya dan kerana baginda Nabi ﷺ mengharamkan memakan kera.[137] Hanya sahaja, kaedah yang kita tetapkan dalam hal ini adalah; "Sesungguhnya setiap sesuatu yang boleh diambil manfaatnya, maka ia boleh dijual kecuali ada dalil." Bolehnya menjual sesuatu dikembalikan ketika sesuatu itu dapat memberi manfaat yang diperbolehkan syariat, seperti untuk penjaga harta benda, pengaman dan yang lain. Ini adalah pendapat Imam Syafi'i, dan menjauhi jual-beli sesuatu itu lebih utama untuk menghindari perbezaan pendapat. *Wallahu 'A'lam*

---

[135] Riwayat Muslim
[136] Riwayat Abu Daud (2/301)
[137] Lihat *al-Fiqh al-Wadhih* (2/395)

Jual-beli Gajah

Boleh memperdagangkan gajah untuk digunakan sebagai alat pengangkut dan sebagai alat bantu menarik dan memindahkan barang. *Wallahu 'A'lam*

Jual-beli Ikan Kecil

Yang dimaksud dengan ikan kecil adalah ikan yang tidak dimakan oleh manusia. Apabila ikan tersebut mempunyai manfaat yang diakui sebagaimana para pemancing yang menjadikan ikan kecil tersebut sebagai umpan untuk mendapatkan ikan besar, maka itu termasuk manfaat yang diperbolehkan. Oleh kerana itu, tiada yang mencegah untuk memperdagangkan ikan kecil itu kerana ia termasuk benda yang boleh diambil manfaatnya dan tidak ditemui dalil yang melarangnya. *Wallahu 'A'lam*

Jual-beli Burung Perhiasan

Boleh menjual-beli jenis-jenis burung, seperti burung kakak tua dan burung merak. Meskipun burung-burung tersebut tidak boleh dimakan, akan tetapi menikmati suara dan bentuknya diperbolehkan. Dan tidak ada dalil yang melarang daripada memperdagangkannya. *Wallahu 'A'lam*

Jual-beli Burung Buas

Seperti burung helang, rajawali dan gagak yang boleh dimanfaatkan untuk berburu. Begitu juga serigala dan sejenisnya (kecuali anjing). Semua haiwan tersebut

bermanfaat, iaitu sebagai alat berburu. Manfaat tersebut diperbolehkan secara syar'i dan tidak ada dalil yang melarang untuk memperdagangkannya. *Wallahu 'A'lam*

Jual-beli Serangga

Boleh menjual-beli sesuatu yang mengandung manfaat yang halal dan telah berlaku di masyarakat, seperti ulat sutera dan lebah madu.

Jual-beli Rokok dan Sejenisnya

Semua jenis rokok tidak boleh dijual-beli kerana ia tidak memiliki manfaat sama sekali. Hal ini sebagaimana kotoran kerana ia dapat merosakkan tubuh, jiwa dan kewangan. Sungguh telah ditetapkan bahawa segala sesuatu yang tidak mempunyai manfaat atau mempunyai manfaat yang diharamkan oleh syariat, maka tidak boleh menjual-belikannya. *Wallahu 'A'lam*

Jual-beli Ular

Binatang jenis ular sama sekali tidak mempunyai manfaat bahkan sebaliknya, ia sangat membahayakan. Oleh kerana itu, seseorang tidak boleh menjual atau membelinya. Jika ada orang yang menjual-beli ular, hendaklah kita cegah. Begitu juga haiwan kadal. Adapun memanfaatkannya sebagai bahan ujian teknologi atau yang lain, maka itu jelas termasuk permasalahan fiqh dan bukan di sini tempat perbahasannya. *Wallahu 'A'lam*

Jual-beli Mushaf

Hukum menjual-beli al-Qur'an telah terjadi perselisihan pendapat. Pendapat yang rajih (*Insya Allah*) adalah boleh menjual-belinya. Kerana menurut hukum asal bahawa sesungguhnya setiap sesuatu yang bermanfaat, maka ia boleh dijual. Dan dalam permasalahan ini, tidak ada dalil yang melarang untuk menjual al-Qur'an. Oleh kerana itu, ia tetap pada hukum asalnya. Akan tetapi disyaratkan bahawa pembelinya harus seorang Muslim, bukan orang kafir, kerana ada hadith yang menyatakan; "Baginda Nabi ﷺ melarang seseorang untuk membawa al-Qur'an ke kawasan musuh, takut jika al-Qur'an jatuh ke tangan mereka."[138] Dengan begitu, secara tidak langsung kita menawarkan al-Qur'an untuk dihina dan dirosak. *Wallahu 'A'lam*

Al-Yanashib

Al-Yanashib adalah salah satu bentuk perjudian. Allah ﷻ berfirman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِنَّمَا ٱلْخَمْرُ وَٱلْمَيْسِرُ وَٱلْأَنصَابُ وَٱلْأَزْلَٰمُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ ٱلشَّيْطَٰنِ فَٱجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٩٠﴾

"Wahai orang-orang yang beriman, sesungguhnya (meminum) khamr, berjudi, (berkorban untuk) berhala, mengundi nasib dengan panah, adalah perbuatan keji termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-

138 Riwayat Muslim (3/1490)

perbuatan itu agar kamu mendapat keberuntungan." (Surah al-Ma'idah: 90)

Jadi, *al-Yanashib* adalah suatu permainan yang diharamkan dan merosakkan moral kerana tidak adanya kejelasan hasilnya, kerana setiap orang membayar wang tanpa mengetahui barang yang dijual dan diambil. Pada prinsipnya, *al-Yanashib* adalah istilah dari surat-surat berharga yang akan dijual-beli dengan harga yang bermacam-macam. Dalam permainan tersebut berlaku undian dan siapa yang keluar undiannya, maka dialah yang berhak mendapatkan keuntungan dan yang lainnya kalah. Adapun ketika permainan tersebut tidak dipungut bayaran, seperti pembangunan projek atau bakti sosial yang melibatkan ramai orang, maka tidak ada masalah.

Masalah: Sesuatu Yang Dimaksudkan Untuk Perkara Haram

Tidak dibenarkan menjual kayu atau bahan-bahan bangunan kepada orang yang akan menjadikannya sebagai syiar kekafiran setelah benar-benar barang tersebut diketahui untuk syiar kekafiran. Hal tersebut bertujuan untuk mencegah kemungkaran yang diakibatkan dari barang tersebut. Dan tidak berdosa bagi seseorang untuk membeli emas atau menyewakannya. Akan tetapi menurut pendapat yang masyhur adalah dilarang untuk menjual-beli bejana-bejana yang diperbuat daripada emas dan perak hanya untuk perhiasan atau sekadar untuk dimiliki. Akan tetapi menurut pendapat yang lebih kuat, dibenarkan menjual

bejana-bejana tersebut. Yang diharamkan adalah mempergunakannya untuk makan dan minum.

Begitu juga diharamkan bagi seseorang untuk menjual anggur dan kurma yang akan dijadikan *khamr.* Telah diriwayatkan daripada Buraidah yang ada di sisi al-Thabrani, iaitu dalam kitab; *"al-Ausath"* dari jalur Muhammad bin Ahmad bin Abi Khaithamah dengan kalimat; *"Sesiapa yang menahan buah anggur pada masa memetiknya, hingga dia menjualnya kepada Yahudi atau Nasrani atau kepada orang yang mahu menjadikannya arak (khamr), maka secara sengaja dia telah menceburkan dirinya ke dalam neraka."*[139]

Hadith tersebut mengandungi dalil atas haramnya menjual perasan anggur kepada orang yang akan menjadikannya sebagai *khamr.* Oleh kerana itu, hendaknya segala jenis transaksi jual-beli yang mendukungi unsur-unsur kemaksiatan diqiyaskan kepada masalah tersebut.

Begitu juga diharamkan menyewa atau membeli tempat tinggal atau kendaraan atau yang lain untuk keperluan maksiat. Setiap sesuatu yang dapat mendatangkan kepada perkara yang haram, maka haram juga membeli dan mencarinya. *Wallahu 'A'lam*

Sama halnya jual-beli senjata untuk keperluan berbuat fitnah. Allah ﷻ berfirman:

---

[139] Riwayat Tabrani (5/294). Al-Albani berkata; "Hadith tersebut sangat lemah," dan dia berkata; "Hadith tersebut tidak benar. Anggapan al-Hafiz atas Hasan-nya hadith tersebut hanyalah sebuah ilusi dan aku tidak tahu dari mana sumber anggapan tersebut."

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تُحِلُّوا۟ شَعَـٰٓئِرَ ٱللَّهِ وَلَا ٱلشَّهْرَ ٱلْحَرَامَ وَلَا
ٱلْهَدْىَ وَلَا ٱلْقَلَـٰٓئِدَ وَلَآ ءَآمِّينَ ٱلْبَيْتَ ٱلْحَرَامَ يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّن
رَّبِّهِمْ وَرِضْوَٰنًا ۚ وَإِذَا حَلَلْتُمْ فَٱصْطَادُوا۟ ۚ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَـَٔانُ قَوْمٍ
أَن صَدُّوكُمْ عَنِ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ أَن تَعْتَدُوا۟ ۘ وَتَعَاوَنُوا۟ عَلَى
ٱلْبِرِّ وَٱلتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْإِثْمِ وَٱلْعُدْوَٰنِ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۖ إِنَّ
ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٢﴾

"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu melanggar syiar-syiar Allah, dan jangan melanggar kehormatan bulan-bulan haram, jangan (mengganggu) binatang-binatang hadyu, dan binatang-binatang qala'id, dan jangan (pula) mengganggu orang-orang yang mengunjungi Baitullah sedang mereka mencari kurnia dan keredhaan dari Tuhannya dan apabila kamu telah menyelesaikan ibadah haji, maka bolehlah berburu. Dan janganlah sesekali kebencian (mu) kepada sesuatu kaum kerana mereka menghalang-halangi kamu dari Masjidil Haram, mendorongmu berbuat aniaya (kepada mereka). Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat seksa-Nya." **(Surah al-Ma'idah: 2)**

Wajib bagi seorang peniaga Muslim untuk bertakwa kepada Allah dan tidak boleh beralasan tidak tahu atas sesuatu yang ia gunakan di jalan haram atau mengatakan; "Kenapa aku?" Padahal dia menyedari bahawa apa yang dia jual itu akan dipergunakan untuk menyokong kemaksiatan. Allah ﷻ berfirman:

بَلِ ٱلْإِنسَٰنُ عَلَىٰ نَفْسِهِۦ بَصِيرَةٌ ﴿١٤﴾

"Bahkan manusia itu menjadi saksi atas dirinya sendiri." **(Surah al-Qiyamah: 14)**

Atau orang yang bermuamalah dengan riba mengatakan; "Aku memerlukannya." Semua orang telah mungkir dengan kemaksiatannya dan seakan-akan dia tidak pernah masuk ke dalam lingkaran kemaksiatan.

Perbahasan ke-3: Riba

Riba menurut bahasa adalah tambahan, berkembang dan menanjak. Dan riba dalam hukum syariah diertikan dengan memberi tambahan pada sesuatu yang khusus (nanti akan dijelaskan). Berkata al-Qurtubi; "Lalu syariat mengunakan erti mutlak riba (iaitu; tambahan) dan menentukan sumber barangan yang berlaku riba. Kadang-kala riba digunakan untuk pekerjan yang haram. Hal ini sebagaimana dijelaskan dalam firman Allah ﷻ berikut:

وَأَخْذِهِمُ ٱلرِّبَوٰا۟ وَقَدْ نُهُوا۟ عَنْهُ وَأَكْلِهِمْ أَمْوَٰلَ ٱلنَّاسِ بِٱلْبَٰطِلِ ۚ وَأَعْتَدْنَا لِلْكَٰفِرِينَ مِنْهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٦١﴾

"Dan disebabkan mereka memakan riba, padahal sesungguhnya mereka telah dilarang daripadanya, dan kerana mereka memakan harta orang dengan jalan yang batil. Kami telah menyediakan untuk orang-orang yang kafir di antara mereka itu seksa yang pedih." (Surah al-Nisa': 161)

(Kadang-kala) Allah ﷻ tidak menghendaki istilah riba secara syar'i sebagaimana yang telah diharamkan kepada kita, akan tapi Allah menghendaki dengan istilah itu untuk harta yang haram. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan firman Allah ﷻ berikut:

سَمَّٰعُونَ لِلْكَذِبِ أَكَّٰلُونَ لِلسُّحْتِ ۚ فَإِن جَآءُوكَ فَٱحْكُم بَيْنَهُمْ أَوْ أَعْرِضْ عَنْهُمْ ۖ وَإِن تُعْرِضْ عَنْهُمْ فَلَن يَضُرُّوكَ شَيْـًٔا ۖ وَإِنْ حَكَمْتَ فَٱحْكُم بَيْنَهُم بِٱلْقِسْطِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُقْسِطِينَ ﴿٤٢﴾

"Mereka itu adalah orang-orang yang suka mendengar berita bohong, banyak memakan yang haram. Jika mereka (orang Yahudi) datang kepadamu (untuk meminta putusan), maka putuskanlah (perkara itu) di antara mereka, atau berpalinglah dari mereka; jika kamu berpaling dari mereka maka mereka tidak akan memberi mudharat kepadamu sedikitpun. Dan jika kamu

memutuskan perkara mereka, maka putuskanlah (perkara itu) di antara mereka dengan adil, sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang adil." (Surah al-Ma'idah: 42)

Atas dasar ayat tersebut, maka setiap harta benda yang diperolehi dengan cara yang tidak sesuai syariat, maka ia haram hukumnya.

Amalan riba pernah berkembang pada masa jahiliyah. Di mana pada saat jatuh tempoh seorang lelaki mendatangi seseorang yang mempunyai hutang kepada dirinya. Lalu lelaki tersebut berkata kepadanya; "Bayarlah hutangmu atau kamu harus melipatgandakan hutangmu?" Apabila dia membayar hutangnya, maka lelaki tersebut berhak atas pembayaran hutangnya dan jika dia tidak membayar hutangnya, maka tempoh masanya ditambah dan hutangnya menjadi berkembang. Sehingga hutangnya semakin berlipatganda padahal asalnya hanya satu. Riba berkait dengan waktu dan ini adalah hakikat mencari rezeki dengan cara yang diharamkan. Allah ﷻ berfirman:

ٱلَّذِينَ يَأْكُلُونَ ٱلرِّبَوٰاْ لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ ٱلَّذِى
يَتَخَبَّطُهُ ٱلشَّيْطَٰنُ مِنَ ٱلْمَسِّ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوٓاْ إِنَّمَا ٱلْبَيْعُ مِثْلُ
ٱلرِّبَوٰاْ ۗ وَأَحَلَّ ٱللَّهُ ٱلْبَيْعَ وَحَرَّمَ ٱلرِّبَوٰاْ ۚ فَمَن جَآءَهُۥ مَوْعِظَةٌ مِّن
رَّبِّهِۦ فَٱنتَهَىٰ فَلَهُۥ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُۥٓ إِلَى ٱللَّهِ ۖ وَمَنْ عَادَ فَأُوْلَٰٓئِكَ
أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٢٧٥﴾

"Orang-orang yang makan (mengambil) riba tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kemasukan syaitan lantaran (tekanan) penyakit gila. Keadaan mereka yang demikian itu, adalah disebabkan mereka berkata (berpendapat), sesungguhnya jual-beli itu sama dengan riba, padahal Allah telah menghalalkan jual-beli dan mengharamkan riba. Orang-orang yang telah sampai kepadanya larangan dari Tuhannya, lalu terus berhenti (dari mengambil riba), maka baginya apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum datang larangan); dan urusannya (terserah) kepada Allah. Orang yang mengulangi (mengambil riba), maka orang itu adalah penghuni-penghuni neraka; mereka kekal di dalamnya." **(Surah al-Baqarah: 275)**

Allah ﷻ juga berfirman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَأْكُلُوا۟ ٱلرِّبَوٰٓا۟ أَضْعَٰفًا مُّضَٰعَفَةً ۖ
وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٣٠﴾

"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memakan riba dengan berlipat ganda dan bertakwalah kamu kepada Allah supaya kamu mendapat keberuntungan." **(Surah Ali Imran: 130)**

Baginda Nabi ﷺ bersabda; *"Jauhilah tujuh dosa besar (yang menghancurkan),"* lalu ditanyakan kepadanya; "Wahai Rasulullah, apa sahaja tujuh dosa besar tersebut? Baginda menjawab; *"Syirik kepada Allah, sihir, membunuh jiwa yang diharamkan Allah kecuali dengan*

sesuatu (sebab) yang benar, memakan riba, memakan harta anak yatim, melarikan diri pada saat perang sedang berkecamuk, menuduh zina pada wanita-wanita yang terjaga, beriman dan berpaling daripada kekotoran."[140]

Baginda Nabi ﷺ bersabda; *"Satu dirham dari hasil riba yang dimakan seseorang dan dia mengetahuinya, itu lebih parah (dosanya) dibandingkan dengan tiga puluh enam perempuan pezinah."*[141]

Baginda bersabda lagi; *"Riba memiliki tujuh puluh pintu, pintu yang terendah adalah sebagaimana seseorang yang terjatuh dalam pelukan ibunya."*[142]

Telah diiriwayatkan bahawa baginda Nabi ﷺ melaknat pemakan riba, pemberi riba, para saksi transaksi riba dan pencatat riba."[143]

Baginda bersabda; *"Akan datang kepada manusia suatu masa yang mana tidak tersisa seorangpun kecuali pemakan riba, lalu orang yang tidak memakan riba, dia akan terkena debunya."*[144]

---

[140] *Muttafaq 'Alaih*
[141] Riwayat Ahmad (5/225)
[142] Riwayat Baihaqi dalam *Syu'ab Al-Iman* (4/394)
[143] Riwayat Tirmizi dan Ibnu Majah
[144] Riwayat Ibnu Majah (2/765)

Baginda bersabda lagi; *"Tidak ada seorang pun yang paling banyak memakan riba, kecuali akibat dari urusannya adalah kemerosotan."*[145]

Kami memohon perlindungan daripada riba, betapa celakanya orang yang memakan riba. Dia tertolak daripada rahmat Allah ﷻ. Kami hanya dapat membayangkan bentuk dosa dan beban yang diemban seseorang yang mempraktikkan riba yang mana pintu yang paling rendah sebagaimana sabda Nabi ﷺ adalah laksana seseorang yang jatuh dalam pelukan ibunya. Bahkan ada yang lebih parah daripada itu, sesungguhnya di antara balasan dari Allah bagi orang yang mempraktikkan riba adalah Allah akan memerangi orang tersebut. Allah ﷻ berfirman:

فَإِن لَّمْ تَفْعَلُوا۟ فَأْذَنُوا۟ بِحَرْبٍ مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ ۖ وَإِن تُبْتُمْ فَلَكُمْ رُءُوسُ أَمْوَٰلِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ ﴿٢٧٩﴾

"Maka jika kamu tidak mengerjakan (meninggalkan sisa riba), maka ketahuilah, bahawa Allah dan Rasul-Nya akan memerangimu. Dan jika kamu bertaubat (dari pengambilan riba), maka bagimu pokok hartamu; kamu tidak menganiaya dan tidak (pula) dianiaya." **(Surah al-Baqarah: 279)**

Itu adalah balasan riba di dunia. Adapun di akhirat nanti dia akan kekal di dalam neraka sebagai tempat

---

[145] Riwayat Ibnu Majah (2/765)

kembalinya. Orang-orang yang makan (mengambil) riba sebagaimana dijelaskan dalam ayat berikut:

وَمَنْ عَادَ فَأُولَٰئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٢٧٥﴾

"Orang yang mengulangi (mengambil riba), maka orang itu adalah penghuni-penghuni neraka; mereka kekal di dalamnya." **(Surah al-Baqarah: 275)**

Yang dimaksud *'Allah memerangi'* dalam ayat di atas adalah memerangi dengan segala bentuk penyerangan, sama ada terhadap jiwa mahupun jasadnya. Saat ini banyak orang yang hidup dalam bayang-bayang kegelisahan, penyesalan, kebingungan dan kesedihan. Penyebabnya adalah adanya serangan terbuka dari Allah terhadap setiap orang yang menyimpang dari ajaran Islam, memakan riba atau mendukung keberadaan riba. Oleh kerana itu, setiap Mukmin jika mampu hendaknya bersiap-siap untuk mengangkat senjatanya. Ketahuilah bahawa sesungguhnya seksaan Allah pasti akan datang.

Telah diriwayatkan daripada Samrah bin Jundab, dia berkata; "Baginda Nabi ﷺ ketika melaksanakan ibadah solat, baginda tiba-tiba menghadap ke arah kita, lalu baginda berkata; *"Sesiapa di antara kamu yang bermimpi tadi malam?"* Baginda melanjutkan perkataannya; *"Jika ada seseorang yang bermimpi, maka ceritakanlah mimpi tersebut."* Lalu Samrah menjawab; "Allah ﷻ belum menghendaki salah satu dari kami untuk bermimpi." Kemudian pada suatu hari baginda bertanya lagi kepada kami, baginda bertanya; "Adakah di antara kamu ada yang bermimpi?" Kami menjawab; "Tidak." Lalu Nabi

berkata; *"Akan tetapi tadi malam aku bermimpi bertemu dengan dua orang lelaki yang mendatangiku. Mereka berdua memegang tanganku, kemudian mereka mengeluarkan aku menuju sebuah tempat yang suci."* Lalu baginda meneruskan ceritanya; *"Kemudian kami pergi bersama dan kami mendatangi sebuah sungai yang airnya berupa darah. Dan di tengah-tengah sungai tersebut ada seorang lelaki yang berdiri, sementara di pinggir sungai ada seorang lelaki yang kedua tangannya memegang batu. Lalu lelaki yang berada di tengah sungai beranjak dan ketika hendak keluar, tiba-tiba lelaki yang berada dipinggir sungai melemparkan batu ke arahnya, hingga orang yang ada di tengah sungai itu kembali pada tempat semula dan ketika hendak keluar lagi, tiba-tiba ia melemparkan batu lagi ke arahnya hingga ia kembali pada tempat semula lagi.* Kemudian baginda menafsirkan mimpi tersebut, bahawa sesungguhnya mereka adalah para pemakan riba."[146]

Baginda bersabda; *"Ketika zinah dan riba telah menjalar di sebuah masyarakat, bererti mereka telah menghalalkan ketentuan Allah yang terjadi pada mereka sendiri."*[147]

Disebabkan kerana zinah dan riba, maka turunlah murka Allah dan kawasan itu akan dihancurkan. Jadi, para pemakan riba menjadi penyebab dihancurkannya penduduk sebuah kawasan. Imam Ahmad telah meriwayatkan sebuah hadith daripada Abdul Rahman bin Ghanam, Abi Umamah dan Ibnu Abbas; *"Demi jiwa*

---

[146] Riwayat Bukhari (1/465)
[147] Riwayat Tabrani (1/465)

Muhammad yang ada dalam genggaman-Nya, akan ada orang-orang dari umatku yang bergelimang dengan kesenangan, kesombongan, hiburan dan permainan, kemudian mereka menjadi kera dan khinzir dikeranakan mereka menghalalkan barang haram, membiarkan wanita pelacur, meminum khamr, memakan riba dan memakai baju sutera."[148]

Itulah dosa-dosa dan pembalasan yang akan diturunkan kepada orang-orang yang mempraktikkan riba. Semua itu adalah azab di dunia dan azab di akhirat, apakah ada yang mampu membendungnya?

Allah ﷻ menetapkan kepada kaum Muslimin agar saling mengasihi di antara mereka. Mereka adalah saudara senasib dan seagama. Sedangkan riba adalah mengambil tambahan yang bukan haknya. Oleh kerananya, tambahan tersebut tidak halal sekalipun pemberi riba itu ikhlas, kerana secara rasionalnya dia telah mengikhlaskan sesuatu yang kotor. Hal ini sebagaimana seseorang tidak mengambil riba kecuali dia memang benar-benar dalam keadaan terdesak. Pada saat demikian, seharusnya dia lebih berhak untuk disayangi dan dikasihi. Hak yang sebenarnya adalah dia diberi sedekah bukan mengambil tambahan wang riba.[149]

Allah ﷻ telah mengharamkan riba, kerana di dalamnya mengandungi bahaya yang mengancam orang-orang yang memerlukan wang dan juga kerana mempraktikkan riba sama dengan memakan wang

---

[148] Riwayat Ahmad (5/329)

[149] *Ahkam al-Mu'amalat*, karya Kamal Musa (hal. 257)

dengan cara batil. Sekiranya ketika hutang seseorang telah jatuh tempoh sedangkan dia tidak mempunyai wang, maka menurut kesepakatan ulama tidak boleh menerima transaksi yang lainnya. Akan tetapi yang wajib adalah memperingatkannya. Dan jika peringatan tersebut berkesan, maka wajib baginya untuk membayar hutangnya. Oleh kerana itu, tidak perlu merubah atau mengganti transaksi baru, sama ada dia sedang dalam keadaan mempunyai wang mahupun sedang papa.

Jadi, riba merupakan amalan yang sangat bertentangan dengan konsep dasar keimanan Islam. Kerana amalan riba sama sekali tidak memperdulikan azas, tujuan dan moral seperti yang dikehendaki Allah ﷻ supaya diterapkan dalam kehidupan manusia. Pengarang buku *"Fi Zhilal al-Qur'an"* memberikan ulasan di akhir buku tersebut yang berupa kumpulan-kumpulan fakta seputar peraturan riba, di antaranya adalah:

"Sesungguhnya suatu kawasan tidak dikatakan Islami selama sistem riba berlaku di situ. Kerana riba secara langsung bertentangan dengan konsep asas Islam yang mengedepankan akhlak, persaudaraan dan keimanan. Dan di antara keberhasilan sistem riba adalah ia banyak dilaksanakan dalam kehidupan masyarakat dan telah merosakkan visi dan moral mereka.

Sesungguhnya sistem riba merupakan penderitaan bagi manusia, sama ada ia menyerang keimanannya mahupun akhlaknya. Bahkan menyerang jantung ekonominya dan sendi-sendi kehidupannya. Sistem riba adalah idea yang digagas oleh para cendekiawan Barat. Mereka hidup di bawah naungan sistem riba. Otak dan

pemikiran mereka telah menyerap racun riba. Di antara mereka adalah Dr. Syakhit dari Jerman dan mantan Direktur Bank Arraikh Jerman. Dalam sebuah seminar yang diselenggarakan di Damaskus, tahun 1953 M. dia pernah mengatakan; "Sesungguhnya sistem riba adalah semacam usaha terapi yang tidak terbatas *('Amaliyyah Riyadhiyyah ghair Mutanahiyah)*. Dia menjelaskan bahawa seluruh harta benda yang ada di bumi ini sangat sedikit yang beredar tidak melalui orang-orang yang mengamalkan riba. Hal tersebut disebabkan kerana pemberi kredit yang menggunakan sistem riba akan terus mengalami keuntungan dalam setiap transaksinya dan tidak akan pernah menanggung risiko. Sedangkan orang yang menerima kredit besar kemungkinan akan mengalami dua risiko keuntungan dan kerugian. Dari situ, sesungguhnya seluruh wang akan menjadi milik pemberi kredit dan di muka bumi ini jumlah mereka mencapai ribuan. Adapun para pemilik dan pemegang projek sebuah perniagaan yang mencairkan kreditnya dari bank dan dari para pelabur serta yang lainnya tak lain dan tak bukan hanyalah para pekerja yang bekerja mengikuti pemilik wang dan ada ribuan orang yang dibayar sesuai dengan jerih payahnya.

Sesungguhnya sistem riba sangat berpotensi merosak nurani, emosi dan moral seseorang terhadap saudaranya. Jika tidak seperti itu, maka sistem riba dapat merosak asas kehidupan masyarakat dan menghancurkan bangunan solidariti mereka, dengan cara menghembuskan roh kerakusan, ketamakan, egois, penipuan dan taruhan secara umum. Pada masa kita saat ini, sistem riba boleh membawa pemilik modal untuk

melaburkan wangnya agar wang modal yang dipinjamkan dengan cara riba dapat meraih keuntungan secara pasti.

Sesungguhnya Islam ketika mengharamkan sesuatu (riba), maka wajib bagi seorang Muslim untuk meyakini bahawa riba adalah praktik kotor. Islam tidak mungkin mengajarkan pemeluknya memerah atau mengambil sisi keuntungan sahaja pada saudaranya sendiri."[150]

Pelbagai Jenis Riba:

1. Riba *al-Fadhl (al-Ziyadah)*

Yang dimaksud Riba *al-Fadhl* adalah sistem jual-beli dengan cara menambahkan salah satu dari barang yang dijualbelikan atau ditukarkan. Di mana dua barang tersebut berjenis dan berukuran sama. Menurut hukum asal menetapkan bahawa sesungguhnya dua barang jika keduanya dari jenis yang sama dan *illat*-nya sama; apakah termasuk barang yang ditimbang ataukah ditakar, maka kedua barangnya harus sama dan kedua-dua pihak harus benar-benar mengetahui kesamaan tersebut. Di samping itu, mereka harus melakukan transaksi di satu tempat. Dan jika dua barang tersebut berbeza jenisnya, tapi dalam *illat* sama, seperti menjual gandum dengan jagung, maka syarat-sayarat di atas tidak berlaku.

Telah diriwayatkan daripada Ubadah bin Shamit, dia berkata; "Baginda Rasulullah ﷺ bersabda; "Emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, jagung dengan jagung, kurma dengan kurma, garam

---

[150] Lihat kitab *Fi Zhilal al-Qur'an* (hal. 323)

dengan garam sama-sama jenisnya, sama-sama takarannya dan diserahterimakan secara langsung *(yadan bi yadin)*."[151]

2. Riba *al-Nasi'ah (al-Ta'khir)*

Yang dimaksud dengan Riba *al-Nasi'ah* adalah menambahkan hutang sebagai ganti atas jatuh tempoh yang diperpanjang. Riba *al-Nasi'ah* adalah riba yang pernah berlaku pada masa jahiliyah. Seorang lelaki ketika meminjamkan wang pada orang lain dalam batas waktu yang ditentukan dan ketika batas waktunya habis sementara dia tidak dapat membayar hutangnya, maka lelaki yang menghutangi berkata padanya; "Kamu membayar hutangmu atau kamu mahu melipatgandakan hutangmu," kerana tidak mampu membayar, dia memilih jatuh tempohnya dipanjangkan dan sebagai kompensasinya hutangnya menjadi berlipatganda.[152] Dan para ulama telah bersepakat *(Ijma')* atas haramnya dua jenis riba terebut di atas.[153]

Riba mengandungi pelbagai macam bahaya, sama ada di bidang ekonomi mahupun sosial. Maksud bahaya riba di bidang ekonomi adalah ia merupakan sarana yang salah bagi seseorang dalam mendapatkan rezeki. Wang riba yang diperolehi peminjam bukanlah hasil jerih payahnya, melainkan wang tersebut adalah wang potongan dari seseorang yang dihutangi atau dari

---

[151] Riwayat Muslim (3/1210)

[152] *Al-Hail al-Fiqhiyyah fi al-Mu'amalat al-Maliyah* (hal. 32), karya Muhammad Ibrahim, cet. Dar al-'Arabiyyah li al-Kitab, 1983.

[153] *Al-Mughni* (4/10)

kekayaan umat tanpa melalui pekerjaan yang sesuai. Keuntungan yang dihasilkan dari sistem riba dibayarkan oleh sekelompok orang tanpa kerja atau jerih payah. Mereka dapat menumpuk kekayaannya tanpa kerja keras.

Dalam struktur sosial masyarakat, riba semakin meningkatkan kekayaan orang-orang tertentu. Sistem riba semakin melebarkan jurang pemisah antara yang kaya dan yang miskin. Riba semakin membebani para peminjam ketika mereka tidak mampu membayar hutangnya, kerana bunga riba yang semakin bertambah yang telah diharamkan oleh syariat.

Antara Bahaya Riba Di bidang Sosial

Antara bahaya riba di bidang sosial adalah:

- Riba memeras orang-orang miskin dan menggiring mereka ke jurang yang sangat membahayakan bagi kehidupan jiwa, sosial dan kewangan mereka tanpa dapat dielakkan.
- Riba menumbuhkan penyakit iri hati dan dengki di masyarakat, kerana pada asasnya orang yang hutang tidak rela haknya diambil.
- Riba menghilangkan makna kebajikan, tolong menolong, bahu membahu dan kasih sayang antara sesama manusia.[154]

---

[154] Lihat *Al-Fatawa al-Kubra* (5/169), *A'lam al-Muwaqqi'in* (4/106)

Jual-beli *al-'Inah*

Telah diriwawaykan daripada Ibnu Ishaq al-Siba'i daripada isterinya, Sesungguhnya isteri Ibnu Ishaq berkunjung ke rumah A'isyah. Datang bersama ia seorang *Ummu Walad* Zaid bin Arqam, lalu dia berkata: "Wahai Ummul Mukminin, sesungguhnya aku telah menjual *ghulam* (hamba sahaya lelaki) dari Zaid bin Arqam dengan harga 800 dirham secara kredit dan aku ingin membelinya kembali daripadanya dengan harga 600 dirham secara tunai." Lalu Aisyah berkata kepadanya; "Seburuk-buruk pembelian dan penjualan adalah pembelian dan penjualan dengan caramu itu, sesungguhnya jihad suamimu (Zaid bin Arqam) bersama baginda Rasulullah ﷺ telah batal (tidak sah) kecuali jika dia mahu bertubat."[155]

Hadith di atas menjadi dalil bahawa tidak boleh hukumnya bagi seseorang yang menjual sesuatu kepada orang lain dengan harga kredit kemudian ia membelinya kembali dengan bayaran tunai dengan harga yang lebih rendah daripada harga penjualan pertama sebelum dia menerima wang pembayaran daripada pembeli pertama. Adapun jika tujuannya adalah berbuat curang agar dia dapat mengambil wang secara tunai dan dia harus mengembalikan wang dalam jumlah yang lebih banyak dari pembeli kedua setelah melalui waktu tertentu, maka tidak diragukan lagi bahawa hal itu termasuk riba yang diharamkan.

---

[155] Riwayat Dar Quthni dalam *Sunan al-Dar Quthni* (2/52)

Telah diriwayatkan daripada Ibnu Umar bahawa sesungguhnya baginda Nabi ﷺ bersabda; *"Jika orang-orang saling menahan dinar (wang pembayaran), mereka saling mempraktikkan jual-beli al-'Inah, mereka mengikuti ekor lembu, dan mereka sudah mula meninggalkan jihad di jalan Allah, maka Allah ﷻ akan menurunkan musibah (bencana) kepada mereka dan Allah tidak akan menghilangkan musibah tersebut daripada mereka hingga mereka kembali mengikuti ajaran agama mereka."*[156]

Berkata Rafi'i; "Yang dimaksud dengan jual-beli *al-'Inah* adalah jika seseorang menjual sesuatu kepada orang lain dengan harga kredit, kemudian (sebelum akadnya sempurna) dia menyerahkan barang tersebut kepada pembeli lain dengan harga tunai yang lebih rendah daripada harga pembeli pertama. Telah diriwayatkan daripada Anas bin Malik bahawa sesungguhnya dia pernah ditanya tentang amalan jual-beli dengan cara di atas, lalu Anas menjawab; "Jual-beli tersebut telah diharamkan Allah."[157]

Dalam kitab *"al-Sunan"* ada sebuah hadith daripada baginda Nabi ﷺ, baginda bersabda; *"Sesiapa yang melakukan jual-beli dengan dua akad dalam satu barang, maka baginya untuk memilih harga yang lebih rendah atau yang lebih menguntungkan, atau dia mempraktikkan riba."*[158]

---

[156] Riwayat Ahmad (2/8)
[157] *Fiqh al-Mu'amalat* (hal. 122)
[158] Riwayat Abu Daud (2/296)

Dalam kitab tersebut juga disebutkan; "*Apabila kamu saling berjual-beli dengan cara al-'Inah, maka Allah akan memberi kehinaan pada kamu, dan kehinaan tersebut tidak akan hilang daripada kamu hingga kamu kembali mengikuti ajaran agama kamu.*"[159]

Semua amalan akad jual-beli di atas merupakan akad jual-beli dengan cara *al-'Inah,* iaitu dua akad jual-beli dalam barang."[160] Baginda Nabi bersabda lagi; "*Tidak halal bagi seseorang melakukan dua akad sekaligus; salaf dan bai', dan tidak halal juga menentukan dua syarat dalam satu akad jual-beli, dan tidak halal mengambil keuntungan dari sesuatu yang belum ada di tangan, dan tidak halal menjual sesuatu yang tidak ada di sisimu.*"[161]

Baginda Nabi ﷺ mengharamkan seseorang menjual sesuatu yang diikuti dengan menarik balik barangan yang dijual. Secara tidak langsung dia menjual barangan tersebut untuk mendapatkan pinjaman. Dan perbuatan seperti ini termasuk riba, sama ada pada awalnya dia menjual barangan tersebut kemudian membelinya kembali ataupun pada awalnya dia menjual barangan itu kemudian setelah itu dia meminjamnya. *Wallahu 'A'lam*

---

159 Riwayat Abu Daud, (2/296)
160 *Fiqh al-Mu'amalat* (hal. 122)
161 Riwayat Tirmizi (2/535)

Masalah: Riba, Antara Orang Muslim Dengan *Non*-Muslim Di Negara *Non*-Muslim

Imam Abu Hanifah berpendapat bahawa tidak ada istilah riba dalam sebuah akad antara orang Muslim dengan *non*-Muslim jika akad tersebut terjadi di negara *non*-Muslim (*Dar al-Harb*). Jika akad tersebut terjadi antara sesama Muslim atau akad tersebut terjadi tidak di negara *non*-Muslim, maka haram hukumnya. Abu Hanifah memberi dalil dengan hadith baginda Nabi ﷺ yang ertinya; *"Tidak ada istilah riba dalam sebuah akad yang terjadi antara kaum Muslim dengan non-Muslim yang dilakukan di negara non-Muslim."*[162] Selain itu, Abu Hanifah juga berdalil dengan kelulusan yang diberikan baginda Nabi ﷺ kepada Abu Bakar yang menjalankan akad gadai dengan para musyrik Quraisy ketika kaum Quraisy mengalahkan tentera Romawi. Abu Bakar menggadaikan sesuatu kepada mereka pada saat turun ayat berikut:

الٓمٓ ۝١ غُلِبَتِ ٱلرُّومُ ۝٢

"Alif Laam Miim. Telah dikalahkan bangsa Romawi." **(Surah al-Rum: 1 – 2)**

Dan juga berdalil dengan serangan baginda Nabi ﷺ terhadap Rukanah di dataran tinggi Makkah atas 1/3 harta pampasan perang.

Akan tetapi, majoriti ulama menolak pendapat Abu Hanifah tersebut dan mereka berdalil dengan zahir teks-

---

[162] Hadith Mursal, *'An Thariq Makhul al-Faqih al-Thiqqah*

teks al-Qur'an dan sabda baginda Nabi ﷺ dalam sebuah hadith yang menyatakan: "*La Riba*" (tiada riba). Hadith ini mungkin mengandungi erti larangan terhadap perbuatan riba, hal ini sebagaimana firman Allah ﷻ berikut:

ٱلْحَجُّ أَشْهُرٌ مَّعْلُومَـٰتٌ ۚ فَمَن فَرَضَ فِيهِنَّ ٱلْحَجَّ فَلَا رَفَثَ وَلَا
فُسُوقَ وَلَا جِدَالَ فِى ٱلْحَجِّ ۗ وَمَا تَفْعَلُوا۟ مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمْهُ ٱللَّهُ ۗ
وَتَزَوَّدُوا۟ فَإِنَّ خَيْرَ ٱلزَّادِ ٱلتَّقْوَىٰ ۚ وَٱتَّقُونِ يَـٰٓأُو۟لِى ٱلْأَلْبَـٰبِ ﴿١٩٧﴾

"(Musim) haji adalah beberapa bulan yang dimaklumi, sesiapa yang menetapkan niatnya dalam bulan itu akan mengerjakan haji, maka tidak boleh rafath, berbuat fasik dan berbantah-bantahan di dalam masa mengerjakan haji. Dan apa yang kamu kerjakan berupa kebaikan, nescaya Allah mengetahuinya. Berbekallah, dan sesungguhnya sebaik-baik bekal adalah takwa dan bertakwalah kepada-Ku wahai orang-orang yang berakal." **(Surah al-Baqarah: 197)**

Segala sesuatu yang ditetapkan haramnya di negara Muslim, maka ia pun haram di negara *non*-Muslim. Dan segala sesuatu yang ditetapkan haramnya antara mereka (kaum Muslim), maka ia pun haram antara mereka (kaum Muslim) dan antara sebahagian kaum *non*-Muslim. Adapun pendapat yang *Rajih* adalah pendapat yang disampaikan majoriti ulama ini.

Masalah: Bertaubat Daripada Riba

Jika seseorang bertubat daripada perbuatan riba, maka ada dua kemungkinan:

Pertama; Dia belum menerima wang riba, jika demikian ia belum menerima wang riba, maka dia tidak boleh mengambilnya. Hal ini kerana, Allah ﷻ berfirman:

فَإِن لَّمْ تَفْعَلُوا فَأْذَنُوا بِحَرْبٍ مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ ۖ وَإِن تُبْتُمْ فَلَكُمْ رُءُوسُ أَمْوَالِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ ﴿٢٧٩﴾

"Maka jika kamu tidak mengerjakan, maka ketahuilah bahawa Allah dan Rasul-Nya akan memerangimu. Dan jika kamu bertaubat, maka bagimu pokok asas (modal) hartamu; kamu tidak menganiaya dan tidak dianiaya." (Surah al-Baqarah: 279)

Kedua; Dia telah menerima dan telah menyimpan wang riba sehingga pada saat itu dia masih memegang semua wang tersebut. Jika keadaannya demikian, maka hal ini dibezakan kepada dua:

1. (Jika berlaku) pada sebuah bank, maka wang riba tidak boleh dikembalikan kepada pihak bank supaya antara wang pengganti (bunga) dan wang yang digantikan (modal asal) tidak bercampur.
2. (Jika berlaku) pada seseorang, maka jika dia tidak mengetahui bahawa muamalah dengan riba itu haram, maka wang riba yang telah diterima dan

digunakan tidak menjadi masalah. Hal ini kerana Allah ﷻ berfirman;

ٱلَّذِينَ يَأْكُلُونَ ٱلرِّبَوٰا۟ لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ ٱلَّذِى يَتَخَبَّطُهُ ٱلشَّيْطَٰنُ مِنَ ٱلْمَسِّ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوٓا۟ إِنَّمَا ٱلْبَيْعُ مِثْلُ ٱلرِّبَوٰا۟ ۗ وَأَحَلَّ ٱللَّهُ ٱلْبَيْعَ وَحَرَّمَ ٱلرِّبَوٰا۟ ۚ فَمَن جَآءَهُۥ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّهِۦ فَٱنتَهَىٰ فَلَهُۥ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُۥٓ إِلَى ٱللَّهِ ۖ وَمَنْ عَادَ فَأُو۟لَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٢٧٥﴾

"Orang-orang yang makan riba tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kemasukan syaitan lantaran penyakit gila. Keadaan mereka yang demikian itu, adalah disebabkan mereka berkata, sesungguhnya jual-beli itu sama dengan riba, padahal Allah telah menghalalkan jual-beli dan mengharamkan riba. Orang-orang yang telah sampai kepadanya larangan dari Tuhannya, lalu terus berhenti, maka baginya apa yang telah diambilnya dahulu; dan urusannya kepada Allah. Orang yang kembali, maka orang itu adalah penghuni-penghuni neraka; mereka kekal di dalamnya." **(Surah al-Baqarah: 275)**

Adapun jika dia mengetahui bahawa muamalah riba itu diharamkan, maka Ibnu Taimiyah berpendapat; "Apabila dia benar-benar bertaubat, maka dia boleh mengambil wang riba. Allah tidak memerintahkan seseorang untuk mengembalikan dan mengeluarkan

wang riba yang telah diambil. Dan hal ini memudahkan seseorang yang telah melakukan perbuatan haram untuk bertaubat.
Adapun Ibnu Qayyim berpendapat bahawa wang riba adalah wang kotor, oleh sebab itu dia harus mengeluarkan dan mensedekahkannya untuk kepentingan kebajikan, sama ada berbentuk sedekah ataupun amal kebajikan yang lain. *Wallahu 'A'lam*

Beberapa Sebab Yang Menjadikan Perbuatan Jual-Beli Diharamkan Dalam Sistem Ekonomi Islam

Dari penjelasan di atas, maka dapat disimpulkan sebab-sebab yang menjadikan akad jual-beli diharamkan dalam sistem ekonomi Islam. Antaranya adalah:

1. Kerana barangan yang dijual-beli merupakan barang haram. Ada suatu kaedah yang menyatakan; "Sesungguhnya setiap perkara yang diharamkan Allah, maka haram pula harganya (bayaran yang diperolehnya)." Di antara contoh barangan tersebut adalah arak (*khamr*), bangkai, berhala, khinzir (babi), anjing, kucing dan sejenisnya.
2. Kerana keberadaan akad yang cenderung boleh menjerumuskan pelakunya ke dalam jurang yang diharamkan, hal ini seperti haram hukumnya menjual senjata pada waktu terjadi fitnah, menjual buah anggur kepada orang yang biasa membuat arak (*khamr*), dan menjual pakaian lelaki yang diperbuat dari sutera.
3. Kerana keadaan akad yang mengandungi unsur judi dan mengadu nasib. Hal ini seperti jual-beli *al-*

Mulamasah, al-Munabadzah, al-Muhaqalah, Habl al-Hablah, al-Muhadharah, al-Mu'awamah, dan menjual sesuatu yang tidak mungkin dapat menyerahkan kepada pembelinya seperti menjual ikan yang berada di dalam air dan burung yang terdapat di udara. Adapun di antara contoh yang banyak berlaku pada masa sekarang ini adalah akad insurans dan akad jual-beli mutiara yang masih menempel di dalam kerang.

4. Kerana keadaan akad yang mengandungi unsur membahayakan, hal ini seperti akad *al-Ihtikar* (sorok), jual-beli yang mengandungi unsur penipuan dan kecurangan, dan jual-beli bentuk *al-Jalb* serta menjual sesuatu yang masih dalam proses penawaran orang lain.
5. Kerana akad dilakukan pada barangan yang tidak patut untuk dijual-belikan, hal ini seperti air, *Dhirab al-Jamal* (sperma unta), anjing, kucing, dan yang lain.
6. Kerana akad dilakukan pada barangan yang bukan sepenuhnya milik seseorang, hal itu seperti menjual anggota badan manusia dan menjual air.
7. Kerana akad jual-beli mengandungi unsur riba atau semacam penipuan, seperti jual-beli *al-'Inah.*
8. Kerana akad jual-beli berlaku pada barangan yang tidak mempunyai manfaat, hal ini seperti menjual kucing.

FASAL II
PERKARA-PERKARA YANG WAJIB DITINGGALKAN DAN YANG WAJIB DIJADIKAN PEGANGAN

Untuk menghukumkan sesuatu itu mubah (dibolehkan), maka kita harus melihat hakikatnya. Adapun jika dilihat dari segi tujuan penggunaannya *(maqashid)*, maka hukum sesuatu tersebut sangat bergantung pada sasaran, kesan dan hasilnya. Hal ini kerana ia hanyalah merupakan *wasa'il* (perantara) dan perantara berkait erat dengan tujuan. Oleh kerana itu, jika suatu tujuan wajib dilaksanakan, maka hukum *wasa'il* (perantara) untuk mencapainya juga wajib. Jika suatu tujuan haram, maka hukum perantaranya juga haram. Jika suatu tujuan sunnah, maka hukum perantaranya juga sunnah. Jika suatu tujuan makruh, maka hukum perantaranya juga makruh. Jika suatu tujuan mubah, maka hukum perantaranya juga mubah.

Premis ini menjelaskan bahawa sesungguhnya sesuatu yang sebenarnya mubah dijual-belikan, tapi ketika ia dilakukan dapat mengarah ke sesuatu yang diharamkan, maka sesuatu yang mubah tersebut menjadi haram. Ertinya, syariat melarang seseorang untuk menjadikannya sebagai alat transaksi dan diharamkan memakainya agar dia tidak terjebak dalam keharaman dan untuk menghindari kezaliman serta menjaga kemaslahatan kedua-dua pihak, iaitu; penjual dan pembeli. Telah diterangkan di atas, bahawa

sesungguhnya setiap muamalah yang mengandungi pemalsuan, kecurangan, kebohongan dan penipuan merupakan muamalah yang batal (diharamkan). Di antaranya adalah transaksi *al-Ihtikar* (menyorok atau monopoli), *al-Tas'ir* (menentukan harga), jual-beli barang curian dan jual-beli barang yang belum diterima. Semua itu dilarang oleh baginda Rasululah ﷺ agar tidak ada kezaliman dan untuk menjaga serta mewujudkan keadilan. Sebagaimana baginda juga telah meletakkan kaedah-kaedah persaingan dalam perniagaan, baginda juga sangat memerhatikan kemaslahatan antara kedua-dua pihak dengan cara menganjurkan mereka agar segera membayar hutang dan menghindari hutang. Baginda juga membolehkan mereka untuk menetapkan syarat-syarat tertentu selama syarat-syarat tersebut tidak mengharamkan sesuatu yang halal dan tidak pula menghalalkan sesuatu yang haram. Telah jelas keagungan syariat Islam dan toleransinya dalam memberikan kelonggaran kepada mereka berupa *al-Khiyar* (pilihan) setelah kedua-dua pihak melakukan akad.

Ketentuan di atas akan dijelaskan secara terperinci dalam perbahasan pertama pada fasal ini. Kemudian perbahasan kedua akan menerangkan tentang akhlak-akhlak yang hendaknya dijadikan hiasan bagi seorang peniaga Muslim dan di fasal kedua ini kita akan mengakhiri dengan perbahasan tentang pelbagai bentuk transaksi kewangan masa kini dan bagaimana Islam menyikapinya.

Perbahasan ke-1: Beberapa Perkara Yang Wajib Dihindari Oleh Para Peniaga

Al-Ghisy (Pemalsuan)

Pemalsuan (*al-Ghisy*), pembohongan dan pengkhianatan adalah perilaku yang bertentangan dengan kebajikan yang telah Allah ﷻ wajibkan pada setiap Muslim dan untuk kepentingan setiap Muslim. Jika perilaku tersebut merasuk dalam jiwa setiap orang, maka keseimbangan dan keamanan masyarakat menjadi goyah. Oleh kerana itu, Allah ﷻ dan Rasul ﷺ sangat menghimbau kepada kaum Muslim untuk menghindari perilaku tersebut. Bahkan merupakan suatu kewajipan mereka untuk menjauhkan diri dari sifat-sifat tersebut. Pemalsuan adalah kebohongan, pengkhianatan, kecurangan, kekejian dan seterusnya.

Al-Munawi mendefinisikan *al-Ghisy* dengan mencampurkan sesuatu yang buruk dengan sesuatu yang baik. Manakala Ibnu Hajar al-Haitami mendefinisikan *al-Ghisy*, dia menyatakan bahawa *al-Ghisy* yang diharamkan adalah jika orang yang memiliki barangan (sama ada pembeli ataupun penjual) memberitahu tentang sesuatu yang jika sesuatu tersebut disebutkan di hadapan orang yang perlu, maka dia akan mengambilnya dengan harga yang sesuai kualiti yang dikatakan. Sedangkan al-Kafawi mendefinisakan *al-Ghisy* dengan hitamnya hati dan masamnya muka. Oleh kerana itu kata "*al-Ghisy*" biasa digunakan untuk sifat iri hati dan hasad dengki.

Islam mengharamkan *al-Ghasy* (pemalsuan) dan penipuan (ketidakjujuran) dalam semua jenis muamalah atau transaksi. Di antaranya adalah transaksi jual-beli dan transaksi-transaksi lain yang berlaku di pasaran. *Al-Ghisy* yang sering terjadi di pasaran biasanya dengan cara menutup-nutupi cacat (aib) pada barangan, sama ada aib yang terdapat pada fizikal, unsur, kualiti, kuantiti, timbangan, sifat-sifat yang terkandung, atau pada sumbernya. Pemalsuan biasanya dilakukan dengan cara menyembunyikan sesuatu yang semestinya di bawah diletakan di atas, seperti mencampurkan antara barang yang berkualiti dengan yang tidak berkualiti. Menyembunyikan sesuatu yang tidak biasa dikehendaki pengguna di tempat yang biasanya dikehendaki, seperti mencampurkan air ke dalam susu. Juga dengan cara menampakkan sifat-sifat baik pada sesuatu, padahal ia tidak memiliki sifat-sifat baik tersebut, seperti menyiramkan air pada sayuran, sehingga pembeli menyangka bahawa sayuran tersebut segar. Kadang-kala pemalsuan juga dengan cara memperlihatkan jenis suatu barang yang sebenarnya bukan dari jenisnya, seperti menyadur besi dengan perak atau emas. Kadang-kala si penjual juga tidak memberitahu jika barangnya memiliki cacat, meskipun dia tidak menyembunyikan cacat tersebut. Maka dari itu, seorang Muslim harus bersikap jujur dalam setiap tindak-tanduknya dan harus mengerti bahawa nilai-nilai kebaikan dalam agama Islam tidak dapat dibandingkan dengan pekerjaan duniawi.

Baginda Rasulullah ﷺ bersabda; *"Penjual dan pembeli boleh memilih sebelum mereka berdua berpisah, jika mereka berdua saling percaya dan jelas, maka jual-beli mereka akan diberkati. Dan jika mereka berdua bohong*

dan saling menyembunyikan, maka leburlah keberkatan jual-belinya."[163]

Baginda juga bersabda; *"Sesiapa yang menipu kami, maka dia bukan termasuk golongan kami."*[164] Baginda bersabda lagi; *"Tidak halal bagi seseorang menjual barangnya, kecuali dia menjelaskan kualitinya. Dan tidak halal bagi orang yang mengetahui kualiti tersebut, kecuali dia menjelaskannya."*[165]

Pada suatu hari baginda Rasulullah ﷺ sedang berjalan melalui tumpukan makanan, lalu baginda memasukkan tangannya ke dalam makanan tersebut, tangan baginda menyentuh sesuatu dan baginda melihat tangannya basah. Lalu baginda Nabi bertanya; "Apa ini wahai penjual makanan? Dia menjawab; "Ia basah terkena air hujan, wahai Rasulullah." Kemudian baginda Nabi ﷺ berkata; *"Kenapa kamu tidak menjadikan ia di bahagian atas makanan agar para pembeli dapat melihatnya? Sesiapa yang menipu (memalsukan), maka dia bukanlah termasuk golonganku."*[166] Begitu juga para sahabat melakukan seperti yang diajarkan baginda Nabi ﷺ. Mereka memperlihatkan cacat yang ada pada barang dagangannya. Mereka tidak menyembunyikannya, mereka jujur dan tidak berbohong. Mereka telus dan tidak menipu (memalsukan). Ibnu Syirin pernah menjual seekor kambing, dia berkata kepada pembelinya; "Aku

---

[163] Riwayat Bukhari (2/732)

[164] Riwayat Muslim (1/98)

[165] Riwayat Hakim dalam *Al-Mustadrak* (2/12), dan Baihaqi dalam *Syu'ab al-Iman* (4/330)

[166] Riwayat Muslim (1/99)

beritahu tentang cacat yang ada pada kambingku ini kepadamu, sesungguhnya ia suka membolak-balikkan makanan dengan kedua-dua kakinya."

Alangkah remehnya cacat tersebut, jika kita bandingkan dengan keadaan pasar di zaman sekarang ini, di mana para peniaga pasar kita dipenuhi dengan kebohongan, kepalsuan dan sifat-sifat lainnya. Haiwan yang diperdagangkan sering tidak sesuai dengan kenyataannya, sehingga pembeli dibuat tergiur dan membelinya dengan harga yang tidak semestinya.

Baginda Nabi ﷺ telah melarang jual-beli bentuk *al-Musharrat* dan *al-Haflah.* Yang dimaksud *al-Musharrat* adalah jenis binatang seperti unta, kambing dan lain-lainnya yang susunya ditahan, sehingga ia terkumpul di dalam sumbernya sampai berhari-hari. Kemudian binatang tersebut dijual sehingga pembeli menyangka bahawa kambing atau unta tersebut setiap harinya dapat menghasilkan susu sebanyak yang dia lihat pada masa itu. Tindakan itu adalah bahagian dari penipuan dan pemalsuan. Sungguh baginda Rasul ﷺ, sama ada secara khusus mahupun umum telah mengharamkannya. Baginda memberikan tiga pilihan kepada pembeli jika dia memerahnya. Jika pembeli mengembalikan haiwan tersebut, maka dia mesti mengganti air susu yang mengendap pada saat berlangsungnya akad. Baginda Nabi ﷺ telah menetapkan bahawa pengganti air susu tersebut adalah satu *sha'* kurma.[167]

---

[167] *Fiqh al-Mu'amalat* (hal. 120)

Baginda Nabi ﷺ juga melarang untuk melakukan kecurangan yang tidak terkendali. Apabila seorang pembeli tidak mengetahui harga sebuah barang, maka penjual tidak boleh menipu secara berlebihan sehingga keluar dari adat kebiasaan. Akan tetapi penjual harus menjual dagangannya dengan harga yang standard atau mendekati harga standard (umum). Jika dia terbukti melakukan tindakan penipuan yang tidak terkawal, maka pembeli berhak untuk memilih antara membatalkan akadnya atau meneruskannya,[168] dan baginda Rasulullah ﷺ menganggap hal ini sebagai riba.[169]

Sebagaimana baginda Rasulullah ﷺ telah melarang jual-beli dengan cara menjemput kafilah dagang *(Talaqqi al-Jalb)* hingga mereka sampai ke pasar. Dan ketika sampai ke pasar, mereka berhak memilih *(al-Khiyar)* kerana mereka yang berstatus sebagai penjual tidak mengetahui harga barangnya. Oleh kerana itu, baginda Nabi ﷺ melarang pembeli untuk menjemput mereka dan membeli barang dagangannya kerana tindakan tersebut merupakan penipuan dan pemalsuan. Baginda juga memberikan hak pilihan kepada penjual ketika dia mengetahui keadaan pasar yang sebenar.

Begitulah hukum yang berlaku bagi setiap orang yang tidak mengetahui harga barang di pasaran. Hal ini sebagaimana yang telah diriwayatkan daripada baginda Rasulullah ﷺ bahawa baginda melarang mencampurkan air ke dalam air susu untuk dijual, meskipun pembeli

---

[168] *Al-Mughni*, atau *al-Syarh al-Kabir* (4/79)

[169] Riwayat Baihaqi dalam *al-Sunan* (5/349). Baginda ﷺ bersabda; *"Penipuan yang tidak terkendali merupakan bahagian dari riba."*

mengetahui hal tersebut. Hal ini dilarang kerana pembeli tidak mengetahui kadar campurannya, sehingga jual-beli ini menjadi jual-beli ke atas barang yang tidak diketahui (*majhul*). Hukum tersebut berlaku pada setiap barang yang dicampur sesuatu yang tidak diketahui kadar campurannya. Maka dari itu, barang yang sudah dicampur sesuatu yang lain tidak boleh dijual dan penjual juga tidak boleh berbuat demikian. Hukum tersebut juga berlaku pada setiap barang yang dicampur sama ada dari jenis makanan, pakaian ataupun yang lain.

Kita akan cuba melihat beberapa bentuk penipuan dan pemalsuan yang sering terjadi di sekitar kita, khususnya di pasar. Dan juga tindakan-tindakan kotor seperti menyembunyikan kecacatan barang, menipu pembeli, mempermainkannya, bersekongkol dalam penipuan dan mensia-siakan hak-hak orang lain. Di sini saya akan menjelaskan kepada kamu tentang sebahagian tindakan-tindakan kotor yang pernah saya lihat:

- Tindakan yang biasa dilakukan oleh para peniaga buah-buahan, iaitu dengan cara memperlihatkan buah-buahan yang masih segar dan bagus. Dan mereka mencampurkan antara buah yang bagus dengan yang buruk ketika menjual. Hal itu sering terjadi dan mereka melakukan dengan sangat mahir dan cekatan, sehingga para pembeli dibuat tidak mengetahui keadaan tersebut. Ada juga para peniaga yang mengolesi buah dengan minyak, sehingga buah terlihat lebih mengkilap dan pembeli menyangka buah tersebut masih segar. Hal ini seperti yang dilakukan pada buah kurma mentah yang berwarna kemerahan *(Balah)*. Kadang-kala mereka

menempelkan kertas yang bertuliskan harga buah dengan cara menulis bentuk angka nol yang jauh lebih besar dibandingkan angka lima. Sehingga pembeli menyangka harga sekilo dari buah tersebut 1 Ringgit. Setelah penjual menimbangnya, tiba-tiba dia meminta wang 1.5 dan dia memperlihatkan angka lima yang ditulis dengan bentuk kecil. Maka dengan sangat terpaksa dan malu pembeli membeli buah-buahan tersebut. Padahal segala sesuatu yang dibeli kerana malu, adalah tidak boleh. Kadang-kala peniaga juga memasang tulisan harga di antara dua bakul buah dengan harga yang jauh lebih murah dari biasanya dan ketika buah yang dipilih pembeli ditimbang, ternyata dia harus membayarnya dengan harga yang lebih tinggi dari yang ditulis. Jika dia menanyakan kepada penjual tentang harga yang tertulis, maka penjual dengan mudah menjawab; "Harga tersebut untuk buah yang satunya lagi." Ini jelas penipuan dan pemalsuan yang tidak dapat dibantah.

- Penipuan yang terjadi pada para peniaga pakaian. Mereka tidak memberitahu cacat yang ada pada pakaian tersebut. Mereka memajangkan jenis pakaian yang bagus-bagus di kedai. Dan ketika pembeli masuk ke kedai bermaksud ingin membelinya, penjual berkata; "Sesungguhnya pakaian yang terpajang di kedai sudah lama dan yang di luar sana adalah bentuk baru dan belum sempat dipajangkan." Mereka memberitahu pembeli bahawa bahan dasar pakaian yang di luar kedai lebih bagus dan murah. Dalam hal ini mereka telah berbohong. Kadang-kala mereka juga memasang harga di kedai jauh lebih murah dibandingkan dengan pakaian yang di luar kedai. Ketika ditanyakan harga barang yang dipanjang

di kedai, peniaga memberitahu pembeli bahawa bahan pakaian yang di luar kedai jauh lebih berkualiti, atau penjual membezakan keduanya dengan keisitimewaan tertentu yang tidak mungkin dapat dibuktikan oleh pembeli. Seperti penjual yang mengatakan pada pembeli; "Sesungguhnya baju yang tepajang itu bahannya tidak asli dan yang ini asli." Atau penjual sengaja meletakkan dua pakaian yang jenis dan kualitinya sama dengan pakian-pakaian yang lainnya, tetapi dia menempelkan harga keduanya tidak sama dengan yang lainnya. Sehingga pembeli menyangka bahawa pakaian yang harganya lebih mahal itu lebih berkualiti. Tindakan ini juga bahagian dari penipuan dan contoh-contoh lainnya yang sering kita temui di pasaran.

- Adapun untuk para peniaga haiwan ternak, mereka menipu dengan cara yang hampir tidak diketahui oleh pembelinya, seperti mereka mempraktikkan jual-beli bentuk *al-Musharrat* sebagaimana yang telah dilarang baginda Nabi ﷺ. Adapun tindakan para peniaga haiwan dan para penternak lembu, kambing, unta, kerbau dan juga para peniaga dan penternak unggas memasukkan suntikan cairan kimia ke dalam kulit haiwan sehingga dalam waktu yang tidak lama badannya menjadi gemuk. Pengaruh suntikan tersebut cukup lama menyerap di dagingnya. Kandungan kimia yang disuntikkan ke dalam haiwan atau unggas adalah racun yang membahayakan dan mengendap di bahagian dalam haiwan tersebut. Ia dapat menimbulkan pelbagai macam penyakit di tubuh manusia. Jika demikian, maka hal tersebut bukan hanya sekadar penipuan atau pemalsuan, tetapi ia merupakan tindakan jenayah.

- Sebahagian para penyepuh mencampurkan emas dengan bahan-bahan tembaga dan sejenisnya. Kemudian mereka menjualnya dengan mengatasnamakan emas. Sebahagian dari mereka juga ada yang membeli emas lama (*second*), lalu dibersihkan. Kemudian mereka menawarkan dengan harga baru, tanpa memberitahu pembeli bahawa ia sebenarnya barang lama.
- Adapun para peniaga peralatan moden, khususnya peralatan teknik atau mesin, mereka menipu pelanggan dengan cara melumurkan minyak pelumas di bahagian penggerak kereta, sehingga pembeli menyangka bahawa kereta tersebut dalam keadaan baik. Atau penjual melarang pembeli yang ingin memeriksa keretanya, takut kecacatannya diketahui atau dia hanya memaklumkan kecacatannya secara sederhana, bukan kecacatannya yang parah. Atau dia pura-pura beralasan atas penjualan keretanya dan berupaya meyakinkan dengan bersumpah, sehingga pembeli menerima dengan keyakinan bahawa kereta yang akan dibeli dalam keadaan baik. Dan termasuk dalam penipuan penjualan kereta adalah adanya persekongkolan antara penjual dengan orang yang pura-pura mahu membeli kereta. Orang tersebut bertugas menawar kereta dengan harga yang tinggi dan pura-pura mahu membelinya. Padahal dia sama sekali tidak berniat membelinya. Dengan demikian pembeli akan menerima harga di atasnya. Dia menyangka bahawa dirinya membeli kereta tersebut dengan harga yang standard. Ini adalah bentuk kecurangan yang diharamkan oleh baginda Rasulullah ﷺ.

- Tindakan yang sering dilakukan oleh para penjual dan para doktor di farmasi, yang mana mereka telah menyalahgunakan sarana-sarana moden. Di antara bentuk penipuan baru yang dilakukan mereka adalah mereka berupaya menipu orang yang sakit dengan cara membeli ubat-ubatan yang tidak rasmi, sehingga mereka dapat membelinya dengan harga lebih murah dibandingkan dengan cara membeli sesuai prosedur yang ditetapkan pihak kerajaan. Cara seperti ini sangat membahayakan kedai-kedai ubat yang lain yang bekerja sesuai prosedur. Mereka sering mengunakan sarana yang tidak benar dalam mempublikasikan dan mengiklankan ubata-ubatan, sehingga kedai-kedai farmasi tersebut mampu menjual barang dagangannya dan memenuhi keperluan-keperluan materinya. Kadang-kala ditemui juga kedai ubat yang menjual ubat-ubatan tamat tempoh atau menjual ubat-ubatan yang seharusnya tidak dijual atau diberikan percuma. Atau mengeluarkan ubat tiruan yang sama sekali tidak mengandungi bahan-bahan penyembuh atau justeru berpengaruh negatif bagi pesakit atau mengeluarkaan ubat tiruan kerana ubat tersebut mahal atau menjual ubat-ubatan import yang tidak diakui pihak kerajaan, padahal ubat-ubatan tersebut tidak bermutu. Para penjual di kedai farmasi kadang-kala mengambil manfaat atas kebodohan pembeli sehingga mereka menaikkan harganya. Atau mereka menjual ubat-ubat bius atau penenang dengan tujuan memperkenalkan nama kedainya atau untuk memperoleh keuntungan yang boleh menyebabkan para remaja ketagihan menggunakannya. Dan bentuk-bentuk penipuan dan

kecurangan lain yang sering dilakukan oleh kedai farmasi.

Sama halnya dengan bentuk-bentuk penipuan dan pemalsuan di atas adalah penipuan yang dilakukan oleh para doktor terhadap pesakitnya dengan menganjurkan agar pesakit memakai sarana-sarana tertentu untuk mendapatkan keuntungan materinya, tanpa memerhatikan kemaslahatan pesakit. Misalnya dia meminta pesakit yang berubat melakukan pemeriksaan kesihatan, seperti suntikan dan x-ray yang sebenarnya tanpa kedua-duanya dia dapat mengetahui jenis penyakit dan ubat penawarnya. Bahkan dengan senang hati dia menyerahkan kepada doktor yang memasukkan suntikan atau bahagian x-ray. Atau dia menawarkan ubat atas penyakit pesakit tanpa mempertimbangkan kemaslahatan pesakit, yang penting farmasi atau perniagaan ubatnya menerima keuntungan. Dan yang lebih parah lagi adalah dia dalam praktiknya memasang tarif yang tinggi atau memberi suntikan dan melakukan x-ray dengan cara menzalimi para pesakit, terutama pesakit yang miskin. Itulah di antara bentuk-bentuk penipuan dan kecurangan doktor terhadap pesakitnya.

Kita dapat menyimpulkan bahawa sesungguhnya seorang profesional yang bekerja melampaui batas profesionalismenya, maka dia termasuk penipu dan pelaku kecurangan. Oleh kerana itu, wajib baginya untuk menjauhi tindakan-tindakan tersebut, sehingga dia tidak termasuk dengan apa yang telah dikatakan baginda Nabi ﷺ pada hadith berikut; *"Sesiapa yang menipu kami, maka dia bukanlah golongan kami."* Hendaklah dia berbuat telus dan benar kepada kaum Muslim, dan di antara

perbuatan yang benar adalah; mencari keuntungan yang wajar dan tidak memberatkan pengguna, memberitahu akan kualiti barang dagangannya dan tidak berlebihan serta tidak menyembunyikan kecacatannya. Kerana menyembunyikan cacat yang ada pada barang dagangan tidak diredhai Allah ﷻ dan menjadi tidak berkat rezekinya. Seorang Muslim wajib melepaskan diri daripada tindakan penipuan dan ketidakikhlasan dalam beramal. Di antara hak seorang Muslim kepada suadaranya adalah mahu berkorban dengan telus. Seorang Mukmin adalah cermin bagi saudaranya, jika melihat ada cacat pada sesuatu barangnya, maka katakanlah dengan telus kepadanya.

Telah diriwayatkan oleh al-Hafiz Abu al-Qasim al-Tabrani dengan sanadnya bahawa sesungguhnya Jarir bin Abdullah al-Bajali telah memerintahkan hamba sahayanya agar membelikan kuda untuknya, lalu dia membelikan kuda dengan harga 300 dirham. Dia datang bersama penjual kuda tersebut untuk dibayar secara tunai. Lalu Jarir berkata kepada penjual kuda; "Kuda kamu lebih baik daripada wang 300 dirham, apakah kamu mahu jika menjualnya dengan harga 400 dirham?" Penjual kuda menjawab; "Terserahlah pada kamu wahai Abdullah." Jarir bin Abdullah berkata lagi; "Kudamu lebih bagus dari 400 dirham, mahukah kamu jika menjualnya dengan harga 500 dirham?" Kemudian terus naik dengan seratus dirham dan pemilik kuda pun rela dengan harga yang ditawarkan Jarir. Lalu Jarir berkata; "Kudamu lebih bagus hingga 800 dirham." Akhirnya Jarir membelinya dengan harga 800 dirham. Lalu pada saat itu dikatakan padanya, dan Jarir berkata; "Sesungguhnya aku

pernah berjanji kepada Rasulullah ﷺ untuk berbuat baik (telus) kepada setiap Muslim."

Contoh-contoh di atas adalah sebahagian dari tindak penipuan yang tidak sesuai dengan kenyataannya. Ia hanyalah sedikit dari pelbagai macam penipuan yang melimpah dan setetes air dari lautan penipuan yang luas.

Dan kepada orang-orang yang telah terjerumus dalam lingkaran penipuan, sama ada seperti penipuan yang telah diterangkan atau yang tidak diterangkan, agar mereka takut kepada Allah, menyedari akan pengawasan Zat Yang Maha Mengetahui hal-hal yang ghaib dan ingat akan balasan dan seksaan-Nya. Kerana Allah ﷻ berfirman;

إِنَّ رَبَّكَ لَبِٱلْمِرْصَادِ ﴿١٤﴾

"Sesungguhnya Tuhan-mu benar-benar mengawasi." **(Surah al-Fajr: 14)**

Allah ﷻ berfirman:

وَلْيَخْشَ ٱلَّذِينَ لَوْ تَرَكُوا۟ مِنْ خَلْفِهِمْ ذُرِّيَّةً ضِعَٰفًا خَافُوا۟

عَلَيْهِمْ فَلْيَتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَلْيَقُولُوا۟ قَوْلًا سَدِيدًا ﴿٩﴾

"Dan hendaklah takut kepada Allah orang-orang yang seandainya meninggalkan di belakang mereka anak-anak yang lemah, yang mereka khuatir terhadap (kesejahteraan) mereka. Oleh sebab itu hendaklah mereka

bertakwa kepada Allah dan hendaklah mereka mengucapkan perkataan yang benar." (Surah al-Nisa': 9)

Penipuan dan pemalsuan adalah jalan menuju ke neraka dan menjadi petunjuk akan kehinaan dan kekotoran jiwa. Ia menjadi penghalang bagi terkabulnya doa dan penghalang bagi keberkatan harta dan umur serta mengurangi iman. Ia menjadi penyebab tersebarnya kezaliman dan kekafiran. Ibnu Hajar al-Haitami berkata; "Dan kerana penipuan yang dilakukan oleh para peniaga, para pekerja profesional dan para pengusaha, maka Allah ﷻ menguasakan kezaliman kepada mereka. Mereka telah mengambil wang rakyat dan menghancurkan kaum wanitanya. Bahkan Allah ﷻ menguasakan kekafiran kepada mereka. Mereka membelenggu rakyat dan menghambakannya. Kemudian Allah turunkan seksaan dan kehinaan yang beraneka ragam."

Mungkin kita dapat menemui hubungan antara apa yang terjadi di negara kita pada masa kini dengan merambahnya penipuan yang beraneka ragam, parahnya kejahatan, kecurangan dan kebohongan yang banyak berlaku untuk merebut wang rakyat. Mereka tidak menyedari jika Allah ﷻ mengawasi perlakuan kotornya itu. *Wallahu 'A'lam*

Al-Ihtikar (Menyorok Atau Monopoli)

Menyorok hukumnya haram jika ia bertujuan untuk menaikkan harga barangan, padahal rakyat memerlukan barang tersebut. Meskipun Islam membebaskan inidvidu dalam menjalankan transaksi jual-beli dan hidup dalam persaingan, namun sangat bertentangan dengan nurani

jika ada sebahagian orang yang hidup egois dan rakus menumpuk harta dengan mengorbankan penderitaan orang lain walaupun harta tersebut merupakan makanan asas dan keperluan utama kehidupannya. Oleh kerana itu, baginda Nabi ﷺ melarang untuk menyorok perdagangan dengan ungkapannya yang sangat mencegah; *"Sesiapa yang memonopoli perniagaan bahan makanan selama 40 hari, maka dia terlepas dari kawalan-Nya dan Allah ﷻ lepas dari kawalannya."*[170]

Baginda juga bersabda, *"Tidak ada seseorang yang menyorok (memonopoli) perniagaan, kecuali dia termasuk orang yang salah."*[171]

Dalam hadith lain baginda menjelaskan tentang sifat egois dan ketidakpedulian para pelaku monopoli, baginda bersabda; *"Hamba yang paling buruk adalah hamba yang menyorok (monopoli). Ketika dia mendengar barang yang dimonopoli murah, maka dia berbuat kotor dan ketika dia mendengar barang yang dimonopoli mahal, maka dia bahagia."*[172]

Baginda bersabda; *"Al-Jalib akan diberi rezeki, sementara orang yang menyorok akan diberi laknat."*[173] Maksud *al-Jalib* adalah seseorang yang mendapat barang dagangan dan menjualnya dengan harga yang tidak mahal,

---

[170] Riwayat Ahmad dan al-Albani dalam *Ghayah al-Maram* menganggap hadith tersebut sebagai hadith yang lemah.

[171] Riwayat Muslim (3/1227)

[172] Dituturkan oleh al-Albani dalam kitab *Dha'if al-Targhib wa al-Tarhib* dan dia berpendapat bahawa hadith tersebut *Munkar*

[173] Riwayat Ibnu Majah dalam *al-Sunan* (2/728) dan al-Albani berpendapat bahawa hadith tersebut lemah.

kemudian membawa barang dagangan lain lagi dan menjualnya serta mengambil untung sedikit, kemudian dia mendapat barang lagi dan mengambil keuntungan yang sedikit. Cara seperti ini lebih sesuai dengan kepentingan rakyat dan lebih banyak mengandungi berkat serta pemilik barang akan dilimpahkan rezeki. Sebagaimana yang telah dikhabarkan baginda Rasulullah ﷺ dan diriwayatkan oleh Ahmad dan Tabrani dari Ma'qil bin Yasar, sesungguhnya Nabi ﷺ bersabda; "*Sesiapa yang masuk membawa (menyorok) barang-barang kaum Muslim dengan tujuan untuk meninggikan harga di hadapan mereka, maka pada hari kiamat nanti Allah berhak mendudukkan dia di atas api neraka yang paling menyala.*"[174]

Dari nas-nas hadith di atas beserta kandungannya, para ulama berpendapat bahawa haramnya monopoli (menyorok) disyaratkan oleh dua hal:

1. Monopoli terjadi di sebuah wilayah yang apabila ia diterapkan akan membahayakan penduduk wilayah tersebut.
2. Tujuan dari monopoli (sorok) adalah menaikkan harga barang di pasaran, supaya orang yang menyorok (memonopoli) dapat memperolehi keuntungan yang berlipat ganda. Tidak termasuk monopoli jika ada orang yang menahan barang pada masa harganya melonjak, tetapi dia berkeinginan untuk mempergunakan barang tersebut untuk memenuhi keperluannya sendiri.

---

[174] Riwayat Ahmad (5/27) dan hadith ini diriwayatkan oleh Tabrani dalam kitab *Mu'jam al-Kabir* (20/209)

Zahir dari nas-nas hadith di atas mengkhususkan bahawa monopoli yang dilarang hanya pada bahan makanan asas bagi penduduk setempat. Adapun bahan makanan asas antara tempat yang satu dengan yang lain berbeza-beza. Selain pada makanan, hukum haramnya monopoli juga berlaku pada barang yang digunakan untuk menyediakan makanan, seperti minyak, peralatan masak atau juga barang-barang yang difungsikan sebagai pelengkap makanan asas seperti garam, gula dan minyak goreng serta yang lainnya. Intinya adalah segala sesuatu yang menyebabkan rakyat menderita dan mereka tidak memiliki makanan (adalah haram hukumnya menyorok barang tersebut). Untuk lebih hati-hati hendaknya perbuatan monopoli terhadap barang yang diperlukan kaum Muslim seperti pakaian, tempat tinggal, kenderaan, ubat-ubatan dan lain-lain harus dihentikan. Mencegah perbuatan monopoli harus sesuai dengan syarat-syarat mencegah kemungkaran. Oleh kerana itu, tidak boleh bagi seseorang yang melarang monopoli untuk memberi batasan harga terhadap pelaku monopoli, kecuali jika pembatasan tersebut membahayakan rakyat secara umum.

Wajib bagi peniaga .Muslim untuk melepaskan diri daripada sikap tamak. Tidak ada sesuatu yang lebih membahayakan agama seseorang kecuali kerakusan dalam hal duniawi seperti harta benda atau yang lainnya. Maka dari itu, baginda Rasulullah ﷺ sangat memperingatkan agar kita jangan sampai tamak atau rakus. Baginda bersabda; *"Penghuni neraka ada lima, di antaranya adalah orang yang berkhianat yang tidak*

mampu memendam sikap tamaknya, ketika dia bekerja, pasti dia mengkhianati."[175]

Baginda Rasulullah ﷺ selalu memohon perlindungan kepada Allah daripada jiwa yang tidak pernah kenyang.[176] Telah diriwayatkan daripada Hakim bin Hizam, dia berkata; "Aku pernah meminta wang kepada baginda Rasulullah ﷺ dan baginda memberikannya kepadaku, lalu baginda berkata; *"Wahai Hakim, sesungguhnya wang ini adalah laksana buah-buahan hijau yang manis, sesiapa yang mengambilnya kerana keperluan, maka dia akan diberkati dan sesiapa yang mengambilnya dengan sikap tamak, maka dia tidak akan diberkati dan dia seperti orang yang makan yang tidak pernah merasa kenyang."*[177]

Sikap tamak dapat melebur keberkatan rezeki. Oleh kerana itu, wajib bagi setiap peniaga Muslim agar membersihkan jiwanya dari bahaya sikap tamak yang menyebabkan keletihan yang panjang (lama), kehinaan, kerendahan jiwa dan kurang percaya kepada Allah ﷻ serta selalu merasa miskin. Tidak ada seorang hamba yang membuka pintu meminta-minta kecuali Allah ﷻ akan membukakan untuknya pintu kefakiran.[178] Kami berlindung kepada Allah daripada keburukan sikap tamak.

---

175 Riwayat Muslim (4/2197)
176 Riwayat Muslim (4/2088)
177 Riwayat Tirmizi (4/641)
178 Riwayat Tirmizi (4/641)

Al-Tas'ir (Menetapkan Harga Dengan Paksa)

Islam telah mewariskan peraturan-peraturan dalam perniagaan tanpa ada campur tangan dari pihak manapun. Aturan tersebut sesuai dengan yang ditawarkan dan dikehendaki manusia. Oleh sebab itu, kita pernah mendapati baginda Rasulullah, pada waktu itu harga barang-barang asas sedang melambung tinggi dan orang-orang meminta kepada baginda agar menetapkan harga standard untuk mereka. Lalu baginda bersabda; "Sesungguhnya Allah ﷻ adalah Zat Yang Menentukan harga, Zat Yang Menyempitkan rezeki, Yang Melapangkan rezeki dan Yang Maha Pemberi rezeki. Sesungguhnya aku ingin bertemu dengan Allah dan tidak ada seorang pun dari kamu semua yang menuntut kepadaku akan ketidakadilan, sama ada dalam hal jiwa mahupun harta."[179] Kemudian Rasulullah ﷺ, pengemban risalah yang abadi hingga hari kiamat menetapkan bahawa sesungguhnya masuk ke sistem perdagangan bebas (tidak ada pengawasan) tanpa ada keperluan tertentu adalah perkara yang mengandung kezaliman dan kecurangan. Akan tetapi ketika keadaan dharurah memaksa untuk menerapkannya, maka *al-Tas'ir* hukumnya diperbolehkan atas dasar kepentingan umum yang harus kita dahulukan daripada kepentingan peribadi. Adapun *al-Tas'ir* yang dilarang adalah tindakan yang akibatnya mengandungi bahaya dan kezaliman yang kotor, di mana sekiranya orang-orang merasa tidak suka dengan menjual suatu barang dengan harga yang tidak sesuai harapan atau sekiranya mereka melarang sesuatu yang telah Allah perbolehkan. Adapun *al-Tas'ir al-'Adil*

---

[179] Riwayat Abu Daud, Tirimidzi, Ibnu Majah dan Ahmad

(menetapkan harga dengan cara adil), yang mana ia merupakan akibat dari adanya ketamakan sebahagian peniaga dan permainan harga yang mereka lakukaan serta praktik monopoli yang mereka lakukan terhadap sebahagian barang, maka menerapkan sistem *al-Tas'ir* dalam keadaan seperti itu diperbolehkan. Iaitu dengan cara mewajibkan mereka untuk menjual barang dengan harga yang standard *(al-Mithl)* dan *al-Tas'ir* tidak ada gunanya kecuali dengan memaksa mereka untuk menetapkan harga standard *(al-Mithl)*.[180]

Atas dasar keterangan tersebut, hendaklah seorang peniaga Muslim tidak menaikkan harga suatu barang yang melebihi harga ketentuan pemerintah dengan tujuan mengambil manfaat atas keperluan rakyat terhadap barang tersebut, tanpa ada alasan yang dibenarkan dan tanpa sebab tertentu kecuali hanya sekadar mengumbar kerakusan dan hasrat untuk meraih kekayaan dalam masa yang cepat, meskipun harus menempuh jalan yang diharamkan.

Menaikkan harga dengan jalan seperti itu dianggap sebagai tindakan jenayah, kerana menyebabkan kehidupan rakyat menjadi sempit. Oleh kerana itu, Ma'qil bin Yasar meriwayatkan sebuah hadith, waktu itu dia sedang dalam keadaan sakit yang sangat teruk. Pada suatu hari Ubaidillah bin Ziyyad (Gabernor pada zaman dinasti Umayah) menjenguknya, dia berkata kepada Ma'qil; "Apakah engkau tahu wahai Ma'qil bahawa sesungguhnya aku telah menumpahkan darah? Ma'qil

---

[180] *Al-Turuq al-Hukmiyah,* karya Ibnu Qayyim (hal. 214) cet. Al-Sunnah al-Muhammadiyyah, Kaherah

menjawab; "Aku tidak tahu." Dia bertanya lagi; "Apakah engkau tahu, bahawa sesungguhnya aku telah menaikkan harga barang yang diperlukan oleh kaum Muslim? Ma'qil menjawab; "Dudukkanlah aku," lalu dia berkata; "Dengarlah wahai Ubaidillah, aku akan mengatakan kepadamu tentang sesuatu yang belum pernah aku dengar dari baginda Rasulullah ﷺ walau hanya sekali atau dua. Aku mendengar baginda Rasulullah ﷺ bersabda; *"Sesiapa yang masuk membawa (menyorok) barang-barang kaum Muslim dengan tujuan untuk meninggikan harga di hadapan mereka, maka pada hari kiamat nanti sudah menjadi hak Allah untuk mendudukkan dia di atas api neraka yang paling panas."* Ubaidillah bertanya; "Apakah kamu pernah mendengar hadith itu dari baginda Rasulullah ﷺ? Ma'qil menjawab; "Ya, walau hanya satu kali dan bukan dua kali."[181]

Dengan demikian, wajib bagi seorang Muslim untuk mengambil keuntungan yang wajar. Islam datang dengan membawa prinsip keadilan. Kerana Islam tidak menentukkan batas keuntungan, maka hendaknya prinsip-prinsip keadilan yang merupakan prinsip fitrah harus kita junjung tinggi.

Mengurangi Takaran Dan Timbangan

Allah ﷻ berfirman:

---

[181] Riwayat Ahmad dan Tabrani

وَأَوْفُوا۟ ٱلْكَيْلَ إِذَا كِلْتُمْ وَزِنُوا۟ بِٱلْقِسْطَاسِ ٱلْمُسْتَقِيمِ ۚ ذَٰلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٣٥﴾

"Dan sempurnakanlah takaran apabila kamu menakar dan timbanglah dengan neraca yang benar." (Surah al-Isra': 35)

وَيْلٌ لِّلْمُطَفِّفِينَ ﴿١﴾ ٱلَّذِينَ إِذَا ٱكْتَالُوا۟ عَلَى ٱلنَّاسِ يَسْتَوْفُونَ ﴿٢﴾ وَإِذَا كَالُوهُمْ أَو وَّزَنُوهُمْ يُخْسِرُونَ ﴿٣﴾

"Kecelakaan besarlah bagi orang-orang yang curang, (iaitu) orang-orang yang apabila menerima takaran dari orang lain mereka minta dipenuhi, dan apabila mereka menakar atau menimbang untuk orang lain, mereka mengurangi." (Surah al-Muthaffifin: 1-3)

Mengurangi takaran dan timbangan merupakan bahagian dari jenis penipuan dan wajib bagi seorang Muslim untuk menghindarinya semampunya. Sesungguhnya keadilan yang hakiki sangat sukar diwujudkan. Oleh kerana itu, mengiringi perintah berbuat adil, al-Qur'an menyatakan:

وَلَا تَقْرَبُوا۟ مَالَ ٱلْيَتِيمِ إِلَّا بِٱلَّتِى هِىَ أَحْسَنُ حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَشُدَّهُۥ ۖ وَأَوْفُوا۟ ٱلْكَيْلَ وَٱلْمِيزَانَ بِٱلْقِسْطِ ۖ لَا نُكَلِّفُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا ۖ

وَإِذَا قُلْتُمْ فَٱعْدِلُوا۟ وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰ ۖ وَبِعَهْدِ ٱللَّهِ أَوْفُوا۟ ۚ ذَٰلِكُمْ وَصَّىٰكُم بِهِۦ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٥٢﴾

"Dan janganlah kamu dekati harta anak yatim, kecuali dengan cara yang lebih bermanfa'at, hingga sampai ia dewasa. Dan sempurnakanlah takaran dan timbangan dengan adil. Kami tidak memikulkan beban kepada seseorang melainkan sekedar kesanggupannya. Dan apabila kamu berkata, maka hendaklah kamu berlaku adil kendatipun dia adalah kerabat (mu), dan penuhilah janji Allah. Yang demikian itu diperintahkan Allah kepadamu agar kamu ingat." **(Surah al-An'am: 152)**

Telah diriwayatkan daripada Suwaid bin Qais, dia berkata; "Aku bersama hamba yang sudah tua membawa beberapa jenis pakaian dari daerah Hajar, kemudian baginda Nabi ﷺ mendatangi kami, lalu baginda membeli beberapa celana *(Sirwal)*, aku memiliki tukang timbang yang sengaja aku bayar. Kemudian baginda Nabi ﷺ berkata kepada tukang timbang tersebut; "Timbanglah dan mantapkanlah."[182]

Al-Qur'an pernah mengisahkan tentang suatu kaum yang berbuat curang dalam transaksinya, dan dalam hal takaran dan timbangan mereka menyimpang dari nilai keadilan. Mereka mengurangi sesuatu yang menjadi hak rakyat. Lalu Allah ﷻ mengirim seorang utusan untuk

---

[182] Riwayat Tirmizi dan Abu Daud

mengembalikan mereka ke jalan keadilan dan memperbaiki mereka. Sebagaimana untuk mengembalikan mereka ke tauhid yang benar. Mereka adalah kaum Nabi Syu'aib yang telah diperingatkan dengan ayat berikut:

۞ أَوْفُوا۟ ٱلْكَيْلَ وَلَا تَكُونُوا۟ مِنَ ٱلْمُخْسِرِينَ ﴿١٨١﴾

"Sempurnakanlah takaran dan janganlah kamu termasuk orang-orang yang merugikan." **(Surah al-Syu'ara': 181)**

Wajib bagi peniaga Muslim untuk tidak menakar dengan dua takaran dan menimbang dengan dua timbangan; iaitu timbangan miliknya dan milik umum. Sehingga dia berhak untuk berlaku adil dalam menimbang atau menambahkan salah satunya, sementara pihak lain merasa dirugikan dan telah dikurangi timbangannya. Cukup kiranya dia mengetahui bahawa mengurangi timbangan dan takaran merupakan tindakan yang pernah dilakukan oleh kaum Nabi Syu'aib dan akhirnya Allah ﷻ memusnahkan mereka. Al-Qur'an menceritakan kepada kita tentang kaum Nabi Syu'aib tidak hanya di satu tempat (dalam al-Qur'an) agar kita lebih banyak mengambil pelajaran daripadanya. Al-Qur'an menganggap penipuan yang tiada henti dengan cara mengurangi takaran dan timbangan merupakan dosa yang paling besar. Pelakunya harus dihukum berat dan harta yang telah mereka ambil dari kaum Muslim harus dikembalikan dan dipergunakan untuk kemaslahatan mereka jika tidak dapat dikembalikan ke pemiliknya. Seseorang yang telah mengurangi takaran dan timbangan

bererti ia telah menjual akhirat dengan dunia milik orang lain.

Memperdagangkan Barang Curian Dan Rompakan

Sebagaimana yang telah aku katakan bahawa sesungguhnya di antara manhaj Islam adalah Islam sedemikian rupa telah membentengi sesuatu yang dapat mengarah ke jalan yang diharamkan. Sampaipun harus berperang melawan jenayah dan mengurung pelaku kejahatan di tempat yang amat sempit. Di antaranya adalah Islam mengharamkan seorang Muslim untuk membeli sesuatu, dan dia tahu bahawa sesuatu itu adalah barang curian, *ghashab*, atau diambil dari temannya tanpa seizin dia, kerana perbuatan tersebut sama saja dengan menyokong kezaliman. Baginda Rasulullah ﷺ bersabda; *"Sesiapa yang membeli barang curian dan dia mengetahui bahawa barang tersebut adalah barang curian, maka ia telah berkongsi dalam hal kehinaan dan dosa pencuriannya."*[183]

Dan dosa akan terus menempel pada penjual selama barang curian atau rompakan tersebut masih ada. Kerana menurut syariat kita bahawa lamanya masa tidak membuat yang haram menjadi halal. Dan pemilik asal juga tetap memiliki hak atas barangnya yang dicuri, hal itu sebagaimana telah ditetapkan oleh undang-undang konvensional.

Jadi, wajib bagi seorang peniaga Muslim untuk tidak mencuba mendekati dosa dan kehinaan dari jenayah yang

---

[183] Riwayat Baihaqi dalam *Syu'ab al-Iman* (4/389)

keji tersebut. Dia wajib bertaubat dengan taubat yang sebenaar dan mengembalikan hak kepada pemilik asalnya jika dia mengetahui. Dan jika tidak diketahui pemiliknya, maka barang atau hak tersebut dipergunakan untuk kepentingan kaum Muslim.

Menjual Barang Yang Belum Diterima

Jika sesuatu barang telah menjadi milik seseorang kerana dia telah membelinya, maka dalil menunjukkan bahawa barang tersebut tidak boleh dijualbeli kecuali barang tersebut benar-benar telah diterima pemiliknya. Adapun ketentuan "benar-benar diterima oleh pemiliknya" dikembalikan pada hukum adat kebiasaan yang berlaku di kalangan para peniaga, sama ada barang tersebut dapat ditimbang, di takar atau selain keduanya. Oleh kerana itu, selama barang dagangan belum diterima, maka seseorang tidak boleh menjualnya. Kerana ada hadith yang diriwayatkan daripada Jabir bin Abdillah, dia berkata; baginda Rasulullah ﷺ bersabda; *"Apabila kamu ingin menjual makanan, maka janganlah kamu menjualnya sehigga kamu benar-benar menerima makanan tersebut."*[184]

Dan hadith yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah, dia berkata; "Baginda Rasulullah ﷺ telah melarang membeli makanan kemudian menjualnya kembali, kecuali setelah barang tersebut benar-benar diterima (dalam genggamannya)."[185]

---

[184] Riwayat Muslim (3/1162)
[185] Riwayat Muslim (3/1162)

Telah diriwayatkan daripada Hakim bin Hizam, dia berkata; "Aku bertanya; "Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku telah membeli barang-barang dagangan, lalu barang mana yang dihalalkan untukku dan diharamkan untukku? Baginda menjawab; *"Apabila kamu telah membeli sesuatu, maka janganlah kamu menjualnya kembali kecuali setelah kamu menerimanya."*[186]

Telah diriwayatkan daripada Zaid bin Thabit, sesungguhnya baginda Nabi ﷺ melarang untuk menjual barang-barang dagangan, jika barang-barang tersebut mahu dibeli, maka hendaknya peniaga benar-benar telah menyimpan barang-barang tersebut di dalam kenderaannya."[187] Hadith-hadith di atas menjadi dalil yang menunjukkan bahawa tidak boleh menjual sesuatu yang pemiliknya belum menentukkan harganya. Dan kita wajib ingat bahawa penyebutan makanan dalam hadith-hadith di atas bukan berfaedah khusus. Hadith-hadith tersebut sebenarnya bersifat umum, hanya sahaja penuturannya dengan cara mengambil satuan-satuan umum yang tentunya memiliki ketentuan hukum sama dengan hukum keumumannya. Atas dasar tersebut, maka seluruh barang dagangan yang telah dibeli tidak boleh dijual kembali kecuali setelah barang tersebut benar-benar diterima daripada penjualnya. Ibnu Taimiyah memberikan alasan atas larangan tersebut, iaitu; kerana barang tersebut tidak dapat diserahkan secara langsung kepada pembeli kedua sebab penjual pertama kadang-kala telah menyerahkan barang

---

[186] Riwayat Ahmad (3/402)

[187] Riwayat Abu Daud (2/304)

dagangannya ke tangan orang lain dan kadang-kala dia tidak mahu menyerahkannya, terutama ketika dia melihat keuntungan yang dapat didapatkan dari orang lain tersebut. Jual-beli seperti itu mengandungi unsur penipuan dan hal itu dilarang oleh agama. Dalam hal ini, seorang pembeli tidak dapat menyerahkan barang yang dijualbelikan kepada orang yang mahu membelinya lagi (pembeli kedua), kerana memang dia belum menerima barang dari penjual pertama. Penjual pertama kadang-kala menunda dan kadang-kala tidak mengakui atas transaksi yang terjadi dengan pembeli pertama. Juga kadang-kala dengan dalih yang dibuat-buat, dia membatalkan transaksinya.

Telah diriwayatkan daripada Ibnu Umar, dia berkata; "Sekelompok orang telah melakukan transaksi jual-beli makanan secara longgokan di dataran tinggi pasar. Lalu baginda Rasulullah ﷺ melarang mereka jual-beli makanan tersebut, hingga mereka memindahkan tempat tersebut."[188]

Dalam hadith Muslim menggunakan kalimat; *"Hatta Yuhawwiluhu"* (hingga mereka mengganti tempatnya). Sesuatu yang dapat dipindah tidak dapat dikatakan telah terjual, kecuali pembeli telah memindahkannya dari tempat terjadinya transaksi ke tempat lain. Adapun barang yang tidak dapat dipindahkan, seperti rumah dan tanah serta yang sejenis dengannya, maka adat kebiasaan menyerahkan barang tersebut adalah dengan cara mengosongkan rumah tersebut dan menyerahkaan kunci rumah kepada pembeli dan penjual membukakan pintu

---

[188] Riwayat Ahmad dan Abu Daud

untuknya. Peyerahaan emas dan perak berlaku dengan cara menerima barang tersebut dari kekuasaan penjual dan dari penyimpanan penjual. Manakala penyerahan kereta, pesawat dan kapal serta yang sejenisnya dengan cara memandunya dari suatu tempat ke tempat yang lain. Dan tidak dapat dikatakan telah dijual, kecuali telah berpindah dari tempat transaksinya. Sedangkan pakaian, senjata, perabot rumah, kulit, buku-buku, kipas angin, peralatan bangunan, dan jenis-jenis cat, semua itu benar-benar menjadi milik pembeli, jika ia telah memindahkan barangan tersebut dari tempat transaksi ke tempat yang lain. Tidak cukup dengan hanya menyentuh atau menghitung barang-barang tersebut. Jika menyentuh dan menghitung dianggap pembeli telah memilikinya secara sempurna, maka itu bahagian dari kecurangan dan ketidakseriusan. Barang-barang tersebut benar-benar berada dalam kekuasaan pembeli, jika dia telah memindahkan dari tempat transaksi. Maksud *al-Qabdh* (menerima barang) dalam sebuah transaksi kembali pada hukum adat kebiasaan, hal ini sebagaimana yang dikatakan oleh Ibnu Taimiyah.

Masalah: Persaingan Antara Sesama Muslim, "Menjual Sesuatu Yang Sedang Ditawar Orang Lain"

Setiap orang berhak menjual sesuatu yang dimiliki kepada siapapun yang dikehendakinya. Setiap orang juga berhak membeli suatu barang dari penjual yang diinginkannya. Akan tetapi seorang Muslim, jika melihat ada saudaranya telah mendahului dirinya, lalu dia melihatnya sedang menawar barang yang akan dibeli atau dijual, maka hendaklah dia tidak meluru untuk membeli barang tersebut atau hendaknya dia tidak menjual

sesuatu yang sedang ditawar itu kepada orang lain. Kerana hal tersebut dapat menimbulkan kemarahan dari salah satu pihak dan sangat membahayakan. Pada masa sekarang ini, kita sering menemukan perbuatan seperti itu. Kita pernah menemui seorang lelaki yang datang kepada penjual dan berkata kepadanya; "Kembalikan wang itu kepada pemiliknya dan aku berani membeli darimu dengan harga yang lebih tinggi daripada dia." Atau sebaliknya, dia mendatangi pembeli dan berkata kepadanya; "Berapa kamu membeli barang itu daripada dia? Pembeli menjawab; "Sekian dirham." Lalu dia berkata lagi pada pembeli; "Kembalikanlah barang itu kepadanya dan aku akan memberimu barang yang harganya jauh lebih murah daripada barang itu." Atau hendaklah seorang Muslim tidak bersaing dengan saudaranya atas barang dagangan yang sudah tidak dapat ditawar lagi.

Ketika seorang Muslim melihat saudaranya telah meninggalkan barang yang ingin dibelinya atau dijualnya, maka dibenarkan baginya untuk menggantikan posisi saudaranya yang telah berganjak pergi. Dan hal tersebut tidak ada masalah, kerana itu tidak bertentangan dengan prinsip Ukhuwah Islamiyah yang terjalin antara sesama Muslim. Islam juga menganjurkan untuk menghilangkan benih-benih yang dapat menyebabkan mereka saling bergaduh. Oleh kerana itu, baginda Nabi ﷺ melarang kita untuk mendekati benih-benih tersebut untuk menghindari terjadinya perselisihan dan untuk mengawasi berlakunya hal-hal yang tidak diinginkan.

Ibnu Umar telah meriwayatkan sebuah hadith bahawa sesungguhnya baginda Rasulullah ﷺ bersabda;

"Janganlah sebahagian dari kamu menjual sesuatu yang sedang dijual kepada orang lain."[189]

Telah diriwayatkan daripada Abu Hurairah, bahawa baginda Rasulullah ﷺ bersabda; *"Janganlah seorang Muslim itu menawarkan sesuatu yang sedang ditawar oleh saudaranya Muslim."*[190]

Baginda Nabi ﷺ juga melarang *al-Najisy,* iaitu seorang lelaki yang menaikkan harga sesuatu barang yang mana dia tidak berniat untuk membelinya. Hal itu dilakukan dengan tujuan untuk memberi dorongan kepada orang lain untuk membeli barang tersebut dengan harga yang lebih tinggi. Lelaki tersebut telah melakukan perbuatan dosa, sama ada dia berkongsi dengan penjual mahupun tidak.

Berkata al-Hafiz Ibnu Hajar, para ulama berpendapat; "Menjual sesuatu di atas penjualan orang lain adalah haram hukumnya. Begitu juga membeli sesuatu yang sedang dibeli orang lain. Maksudnya adalah jika seseorang berkata kepada temannya yang sedang membeli barang dan masih dalam masa *Khiyar,* "Batalkanlah pembelianmu, aku akan menjual kepadamu dengan harga yang lebih murah." Atau seseorang berkata kepada penjual; "Batalkanlah penjualanmu, kerana aku dapat membeli darimu dengan harga yang lebih mahal daripada dia." Adapun maksud larangan untuk menawar sesuatu yang sedang ditawar orang lain adalah misalnya ada seseorang yang mengambil sesuatu untuk dibeli,

[189] *Muttafaq 'Alaih*

[190] Riwayat Muslim (2/1032)

kemudian ada orang lain berkata kepadanya; "Kembalikanlah barang itu, aku akan menjual kepadamu barang yang jauh lebih bagus dan murah dibanding barang tersebut." Atau berkata kepada pemilik barang; "Kembalikanlah barang itu, aku akan membeli barangmu di atas harga dia." Hukum haram tersebut berlaku setelah ditetapkannya harga antara penjual dan pembeli dan salah satu di antara mereka berdua telah percaya kepada yang lainnya."[191]

Allah Yang Maha Bijaksana melarang contoh-contoh di atas kerana ia boleh membahayakan masyarakat. Dia juga melarang semua itu merasuk ke dalam jiwa masyarakat. Jika kaum Muslim konsekwen terhadap larangan tersebut dan menjauhi segala tindakan yang merugikan orang lain, maka ukhuwah antara mereka akan terjalin kuat.

Masalah: Menjual Barang Kepada Pembeli Pertama

Jika ada seorang lelaki menjual satu barang kepada dua orang, maka barang tersebut untuk orang pertama bukan untuk yang kedua, kerana ada hadith yang diriwayatkan oleh Samrah daripada baginda Nabi ﷺ, baginda bersabda; *"Seorang wanita yang dikahwinkan oleh dua orang wali, maka dia menjadi milik suami yang pertama dan seorang lelaki yang menjual barangnya kepada dua pembeli, maka barang tersebut untuk pembeli yang pertama."*[192]

---

[191] *Fath al-Bari*, karya Ibnu Hajar al-'Asqalani (4/535)

[192] Riwayat Abu Daud, Tirmizi, Ibnu Majah, Nasa'i dan Ahmad. Al-Albani menganggap lemah pada hadith tersebut.

Berkata al-Syaukani; "Hadith tersebut menjadi dalil bahawa sesungguhnya seseorang yang menjual sesuatu kepada orang lain, kemudian menjual kembali kepada orang lain lagi, maka transaksi jual-beli kepada yang terakhir tidak sah (batal). Kerana ini merupakan termasuk kategori orang tersebut telah menjual sesuatu yang bukan miliknya, sebab barang yang dijual-beli telah dimiliki pembeli pertama. Tidak ada bezanya, sama ada jual-beli yang kedua masih dalam masa *Khiyar* mahupun sudah habis masa *Khiyar.* Kerana bagaimanapun juga barang yang dijual-beli telah keluar dari pemiliknya walau hanya dengan dijual."[193]

Masalah: Keringanan Atas Pembayaran Hutang, "Berilah Potongan Dan Segeralah Dibayar"

Maksudnya adalah menyegerakkan pembayaran hutang yang masih ditunda dengan cara pemilik hutang mengikhlaskan sebahagian hutangnya kepada pemberi hutang *(al-Madin)* sebagai ganti atas jatuh tempoh hutang yang dipercepat dan sisanya dibayar seketika itu juga. Dalam hal ini para ulama berbeza pendapat:

Sebahagian ulama membolehkan seseorang mempercepat pembayaran hutang. Mereka mengambil dalil daripada hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas, dia berkata; "Ketika baginda Rasulullah ﷺ ingin mengusir Yahudi Bani Nadhir, mereka bertanya; "Wahai Rasulullah, sesungguhnya engkau memerintahkan kami untuk keluar, sedangkan ramai orang yang belum membayar hutangnya kepada kami." Lalu baginda Nabi

---

[193] *Nail al-Autar,* karya al-Syaukani (5/218)

ﷺ menjawab; *"Berilah keringanan dan mintalah untuk segera dilunasi."*[194]

Telah diriwayatkan daripada Ibnu Abbas bahawa sesungguhnya tidak ada masalah jika ada orang yang mengatakan; "Aku percepat pembayaran hutangku dan aku harap kamu memberi keringanan."[195] Dalam hal ini, ulama yang membolehkan adalah al-Nakha'i dari golongan tabi'in dan sekelompok ulama pengikut mazhab Hanafi, juga Abu Thaur dari pengikut mazhab Syafi'i. Pendapat Abu Thaur adalah yang dipilih oleh Syaikh Ibnu Taimiyah dalam buku *"al-Ikhtiyarat."*[196] Pendapat Abu Thaur juga dipilih oleh Ibnu Qayyim al-Jauzi, dia berkata; "Kerana perbuatan tersebut tidak sama dengan riba. Hal ini kerana riba mengandungi tambahan pada salah satu dari kedua barang yang saling ditukar sebagai ganti adanya penundaan. Sedangkan perbuatan di atas mengandungi pembebasan sebahagian hutang yang menjadi tanggungjawab seseorang sebagai ganti atas pelunasan hutang yang dipercepat. Oleh kerana itu, sebahagian hutang seseorang bebas, kerana waktu jatuh tempohnya dipercepat. Dengan begitu kedua-dua pihak merasa diuntungkan."

Adapun para ulama yang mengharamkan praktik tersebut adalah kerana ia disamakan dengan praktik riba. Tidak ada bezanya antara seseorang yang mengatakan; "Apakah kamu mahu membayar ataukah kamu mahu melipatgandakan hutangmu," dengan perkataan;

---

194 Riwayat Tabrani dalam kitab *al-Mu'jam al-Ausath* (7/29)

195 Riwayat Baihaqi (6/28)

196 *Al-Ikhtiyarat* (hal. 134)

"Segeralah lunaskan hutangmu dan aku akan memberimu 100 dinar." Kedua-dua perkataan tersebut tidak ada bezanya. Memang tidak ada nas, tidak ada ijmak dan tidak ada *Qiyas Sahih* yang melarang perbuatan tersebut.[197] Banyak fatwa dari institusi-institusi Islam yang membolehkan perbuatan tersebut dan pendapat inilah yang dipilih oleh Syaikh Abdul Rahman Sa'di.[198]

Tetapi ada beberapa ulama dari kalangan sahabat dan tabi'in yang mengharamkan perbuatan tersebut. Dan pendapat inilah yang diambil oleh para imam empat. Mereka beralasan dengan hadith yang diriwayatkan oleh al-Miqdad bin al-Aswad, dia berkata; "Aku meminjamkan wang 100 dinar kepada seorang lelaki, kemudian keluarlah undianku untuk menjadi perutusan dan baginda Rasulullah ﷺ akan segera mengirimku, kemudian aku berkata pada lelaki tersebut; "Bayarlah padaku 90 dinar dan aku memberi potongan untukmu 10 dinar." Lalu dia menjawab; "Aku bersetuju." Kemudian aku melaporkan hal tersebut kepada baginda Nabi ﷺ dan baginda menjawab; *"Kamu telah memakan riba, wahai Miqdad dan kamu juga telah memberi makanan riba kepadanya."*[199]

Telah diceritakan daripada Ibnu Umar, sesungguhnya dia pernah ditanya tentang seorang lelaki yang memiliki hutang pada orang lain dan hutangnya akan dibayarkan pada waktu tertentu. Lalu pemberi hutang akan mengurangi jumlah hutang temannya, sementara orang

---

[197] *A'lam Al-Muwaqqi'in* (3/359)

[198] *Al-Mukhtarat al-Jaliyah min al-Masa'il al-Fiqhiyyah.*

[199] Riwayat Baihaqi, sanad pada hadith tersebut adalah lemah.

yang menghutang akan segera melunasinya. Ibnu Umar tidak menyukai cara tersebut dan melarangnya. Telah diceritakan juga daripada Abu al-Manhal, sesungguhnya dia pernah bertanya kepada Ibnu Umar dengan berkata; "Ada seorang lelaki yang memiliki hutang padaku, kemudian dia berkata padaku: "Percepatlah masa pembayaran hutangku, agar aku mendapatkan potongan dari kamu." Lalu Abu al-Manhal berkata; "Kemudian Ibnu Umar melarangku berbuat seperti itu." Perbuatan tersebut tidak lain adalah perbuatan seperti riba, di mana pemberian potongan hutang sama saja dengan permintaan tambahan. Kedua-duanya sama-sama dihubung kaitkan dengan masa jatuh tempoh dan itu menjadi dasar atas dilarangnya mengambil ganti rugi atas masa jatuh tempoh yang dipercepat atau ditunda.

Sebahagian ulama ada yang membolehkan perbuatan tersebut, akan tetapi hanya pada *Dain al-Kitabah* (hutang hamba sahaya mukatab pada tuannya), bukan pada yang lain. Mereka beralasan bahawa sesungguhnya dalam transaksi *Dain al-Kitabah* makna saling membantu dan mengasihi antara kedua-dua pihak lebih menonjol daripada sekadar hanya transaksi tukar menukar sahaja. Oleh sebab itu, praktik pemotongan hutang dalam *Dain al-Kitabah* bukanlah sebagai ganti atas jatuh tempoh yang dipercepat. Kerana transaksi hutang di sini terjadi antara hamba sahaya mukatab dengan tuannya. Jadi, secara tidak langsung tuannya telah menjual sebahagian hartanya dengan sebahagian yang lain, sehingga transaksi tersebut dibolehkan, hal ini berbeza dengan sistem hutang biasa.

Adapun pendapat yang *Rajih* (unggul, *Wallahu 'A'lam*) adalah pendapat yang membolehkan praktik tersebut, kerana tidak ada dalil yang sahih atas larangan praktik tersebut. Hukum asal dalam muamalah adalah dibolehkan, selama tidak ada dalil yang mengharamkan.[200] *Wallahu 'A'lam*

Masalah: Beberapa Syarat Dalam Akad Jual-Beli

Sesungguhnya yang menjadi dasar dalam segala jenis transaksi jual-beli adalah tidak adanya syarat-syarat yang memang tidak menyokongnya. Dalam hal ini ada orang yang menganggap syarat-syarat tersebut justeru memberikan *mafsadah* (kerosakan) bagi sebuah akad. Akan tetapi kerana ia telah dikenal luas oleh masyarakat dan mereka amat memerlukannya, maka ia tidak dianggap sebagai penyebab timbulnya *mafsadah* (kerosakan) secara umum. Mengganti hukum syariat yang didasarkan pada adat dengan hukum adat merupakan hal yang alamiah, kerana memang tujuan dari syariat adalah mewujudkan kemaslahatan manusia. Oleh kerana itu ada ulama yang berpendapat; "Berubahnya hukum seiring dengan perubahan zaman merupakan kenyataan yang tidak dapat diingkari."

Ibnu Qayyim al-Jauzi berpendapat; "Ketergantungan akad, pembatalannya, kontribusi, kewajipan dan yang lainnya terhadap adanya syarat-syarat tertentu adalah sesuatu yang didorong oleh keadaan dharurah, hajat dan maslahat."

---

[200] Lihat kitab *al-Farq bain al-Bai' wa al-Riba fi Syari'ah al-Islamiyyah*, karya Syaikh Shalih bin Fauzan al-Fauzan

Dia menambah lagi; "Ketentuan syariat yang menjadi dasar bagi sebuah pernyataan adalah sesungguhnya setiap syarat yang bertentangan dengan hukum Tuhan dan Kitab-Nya merupakan syarat yang salah, dan segala sesuatu yang tidak bertentangan dengan hukum Tuhan, maka ia merupakan kelaziman."[201] Allah ﷻ berfirman dalam hal ini:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَوْفُوا۟ بِٱلْعُقُودِ ۚ أُحِلَّتْ لَكُم بَهِيمَةُ ٱلْأَنْعَٰمِ إِلَّا مَا يُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ غَيْرَ مُحِلِّى ٱلصَّيْدِ وَأَنتُمْ حُرُمٌ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ يَحْكُمُ مَا يُرِيدُ ۝١

"Wahai orang-orang yang beriman, penuhilah akad-akad itu. Dihalalkan bagimu binatang ternak, kecuali yang akan dibacakan kepadamu. (Yang demikian itu) dengan tidak menghalalkan berburu ketika kamu sedang mengerjakan haji. Sesungguhnya Allah menetapkan hukum-hukum menurut yang dikehendaki-Nya." **(Surah al-Ma'idah: 1)**

Syarat yang sifatnya lazim menduduki kekuatan akad dan janji.

Pelbagai macam jenis transaksi jual-beli yang sering terjadi pada masa kini memiliki hubungan erat dengan hal-hal lain. Jika di situ tidak ada yang mengaturnya, maka dapat menimbulkan risiko yang membahayakan,

---

201 Lihat kitab *Fiqh al-Mu'amalat* dan *A'lam Al-Muwaqqi'in.*

sama ada terhadap masalah kewangan, akhlak mahupun perilaku. Oleh kerana itu, tidak ada yang mampu menangkis bahaya tersebut kecuali adanya syarat-syarat yang ditentukan. Syarat-syarat tersebut menjadi penutup yang dapat menjamin keamanan sebuah transaksi. Setiap yang dapat menjamin hak dan dapat menangkis bahaya serta dapat mewujudkan seluruh kemaslahatan manusia itu disyariatkan, kerana setiap alat atau sarana memiliki tujuan masing-masing.

Telah diriwayatkan bahawa baginda Rasulullah ﷺ bersabda; *"Sesiapa yang menjual hamba sahaya dan ia memiliki wang, maka wang tersebut menjadi milik penjual, kecuali jika pembeli mensyaratkan wang tersebut."*

Hal ini sebagaimana baginda Nabi ﷺ pernah menjual unta dan baginda mensyaratkan punggungnya hingga sampai ke Madinah. Dalam riwayat lain, baginda bersabda; *"Aku menjual unta dengan beberapa ons gandum dan aku mengecualikan tumpangannya hingga sampai kepada keluargaku."*

Dalam hadith Muslim disebutkan, baginda bersabda; "Kemudian aku menjualnya dengan harga lima ons." Baginda bersabda; "Aku berkata: "Aku berhak atas punggungnya sampai ke Madinah," lalu pembeli (Jabir bin Abdullah) menjawab; "Kamu berhak atas punggungnya hingga sampai ke Madinah."[202]

---

[202] Riwayat Bukhari dan Muslim

Hadith yang diriwayatkan daripada sabda baginda Nabi ﷺ; *"Sesungguhnya kaum Muslim itu bergantung pada syarat-syarat yang mereka buat,"*[203] hadith yang diriwayatkan Umar bin Khattab: "Bahagian-bahagian dalam perkara hak bergantung pada syarat-syarat yang dibuat dan kamu berhak atas sesuatu yang kamu syaratkan."[204] Dan sabda baginda Nabi ﷺ yang diriwayatkan al-Tirmizi; *"Tidak boleh meminjamkan dan menjual sesuatu (dalam satu waktu), tidak boleh ada dua syarat dalam satu penjualan, tidak boleh mengambil keuntungan atas barang yang belum diterima dan tidak boleh menjual sesuatu yang tidak kamu miliki."*[205]

Nas-nas ini adalah dalil yang menunjukkan atas dibolehkannya satu syarat. Berkata Imam Ahmad; "Sesungguhnya yang dilarang adalah adanya dua syarat dalam satu akad jual-beli. Namun jika satu syarat, maka hal tersebut tidak ada masalah."[206] Manakala hadith Jabir yang menyebutkan bahawa baginda Nabi ﷺ mengecualikan tumpangan untanya hingga sampai ke Madinah juga menjadi dalil atas dibolehkannya syarat dalam sebuah transaksi.

Di antara syarat yang dibolehkan dalam akad jual-beli menurut mazhab Hanbali adalah:

---

[203] Riwayat Abu Daud dan Hakim

[204] Riwayat Bukhari (2/969)

[205] Riwayat Tirmizi (3/535), dalam erti bahawa terkumpulnya dua syarat itu mengandungi bahaya.

[206] *Al-Mughni*, karya Ibnu Qudamah.

- Aku menjual barang kepadamu dan pembayarannya pada hari Rabu misalnya. Tapi jika hari tersebut tiba aku tidak membayarnya, maka jual-beli tidak jadi (diteruskan).
- Jual-beli dengan berpandukan pada harga pasar, tanpa mengira harga tertentu pada saat akad. Ibnu Qayyim al-Jauzi berpendapat; "Itu adalah cara yang banyak dilakukan oleh ramai orang di sepanjang masa dan di penjuru daerah." Ini adalah yang ditetapkan oleh Imam Ahmad.[207]
- Jika seseorang menjual haiwan yang dapat dimakan dan dia mengecualikan kepala dan kulitnya, maka jual-beli seperti itu adalah sah.
- Jika seseorang menjual unta atau kenderaan dan dia mensyaratkan tumpangannya hingga sampai ke tempat tertentu atau waktu tertentu, maka jual-belinya sah.
- Jika kedua-dua pihak mensyaratkan bahawa sesuatu yang terhalang atau tercicir harus diganti, maka akad tersebut juga sah.
- Jika seseorang menjual kumpulan haiwan gembalaannya dan mengecualikan seekor kambingnya, maka itu sah.

Masalah: *Al-Khiyar* Dalam Akad Jual-Beli

Allah ﷻ telah memberikan toleransi berupa *Khiyar* (pilihan) bagi kedua-dua pihak setelah mereka melakukan transaksi. Sehingga memungkinkan mereka

---

[207] *A'lam al-Muwaqqi'in* (4/6)

untuk kembali ke meja transaksi. Kadang-kala tiba-tiba ada sebab yang melintas di benak salah seorang dari keduanya untuk merubah akad atau salah seorang dari mereka melihat ada sesuatu yang tidak sesuai dengan akad atau tidak sesuai kesepakatan. Oleh kerana itu, Allah Yang Maha Bijaksana memberikan kesempatan kepada kedua-dua pihak untuk saling melihat dan meneliti barang yang akan dijual-beli. Di sini kita akan membahas satu bab tentang *al-Khiyar*. Para ulama membagi *al-Khiyar* menjadi tujuh bahagian:

1. *Khiyar al-Majlis*
   Maksud daripada *Khiyar al-Majlis* adalah ketika suatu barang dijual, maka masing-masing pihak, sama ada penjual mahupun pembeli, berhak untuk membatalkan akadnya selama mereka masih dalam satu majlis dan belum berpisah. Pintu transaksi masih terbuka sampai salah satu dari kedua-duanya keluar dari majlis atau sampai kedua-duanya menggugurkan syarat *Khiyar*. Contohnya, salah satu dari kedua-duanya berkata kepada yang lain; "Kita telah melakukan transaksi jual-beli dan kita tidak memberlakukan *Khiyar*." Jika mereka bersepakat, maka *Khiyar* tidak berlaku. Baginda Rasulullah ﷺ bersabda; "Apabila dua orang lelaki melakukan transaksi, maka setiap dari mereka berhak untuk memilih, selama mereka berdua belum berpisah dan dalam keadaan kumpul bersama atau salah satu dari mereka mengajukan *Khiyar*, maka atas dasar itulah transaksi jual-beli mereka sah. Dan apabila kedua-dua pihak telah berpisah setelah mereka melakukan transaksi dan salah satu dari mereka tidak meninggalkan jual-beli, maka hukum jual-beli

tersebut sah."[208] Hadith tersebut memiliki makna bahawa jika mereka berdua bersepakat tidak memberlakukan *Khiyar*, maka jatuhlah kesepakatan tersebut. Dan salah satu dari mereka berdua tidak dibolehkan dengan sengaja mengelabui yang lain, dalam erti dia buru-buru keluar dari majlis agar tidak ada kesempatan *Khiyar*. Baginda Nabi ﷺ bersabda; *"Tidak dihalalkan bagi seseorang untuk berganjak dari majlisnya, kerana khuatir rakan kongsinya (rakannya) akan membatalkan jual-beli."*[209] Adapun masalah majlis jual-beli dikembalikan pada hukum adat kebiasaan.

2. *Khiyar al-Syart*

   Maksud daripada *Khiyar al-Syart* adalah misalnya ada salah satu dari kedua-dua pihak berkata; "Aku memerlukan tiga hari untuk menyempurnakan akad jual-beli ini, jika aku berubah fikiran, maka akad jual-beli menjadi batal." *Khiyar* jenis ini disyariatkan dan tidak dibatasi waktunya. Dan waktu tergantung pada kesepakatan antara kedua-dua pihak yang tertulis ketika melakukan akad dan *Khiyar* ini tidak berlaku setelah akad selesai.

3. *Khiyar al-Ghabn*

   Khiyar ini berkaitan dengan perihal harga. Ketika seseorang berbuat curang terhadap pembeli dan kecurangan tersebut bertentangan dengan hukum adat, maka dia berhak mengajukan *Khiyar*. Para

---

[208] *Muttafaq 'Alaih*

[209] Hadith diriwayatkan oleh lima Imam Hadith

ulama menuturkan bahawa kecurangan ada tiga bentuk:

Pertama; *Talaqqi al-Rukban* (menjemput kafilah peniaga sebelum mereka sampai ke pasar). Dalam hal ini mereka berhak atas *Khiyar*, kerana ada hadith yang menyatakan; *"Ketika seseorang mendatangi pemilik barang (penjual), maka penjual tersebut berhak atas Khiyar."*[210]

Kedua; *Al-Najsy*. Hadith tentang hal ini telah diterangkan di atas.

Ketiga; *Al-Mustarsal*. Para ulama fiqh mendefinisikan *al-Mustarsal*, iaitu; seseorang yang melakukan penipuan dalam transaksi jual-beli atau seseorang yang tidak mengetahui harga barang yang akan dijual-belikan atau seseorang yang tidak mengetahui barang yang dijual-beli. Oleh kerana itu, jika salah seorang dari kedua-dua pihak berbuat curang, maka yang lain berhak untuk mengajukan *Khiyar*. Hal ini kerana ada sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Ibnu Umar, sesungguhnya ada seorang lelaki bertutur kepada baginda Nabi ﷺ bahawa dirinya telah melakukan tindak penipuan dalam jual-beli. Lalu baginda Nabi ﷺ menjawab; *"Jika kamu menjual sesuatu, maka janganlah kamu menipu dengan mulut kamu."*[211]

Jika seorang pembeli merasa ditipu, maka dia berhak mengajukan *Khiyar*. Dan dia harus mendatangkan bukti atas kecurangan yang terjadi. Jika berkeinginan, dia boleh membatalkan akad atau meneruskannya. Adapun yang menjadi dasar adalah harga pasaran.

---

[210] Riwayat Muslim

[211] *Muttafaq 'Alaih*

4. *Khiyar al-Tadlis*
   Khiyar al-Tadlis adalah seseorang yang memperlihatkan barang dagangannya, namun tidak sesuai dengan kenyataannya. Sesiapa yang ditipu dengan cara seperti itu, maka dia berhak untuk mengajukan *Khiyar.* Hal ini sebagaimana orang yang menahan air susu dari seekor kambing, unta atau lembu, sehingga haiwan tersebut terlihat memiliki air susu yang amat melimpah. Hal ini kerana ada sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah, sesungguhnya baginda Rasulullah ﷺ bersabda; *"Janganlah kamu menahan air susu unta dan kambing."* Dan sesiapa yang terlanjur membeli haiwan tersebut, maka setelah memerahnya dia berhak atas dua pilihan; Jika dia mahu, maka peganglah atau jika dia tidak mahu, maka kembalikanlah susu tersebut dan gantilah dengan satu *Sha'* kurma."

5. *Khiyar al-'Aib*
   Jika seseorang melihat barang yang dibeli kurang dari yang dijanjikan, maka dia berhak mengajukan *Khiyar* (memilih); mengembalikannya atau mengambil ganti rugi, iaitu ganti rugi yang sekiranya dapat melengkapi kekurangannya.

6. *Khiyar al-Khalaf* (perbezaan pengakuan) dalam hal harga barang.
   Maksudnya adalah pengakuan kedua-dua pihak yang saling berbeza. Salah seorang dari mereka berkata; "Aku telah membeli barang tersebut dengan harga sekian." Dan yang lain berkata; "Bukan begitu, tapi begini." Perselisihan tersebut tidak disokong oleh

bukti, saksi dan dalil. Jika terjadi demikian, maka kedua-dua pihak berhak untuk membatalkan akadnya setelah penjual bersumpah terlebih dahulu dan lalu dilanjutkan dengan pembeli yang bersumpah. Jika salah satu daripada mereka tidak mempercayai sumpah yang lain, maka dia berhak membatalkan akad jual-belinya.

7. *Khiyar al-Khalaf* dalam sifat
   Maksudnya adalah seorang pembeli dan penjual saling berbeza dalam mengakui jenis barang yang dijual-belikan. Si pembeli berkata; "Aku telah membeli perabot ini dari dia." Sementara penjual berkata; "Bukan itu yang aku jual, tetapi yang lainnya." Atau dia menemukan barang yang dijual-belikan tidak sesuai dengan yang disifatkan oleh penjual. Padahal yang membezakan antara penglihatan dan penyerahan barang adalah waktu yang sangat singkat. *Wallahu 'A'lam*

Masalah: Jual-beli Pada Musim Haji

Allah ﷻ berfirman:

لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَن تَبْتَغُوا۟ فَضْلًا مِّن رَّبِّكُمْ ۚ فَإِذَآ أَفَضْتُم مِّنْ عَرَفَٰتٍ فَٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ عِندَ ٱلْمَشْعَرِ ٱلْحَرَامِ ۖ وَٱذْكُرُوهُ كَمَا هَدَىٰكُمْ وَإِن كُنتُم مِّن قَبْلِهِۦ لَمِنَ ٱلضَّآلِّينَ ﴿١٩٨﴾

"Tidak ada dosa bagimu untuk mencari kurnia (rezeki hasil perniagaan) dari Tuhanmu. Maka apabila kamu telah bertolak dari 'Arafah, berzikirlah kepada Allah di Masy'aril Haram. Dan berzikirlah (dengan menyebut) Allah sebagaimana yang ditunjukkan-Nya kepadamu; dan sesungguhnya kamu sebelum itu benar-benar termasuk orang-orang yang sesat." **(Surah al-Baqarah: 198)**

Telah diriwayatkan daripada Ibnu Abbas, dia berkata; "'Ukazh, Majannah dan Dzul Majaz adalah nama-nama pasar pada masa jahiliyah. Mereka meninggalkan perdagangan pada saat musim haji tiba. Lalu turunlah ayat di atas."[212] Telah diriwayatkan daripada Mujahid, dia berkata; "Mereka takut melakukan transaksi juabeli pada musim haji, lalu turunlah ayat tersebut."[213] Ibnu Jarir dalam tafsirnya meriwayatkan hadith daripada Abu Shalih (*Maula* Umar), dia berkata; "Aku berkata: "Wahai Amirul Mukminin, apakah kamu berniaga pada musim haji? Umar menjawab; "Apakah di musim haji mereka tidak memerlukan biaya hidup? Kerana sesungguhnya Allah ﷻ telah menafikan dosa bagi orang yang mencari kurnia-Nya dengan cara jual-beli dan bentuk-bentuk pekerjaan lain."

Perbahasan ke-2: Niat Yang Baik

Niat memiliki peranan penting dalam setiap aktiviti seorang Muslim, sama ada aktiviti yang berkaitan dengan

[212] Riwayat Bukhari (4/1642)
[213] Riwayat Abu Daud (1/540)

agama mahupun dunia. Dengan niat, amal perbuatan seseorang menjadi kuat dan lemah. Sah atau tidaknya suatu amal juga bergantung pada niat. Baginda Rasulullah ﷺ bersabda; *"Sesungguhnya segala amal perbuatan bergantung pada niatnya dan setiap orang bergantung pada apa yang diniatkan."*[214] Baginda bersabda lagi; *"Sesungguhnya Allah tidak melihat bentuk fizikal dan harta kamu semua, akan tetapi Allah melihat hati dan amal perbuatan kamu semua."*[215] Maksud "melihat hati" dalam hadith tersebut adalah melihat niatnya. Niat adalah yang menopang perbuatan sekaligus mendorongnya. Oleh kerana itu, baginda bersabda; *"Sesiapa yang berkeinginan untuk malakukan kebaikan, lalu dia tidak jadi melakukannya, maka Allah mencatat untuknya satu kebaikan."*[216] Baginda bersabda pada saat baginda sedang berada di Tabuk; *"Sesungguhnya di Madinah ada beberapa kelompok. Kamu sekalian tidak berjalan dan bepergian, kecuali mereka bersama kamu."* Lalu para sahabat bertanya; "Wahai Rasulullah, apakah mereka berada di Madinah?" Nabi menjawab; *"Mereka berada di Madinah, namun halangan telah merintangi mereka."*[217]

Niat yang baik menjadikan orang yang tidak berperang mendapat pahala sama dengan yang berperang, menjadikan orang yang tidak berjihad mendapat pahala sama dengan yang berjihad. Oleh kerana itu, wajib bagi

---

[214] *Muttafaq 'Alaih*

[215] Riwayat Muslim (4/1986)

[216] Riwayat Bukhari

[217] Riwayat Bukhari (4/1610) dan lihat *Manhaj al-Muslim*, karya Abu Bakar al-Jaza'iri.

seorang Muslim untuk selalu berniat baik dalam perniagaannya, sekiranya muamalah yang mubah dapat berbalik menjadi ibadah yang mengandung pahala kerana niat baiknya dan suatu ibadah ketika tidak disertai niat yang baik, maka dapat berbalik menjadi kemaksiatan yang mengandungi dosa dan seksaan.

Seseorang Muslim dalam perniagaannya wajib berniat untuk menghindari tindakan meminta kepada orang lain dan berniat untuk memberi keluarga dan anak-anaknya agar dia termasuk golongan orang-orang yang berjihad. Maka dari itu, hendaklah bagi kaum Muslim untuk selalu berniat yang baik, mengikuti jalan keadilan dan kebaikan dalam setiap muamalahnya. Telah diriwayatkan daripada Anas, "Pada suatu hari ada seorang lelaki berjalan melalui baginda Nabi ﷺ, kemudian para sahabat melihat keuletan dan kegigihan lelaki tersebut, lalu mereka bertanya; "Wahai Rasulullah, bagaimana jika lelaki tersebut beramal di jalan Allah? Baginda Rasulullah ﷺ menjawab; *"Apabila dia keluar bekerja untuk mencari nafkah bagi anaknya yang masih kecil, maka dia termasuk beramal di jalan Allah. Dan apabila dia keluar bekerja untuk mencari nafkah bagi kedua orang tuanya yang sudah tua, maka dia termasuk beramal di jalan Allah. Dan apabila dia keluar bekerja untuk menjaga harga dirinya, maka dia termasuk beramal di jalan Allah. Dan apabila dia keluar bekerja kerana riya' atau sombong, maka dia termasuk beramal di jalan syaitan."*[218]

Jika demikian, maka wajib bagi peniaga Muslim untuk tidak sekadar mengumpulkan dan menimbun

---

[218] Riwayat Tabrani dalam kitab *al-Mu'jam al-Kabir* (19/129)

harta benda sahaja, tanpa ada niat baik untuk menegakkan amal kebajikan seperti yang telah diwajibkan oleh agama Islam, sama ada terhadap diri sendiri, keluarga dan masyarakatnya.

Peniaga Muslim sebaiknya mengetahui bahawa niat yang baik tidak dapat mempengaruhi amal yang buruk, kerana amal yang buruk tidak akan dapat berubah menjadi ketaatan hanya kerana niatnya yang baik. Maka dari itu, sebaiknya seorang Muslim mengetahui fiqh muamalah agar dia tidak terjerumus ke dalam jurang yang telah Allah peringatkan hanya kerana mengaku berniat baik. Niat yang baik sahaja tidak dapat membuahkan kebaikan dan tidak pula mengarahkan kepada kebaikan, kecuali kebaikan tersebut lahir dari ilmu, fiqh, hikmah dan ketajaman fikirannya.

Mengetahui Halal Dan Haram Merupakan *"Fiqh Al-Mu'amalah"*

Umar bin Khattab pernah berteriak-teriak sambil mengelilingi pasar, dia berkata; "Tidak boleh melakukan transaksi jual-beli di pasar kita ini, kecuali orang yang memahami agama." Jika tidak memahami agama, maka dia mungkin memakan wang riba, sama ada dia menghendakinya ataupun tidak menghendakinya.

Oleh kerana itu, wajib bagi peniaga Muslim untuk mempelajari hukum-hukum muamalah Islam, khususnya tentang segala sesuatu yang dapat menjerumuskan dia kepada hal-hal yang diharamkan. Sehingga dia mengetahui bentuk-bentuk jual-beli yang dibenarkan

dan sebab-sebab mengapa ia dibenarkan, mengetahui bentuk-bentuk jual-beli yang dilarang dan sebab-sebab mengapa ia dilarang, bentuk-bentuk riba dan jenisnya, akhlak yang harus dipegang, dan mengetahui tentang tindakan-tindakan kotor yang harus ditinggalkan. Ketika seseorang ragu apakah muamalahnya sah atau tidak, kerana dia tidak mengetahui hukumnya, maka dia tidak terkena ketentuan, apakah muamalahnya sah atau tidak. Jadi, dia tidak boleh mempergunakan wang yang didapatkan dari temannya dan wang yang diberikan kepada temannya. Akan tetapi hendaklah dia belajar dan berhati-hati walau hanya sekadar mengatur atau merancang dan sejenisnya. Dengan tujuan agar terhindar dari perkara-perkara syubhat, sebagaimana baginda Rasulullah ﷺ telah memerintahkan kepada kita untuk menjauhinya, sehingga kita benar-benar yakin jika muamalah kita halal dan baik. *Wallahu 'A'lam*

Mencatat Hutang Dan Membuat Persaksian

Disunnahkan untuk mencatat akad dan jumlah hutang yang ditangguhkan. Disunnahkan juga untuk membuat persaksian atas transaksi jual-beli yang ditangguhkan dan mencatat transaksi hutang. Hal ini kerana Allah ﷻ berfirman yang ertinya: *"Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu bermuamalah tidak secara tunai untuk waktu yang ditentukan, hendaklah kamu menuliskannya. Dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menuliskannya dengan benar. Dan janganlah penulis enggan menuliskannya sebagaimana Allah telah mengajarkannya, maka hendaklah ia menulis, dan hendaklah orang yang berhutang itu mengimlakkan (apa*

yang akan ditulis itu), dan hendaklah ia bertakwa kepada Allah Tuhannya, dan janganlah ia mengurangi sedikitpun daripada hutangnya. Jika yang berhutang itu orang yang lemah akalnya atau lemah (keadaannya) atau dia sendiri tidak mampu mengimlakkan, maka hendaklah walinya mengimlakkan dengan jujur. Dan persaksikanlah dengan dua orang saksi dari orang-orang lelaki di antaramu). Jika tak ada dua orang lelaki, maka (boleh) seorang lelaki dan dua orang perempuan dari saksi-saksi yang kamu redhai, supaya jika seorang lupa maka seorang lagi mengingatkannya. Janganlah saksi-saksi itu enggan (memberi keterangan) apabila mereka dipanggil; dan janganlah kamu jemu menulis hutang itu, sama ada yang kecil mahupun yang besar sampai batas waktu membayarnya. Yang demikian itu, lebih adil di sisi Allah dan lebih dapat menguatkan persaksian dan lebih dekat kepada tidak (menimbulkan) keraguanmu, (Tulislah muamalahmu itu), kecuali jika muamalah itu perdagangan tunai yang kamu jalankan di antara kamu, maka tak ada dosa bagi kamu, (jika) kamu tidak menulisnya. Dan persaksikanlah apabila kamu berjual-beli; dan janganlah penulis dan saksi saling sulit-menyulitkan. Jika kamu lakukan (yang demikian), maka sesungguhnya hal itu adalah suatu kefasikan pada dirimu. Dan bertakwalah kepada Allah; Allah mengajarmu; dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu." (Surah al-Baqarah: 282)

Selalu Mengingat Allah Dan Bersyukur Kepada-Nya

Hendaklah aktiviti seorang peniaga Muslim tidak menghalanginya untuk sentiasa membaca kalimat-

kalimat wirid, zikir kepada Allah dan selawat kepada baginda Nabi. Para peniaga soleh yang hidup pada masa-masa lalu sentiasa menjadikan awal dan akhir waktu siang untuk berzikir kepada Allah dan beribadah kepada-Nya. Dan di antara kedua waktu tersebut, mereka menggunakannya untuk berniaga. Ketika mereka mendengar azan Zohor atau Asar, hendaknya mereka meninggalkan dagangannya untuk menunaikan kewajipan solat. Allah ﷻ berfirman dalam hal ini:

رِجَالٌ لَّا تُلْهِيهِمْ تِجَٰرَةٌ وَلَا بَيْعٌ عَن ذِكْرِ ٱللَّهِ وَإِقَامِ ٱلصَّلَوٰةِ وَإِيتَآءِ
ٱلزَّكَوٰةِ يَخَافُونَ يَوْمًا تَتَقَلَّبُ فِيهِ ٱلْقُلُوبُ وَٱلْأَبْصَٰرُ ﴿٣٧﴾

"Lelaki yang tidak dilalaikan oleh perniagaan dan tidak (pula) oleh jual-beli dari mengingati Allah, dan (dari) mendirikan sembahyang, dan (dari) membayarkan zakat. Mereka takut kepada suatu hari yang (pada hari itu) hati dan penglihatan menjadi goncang." **(Surah al-Nur: 37)**

Wajib bagi seorang Muslim untuk selalu mengingati Allah, membaca tasbih dan tahlil. Baginda Rasulullah ﷺ bersabda; *"Sesiapa yang memasuki pasar, kemudian dia berkata; "Tidak ada Tuhan selain Allah Yang Maha Esa dan tiada sekutu bagi-Nya. Dia Yang memiliki kerajaan dan Dia Yang layak mendapat pujian, dan Dia-lah Zat Yang menentukan hidup dan mati. Dia-lah Zat Yang Maha hidup, dengan genggaman-Nya kebaikan tidak*

akan pudar. Dia-lah Zat Yang Maha kuasa atas segala sesuatu, maka Allah menulis untuknya 1000 kebaikan."[219]

Disunnahkan baginya untuk berdoa dengan doa *Ma'thur* dan membaca dua kalimat syahadat. Sebagaimanan disunnahkan juga untuk membaca takbir sebanyak tiga kali pada setiap pembeliannya, memohon dilimpahkan rezeki, mengharapkan rezeki yang tidak disangka dan tidak hanya mengandalkan kecerdasan dan kerja keras serta merasa cukup dengan kedua-duanya.

Wajib bagi peniaga Muslim untuk selalu bersyukur kepada Allah ﷻ atas rezeki dan keuntungan materi yang telah dilimpahkan padanya. Wajib baginya untuk selalu bersyukur kepada Allah ﷻ dengan mengakui nikmat yang telah diberikan, menyalurkannya dan menjadikannya sebagai pendukung untuk taat kepada-Nya. Allah ﷻ berfirman:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ ۖ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾

"Dan (ingatlah juga), tatkala Tuhanmu memaklumkan: "Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah (nikmat) kepadamu, dan jika kamu mengingkari (nikmat-Ku), maka sesungguhnya azab-Ku sangat pedih". **(Surah Ibrahim: 7)**

---

[219] Riwayat Tirmizi

Allah ﷻ menghubungkan bertambahnya nikmat dengan syukur. Dia ﷻ berfirman:

وَمَا كَانَ لِنَفْسٍ أَن تَمُوتَ إِلَّا بِإِذْنِ ٱللَّهِ كِتَـٰبًا مُّؤَجَّلًا ۗ وَمَن يُرِدْ ثَوَابَ ٱلدُّنْيَا نُؤْتِهِۦ مِنْهَا وَمَن يُرِدْ ثَوَابَ ٱلْـَٔاخِرَةِ نُؤْتِهِۦ مِنْهَا ۚ وَسَنَجْزِى ٱلشَّـٰكِرِينَ ﴿١٤٥﴾

"Sesuatu yang bernyawa tidak akan mati melainkan dengan izin Allah, sebagai ketetapan yang telah ditentukan waktunya. Sesiapa menghendaki pahala dunia, nescaya Kami berikan kepadanya pahala dunia itu, dan sesiapa menghendaki pahala akhirat, Kami berikan (pula) kepadanya pahala akhirat. Dan Kami akan memberi balasan kepada orang-orang yang bersyukur." (Surah Ali Imran: 145)

Allah ﷻ juga berfirman:

وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِهِ ٱلرُّسُلُ ۚ أَفَإِي۟ن مَّاتَ أَوْ قُتِلَ ٱنقَلَبْتُمْ عَلَىٰٓ أَعْقَـٰبِكُمْ ۚ وَمَن يَنقَلِبْ عَلَىٰ عَقِبَيْهِ فَلَن يَضُرَّ ٱللَّهَ شَيْـًٔا ۗ وَسَيَجْزِى ٱللَّهُ ٱلشَّـٰكِرِينَ ﴿١٤٤﴾

"Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang rasul, sungguh telah berlalu sebelumnya beberapa orang rasul. Apakah jika dia wafat atau dibunuh kamu berbalik ke

belakang (murtad)? Sesiapa yang berbalik ke belakang, maka ia tidak dapat mendatangkan mudharat kepada Allah sedikitpun; dan Allah akan memberi balasan kepada orang-orang yang bersyukur." **(Surah Ali Imran: 144)**

Dalam kitab *"Sahih Muslim"* disebutkan; *"Sesungguhnya Allah pasti akan meredhai hamba yang memakan makanan, lalu atas makanan tersebut dia memuji-Nya dan hamba yang meminum minuman, lalu atas minuman tersebut dia memuji-Nya."*[220]

Syukur merupakan pengikat nikmat dan sebagai penyebab bertambahnya nikmat. Oleh kerana itu, hendaknya seseorang menjauhi keluhan atas tidak adanya keuntungan dan atas kekurangan modal. Dalam sebuah hadith disebutkan; *"Sesungguhnya orang yang mengeluh atas keadaan tersebut, bererti dia telah mengeluh kepada Allah."* Wajib bagi peniaga Muslim jika memang keadaan tersebut menimpanya, maka tampakkanlah bahawa itu adalah realiti hidup dan bukan hanya sekadar keluhan. Wajib bagi dia untuk selalu mengkoreksi keadaan tersebut dan bertindak dengan memuji dan bersyukur kepada-Nya atas sesuatu yang telah diberikan dan dimudahkan. Kerana sesungguhnya nikmat Allah ﷻ tidak terhitung dan tidak boleh dilupakan.

Di antara bentuk-bentuk rasa syukur seseorang kepada Allah ﷻ adalah dengan menampakkan konsekwensi atas nikmat yang telah diberikan Allah kepadanya. *"Sesungguhnya Allah ingin melihat kesan*

---

[220] Riwayat Muslim dan Tirmizi

daripada nikmat yang telah diberikan kepada hamba-Nya."[221]

Dengan menggunakan nikmat yang berupa keuntungan materi di jalan Allah, seperti bersilaturrahim. Baginda Nabi ﷺ bersabda; *"Sesiapa yang ingin dilapangkan rezekinya dan dipanjangkan umurnya, maka hendaklah ia bersilaturrahim."*[222] Di antara bentuk-bentuk rasa syukur lagi adalah dengan melindungi kaum fakir, oleh kerana itu, janganlah menuntut mereka ketika mereka berhalangan. *"Sesiapa yang menolong seseorang yang bengkrap dalam perniagaannya, maka Allah akan mengangkat dia pada hari kiamat nanti."*[223]

Di antaranya lagi adalah dengan menyedekahkan sedikit harta bendanya. Oleh kerana itu, hendaklah seorang peniaga menyisihkan sedikit hasil peniagaannya selain zakat untuk kaum fakir. Hendaklah dia memberikan hasil dari dagangannya atau harta bendanya kepada kaum fakir ketika mereka memerlukannya. Hal tersebut dapat menghapus segala kesalahan yang pernah ia lakukan, sama ada yang disengaja mahupun yang tidak, pada saat dia melakukan transaksi jual-beli. Betapa para peniaga memerlukan sarana penghapus tersebut. Allah ﷻ berfirman:

---

[221] Riwayat Tirmizi (5/123)
[222] Riwayat Bukhari (5/2232)
[223] Riwayat Ibnu Hibban dalam kitab *Sahih Ibnu Hibban* (11/404)

وَأَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَ طَرَفَيِ ٱلنَّهَارِ وَزُلَفًا مِّنَ ٱلَّيْلِ ۚ إِنَّ ٱلْحَسَنَٰتِ يُذْهِبْنَ ٱلسَّيِّـَٔاتِ ۚ ذَٰلِكَ ذِكْرَىٰ لِلذَّٰكِرِينَ ﴿١١٤﴾

"Dan dirikanlah sembahyang itu pada kedua tepi siang (pagi dan petang) dan pada bahagian permulaan daripada malam. Sesungguhnya perbuatan-perbuatan yang baik itu menghapuskan (dosa) perbuatan-perbuatan yang buruk. Itulah peringatan bagi orang-orang yang ingat." (Surah Hud: 114)

Mencari Yang Halal Dan Menjauhi Yang Syubhat

Allah ﷻ telah mewajibkan kepada peniaga Muslim untuk mencari yang halal dan menjauhi yang haram. Telah diriwayatkan daripada Anas bin Malik daripada baginda Nabi ﷺ, baginda bersabda; *"Mencari rezeki yang halal wajib hukumnya bagi setiap Muslim."*[224] Baginda Nabi ﷺ pernah bersabda; *"Janganlah melambatkan untuk mengais rezeki, sesungguhnya seorang hamba tidak akan meninggal dunia kecuali telah mendapatkan rezekinya. Oleh kerana itu, tempuhlah jalan yang benar dalam mencarinya; mengambil yang halal dan mencampakkan yang haram."*[225] Mencari yang halal dapat menjernihkan hati. Baginda Rasulullah ﷺ bersabda; *"Ingatlah, bahawa di dalam hati ada segumpal darah, jika ia baik maka*

---

[224] Riwayat Tabrani dalam kitab *al-Ausath* (8/82)

[225] *Al-Mustadirruhu li al-Hanim* (2/4), *Mawi al-Dzahabi 'ala Syarth al-Bukhari wa Muslim.*

seluruh jasad ikut baik dan jika ia buruk maka jasad ikut buruk, ingatlah ia adalah hati."

Hadith ini mengiringi hadith lain yang berbunyi; *"Perkara-perkara yang halal telah jelas dan yang haram juga telah nyata dan di antara keduanya ada perkara yang syubhat."*[226]

Mencari yang halal dapat menyelamatkan seseorang daripada kebinasaan. Sahl bin Abdullah berkata; "Keselamatan ada pada tiga perkara: memakan yang halal, menjalankan kewajipan dan meneladani baginda Nabi ﷺ. Dan dia berkata; "Tidak sah memakan yang halal kecuali dengan ilmu, dan harta tidak menjadi halal kecuali bersih dari enam perkara; harta riba, barang haram, barang ilegal, barang yang didapat kerana dengki, barang yang merugikan dan barang syubhat." Dan dikatakan; "Sesiapa yang memakan barang halal selama 40 hari, maka Allah akan menyinari hatinya dan melalui lisannya terpancar hikmah yang bersumber dari kejernihan hati." Sebahagian ulama berpendapat; "Sesiapa yang menundukkan pandangannya dari hal-hal yang diharamkan dan menjaga dirinya dari barang syubhat dan hatinya selalu waspada serta membiasakan makan yang halal, maka kata hatinya tidak akan pernah melenceng."

Itu semua adalah hasil daripada mencari yang halal dan menjauhi yang haram yang boleh menghantarkan ke neraka. Baginda Rasulullah ﷺ bersabda; *"Sesungguhnya daging yang tumbuh dari barang kotor (yang dimarah*

---

226 Riwayat Bukhari (1/8)

Allah) tidak akan dapat bertambah, kecuali neraka lebih utama baginya."[227]

Sebagaimana diwajibkan bagi seorang Muslim untuk menjauhi barang-barang syubhat dan segala sesuatu yang diperkirakan mengandungi riba. Baginda Rasulullah ﷺ bersabda; *"Perkara-perkara yang halal telah jelas dan yang haram juga telah nyata dan di antara keduanya ada perkara yang syubhat."*[228] Setiap Muslim agar selalu berpegang teguh pada barang yang halal dan baik. Baginda Rasulullah ﷺ bersabda; *"Wahai manusia, sesungguhnya Allah itu baik dan tidak menerima sesuatu kecuali yang baik."*[229] Juga hendaknya menjauhi barang-barang yang haram dan yang mengandung syubhat. *Wallahu 'A'lam*

Menghindari Sumpah

Telah diriwayatkan daripada Abu Hurairah, dia berkata; "Aku pernah mendengar baginda Rasulullah ﷺ bersabda; *"Sumpah dapat membuat dagangan laku dan dapat melebur keuntungan (keberkatannya)."*[230]

Telah diriwayatkan daripada Abu Qatadah, dia pernah mendengar baginda Rasulullah ﷺ bersabda; *"Berhati-hatilah kamu semua dengan mengumbar sumpah semasa berniaga, kerana hal tersebut dapat membuat*

---

[227] Riwayat Tirmizi dan hadith dianggap sahih oleh al-Albani dalam kitab *Sahih al-Tirimidzi.*
[228] Riwayat Bukhari (1/8)
[229] Riwayat Muslim (2/703)
[230] Riwayat Muslim (2/1228)

barang dagangannya cepat laku, namun dapat melebur keberkatannya."[231]

Dalam hadith lain disebutkan; "Ada tiga orang yang Allah tidak mahu melihatnya, lalu baginda Rasulullah ﷺ menyebutkan tiga orang tersebut dan di antaranya adalah orang yang memperdagangkan barangnya dengan mengumbar sumpah palsu."[232]

Dia telah berdagang dengan mengatasnamakan Allah. Dia tidak menghindari barang dagangannya dari sumpah palsu. Dia selalu mengumbar sumpah dalam setiap jual-belinya. Dia telah melakukan dosa besar. Allah ﷻ berfirman dalam hal ini:

وَلَا تَجْعَلُوا۟ ٱللَّهَ عُرْضَةً لِّأَيْمَـٰنِكُمْ أَن تَبَرُّوا۟ وَتَتَّقُوا۟ وَتُصْلِحُوا۟

بَيْنَ ٱلنَّاسِ ۗ وَٱللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٢٤﴾

"Janganlah kamu jadikan (nama) Allah dalam sumpahmu sebagai penghalang untuk berbuat kebajikan, bertakwa dan mengadakan ishlah di antara manusia. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui." **(Surah al-Baqarah: 224)**

Sesungguhnya orang bersumpah kepada Allah dan dia yakin jika sumpahnya bohong, maka dia telah bersumpah dengan sumpah palsu yang termasuk dosa besar. Tidak ada yang dapat menghapus dosa sumpah

---

[231] Riwayat Muslim (2/1228)
[232] Riwayat Muslim (1/102)

palsu kecuali taubat yang telus. Dia mengumbar sumpah dengan tujuan agar dagangannya laku cepat, meskipun dengan cara berbohong, menipu dan bertindak curang. Dia tidak memperdulikan apakah pekerjaannya seperti itu termasuk dihalalkan atau diharamkan. Semua itu merupakan bahaya perniagaan.

Maka dari itu, wajib bagi seorang peniaga Muslim untuk menjauhi sumpah semampu mungkin, meskipun sumpah tersebut benar. Sesiapa yang terlanjur mengucapkan sumpah, maka dia wajib bertaubat dan meminta maaf kepada pembeli atas mensia-siakan haknya, jika dia mengetahui rumahnya. Tetapi jika tidak mengetahui rumahnya, maka doakanlah ia untuk selalu mendapat kebaikan.

Menghias Diri Dengan Akhlak Mulia

Sesungguhnya tujuan kita dalam mengelola kewangan, pekerjaan, aktiviti dan cuti kita dari pekerjaan, juga tujuan kita meninggalkan perilaku kotor dan berpegang teguh pada perilaku mulia adalah untuk membersihkan dan mensucikan jiwa kita, agar kita mendapatkan redha-Nya. Ketika kita memegang teguh akhlak mulia, maka kita dan masyarakat kita akan meraih kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Sesungguhnya baginda Nabi ﷺ bersabda; *"Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak yang mulia."*[233] Baginda Rasulullah ﷺ bersabda;

[233] Riwayat al-Baihaqi dalam kitab *al-Sunan* (10/191)

"Kaum Mukmin yang paling sempurna imannya adalah mereka yang paling baik akhlaknya."[234] Baginda bersabda lagi; *"Sesungguhnya di antara kamu semua yang paling aku cintai adalah yang paling baik akhlaknya, orang-orang yang berjalan dengan sikap rendah hati adalah mereka yang saling mencintai dan mengasihi."*[235]

Wajib bagi setiap peniaga Muslim untuk mengetahui bahawa setiap akhlak yang baik dapat diperoleh dengan cara membiasakan dan terus mempraktikkan serta mengamalkannya, hingga ia mencapai darjat yang mulia. Akhlak bagi para peniaga memiliki peranan penting dalam mengibarkan bendera Islam di wilayah yang belum dijangkau oleh tentera Islam. Banyak orang menerima Islam kerana kelebihan para peniaga Muslim yang jujur, dapat dipercaya, toleran, menepati janji, teguh, takut kepada Allah, medahulukan kepentingan orang lain dan *qana'ah*. Baginda Rasulullah ﷺ adalah teladan dan panutan dalam segala keutamaan dan kebajikan. Baginda ﷺ adalah manusia yang paling dermawan, pemberani, jujur dalam perkataan, paling menepati janji, paling lembut dan paling sopan dalam bergaul. Seseorang yang hidup bersama baginda Nabi, lalu baginda mengenalnya pasti baginda mencintainya. Baginda adalah manusia yang disifatkan oleh Khadijah; "Sesungguhnya kamu sentiasa menyambung tali silaturrahim, menanggung beban (orang miskin), mencari sesuatu yang tidak ada, dan membantu orang yang berada di jalan yang benar."[236]

---

[234] Riwayat Tirmizi (3/466)
[235] Riwayat Tabrani dalam kitab *Mu'jam al-Ausat* (7/350)
[236] Riwayat Bukhari (4/894)

Berakhlak mulia merupakan suatu kemestian bagi umat. Dengan akhlak mulia keindahan Islam akan muncul kembali, kemuliaan akhlak Islam akan bersinar kembali dan kejayaan serta kemuliaan umat seperti masa lalu akan diperoleh kembali. Orang-orang berbondong-bondong masuk Islam, ketika mereka melihat keharmonisan bermuamalah dan keindahan akhlak dalam Islam. Ketika kita berpaling dari jalan yang lurus, keteladanan Islam menjadi pudar, nilai-nilainya menjadi lenyap dan pemahaman-pemahaman Islam tertutup. Imam Malik membenarkan hal tersebut, dia berkata; "Kebaikan tidak akan dicapai oleh generasi terakhir umaat ini kecuali kerana kebaikan yang diwariskan generasi pertama."

Keteladanan yang baik amat berpengaruh dalam mencapai kemuliaan. Kita menemui bahawa al-Qur'an telah mengarahkan manusia kepada akhlak yang baik dan mulia. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan ayat berikut:

لَّقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ ٱللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا۟ ٱللَّهَ وَٱلْيَوْمَ ٱلْءَاخِرَ وَذَكَرَ ٱللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

"Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu teladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah." (Surah al-Ahzab: 21)

Rasulullah ﷺ adalah teladan terbaik yang mesti diikuti oleh seluruh manusia biasa seperti kita dan oleh

orang-orang yang tamak akan kesempurnaan sebagai manusia dalam berperilaku. Akan tetapi baginda Rasulullah ﷺ telah berada di sisi Allah dan Allah telah melestarikan sunnahnya untuk kita. Perjalanan baginda menjadi saksi abadi atas keluhuran, kesempurnaan jiwanya dan kemuliaan perilakunya.

Di antara sifat-sifat yang wajib dipegang teguh oleh setiap Muslim, terlebih lagi ia seorang peniaga adalah:

Jujur

Jujur adalah dasar asas keimanan, sebagaimana bohong adalah dasar asas kemunafikan. Kedua-dua sifat tersebut tidak akan dapat bersatu, tetapi sebaliknya, ia saling menyerang. Jujur adalah bahagian dari akhlak yang asasi dan darinya tumbuh cabang-cabang. Al-Harith al-Muhathibi berpendapat; "Sesungguhnya kejujuran dan keikhlasan merupakan dasar bagi segala sesuatu. Dari kejujuran tumbuhlah sifat sabar, *qana'ah,* zuhud dan redha. Dan dari keikhlasan tumbuhlah sifat teguh, takut, cinta, mulia, malu dan luhur. Ada tiga hal yang tidak akan dapat mencapai sempurna, kecuali ia harus bersama sikap jujur. Tiga hal tersebut adalah kejujuran hati dalam beriman, kejujuran niat dalam beramal dan kejujuran kalimat dalam berbicara."

Baginda Rasulullah ﷺ bersabda; *"Sesungguhnya kejujuran dapat membawa kebajikan dan kebajikan dapat membawa ke syurga. Seorang lelaki yang jujur dan berupaya untuk selalu jujur, Allah pasti akan menulis di*

sisi-Nya sebagai orang yang jujur."[237] Begitu juga orang yang berbohong dan berupaya terus untuk berbohong, Allah pasti akan menulis di sisi-Nya sebagai pembohong.

Ketika muamalah bertujuan untuk mendapat rezeki dan keuntungan, maka kerana kerakusan untuk mendapatkannya mendorong seseorang untuk berbohong dan berkhianat dalam bermuamalah. Oleh kerana itu, Allah ﷻ memerintahkan hamba untuk bersikap jujur, transparan dan dapat dipercaya. Hal ini sebagaimana dijelaskan dalam firman-Nya:

وَإِلَىٰ مَدْيَنَ أَخَاهُمْ شُعَيْبًا ۗ قَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم
مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥ ۖ قَدْ جَآءَتْكُم بَيِّنَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ ۖ فَأَوْفُوا۟ ٱلْكَيْلَ
وَٱلْمِيزَانَ وَلَا تَبْخَسُوا۟ ٱلنَّاسَ أَشْيَآءَهُمْ وَلَا تُفْسِدُوا۟ فِى
ٱلْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَٰحِهَا ۚ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُم
مُّؤْمِنِينَ ﴿٨٥﴾

"Dan (Kami telah mengutus) kepada penduduk Madyan saudara mereka, Syu'aib. Ia berkata: "Wahai kaumku, sembahlah Allah, sekali-kali tidak ada Tuhan bagimu selain-Nya. Sesungguhnya telah datang kepadamu bukti yang nyata dari Tuhanmu. Maka sempurnakanlah takaran dan timbangan dan janganlah kamu kurangkan bagi manusia barang-barang takaran

---

[237] Riwayat Muslim (4/2012)

dan timbangannya, dan janganlah kamu membuat kerosakan di muka bumi sesudah Tuhan memperbaikinya. Yang demikian itu lebih baik bagimu jika betul-betul kamu orang-orang yang beriman". (Surah al-A'raf: 85)

Allah ﷻ juga berfirman:

۞ وَإِن كُنتُمْ عَلَىٰ سَفَرٍ وَلَمْ تَجِدُوا۟ كَاتِبًا فَرِهَـٰنٌ مَّقْبُوضَةٌ ۖ فَإِنْ أَمِنَ بَعْضُكُم بَعْضًا فَلْيُؤَدِّ ٱلَّذِى ٱؤْتُمِنَ أَمَـٰنَتَهُۥ وَلْيَتَّقِ ٱللَّهَ رَبَّهُۥ ۗ وَلَا تَكْتُمُوا۟ ٱلشَّهَـٰدَةَ ۚ وَمَن يَكْتُمْهَا فَإِنَّهُۥٓ ءَاثِمٌ قَلْبُهُۥ ۗ وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ ﴿٢٨٣﴾

"Jika kamu dalam perjalanan (dan bermuamalah tidak secara tunai) sedang kamu tidak memperoleh seorang penulis, maka hendaklah ada barang tanggungan yang dipegang (oleh yang berpiutang). Akan tetapi jika sebahagian kamu mempercayai sebahagian yang lain, maka hendaklah yang dipercayai itu menunaikan amanatnya (hutangnya) dan hendaklah ia bertakwa kepada Allah Tuhannya; dan janganlah kamu (para saksi) menyembunyikan persaksian. Dan sesiapa yang menyembunyikannya, maka sesungguhnya ia adalah orang yang berdosa hatinya; dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan." (Surah al-Baqarah: 283)

Adapun hadith-hadith yang memerintahkan jujur dan amanah sangat banyak sekali. Telah diriwayatkan daripada Hakim bin Hizam, sesungguhnya Rasulullah bersabda; *"Pembeli dan penjual boleh mengajukan Khiyar selama kedua-duanya belum berpisah,"* atau dalam kalimat lain; *"Sampai keduanya berpisah, apabila mereka berdua bersikap jujur dan telus, maka jual-beli kedua-dua pihak akan diberkati Allah. Apabila mereka berdua menyimpan sesuatu dan berbohong, maka leburlah keberkatan jual-beli mereka itu."* [238]

Kejujuran merupakan penyebab utama bagi keberkatan rezeki dan harta, sedangkan kebohongan dan menyimpan sesuatu menjadi penyebab utama bagi ketidakberkatan dan kerugian.

Telah diriwayatkan daripada Abu Sa'id al-Khudri, dia berkata; "Baginda Rasulullah ﷺ bersabda; *"Peniaga yang amanah dan jujur akan tinggal bersama para Nabi, orang-orang yang jujur dan para syuhada'."* [239] Baginda Nabi ﷺ juga pernah bersabda semasa khutbah; "Wahai para peniaga, lalu mereka menghampiri baginda seraya mengangkat kepala dan pandangan mereka tertuju kepada baginda Nabi, kemudian baginda bersabda; *"Sesungguhnya para peniaga pada hari kiamat nanti akan dibangkitkan sebagai orang yang kotor, kecuali mereka yang bertakwa, berbuat baik dan jujur."* [240]

---

[238] Riwayat Bukhari (2/722)
[239] Riwayat Tirmizi (3/525)
[240] Riwayat Tirmizi (2/515)

Maksudnya adalah orang-orang yang selalu waspada, takut kepada Allah ﷻ, sentiasa berbuat baik kepada orang lain, berlaku baik dalam timbangan, takaran dan harga. Juga sentiasa ikhlas dalam berbuat baik dan menyayangi orang fakir, bersedekah padanya, menolong orang yang perlu, menghapus hutangnya atau memberikan kelonggaran padanya, jujur dalam menawarkan barang dagangannya, memberi maklumatnya, menyebutkan sifatnya dan menjelaskan kekurangan dan kelebihannya.[241]

Wajib bagi seorang peniaga Muslim untuk selalu jujur dalam perkataan dan perbuatannya, sehingga Allah mengucurkan berkat kepadanya dalam rezekinya, perilakunya di dunia akan selalu dikenang dan orang yang dekat dan orang yang jauh akan mencintainya. Mereka semua mempercayai dan menerimanya. Mereka mendoakan untuknya, sehingga dia menjadi orang yang beruntung, sama ada di dunia mahupun di akhirat.

Sesungguhnya seorang peniaga yang selalu jujur dapat membuat hatinya menjadi teguh dan apa yang disampaikan selalu mengena. Dia menjadi orang yang tangguh dan tidak mudah goyah. Di hadapan pengguna, dia terkesan tenang. Sikap inilah yang memunculkan kenyamanan bagi kedua-dua pihak.

Amanah

Ketika fitrah berjalan lurus dan terhindar dari hawa nafsu, maka itu dapat membentuk seseorang untuk

---

[241] *Al-Fiqh al-Wadhih* (2/521)

bersikap amanah. Dan ketika dia membiasakan amanah dalam bermuamalah, maka amanah yang diberikan padanya dapat dipercayai, sama ada dia diberi amanah sebanyak satu kwintal mahupun satu dinar, kerana dia menyedari bahawa dirinya diperintahkan untuk menyampaikan amanah dan dilarang untuk mengkhianatinya. Amanah adalah rezeki termahal yang Allah anugerahkan kepada seorang hamba dan setelahnya dia tidak akan menyembunyikan apapun yang bersifat duniawi. Hal ini sebagaimana disabdakan baginda Nabi ﷺ; *"Empat perkara jika berada dalam genggamanmu, maka dunia tidak akan menyibukkan kamu; menjaga amanah, jujur dalam berkata, baik dalam berperilaku dan menjaga diri dari makanan."*[242]

Dalam hadith lain disebutkan; *"Sampaikanlah amanah kepada orang yang dapat dipercaya dan janganlah kamu mengkhianati orang yang telah mengkhianatimu."*[243]

Kerana bahaya terjebak dalam pengkhianatan dan rosaknya fitrah dengan merosak sebuah perjanjian itu lebih mengerikan daripada sekadar pembalasan dengan mengkhianati orang yang telah berbuat khianat.

Di antara bentuk-bentuk sifat amanah adalah jujur dalam memberikan nasihat. Ia merupakan sifat yang harus dipegang teguh oleh peniaga Muslim, dan harus ada kemahuan untuk mengamalkan sifat tersebut

---

[242] Riwayat Baihaqi dalam *Syu'ab al-Iman* (4/321)

[243] Riwayat Tirmizi (3/564) dan al-Albani menganggap hadith tersebut sahih dalam buku *Misykat al-Mashabih.*

sehingga perniagaannya menjadi ibadah yang mengandungi pahala. Baginda Rasulullah ﷺ bersabda; *"Seorang penasihat mesti dapat dipercaya."*[244]

Baginda bersabda; *"Sesiapa yang memberi petunjuk kepada saudaranya, padahal dia menyedari bahawa petunjuk tersebut tidak benar, maka dia telah mengkhianati saudaranya."*[245]

Baginda Rasulullah ﷺ pernah memberikan tanda-tanda akan datangnya kerancuan hukum, kekacauan dalam masalah timbangan dan keruntuhan nilai-nilai yang masa sekarang ini sedang banyak berlaku, melalui sabdanya yang ertinya; *"Akan datang kepada manusia suatu zaman, di mana orang yang bohong dibenarkan dan orang yang benar disalahkan, orang yang khianat dianggap sebagai orang yang dapat dipercaya dan orang yang dapat dipercaya dianggap pengkhianat."*[246]

Baginda bersabda lagi; *"Ketika amanah disia-siakan, maka tunggulah waktunya."*[247]

Oleh kerana itu, wajib bagi peniaga Muslim untuk selalu bertakwa kepada Allah, menyampaikan amanah kepada ahlinya, berbuat baik kepada pembeli, menjauhi penipuan dan perbuatan curang dan tidak menaikkan harga barang, sehingga dia akan hidup bersama para

---

[244] Riwayat Ahmad (5/274)
[245] Riwayat Abu Daud (2/345)
[246] Riwayat Tabrani dalam kitab *Al-Ausath*, dan Albani dalam kitab *Al-Silsilah al-Dha'ifah* menganggapnya sebagai hadith lemah.
[247] Riwayat Bukhari (5/2382)

Nabi, orang-orang yang jujur dan para syuhada. Baginda Rasulullah ﷺ telah bersabda; "*Para peniaga yang jujur hidup bersama para Nabi, orang-orang yang jujur dan para syuhada.*"[248]

Baginda juga pernah memberi nasihat pada penjual makanan yang telah menyembunyikan cacat pada makanan tersebut; "*Sesiapa yang menipu, maka dia tidak termasuk golonganku.*" [249]

Jadi, kaedah umum untuk bersikap jujur dan amanah dalam bermuamalah adalah hendaklah seseorang tidak menyenangi saudaranya kecuali seperti ia menyayangi dirinya sendiri. Jika diamalkan, maka ia memberatkan dan menyusahkan hati saudaranya. Jika demikian, maka seseorang tidak boleh bermuamalah dengan saudaranya kerana sesuatu tersebut."[250] Imam Ahmad melarang bermain kata (kata mengandung kinayah) dalam jual-beli kerana ia mengandungi kebohongan dan ketidakjelasan. Larangan tersebut tidak dikhususkan dalam jual-beli sahaja, namun ia bersifat umum dan mencakupi segala jenis muamalah. Syaikh al-Islam Ibnu Taimiyah berkata; "Segala sesuatu yang wajib diterangkan, maka bermain kata di dalamnya adalah haram kerana ia termasuk menyimpan maksud dan menipu. Termasuk di dalamnya adalah mengklaim kebenaran, melontarkan sumpah dan memberi kesaksian pada akad dan mensifati barang yang dijual-beli."[251]

---

[248] Riwayat Tirimidzi (3/515)
[249] Riwayat Muslim (1/99)
[250] *Ihya' 'Ulum al-Din* (1/74)
[251] *A'lam al-Muwaqqi'in* (3/235)

Menepati Janji

Menepati janji adalah sebahagian dari akhlak yang amat mulia, terpuji, mengagumkan dan dengannya bahaya prasangka buruk dapat dihindari. Baginda Rasulullah ﷺ bersabda; *"Tiada agama (yang sempurna) bagi orang yang tidak dapat memegang janji."*[252]

Allah ﷻ berfirman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَوۡفُواْ بِٱلۡعُقُودِۚ أُحِلَّتۡ لَكُم بَهِيمَةُ ٱلۡأَنۡعَٰمِ إِلَّا مَا يُتۡلَىٰ عَلَيۡكُمۡ غَيۡرَ مُحِلِّي ٱلصَّيۡدِ وَأَنتُمۡ حُرُمٌۗ إِنَّ ٱللَّهَ يَحۡكُمُ مَا يُرِيدُ ١

"Wahai orang-orang yang beriman, penuhilah akad-akad itu. Dihalalkan bagimu binatang ternak, kecuali yang akan dibacakan kepadamu. (Yang demikian itu) dengan tidak menghalalkan berburu ketika kamu sedang mengerjakan haji. Sesungguhnya Allah menetapkan hukum-hukum menurut yang dikehendaki-Nya." **(Surah al-Ma'idah: 1)**

Allah ﷻ berfirman:

[252] Riwayat Ahmad (3/135)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴿٢﴾ كَبُرَ مَقْتًا
عِندَ ٱللَّهِ أَن تَقُولُوا۟ مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴿٣﴾

"Wahai orang-orang yang beriman, mengapa kamu mengatakan apa yang tidak kamu perbuat? Amat besar kebencian di sisi Allah bahawa kamu mengatakan apa-apa yang tiada kamu kerjakan." (Surah al-Shaff: 2-3)

Kaum Muslim telah menaklukan pelbagai wilayah di negeri Syam. Mereka juga berdakwah kepada penduduk Himsha yang beragama kristian. Namun mereka tidak mahu masuk Islam dan akhirnya mereka membayar *Jizyah,* sebagai konsekwensinya mereka mendapat perlindungan dan pembelaan khusus dari kaum Muslim. Akan tetapi bangsa Romawi telah menyusun kekuatannya untuk menyerang kaum Muslim. Lalu pasukan Muslim yang berada di Himsha diminta untuk bergabung dengan pasukan-pasukan lainnya dari negeri Syam. Kemudian kaum Muslim mengembalikan wang *Jizyah* yang telah diterima dari penduduk Himsha, sehingga kebijakan tersebut membuat penduduk Himsha terkejut dan menanyakannya kepada kaum Muslim. Mereka menjawab bahawa sesungguhnya kaum Muslim untuk sementara tidak mampu melindungi penduduk Himsha. Mereka mengambil wang tersebut jika mereka dapat melindungi penduduk Himsha.

Atas kebijakan tersebut, penduduk Himsha merasa betapa agungnya agama Islam dan betapa luhur dan sempurnanya akhlak mereka. Setelah itu, penduduk

Himsha beramai-ramai memeluk agama Islam. Lalu mereka bergabung dengan kekuatan Muslim untuk melawan pasukan Romawi. Begitulah kiranya kaum Muslim dalam menepati janjinya dan kerana itu, wajib bagi setiap Muslim, khususnya para peniaga untuk memegang teguh janjinya sehingga secara tidak langsung dia telah mengajak orang lain mengikuti Islam dengan akhlaknya.

Qana'ah

Baginda Nabi ﷺ telah membimbing umatnya agar bersikap *qana'ah,* iaitu pada saat baginda bersabda; *"Berlapang dadalah kamu atas apa yang Allah berikan kepadamu, maka kamu akan menjadi manusia yang paling kaya."* [253]

Lalu baginda berdoa kepada Allah dengan berkata; *"Ya Allah, jadikanlah aku orang yang qana'ah atas apa yang Engkau berikan kepadaku, berkatilah ia dan tempatkanlah setiap yang tersembunyi atau setiap ruang yang kosong pada diriku dengan kebaikan."* [254]

Apabila manusia bersikap *qana'ah* dengan anugerah yang sedikit, maka di antara mereka tidak ada yang fakir dan tidak ada pula yang terhalang." Imam Syafi'i berkata;

رَأَيْتُ الْقَنَاعَةَ رَأْسَ الْغِنَى # فَصِرْتُ بِأَذْيَالِهَا مُتَمَسِّكْ

[253] Riwayat Tirmizi dan Ahmad

[254] *Al-Adab al-Mufrad* (1/237). Berkata al-Albani; "Hadith tersebut *dha'if,* mauquf dan diriwayatkan secara *marfu'*

"Aku melihat, *qana'ah* menjadi kepala (pemimpin bagi) kekayaan, lalu aku memegangi ekornya."

فَلاَ ذَا يَرَانِي عَلَى بَابِهِ # وَلاَذَا يَرَانِي بِهِ مُنْهَمِكْ

"Kemudian seseorang tidak melihatku berada di pintunya dan dia juga tidak melihatku sebagai orang yang sibuk dengannya."

فَصِرْتُ غَنِيًّا بِلاَ دِرْهَمٍ # أَمُرُّ عَلَى النَّاسِ شِبْهَ الْمَلِكْ

"Aku menjadi kaya tanpa memiliki wang dirham dan aku berjalan di hadapan manusia bagaikan sang raja."

Seorang peniaga Muslim wajib menghiasi dirinya dengan sifat tersebut, sehingga jiwanya merasa tenang, matanya berbinar dan hatinya merasa nyaman. Semua itu tidak dimiliki oleh orang lain dan tidak tertarik dengan sesuatu yang tidak ada di tangannya. Dia menerima rezeki walaupun sedikit dan di sisi Allah dan di sisi masyarakatnya ia menjadi orang yang dicintai. Benar sekali apa yang dikatakan baginda Rasulullah ﷺ; *"Tidaklah disebut kaya kerana banyaknya harta benda, namun boleh disebut kaya kerana kaya jiwa."* [255]

Ketahuilah wahai para peniaga Muslim, sesungguhnya seseorang tidak akan meninggal dunia kecuali dia telah dipenuhi rezekinya. Makruh hukumnya bagi seorang penjual yang mengambil keuntungan sama dengan harga belinya atau lebih. Dan disunnahkan

[255] Riwayat Tirmizi (4/586)

baginya untuk mengambil keuntungan sedikit. Sebagaimana dimakruhkan bagi penjual untuk mengambil keuntungan dari orang yang sebelumnya telah berbuat baik kepadanya.

Berlapang Dada Atau Pemaaf

Baginda Rasulullah ﷺ pernah mendoakan orang yang memiliki sifat berlapang dada dengan menyebut; *"Semoga Allah menyayangi seorang lelaki yang toleran ketika menjual, membeli dan memutuskan."*[256]

Seseorang yang memiliki sifat toleran adalah orang yang suka menolong dan memudahkan kesulitan orang lain. Dia mengorbankan haknya atau sebahagian dari haknya untuk menyelesaikan masalah. Dia menjadi sebahagian dari masalah tersebut atau dia mengisi kekosongan hatinya atau memperbaiki jiwa saudaranya. Sebelum itu dia tidak boleh mengambil hak saudaranya dan dia tidak terdorong untuk menuntut hak-haknya. Ibnu Hajar memberi komen atas hadith yang diriwayatkan al-Bukhari dengan perkataannya; "*Al-Suhulah* dan *Al-Samahah* adalah dua kata yang memiliki erti dan maksud hampir sama, maksud *Al-Samahah* adalah menghentikan rasa bosan dan sejenisnya. Ketika seseorang menagih hutang, maka dia menagihnya dengan penuh toleran dan tanpa mendesak. Dan ketika seseorang membayar hutangnya, maka dia memberikan dengan mudah dan tanpa memanjangkan waktu tempohnya. Hadith ini menganjurkan untuk bersikap berlapang dada dalam bermuamalah, meninggalkan sikap memaksa,

---

[256] Riwayat Bukhari (2/730)

menganjurkan untuk tidak memberikan kesukaran pada manusia semasa menagih hutang dan juga memaafkan mereka."

Betapa banyak pertelingkahan yang berlaku semasa orang-orang bermuamalah. Oleh kerana itu, wajib bagi setiap peniaga Muslim untuk menghias dirinya dengan akhlak berlapang dada. Di antara perilaku berlapang dada adalah:

- Mengalah Untuk Kebenaran
  Peniaga yang berlapang dada adalah seseorang yang meninggalkan kebenarannya yang telah membuat orang lain merasa tidak nyaman. Sifat ini pernah dipraktikkan oleh Uthman bin Affan ketika dia membeli sebidang tanah dari seorang lelaki. Lalu pemilik tanah tersebut lewat datang untuk menerima wang dari sahabat Uthman. Kemudian dia menjelaskan penyebab kelewatannya. Setelah transaksi selesai, penjual merasa ditipu dan banyak orang mencelanya, bagaimana dia boleh menjual tanahnya dengan harga sekian? Lalu Uthman menjawab; "Sila kamu memilih, antara tanahmu atau wangmu." Kemudian disebutkanlah hadith; *"Semoga Allah memasukkan lelaki tersebut ke syurga, dia adalah orang yang sangat toleran, seorang pembeli, penjual, pembayar hutang dan penagih hutang."* [257]

- Menunda Pembayaran Hutang Orang Fakir (yang tidak mampu membayar hutang)
  Sesungguhnya memberi waktu untuk menunda hutang kepada orang yang tidak mampu membayar

---

[257] Riwayat Ahmad (1/58)

hutangnya atau menghapus seluruh hutangnya atau sebahagian hutangnya adalah bentuk sikap berlapang dada yang sangat agung. Baginda Rasulullah ﷺ bersabda; *"Ada seorang peniaga yang memberikan pinjaman kepada orang lain, lalu ketika dia melihatnya tidak mampu mengembalikan pinjaman tersebut, maka dia berkata kepada putera-puteranya; "Bebaskanlah hutangnya, semoga Allah membebaskan dosa-dosa kita." Lalu Allah membebaskan dosa peniaga tersebut."* [258] Dan baginda pernah bersabda; *"Sesiapa yang memudahkan orang yang fakir, maka Allah akan memudahkannya di dunia dan akhirat."*[259]

- Mengembalikan Pinjaman Dengan Yang Lebih Baik
  Baginda Rasulullah ﷺ pernah mengembalikan pinjamannya dengan yang lebih baik dan dengan menambahnya. Baginda bersabda; *"Berikanlah barang ini kepadanya, sesungguhnya orang yang terpilih adalah orang yang paling baik mengembalikan pinjamannya."* [260]

- Berlapang Dada Dengan Rakan Kongsi
  Seorang sahabat (Sa'ib bin Abdullah) telah melihat baginda Nabi dalam perniagannya sebelum baginda diutus. Baginda berkata kepadaku; *"Kamu adalah rakan kongsi dagangku pada masa jahiliyah dan kamu adalah rakan kongsi dagang terbaik, kamu*

---

[258] Riwayat Bukhari dalam *Kitab al-Buyu, Bab Man Anzhara Mu'siran* (1936)
[259] *Sunan Ibnu Majah, Kitab al-Ahkam, Bab Inzhar al-Mu'sir* (2408)
[260] Riwayat Muslim (3/1224)

tidak pernah melawan dan tidak pernah membantahku."[261] Ertinya kamu tidak pernah melawan dan membantahku dalam hal apapun. Akan tetapi kamu adalah rakan kongsi yang sangat sesuai. Sa'ib tidak akan pernah melupakan akhlak baginda tersebut. Sikap berlapang dada baginda yang begitu tinggi menjadi penyebab dia amat mencintai baginda Nabi ﷺ, sebagaimana menjadi penyebab dia selamat dari api neraka. Seperti sabda baginda; *"Diharamkan api neraka bagi setiap orang yang suka mengambil jalan yang mudah, bersikap lemah lembut, pemurah dan dekat dengan manusia."*[262]

- Menghilangkan Kesukaran Orang Lain

Sesungguhnya seorang lelaki yang pemurah pasti tidak mahu orang lain terperosok dalam keadaan payah. Dia selalu memperdulikan keadaan mereka, dan kerananya dia tidak pernah memikirkan tentang sesuatu yang bermanfaat bagi dirinya, tetapi dia selalu memikirkan tentang sesuatu yang boleh merugikan mereka. Dalam hadith sahih disebutkan; "Sesungguhnya seorang sahabat bernama Abu Yasir memiliki seorang teman yang meminjam wang pada dirinya. Lalu ketika Abu Yasir berniat untuk menagihnya, tiba-tiba teman yang meminjam wang tersebut bersembunyi agar tidak bertemu dengannya. Dia tidak mempunyai wang untuk menutup hutangnya. Ketika Abu Yasir mengetahui bahawa temannya bersembunyi kerana malu tidak mampu membayar tanggungannya, maka Abu Yasir segera

---

[261] Riwayat Ibnu Majah (2/768)
[262] Riwayat Ahmad (1/415)

menghapus catatan hutangnya dan berkata; "Jika kamu memiliki wang, maka bayarlah hutangmu padaku, tetapi jika tidak memiliki, maka kamu dibebaskan dari hutangmu."[263] Itulah salah satu teladan sifat berlapang dada, dan orang yang berlapang dada tidak rela saudaranya jatuh dalam kesulitan.

Oleh kerana itu wajib kiranya bagi seorang peniaga Muslim untuk menghiasi dirinya dengan akhlak berlapang dada. Dan tidak perlu memperdulikan jika ada orang yang menilai dirinya lemah dan tidak berdaya, kerana itu lebih baik daripada terjerumus ke dalam jurang yang kotor. Baginda Rasulullah ﷺ bersabda; *"Akan datang kepada kamu suatu masa, di mana orang merasa bingung untuk membezakan antara ketidakberdayaan dengan kekotoran. Maka sesiapa yang mengalami masa tersebut, maka pilihlah ketidakberdayaan daripada terjerumus ke dalam lubang kotor."*[264] Hal tersebut untuk menghindari agar tidak terjebak dalam pergaduhan dan pertelingkahan. Baginda Rasulullah ﷺ bersabda; *"Sesungguhnya lelaki yang paling dibenci Allah adalah penentang yang paling bengis."*

Apabila seseorang kehilangan sifat lapang dada, maka akhlaknya cenderung merosot hingga dia berani berteriak-teriak dan bercekak pinggang padahal dia menyedari jika dirinya berada dalam posisi salah. Baginda Rasulullah ﷺ bersabda; *"Sesiapa yang meributkan*

---

[263] Dari *Sahih Muslim* dengan maknanya (4/2301)

[264] *Musnad Ahmad Baqi Musnad al-Muktsirin, Bab Musnad Abi Hurairah,* (7417). Hadith tersebut *dha'if*

kebatilan dan dia menyedari hal itu, maka dia akan terus dibenci Allah hingga dia melepaskan dari masalah tersebut."[265] Oleh kerana itu, kami berharap semoga Allah ﷻ akan membebaskan para peniaga kita dari sifat-sifat yang buruk dan semoga mereka sentiasa berhias dengan akhlak yang baik yang dengannya mereka dapat mengibarkan bendera Islam dan mewujudkan keamanan dan ketenangan di kalangan mereka sendiri dan masyarakat pada umumnya. *Amin*

Perbahasan ke-3; Di Antara Contoh Muamalah Semasa

Di sini kita akan membahas beberapa permasalahan yang berkaitan dengan muamalah atau transaksi kewangan moden. Transaksi tersebut sebahagian ada yang pernah dibahas oleh para ulama dan ramai orang yang telah mempraktikkannya, seperti transaksi jual-beli dengan pembayaran kredit. Maka dari itu, kita harus ingat bahawa aturan fiqh dibuat untuk mengetahui apakah ia halal atau haram. Misalnya sebahagian ulama telah berpendapat bahawa bunga bank itu haram hukumnya kerana bunga bank dianggap sebagai pinjaman yang hanya menguntungkan pihak pemodal (orang yang memberi pinjaman), sebagaimana bunga yang dijumlahkan dengan wang pinjamannya. Akan tetapi akhir-akhir ini, kita melihat ada sebahagian ulama semasa yang menganggap bahawa bunga bank bukanlah pinjaman, tetapi pembiyaan. Jika demikian maka bunga bank tidaklah haram hukumnya. Dan dari sudut pandang

---

[265] *Sahih Bukhari, Kitab al-Mazalim wa al-Ghashab, Bab Qaulillahi Ta'ala, "Wa Huwa Aladdul Khisham,* (2277)

inilah, pengarang terdorong untuk mengkajinya semula. Apa yang akan kita bincangkan pada masa kini adalah tentang pendapat ulama dalam permasalahan muamalah moden. Semoga Allah ﷻ akan memberikan pertolongan kepada kita.

Jual-beli Kredit Dengan Tambahan Harga Yang Mesti Dibayar

Allah ﷻ membolehkan seorang Muslim untuk bertransaksi jual-beli dengan sistem pembayaran tunai. Begitu juga Allah ﷻ membolehkan jual-beli dengan sistem pembayaran kredit. Semua itu atas dasar saling redha. Baginda Rasulullah ﷺ juga pernah membeli makanan dari orang Yahudi dengan cara menggadaikan baju besinya. Allah ﷻ memberikan persyaratan kepada pembeli untuk membayar harga yang telah disepakati, sama ada dengan cara tunai mahupun berjangka tanpa menunda-nunda dan tanpa melebihi harga yang telah ditentukan oleh penjual. Adapun ketika penjual memberitahu kepada pembeli bahawa barang dagangannya jika dibayar tunai harganya sekian dan jika dibayar kredit harganya sekian, dan setelah kedua-dua pihak bersepakat tentang harga tertentu, maka dalam perihal selisih harga kredit yang lebih mahal dari harga kontan ulama telah berbeza pendapat:

Dalam hal ini terdapat ulama yang mengharamkan, kerana ia merupakan tambahan wang sebagai ganti dari waktu dan hal tersebut tidak berbeza dengan riba. Pendapat ini ditolak kerana definisi riba adalah wang tambahan yang tidak ada hubung kaitnya dengan waktu

atau pengganti lainnya, seperti tambahan yang terjadi semasa kedua-dua pihak saling menukar barang yang sejenis, misalnya gandum dengan gandum atau emas dengan emas. Adapun tambahan atau selisih jumlah dalam akad jual-beli kredit tidak termasuk dalam kategori itu, sama ada dalam definisi mahupun pembatasannya. Kedua jenis barang dalam transkasi sistem kredit di atas jelas berbeza dan semua komponen dari barang yang dijual sebanding dengan komponen harga yang telah ditentukan.

Ada juga ulama yang menetapkan hukum makruh pada perkara ini kerana di dalamnya mengandungi ketidakadilan dan tidak ada rasa belas kasihan. Akan tetapi pendapat ini berlaku jika tambahan yang diambil oleh penjual melebihi batas yang tidak dapat dimaklumi atau keterlaluan dan tidak masuk akal.

Ada juga ulama yang membolehkan perkara tersebut. Mereka adalah majoriti ulama kerana menurut hukum asal, perkara itu adalah mubah dan tidak ada nas yang mengharamkannya. Sebagaimana ia tidak dapat disamakan denga riba dari segi manapun. Oleh kerana itu, dengan pelbagai pertimbangan penjual boleh menambahkan harga barang jika dijual dengan harga kredit, selama tidak mengandungi unsur penipuan yang keterlaluan. Jika mengandungi unsur penipuan, maka haram hukumnya. Dr. Rafiq al-Mashri berpendapat bahawa para ahli fiqh salaf dan masa kini membolehkan amalan jual-beli kredit. Hal ini kerana nilai mata wang di pasaran selalu berubah seiring berubahnya waktu. Dan perlu diketahui bahawa sesungguhnya pertukaran yang terjadi dalam transaksi jual-beli adalah antara barang

dengan wang, sedangkan dalam transaksi pinjam-meminjam adalah antara wang dengan wang atau barang dengan barang. Jadi, inti dalam akad pinjam-meminjam adalah tukar menukar barang yang sejenis, sementara akad jual-beli adalah tukar menukar barang yang berbeza jenisnya.[266]

Dengan melihat hukum asal, maka jual-beli dengan sistem kredit dibolehkan dan akadnya sah, meskipun harganya lebih mahal daripada harga dijual tunai. Akan tetapi hendaklah berhati-hati, agar tidak jatuh dalam lingkaran riba atau tertipu dengan istilah transaksi lain yang substansinya adalah riba. Ulama yang bergabung dalam *Majma' al-Fiqh al-Islami* membolehkan si penjual mengambil tambahan wang dari harga yang telah disepakati semasa akad. Akan tetapi jika pembeli dengan sengaja mengakhirkan pembayaran, maka dianggapnya riba dan bersamaan dengan itu, maka penjual tidak boleh mensyaratkan adanya wang ganti rugi jika si pembeli terlambat atau memperlambat pembayarannya. *Wallahu 'A'lam*

Jual-beli *al-Saftijah*

Iaitu seseorang yang meminjamkan wang kepada temannya dengan syarat pengembalian wang tersebut dilakukan di negara lain. Contohnya, seseorang meminjam wang kepada temannya semasa mereka

---

[266] *Al-Jami' fi Ushul al-Riba,* karya Dr. Rafiq al-Mashri. *Al-Halal wa al-Haram,* karya Dr. Yusuf Qardhawi, dan kitab *al-Mu'amalat al-Mashrafiyyah wa al-Ribawiyyah,* karya Dr. Nuruddin al-'Atar

berada di Iraq dan mereka membuat persyaratan bahawa pengembalian wang dilakukan semasa di Mesir. Transaksi yang demikian ini ada tiga bentuk:

1. Seorang lelaki memberikan wang sebagai hutang kepada temannya dengan syarat bahawa yang mengembalikan wang tersebut adalah pihak ketiga yang berada di negara lain, maka dalam hal ini yang akan mengambil wang pengembalian adalah seseorang yang sedang dalam perjalanan.
2. Seorang musafir memberikan hutang (wang atau barang) dan yang akan mengembalikan hutang tersebut adalah orang ketiga yang berada di negara lain, kerana dia khuatir jika wang yang akan dibayarkan akan mengalami kerosakan di jalan.
3. Tidak ditemui orang ketiga. Oleh kerana itu, orang yang diberi pinjaman akan mengembalikan wang sejumlah yang dia pinjam pada saat dia berada di negara lain.

Para ulama berbeza pendapat dalam menentukan hukum pada transaksi bentuk tersebut. Di antara mereka ada yang mengharamkan dan menganggapnya sebagai pinjaman yang mengambil keuntungan di belakangnya dan setiap akad pinjam-meminjam yang mengambil keuntungan di belakang, maka ia termasuk riba. Akan tetapi yang benar (*Wallahu 'A'lam*) adalah dibolehkan transaksi tersebut dengan melihat hukum asal dalam muamalah adalah halal kecuali ada dalil yang mengharamkannya. Dan ternyata tidak ada satu pun dalil yang melarang transaksi tersebut. Ia juga bukan termasuk transaksi pinjam-meminjam yang mengambil keuntungan di belakangnya, kerana tidak semua akad

pinjaman yang mengandung manfaat itu dilarang. Sebagaimana manfaat dari transaksi tersebut bukanlah mengambil wang tambahan dari pinjaman asas. Tetapi justeru perbuatan tersebut memberikan keuntungan bagi kedua-dua pihak; peminjam dan yang memberi pinjaman. Orang yang diberi pinjaman sama sekali tidak tertipu, kerana dia melihat di situ ada manfaat, iaitu keamanan wang. Bagi memberi pinjaman juga melihat di situ ada manfaat, iaitu terbayarnya hutang dari yang diberi pinjaman di negara yang dijanjikan. Kedua-dua pihak sama-sama diuntungkan. Dan syariat tidak melarang suatu transaksi yang di dalamnya mengandungi maslahat bagi kedua-dua pihak. Akan tetapi yang dilarang adalah transaksi yang mengandungi bahaya, sementara dalam transaksi tersebut tidak ada bahaya yang merugikan salah satu atau kedua-dua pihak. Dan yang ada hanyalah kemaslahatan bagi mereka berdua.

Masalah: Hukum Jual-beli Anggota Tubuh Manusia

Dalam hal ini para ulama berbeza pendapat:

Pertama: Dibolehkan menjual dan membeli anggota tubuh manusia dengan dalil sebagai berikut:

- Amalan tersebut disamakan (di-*Qiyas*-kan) dengan jual-beli air susu. Imam Syafi'i dan Hanbali membolehkan seorang wanita menjual air susunya yang dituang ke dalam gelas. Mereka beralasan bahawa air susu itu suci, dapat diambil manfaatnya dan termasuk makanan bayi. Oleh kerana itu

dibolehkan bagi seseorang memperdagangkannya.[267] Akan tetapi pendapat ini ditentang; "Bahawa hal tersebut merupakan melakukaan *qiyas* yang tidak tepat *(Qiyas ma'a al-Fariq)*. Kerana susu adalah bahagian dari sesuatu yang keluar dari tubuh manusia. Ia akan terus muncul ketika air susu yang lama keluar dan jika tidak dikeluarkan sang ibu akan merasakan sakit. Sementara organ tubuh adalah bahagian dari struktur tubuh manusia."

- Disamakan lagi dengan pengambilan tebusan *(diyat)* yang sifatnya wajib kerana tindakan pengrosakan pada salah satu anggota tubuh manusia. Dalil ini juga ditentang; "Bahawa sempurnanya akal dan jasad manusia adalah urusan Tuhan, bukan urusan hamba dengan alasan bahawa Allah tidak menjadikan seorang hamba bertindak sesuka hatinya sendiri, oleh kerana itu dia tidak boleh menolak hukuman yang diberikan padanya. Adapun denda yang harus dibayar sebagai ganti atas rosak atau hilangnya salah satu anggota tubuh saudaranya, maka itu terjadi bukan kerana kehendaknya dan bukan pula menjadi penyebabnya."[268]
- Di-*qiyas*-kan dengan jual-beli hamba sahaya, jika menjual hamba sahaya dengan mencakup seluruh anggota tubuhnya dibolehkan, maka menjual sebahagiannya pun dibolehkan. Dalil ini ditentang lagi; "Bahawa keberadaan jual-beli hamba sahaya merupakan keadaan pengecualian yang di dalamnya

---

[267] Golongan Hanafi dan Maliki mengharamkannya, kerana anggota tubuh adalah sesuatu yang wajib dihormati, maka ia tidak boleh dijual-beli, kerana termasuk menghina dan menurut mereka anggota tubuh bukan termasuk benda berharga yang dapat dijual-beli.

[268] *Al-Muwafaqat* (2/294)

mengandungi kemaslahatan sebagaimana telah ditentukan oleh *Waliyyul Amr* (pihak pemerintah). Menjual-beli hamba sahaya bukan bererti kerana dia tidak berhak menikmati hidup dan juga bukan bererti membolehkan orang lain memusuhinya. Islam telah menetapkan bahawa orang yang memukul hamba sahayanya, maka kifarat yang harus dibayar adalah dia harus memerdekakan hamba sahaya tersebut.[269] Dalam hadith lain disebutkan; *"Sesiapa yang saudaranya berada di bawah lindungannya, maka berilah ia makan dari apa yang dia makan dan berilah ia pakaian dari apa yang dia pakai dan janganlah kamu membebani mereka dengan pekerjaan yang mereka tidak mampu melaksanakannya. Jika kamu membebaninya, maka bantulah mereka."*[270]

Kedua: Tidak dibolehkan menjual atau membeli anggota tubuh manusia. Mereka memberikan dua alasan:

- Sesungguhnya anggota tubuh manusia bukanlah miliknya sendiri dan secara hukum syariat ia tidak boleh dijual-beli. Oleh kerana itu, jika menjualnya, maka dia termasuk menjual sesuatu yang tidak dimiliki.
- Sesungguhnya menjual-beli anggota tubuh sama saja dengan menghinanya.[271]

---

[269] Diambil dari hadith Ibnu Umar yang diriwayatkan oleh Ahmad dalam *al-Musnad*

[270] Riwayat Bukhari (1/20)

[271] *Al-Muwafaqat* (2/376). Lihat kitab *Ahkam al-Jarahah al-Tibbiyyah,* karya Dr. Muhammad Mukhtar, dan kitab *Intifa' al-'Insan bi A'dha' Jism Insan 'Akhar,* karya Dr. Muhammad al-Baz

Jual-Beli Haiwan Secara Ditimbang

Di pasar-pasar kita masa kini telah beredar suatu transaksi baru yang sebelumnya tidak pernah berlaku, iaitu jual-beli haiwan yang halal dimakan seperti lembu, kerbau dan kambing dengan cara ditimbang. Amalan jual-beli dengan cara tersebut menuai banyak kecaman dari para ulama dan mereka menganggapnya sebagai jual-beli yang tidak sah. Yang mana telah disyaratkan bahawa barang yang dijual-beli harus suci dan tidak boleh barang najis. Jelas dalam amalan tersebut secara tidak langsung seseorang telah menghargai sebahagian barang najis yang ada di dalam perut haiwan tersebut. Dalam hal ini kami menjawab pendapat mereka; "Para ahli fiqh telah memberi syarat bahawa transaksi jual-beli memiliki hukum sah apabila barang yang dijual-beli suci. Oleh kerana itu, seseorang tidak boleh menjual atau membeli barang yang zatnya najis, seperti *khamr*, bangkai dan khinzir. Berbeza dengan barang yang terkena najis dan dapat disucikan, maka ia boleh dijual-beli. Alasan mereka tidak membolehkan jual-beli haiwan dengan cara ditimbang adalah kerana di dalam perutnya terdapat barang najis.

Alasan itu kami tolak kerana di situ tidak ada perbezaan antara jual-beli barang yang bertumpuk (objeknya kurang jelas) dengan jual-beli haiwan yang ditimbang, yang mana di dalam transaksi tersebut secara tidak langsung ada sebahagian wang yang ditukarkan dengan barang najis yang terdapat di dalam perut haiwan. Sebagaimana seseorang yang membeli binatang dengan cara yang biasa berlaku, yang mana di dalam perut binatang tersebut juga mengandung barang najis, akan

tetapi barang najis tersebut bukan menjadi tujuan utama dari transaksinya, kerana memang keberadaanya mengikut pada binatang yang dihukumi suci tersebut. Jadi, secara otomatis yang dia beli hanyalah barang yang suci sahaja. Sesuatu yang ada di dalam perut binatang dihukumi najis, jika ia dapat diambil secara terpisah dan itu tidak boleh dijual-beli. Sebagaimana sesuatu dapat dihukumkan najis jika ia telah terpisah dari tempatnya. Darah, dan kotoran dihukumi najis jika telah terpisah dari tubuh kita. Akan tetapi jika barang najis belum terpisah dari tubuh kita, lalu kita menghukumkannya sebagai barang najis, maka bererti solat kita selama ini tidak sah, kerana di dalam perut kita mengandung barang najis. Dibolehkan jual-beli haiwan dengan cara ditimbang, itu demi menghindari unsur penipuan dan ketidakjelasan barang yang dijual. Jual-beli dengan cara tersebut memberikan kelonggaran kepada penjual dan pembeli, kerana antara binatang yang satu dengan yang lainnya itu berbeza-beza, sama ada dari segi timbangannya mahupun bentuknya dan binatang-binatang tersebut telah melahirkan ribuan anak yang tentunya sangat sulit bagi kedua-dua pihak untuk membezakan satu persatu."

Akad *al-Istishna'* dan *al-Muqawalah*

Maksud dari *al-Istishna'* adalah seseorang yang membeli barang dari pengeluar *(al-Shani')* dengan cara, pembeli meminta kepadanya untuk membuatkannya. Barang tersebut tidak untuk dijual, akan tetapi ia dibuat sesuai permintaan pembeli. Dalam transaksi *Istishna'* tidak disebutkan waktu tertentu dan tidak ada pula syarat untuk segera melunasi pembayarannya. Dalam hal ini ada

yang berpendapat lain bahawa sesungguhnya akad *Istishna'* itu tidak baku. Pengeluar boleh menjual barang setelah dia membuatnya untuk orang lain. Akan tetapi maslahat umum dan kebiasaan umum menetapkan kemestian adanya transaksi antara kedua-dua pihak. Kerana ketika pengeluar menjual barang kepada orang yang sebelumnya tidak membuat kesepakatan atau perjanjian, maka itu sangat membahayakan bagi pembeli yang datang kemudian dan sebelumnya telah membuat kesepakatan. Dia tidak memiliki waktu lagi untuk pindah ke pengeluar lain. Posisi pengeluar memang sangat berisiko. Kadang-kala dia membuat barang dengan sifat-sifat tertentu, dan dia akan menemui kesulitan untuk menjualnya ketika pembeli menolak untuk membeli barang tersebut. Jadi, pengeluar wajib membuat sesuatu sesuai sifat yang ditetapkan semasa transaksi dan pembeli juga wajib membelinya, jika sifat yang telah ditetapkan semasa akad telah dipenuhi. Cara yang demikian itu adalah cara yang terbaik bagi kedua-dua pihak demi tercapainya kesetabilan dalam bermuamalah dan demi menghindari pertelingkahan, mensia-siakan waktu, wang dan juga tenaga.

Adapun akad *Muqawalah* adalah sebuah kesepakatan yang dibuat oleh kedua-dua pihak dan kesepakatan tersebut melahirkan suatu ketetapan bahawa salah satu dari mereka harus melaksanakan tugas tertentu sebagai konsekwensi dari wang yang akan dibayarkan oleh pihak yang lain. Menurut fiqh Islam, akad ini hampir mirip dengan akad *Ju'alah.*

Pada masa kini, akad-akad di atas telah ditetapkan dalam undang-undang konvensional dan undang-undang

moden. Menangguhkan pembayaran dan barang dalam akad-akad tersebut bukanlah termasuk riba yang diharamkan atau yang lainnya. *Wallahu 'A'lam*. Dr. Wahbah Zuhaili berpendapat; "Membolehkan pelbagai jenis akad dan transaksi pembayaran yang diperlukan masyarakat, meskipun bertentangan dengan ketetapan kaedah-kaedah Islam, seperti akad *Salam* adalah termasuk dalam kategori jual-beli barang yang tidak wujud *(Bai' al-Ma'dum)*. Pada prinsipnya, jual-beli barang yang tidak wujud itu batal, akan tetapi syariat membolehkan akad tersebut, kerana masyarakat memerlukannya. Hal itu sama juga dengan akad *al-Istishna'*."[272]

Akad Sewa Yang Berakhir Dengan Pemilikan

Bentuk akad sewa yang berakhir dengan pemilikan adalah seorang pengguna datang kepada penjual. Lalu dia berkata kepadanya; "Aku akan membeli keretamu ini dengan cara pembayaran kredit pada setiap bulan." Penjual menjawab; "Tidak mengapa, akan tetapi demi menjamin hak saya, maka akad yang kita buat adalah akad sewa, sampai kamu melunasi seluruh bayaran yang kamu kredit pada setiap bulan dan setelah itu akad berubah menjadi akad jual-beli. Jadi, ketika di pertengahan nanti kreditmu terhenti (kamu tidak dapat membayar ansuran), maka kamu dapat memilih; jika kamu bersetuju, sila kamu terus membayar ansuranmu sampai kamu melunasinya dan setelah selesai melunasinya, kamu terus dapat memiliki kereta ini. Atau

---

[272] Lihat kitab *al-Dharurat al-Syar'iyyah*, karya Dr. Wahbah Zuhaili

kamu boleh mengembalikan kereta ini lagi kepada saya dan wang yang telah kamu bayarkan selama ini dianggap sebagai wang sewa dan kamu tidak berhak untuk memintanya kembali. Oleh kerana itu, akad yang tertulis dalam borang rasmi adalah akad sewa dengan status dia di bawah tandatangannya sebagai penyewa.

Dalam hal ini para ulama telah berbeza pendapat. Di antara mereka ada yang tidak membolehkan dan ada juga yang membolehkan dengan melihat hukum asal. Di antara dalil yang tidak membolehkan adalah; "Sesungguhnya baginda Rasulullah ﷺ telah melarang dua akad jual-beli dalam satu barang."[273] Dengan kalimat lain yang terdapat dalam hadith Abu Daud; *"Sesiapa yang menjual dengan dua akad pada satu barang, maka hendaklah ia memilih salah satu akad yang lebih murah atau yang lebih menguntungkan, atau dia mempraktikkan riba."*[274]

Akad sewa yang berakhir dengan pemilikan termasuk menetapkan dua akad pada satu barang. Yang pertama adalah akad sewa dan yang kedua adalah akad pemilikan. Di antara dalil mereka adalah sesungguhnya baginda Nabi ﷺ telah melarang jual-beli yang mengandungi unsur penipuan.[275] Muamalah bentuk tersebut tidak diketahui hasil akhirnya. Pembeli tidak mengetahui apakah dirinya berstatus sebagai pembeli kereta ataukah penyewa kereta. Akad seperti itu secara tidak langsung mengumpulkan antara barang yang dijual

---

[273] Riwayat Ahmad (2/174)

[274] Riwayat Abu Daud (2/296)

[275] Riwayat Muslim (2/1153)

dan pengganti dari barang yang dijual, dan hal seperti ini tidak boleh terjadi, kerana penjual mengambil barang yang melebihi dari haknya.

Alasan sebahagian ulama yang membolehkan transaksi bentuk tersebut adalah ia tidak melihat unsur penipuan di sana, yang mana hasil akhir dari transaksi tersebut dapat diketahui oleh kedua-dua pihak. Dalam transaksi tersebut ada semacam kesepakatan antara kedua-dua pihak, pihak pembeli sepakat untuk membayar kereta secara kredit dalam jangka waktu tertentu. Apabila pembeli mahu melanjutkan transaksi tersebut, maka teruskanlah pembayarannya hingga lunas dan setelah itu dia berhak memiliki kereta. Apabila mahu, dia juga boleh berhenti membayar ansurannya, dan ansuran yang telah dibayarkan tiap bulan tidak boleh ditarik kembali kerana dianggap sebagai biaya selama dia memakai kereta tersebut. Keputusan untuk berhenti atau meneruskan bayaran bulanan benar-benar telah diketahui dan disedari oleh pembeli, jadi di situ tidak ada unsur kecurangan atau penipuan. Dia bermuamalah tidak ada bezanya dengan para penyewa lain yang menyewa sesuatu dan kerana dia memakai untuk kepentingannya, maka dia juga harus menanggung segala sesuatu yang berkaitan dengan barang yang disewanya.

Adapun maksud larangan mempraktikkan dua akad dalam satu barang dalam hadith di atas adalah dua akad yang jika dikumpulkan akan menimbulkan bahaya besar, seperti *Bai' al-'Inah,* iaitu misalnya peniaga menjual barangnya kepada pembeli pertama dengan harga RM. 1000 dan ada pembeli lain yang membeli darinya dengan harga RM. 500. Dalam hal ini si peniaga berada di antara

dua kemungkinan; pertama, mungkin dia mengambil harga yang lebih banyak, kerana mengandungi harga tambahan dari harga yang sebenar, yakni mengambil harga dari pembeli pertama. Jika demikian maka itu adalah termasuk riba. Kedua; si peniaga mengambil harga yang lebih murah, yakni harga jual yang kedua. Jika demikian maka itu bukan termasuk riba. Dalam transaksi sewa yang berakhir dengan pemilikan, sekalipun menggunakan dua akad, namun kumpulnya dua akad tersebut (jual dan sewa) tidak menimbulkan bahaya. Justeru sebaliknya, cara tersebut memberi keamanan pada hak milik dan harta penjual. Syariat tidak pernah melarang suatu transaksi yang di dalamnya tidak mengandungi bahaya bagi kedua-dua pihak, terlebih lagi terhadap suatu transaksi yang di dalamnya mengandungi maslahat. *Wallahu 'A'lam*

Jadi, akad sewa yang berakhir dengan pemilikan hukumnya dibolehkan. Hal ini sebagaimana juga akad berikut ini; Misalnya ada seorang peniaga yang menjual barang dengan harga pasar pada saat akad sewanya berakhir atau dia menjualnya kepada seseorang, namun dia menggadaikan barang tersebut. Atau dia menjualnya namun mensyaratkan kepada pembelinya untuk tidak menggunakan barang tersebut hingga selesai masa kreditnya. Hal tersebut sama saja dengan yang selama ini dipraktikkan oleh bank-bank Islam. Bank-bank Islam memberikan keringanan kepada nasabah yang ingin membeli kereta dengan cara kredit dan kerana itu bank Islam tidak mencatatkan kereta tersebut ke pihak polis dengan tanpa menyebutkan pemiliknya sampai nasabah tersebut melunasi kreditnya dan pihak bank telah

memberikan nota yang berisikan keterangan bahawa nasabah telah melunasi pembayarannya.

Jual-Beli Dengan Cara *al-'Urbun* (Wang Deposit)

Maksud jual-beli *al-'Urbun* adalah seorang pembeli menyerahkan wang dalam jumlah tertentu kepada penjual dan jika pembeli mengambil barang darinya, maka wang yang telah diserahkan dianggap sebagai harga dari barang tersebut. Tetapi jika pembeli tidak mengambil barang tersebut, maka wang akan menjadi milik penjual. Jual-beli bentuk seperti itu, para ulama telah berbeza pendapat. Di antara mereka ada yang menganggapnya tidak sah dengan dalil hadith daripada Amr bin Sya'th daripada ayahnya daripada datuknya, dia berkata; "Bagida Nabi ﷺ melarang *Bai' al-'Urbun.*"[276]

Bentuk jual-beli tersebut tidak berbeza dengan memakan harta orang lain dengan cara batil kerana di dalamnya terdapat dua syarat yang tidak dibenarkan, iaitu; syarat pertama menghibahkan wang muka jika barang tidak diambil pembeli dan kedua, mengembalikan barang jika pembeli tidak menyukainya. Juga kerana mensyaratkan sesuatu kepada pembeli, namun tidak disertai dengan ganti rugi dan ini tidak dibolehkan, seperti mensyaratkan hal tersebut kepada orang lain yang tidak dikenal. Alasan yang lainnya adalah kerana persyaratan yang terdapat dalam jual-beli *al-*

---

[276] Riwayat Malik, Abu Daud dan Ibnu Majah. Hadith tersebut lemah. *Al-'Urbun* adalah sesuatu yang diberikan sebagai wang muka dari barang yang telah dibeli.

'Urbun sama saja dengan *Khiyar al-Majhul,* yakni mensyaratkan pembeli untuk mengembalikan barang yang telah dibeli dengan tanpa menyebutkan waktunya. Maka dari itu, hukumnya tidak sah sebagaimana pembeli yang mengatakan; "Aku berhak memilih *(khiyar),* saya boleh mengembalikan barang ini bila-bila saja dan wang 1 dirham bersama dengannya."

Adapun ulama yang membolehkan transaksi *al-'Urbun* mengambil dalil dari hadith yang diriwayatkan oleh Nafi' bin Harith; Sesungguhnya dia pernah membelikan Umar "Rumah Tahanan" daripada Shafwan bin Umayah. Lalu jika Umar bersetuju dengan rumah tersebut maka tidak ada masalah. Namun jika tidak, maka Shafwan mendapatkan sekian dan sekian. Sa'id bin Musayyab dan Ibnu Sirin berpendapat; "Tidak ada masalah jika Umar tidak menyukai barang tersebut, lalu dia mengembalikan barang tersebut dan mengembalikan segala sesuatu yang berkait dengannya." Ahmad berkata; "Pendapat tersebut sesuai dengan makna hadith."[277] Dan Mujahid, Zaid bin Aslam, dan Nafi' bin Abd Al-Harith berpendapat seperti itu.

Dr. Mushtafa al-Zarqa berkata; "Jual-beli dengan bentuk *al-'Urbun* merupakan salah satu ketetapan rasmi yang sudah banyak berlaku dalam transaksi perniagaan pada masa sekarang ini. Hukum perdagangan dan adat yang berlaku dalam perdagangan telah mengakui bentuk transaksi tersebut. Ia menjadi dasar bagi sebuah perjanjian kesepatan yang dapat menolak bahaya kelemahan dan dugaan pada orang lain. Dalam 'Fiqh *non-*

---

[277] *Al-Mughni,* karya Ibnu Qudamah (4/312)

Islam' istilah itu disebut dengan *al-Syart al-Jaza'iy.*[278] Oleh kerana itu, Syaikh Ibnu Baz memberi fatwa dengan dibolehkannya jual-beli bentuk *al-'Urbun*, apabila kedua-dua pihak telah bersepakat."[279]

Al-Tawarruq

Istilah *Tawarruq* merupakan salah satu bentuk transaksi yang telah tersebar di kalangan kita pada masa kini. *Tawarruq* adalah membeli barang yang berada di gudang milik orang lain dengan sistem pembayaran berjangka *(Mu'ajjal)*, kemudian si pembeli menjual barang tersebut lagi kepada orang lain dengan sistem pembayaran tunai, dengan tujuan mendapatkan wang. Dalam hal ini para ulama telah berbeza pendapat; ada yang membolehkan kerana sebelumnya tidak pernah terjadi dan ada juga yang mengharamkan atas dasar hadith baginda Rasulullah ﷺ; "Sesungguhnya baginda melarang menjual sesuatu dalam keadaan terpaksa."[280] Pembeli membeli suatu barang kerana dia dalam keadaan sangat memerlukan wang. Dan juga hadith-hadith lain yang melarang mempraktikan jual-beli *al-'Inah* dan jual-beli bentuk *Tawarruq* merupakan bahagian dari bentuk *al-'Inah.* Oleh kerana itu, Ibnu Abbas berkata; "Sesungguhnya mereka telah menipu Allah, sebagaimana mereka telah menipu anak-anak kecil. Jual-beli bentuk *Tawarruq* adalah jual-beli barang tunai dan dibayar dengan tunai

---

[278] Dari kitab *Al-Madkhal al-Fiqhiy*, bahagian 234

[279] *Fatawa Islamiyah* (juz. 2/384)

[280] Riwayat Abu Daud (2/275) dan al-Albani menganggapnya sebagai hadith yang lemah.

dan kedua-dua pihak masing-masing mendapat barang." Umar bin Abdul Aziz berpendapat; "*Tawarruq* adalah saudara riba."

Adapun ulama yang membolehkan transaksi *Tawarruq* berpendapat bahawa hadith tentang jual-beli dalam keadaan terpaksa tidak secara mutlak dilarang. Yang dilarang adalah jika keadaan terpaksa tersebut disalahgunakan atau dimanfaatkan dengan cara meningkatkan tingkat keadaan terpaksa (dengan dibuat-buat). Oleh kerana itu, kemutlakan hadith di atas dibatasi (di-*qayyidi*) dengan *illat*-nya. Adapun transaksi jual-beli yang sudah berlaku di kalangan masyarakat, ia tidak dilarang. Dalam transaksi *Tawarruq* disyaratkan bahawa wang tambahan yang diperolehi dari pembeli, sebagai ganti rugi atas penundaan pembayarannya itu masih dalam batas normal. Dan itu juga bukan termasuk jual-beli dalam keadaan terpaksa, akan tetapi justeru jual-beli yang memberikan kelonggaran sebagaimana diketahui, sama ada oleh orang umum mahupun orang tertentu.

Adapun hadith tentang jual-beli *al-'Inah* tidak sama dengan transaksi jual-beli *Tawarruq*. Dalam transaksi jual-beli *al-'Inah* yang menjadi penjualnya adalah pembeli yang membawa wang tambahan, dan tambahan tersebut merupakan bahagian dari riba. Ini adalah pendapat yang dibenarkan oleh perkataan Ibnu Abbas; "Barang tunai ditukar dengan wang tunai dan kedua-dua pihak masing-masing mendapat barang." Adapun dalam transkasi *al-tawarruq,* pembeli kedua adalah orang lain yang tidak termasuk dalam akad. Orang-orang membeli barang dan mereka tidak mempergunakannya. Akan

tetapi mereka hanya menghendaki harga barang tersebut dan menjualnya lagi.

Adapun pendapat Umar bin Abdul Aziz telah ditolak oleh pendapat ulama lain yang membolehkan transaksi *Tawarruq*. Oleh kerana itu, transaksi *Tawarruq* dibolehkan secara syariat. Dan ini adalah pendapat majoriti ulama, kerana hukum asal dalam akad jual-beli adalah mubah, kerana ada firman Allah ﷻ berikut:

وَأَحَلَّ ٱللَّهُ ٱلْبَيْعَ وَحَرَّمَ ٱلرِّبَوٰاْ

"Dan Allah telah menghalalkan jual-beli dan mengharamkan riba." **(Surah al-Baqarah: 275)**

Akad *Tawarruq* tidak mengandungi riba, sama ada dari segi tujuan mahupun dari segi bentuknya. Akad *Tawarruq* dibolehkan kerana didorong oleh keperluan, seperti untuk membayar hutang, bernikah atau yang lainnya. Ia dibolehkan dengan syarat pembeli tidak boleh menjual kembali dengan harga yang lebih rendah daripada harga beli dari peniaga pertama, sama ada secara langsung mahupun dengan perantara. Jika tidak memenuhi syarat, maka ia termasuk jual-beli *al-'Inah* yang secara jelas dilarang oleh syariat kerana mengandungi riba. Oleh kerana itu, jual-beli *al-'Inah* diharamkan.

Itulah bentuk sebenar daripada akad *Tawarruq* yang diakui oleh Islam, kerana di dalamnya mengandungi rasa belas kasihan, saling membantu, saling mencintai antara sesama Muslim, memudahkan kepayahan mereka,

menutupi keperluannya dan menyelamatkan mereka daripada hutang dan terjebak dalam transaksi yang diharamkan.

Adapun yang telah dipraktikkan oleh sebahagian institusi-institusi kewangan di zaman sekarang ini adalah bentuk-bentuk transaksi penipuan yang menggunakan istilah-istilah yang menyesatkan, seperti *al-Tawarruq al-Mubarak, al-Tamwil al-Mubarak, Tamwil al-Khair, Al-Taisir, Tawarruq al-Khair,* dan *Barnamij Atqa wa Anfa.* Seperti transaksi penggantinya yang telah dikenali di bank-bank komersial dengan istilah *al-Wada'i' al-Ajilah.* Semua itu adalah istilah transaksi pinjam-meminjam yang memakai nama-nama Islam, tetapi di dalamnya mengandungi unsur riba dan memakan harta orang lain dengan cara batil. Benar sekali apa yang disabdakan baginda Rasulullah ﷺ; *"Akan datang kepada manusia suatu masa, yang mana di dalamnya mereka memakan riba, dan orang yang tidak memakan juga akan terkena debunya."*[281]

Dan sabda baginda yang lain; *"Benar-benar akan datang kepada manusia suatu masa yang mana orang tidak memperdulikan dengan cara bagaimana dia mendapatkan wang, apakah bersumber dari barang halal ataukah barang haram?"*[282]

Al-Tawarruq merupakan sarana dan alternatif bagi transaksi pinjam-meminjam yang dipraktikkan oleh sebuah institusi kewangan (bank) dengan tujuan untuk

---

[281] Riwayat Ibnu Majah (2/765), ini adalah hadith *dha'if.*

[282] Riwayat Bukhari (2/733)

menghalalkan riba dan mendorong orang untuk meminjam kepada bank. Bentuknya adalah pihak bank melakukan suatu strategi, dengan tujuan menertibkan jual-beli barangan di pasaran-pasaran antarabangsa kepada *al-Mustauriq* (pembeli) dengan pembayaran berjangka. Dengan syarat pihak bank harus bertindak sebagai wakil yang memiliki hak untuk menjualkan kembali kepada pembeli lain dengan harga pasaran pada masa itu dan kemudian menyerahkan wangnya ke *al-Mustauriq*. Amalan yang demikian adalah termasuk jual-beli *al-'Inah,* iaitu *al-'Inah* yang dilarang oleh Ibnu Abbas. Kewajipan pihak bank (penjual) sebagai wakil untuk menjualkan kembali kepada pembeli lain atau kewajipan pihak bank untuk mengatur orang-orang yang mahu membelinya, menjadikan perbuatan tersebut sama dengan jual-beli *al-'Inah* yang dilarang oleh syariat. Sebagaimana muamalah tersebut dianggap tidak sah, jika syariat mensyaratkan di situ harus ada serah terima secara rasmi.

Di antara kaedah-kaedah syariah Islam adalah sesungguhnya sesuatu lafaz atau ungkapan itu bergantung pada tujuan dan niatnya, *"Sesungguhnya pekerjaan itu bergantung pada niat."*[283] Oleh kerana itu, kita wajib mengetahui maksud dan tujuan lafaz akad *Tawarruq* yang dipraktikkan oleh perbankan, hakikat dan cara kerjanya, alasan atau motivasi serta peraturan-peraturan asasnya. Jual-beli *al-Tawrruq* didasarkan pada prinsip bahawa wang adalah sumber bagi segala aktiviti. Dengan demikian mereka telah memperdagangkan wang, bukan jual-beli dengan menggunakan wang. Dari sini, jelaslah

---

[283] Riwayat Bukhari (1/1)

bahawa sesungguhnya *sighat* atau lafaz *al-Tawarruq* yang dipraktikkan oleh beberapa bank, ketika mereka berupaya mencairkan wang untuk nasabah yang memerlukannya, merupakan sarana dengan pelbagai topeng untuk menghalalkan riba di pasar antarabangsa. Oleh kerana itu, yang dijadikan pegangan dalam sebuah transaksi adalah akad, substansi dan tujuannya, bukan yang nampak pada lafaz dan praktiknya. *Wallahu 'A'lam*

Jual-beli *al-Murabahah lil Amir bi al-Syira'*

Disebut juga jual-beli *al-Muwa'adah*, kerana ia didasarkan pada sebuah perjanjian. Misalnya ada seseorang yang memerlukan wang, kemudian dia membuat kesepakatan dengan bank untuk membelikan suatu barang, lalu barang tersebut diambil oleh pihak bank dan dijual kepadanya, kemudian bank mengambil keuntungan dari penjualan tersebut.[284] Dalam hal ini ada dua bentuk:

1. Seseorang (pengguna) pergi ke bank dan membuat kesepakatan dengan pihak bank untuk membeli barang dengan syarat *al-'Amil* (pengguna) harus membeli barangnya dari pihak bank dan bank berhak

---

[284] Menurut para ahli fiqh maksud jual-beli *al-Murabahah* bukan seperti di atas. Yang dimaksud jual-beli *al-Murabahah* dalam pandangan ulama fiqh adalah dan menurut *Ijma'* para ulama ia dibolehkan. Jual-beli *al-Murabahah* banyak dituturkan oleh para ulama fiqh di bahagian *al-Khiyarat.* Adapun tentang jual-beli *al-Murabahah* kerana ada perintah untuk membeli dituturkan oleh mereka di bawah perbahasan tentang jual-beli *al-'Inah, al-Gharar, al-Hailah al-Muharramah* atau jual-beli *Ma laisa 'ind al-Insan.*

untuk mendapatkan keuntungan tertentu. Bentuk ini didasarkan pada perjanjian yang disepakati oleh kedua-dua pihak. Dan praktik ini dibolehkan, di antara dalilnya adalah hadith-hadith yang melarang jual-beli barang yang tidak ada di sisi penjual. Dalam hal ini, pihak bank menjual barang dagangannya kepada pengguna yang mana barang tersebut sebelumnya tidak dimiliki oleh bank. Begitu juga beberapa hadith yang melarang jual-beli barang sebelum barang di terima. Dalam hal ini, pihak bank menjual barang kepada pengguna yang sebelumnya pihak bank tidak memiliki barang tersebut. Sebagaimana bentuk jual-beli ini adalah jual-beli secara tunai dan di antara kedua-dua pihak masing-masing mendapat barang. Ibnu Abbas pernah berkata; "Beberapa dirham ditukar dengan beberapa dirham dan kedua-dua pihak saling mendapat barang (manfaat). Pengguna memerlukan wang, sementara pihak bank mencairkan wang."[285]

2. Dalam bentuk ini tidak ada kelaziman dari pihak bank. Pengguna dapat membeli kereta setelah ia membelinya. Bentuk yang kedua ini pernah dibicarakan oleh Imam Syafi'i dalam kitab *"al-Um"*. Dalam kitab tersebut Imam Syafi'i berkata; "Apabila ada seorang lelaki melihat suatu barang, lalu pengguna berkata; "Belilah barang ini dan aku akan memberimu keuntungan sekian." Lalu dia membeli barang tersebut, maka dalam hal ini pembelian tersebut

---

[285] Dalam hal ini ada ulama yang membolehkan jual-beli bentuk tersebut, sekiranya dia berpendapat; "Keperluan mendorong untuk melakukan itu dengan tujuan memperluas jangkauan muamalah dan mengumpulkan modal. Jika orang memerlukannya, maka ia juga dibolehkan seperti transaksi *al-Istishna'* dan akad salam.

dibolehkan atau sah. Dan orang yang mengatakan; "Aku akan memberimu keuntungan," adalah orang yang memerintahkan untuk membeli atau dia adalah pengguna. Dia memiliki hak untuk mengajukan *Khiyar*, jika dia mahu, maka terjadilah (sah-lah) transaksi jual-belinya dan jika tidak mahu, maka tinggalkanlah, lalu Imam Syafi'i berkata; "Begitu juga jika ada orang yang berkata: "Belikanlah barang untukku, kemudian dia memberikan ciri-ciri barang yang diinginkan, semua contoh itu sama sahaja." Imam Sayafi' membolehkan transaksi bentuk ini dan banyak juga ulama-ulama semasa yang membolehkannya. Mereka memberi tiga batasan:

1. Tidak ada kelaziman dari bank sebagaimana dalam bentuk yang pertama.
2. Pengguna tidak perlu menjamin keamanan barang. Akan tetapi jaminan barang dibebankaan kepada pihak bank.
3. Bank menjual barang tersebut kepada pengguna setelah bank benar-benar menerima barang tersebut.

Meskipun banyak ulama yang membolehkan bentuk yang kedua ini, namun untuk lebih hati-hati dan lebih selamat bagi seorang Muslim adalah meninggalkan muamalah jual-beli dengan cara tersebut, kecuali bank benar-benar secara nyata memiliki barang yang dijual-beli.

Al-Wada'i' al-Bankiyyah (Akaun Bank)

Dalam hal ini terbagi menjadi dua:

1. Akaun biasa, bukan pelaburan. Ertinya akaun tersebut tidak dimaksudkan untuk pelaburan, tetapi disimpan di bank dengan tujuan-tujuan tertentu. Dalam hal ini ada tiga bentuk:
   - Simpanan cek, *paper currency* atau *al-Wada'i' al-Mustanadiyah'*, di mana nasabah menyerahkan cek dan *paper currency* kepada bank agar bank menyimpannya. Kadang-kala penyerahan tersebut melalui beberapa prosedur dengan tujuan untuk mengelolanya demi mendapatkan keuntungan yang dapat dibagikan dan tujuan yang lain. Transaksi seperti ini tidak ada masalah, kerana apa yang dilakukan bank, iaitu mengelola setoran wang dari pengguna atau nasabah bukanlah tindakan yang dilarang oleh syariat, akan tetapi termasuk dalam kategori mewakilkan kepada pihak tertentu (dalam hal ini bank) untuk mengelola wang dengan imbalan tertentu.
   - Simpanan yang dikhususkan untuk projek tertentu, di mana nasabah menyerahkan sejumlah wang kepada bank untuk pembayaran faktur atau tagihan bil perkiraan dan yang lainnya. Ini juga dibolehkan seperti sebelumnya.
   - Setoran simpanan *al-Hadidiyyah*, di mana ada sebahagian bank yang menyewakan peti simpanan wang dan sebagai konsekwensinya bank menerima wang sewanya. Ini juga dibolehkan dan tidak ada masalah, kerana itu

termasuk menyewakan sesuatu dengan imbalan wang.

2. Akaun pelaburan, akaun tersebut dijadikan sarana perniagaan dan mencari keuntungan. Poin ini ada tiga bentuk:
   - Akaun yang beredar atas dasar permintaan, di mana nasabah atau pengguna dapat mengambil setoran tersebut bila-bila masa. Dalam hal ini ulama berbeza pendapat apakah ia termasuk pinjaman atau sekedar titipan *(Wadi'ah)*. Majoriti ulama menganggapnya sebagai pinjaman dan bukan titipan. Jika nasabah dapat mengambil setorannya bila-bila masa ketika ia memerlukan, maka ia tergolong pinjaman bersyarat dengan waktu. Oleh kerana itu, dia boleh meminta kepada pihak bank untuk mencairkan wang setorannya bila-bila masa. Seorang Muslim wajib menghindari untuk menyimpan wangnya di perbankan yang melegalkan riba, kecuali dalam keadaan terpaksa. Iaitu sekiranya dia tidak dapat menyimpan wangnya, kecuali di bank tersebut atau dia khuatir wangnya hilang sia-sia atau mungkin wangnya terlalu banyak dan tidak mungkin dapat disimpan di bank lain.
   - Akaun gadai *(al-Wada'i' al-I'timaniyyah)*, di mana nasabah menyimpan sejumlah wang di bank, lalu dia dapat menarik kembali dan mengunakannya untuk memperoleh keuntungan. Ini diharamkan, kerana termasuk bentuk pinjaman yang di belakangnya mengambil keuntungan. Seharusnya akad pinjaman tidak boleh membebani atau

mengharapkan balasan kebaikan dari pihak yang dipinjami. Oleh kerana itu, seseorang tidak boleh mensyaratkan keuntungan ketika memberikan pinjaman.

- Akaun semasa *(al-Wadi'ah li Ajal)*, di mana nasabah tidak berhak untuk menariknya kembali, kecuali setelah melewati batas waktu yang telah disepakati dengan bank. Setoran tersebut memberikan konsekwensi pada nasabah dengan keuntungan riba. Cara seperti ini diharamkan, kerana termasuk pinjaman yang mengambil manfaat. Sebagaimana telah dikatakan bahawa setiap pinjaman yang mengambil manfaat di belakangnya, maka termasuk riba. *Wallahu 'A'lam*

Akad Insurans

Transaksi insurans dalam perniagaan termasuk transaksi yang mengandungi unsur penipuan, sehingga ia diharamkan. Baginda Nabi ﷺ melarang seseorang untuk melakukan transaksi yang mengandungi unsur penipuan. Seorang nasabah insurans tidak mengetahui apakah perniagaannya akan terkena kerugian ataukah tidak. Pada masa perniagaannya terkena musibah atau hartanya hilang secara sia-sia, kadang-kala pihak peniaga mengambil wang jaminan yang jauh lebih banyak daripada yang diberikan. Dan ketika semua itu tidak terjadi, maka wang yang tersimpan di syarikat insurans dapat menjadi hutang dan dapat menjadi keuntungan. Sebahagian ulama membolehkan akad tersebut dengan alasan bahawa segala jenis muamalah menurut hukum

asal dibolehkan. Dalam hal ini, sebuah syarikat insurans mengambil wang sebagai jaminan keselamatan bagi kilang nasabah. Perbuatan tersebut sama saja dengan seorang lelaki yang berkata kepada kamu; "Lalulah jalan ini, jika sesuatu yang tidak diinginkan terjadi pada kamu, maka aku yang akan menjaminmu." Orang-orang menyangka bahawa pendapat yang membolehkan akad ini adalah pendapat yang disampaikan oleh mazhab Hanafi. Tetapi itu tidak benar, mazhab Hanafi mensyaratkan adanya sebab yang berupa ketidakjujuran dari pihak penjamin, sehingga dia (nasabah yang meminta jaminan) mahu menempuh jalan yang berisiko. Di antara syarat-syarat untuk mendapatkan jaminan adalah:

1. Adanya serangan
2. Adanya sebab atas kerosakan barang
3. Adanya pemilikan barang yang tidak dapat dijamin keamanannya, sama ada pemilikan biasa seperti pemilikan bahagian atau pemilikan tidak biasa seperti pemilikan penjual. Barang perniagaan tetap berada di tangan penjual dan dia yang akan menjaminnya
4. Adanya jaminan

Dalam masalah insurans perniagaan, syarikat insurans harus mengganti harta benda yang rosak bukan kerana empat sebab di atas. Akan tetapi harus menggantinya kerana adanya unsur penipuan yang dilakukan oleh syarikat insurans terhadap pengguna. Cara seperti ini tidak dibolehkan, kerana Islam telah memberikan solusi alternatif yang berupa jaminan bantuan kooperatif *(al-Ta'min al-Ta'awuni)*. Maksud jaminan bantuan kooperatif di sini adalah sekelompok orang yang

diorganisasi yang bekerja untuk menghapuskan pelbagai risiko yang biasa terjadi. Setiap anggota berupaya menghalau segala kesulitan. Mereka bergerak untuk membantu orang yang ditimpa bahaya. Setiap anggota berhak untuk menarik dari keanggotaannya jika ia semakin bertambah dan ketika kesulitan mula mereda, dia dituntut untuk melaksanakan tugas tambahan, iaitu berperanan menanggung masalah lain, kerana sesungguhnya misi jaminan bantuan adalah saling membantu dalam rangka menanggung musibah. Tindakan ini dibolehkan, kerana hal tersebut didasarkan pada asas saling menanggung atau menjamin bukan atas dasar jual-beli yang mengandungi unsur penipuan.

Al-Khalw (Wang Pengganti)

Al-Khalw memiliki pelbagai bentuk:

1. Seorang pemilik tanah mengambil *Badal al-Khalw* (wang ganti rugi) dari penyewa, kerana dia bermaksud ingin memperluas tanah yang disewanya. Hal tersebut dibolehkan, kerana itu termasuk menjual sebahagian manfaat.
2. Seorang pemilik tanah mengambil *Badal al-Khalw* dari seorang penyewa, kerana undang-undang telah membatasi hak dia dalam menyewakan tanah dengan memberikan standard harga sewa, atau undang-undang secara paksa menetapkan harga sewanya atau mencegah dia untuk mencabut tempat tinggalnya semasa akad sewanya habis. Sebagaimana nilai mata wang semakin menurun semasa arus kewangan berlaku inflasi. Oleh kerana itu *Badal al-Khalw*

menggantikan itu. Ini juga dibolehkan, kerana ia termasuk membantu penyewa untuk memiliki tanah.

3. Lawan dari dua bentuk di atas. Seorang penyewa tanah mengambil *Badal al-Khalw* (wang ganti rugi) dari pemilik. Dalam hal ini ada dua keadaan;
    a. Penyewa meninggalkan tanah yang disewanya dan kerana itu pemilik tanah memberikan wang pengganti, kerana sebenarnya penyewa masih terikat dengan akad dan masa sewa belum habis.
    b. Penyewa memberikan *al-Khalw* (wang pengganti) kepada pemilik tanah yang lama, kerana tanah tersebut telah dibeli oleh seseorang (pemilik baru), yang mana sebelumnya dia telah berkata kepada penyewa; "Keluarlah kamu, aku akan memberimu wang pengganti atas pemergianmu." Transaksi tukar menukar dalam dua keadaan ini dibolehkan secara syar'i.
4. Seorang penyewa lama mengambil *Badal al-Khalw* dari penyewa berikutnya. Dalam hal ini ada dua keadaan
    a. Di sana ada sisa wang dari penyewa lama, lalu penyewa baru berkata; "Aku akan memberikan wang kepadamu dan sila kamu meninggalkannya." Cara seperti ini dibolehkan.
    b. Undang-undang membolehkan penyewa lama untuk memaksa pemilik agar memperbaharui akad, setelah masa sewanya habis. Kemudian penyewa baru berkata; "Aku bersedia untuk menggantikan hak dia dan sebagai penggantinya aku tinggalkan tanah kepadamu." Bentuk seperti ini tidak dibolehkan kerana dia

menggantikan hak yang tidak sesuai menurut syariat.[286] *Wallahu 'A'lam*

Mensyaratkan Pemeliharaan Barang Kepada Penyewa

Para ahli fiqh menganggap batal atas syarat yang ditetapkan pada penyewa agar memelihara barang yang disewanya. Mereka beralasan bahawa setiap bahagian dari barang tersebut memerlukan biaya pemeliharaan yang tidak dapat diketahui secara pasti. Oleh kerana itu, tidak dibolehkan dengan alasan hal tersebut tidak diketahui. Akan tetapi ada sebahagian ulama yang membolehkan persyaratan di atas dengan syarat mesti didahului dengan kesepakatan antara pihak yang menyewakan dengan penyewa. Dalam hal ini kedudukan penyewa sebagai wakil dari pemilik atau orang yang menyewakan. Setelah itu penyewa akan mendapat imbalan tertentu atau diskaun penyewaan dari si pemilik barang.

Hadiah Dari Kedai

Hukum asal mengambil hadiah dari kedai adalah dibolehkan, kerana sebagaimana yang telah disampaikan bahawa hukum asal dari setiap muamalah adalah halal.

Jenis-jenis hadiah:

---

[286] *Badal al-Khuluw fi Fiqh al-Islami"*. Karya Dr. Muhammad Uthman Syabir

1. Hadiah yang bersumber dari hasil undian. Dalam hal ini terbagi menjadi beberapa bahagian;

   Pertama: Hadiah yang bersumber dari biaya tarif tertentu sebagai syarat untuk dapat mengikuti suatu peraduan atau kuiz. Seperti pertandingan yang berlaku pada masa sekarang ini melalui media iklan. Untuk menunjukkan penyertaannya dalam pertandingan tersebut, seseorang dikenakan caj yang diambil dari pemakaian telefon. Para peserta peraduan dikawal oleh semacam *event organizer.* Lalu pihak penyedia telefon bekerjasama dengannya untuk membuat suatu kesepakatan. Dari situ kedua-dua pihak mengambil keuntungan dengan sistem peratus. Jenis seperti ini termasuk permainan judi yang diharamkan, kerana seseorang masuk di dalamnya dan akan mendapat dua kemungkinan; kalah atau menang dan itulah inti dari permainan judi.

   Kedua: Hadiah yang bersumber dari pembelian sesuatu barang. Seseorang dapat mengikuti peraduan atau undian tersebut dengan cara membeli barang tertentu. Ketika keberadaan hadiah berpengaruh pada harga barang yang dijual, misalnya peniaga menaikkan harganya sebagai ganti adanya hadiah, maka itu tidak boleh, kerana pembeli dianggap telah membeli barang yang harganya melebihi dari harga sebenar. Bagi peserta yang mengikutinya mendapat dua kemungkinan; untung atau rugi. Adapun ketika keberadaan undian tersebut tidak berpengaruh pada harga barang dan dia membeli barang tersebut kerana memang

tertarik untuk membelinya, maka hukumnya dikembalikan pada tujuan pembeli. Jika dia membeli kerana perlu terhadap barang tersebut, maka ikut serta dalam undian tersebut hukumnya dibolehkan. Akan tetapi jika yang dituju adalah hadiahnya bukan barangnya, maka hukumnya haram kerana mengandung judi, sementara dia juga tidak memerlukan barang tersebut, sehingga dia tidak mengambil keuntungan dari barang yang dibeli.

Ketiga; Hadiah yang bersumber dari sebuah perlumbaan yang tujuannya adalah untuk mendidik dan mengajarkan kebaikan kepada manusia sebagaimana yang diadakan oleh lembaga pendidikan dan pengajaran. Seperti perlumbaan tentang penulisan buku, pembuatan rekaman untuk tujuan kebaikan dan cerdas cermat seputar Islam. Perlumbaan yang seperti itu dibolehkan oleh syariat. Atas pembolehan tersebut para ulama memberikan alasan bahawa sesungguhnya agama selain dapat tegak dengan pedang dan panah, ia juga dapat tegak dengan ilmu dan keterangan.

2. Hadiah yang mengikut pada barang jualan. Dalam hal ini ada beberapa jenis, antaranya;

Pertama; Hadiah yang bersumber dari penjual barang, tanpa ada syarat apapun. Contohnya adalah seseorang yang membeli barang, kemudian penjual pada kesempatan lain memberinya hadiah. Atau seseorang yang memberikan perkhidmatan kereta secara percuma dengan syarat sebelumnya telah

melakukan penyelenggaraan di tempat tersebut. Contoh-contoh tersebut dibolehkan dan tidak ada masalah.

Kedua; Hadiah yang sebelumnya telah diketahui oleh pembeli. Hadiah seperti ini tidak ada masalah, kerana hadiah tersebut sama halnya dengan memberikan potongan harga (diskaun).
Ketiga; Hadiah tidak dapat diketahui, kerana berada di bahagian dalam barang. Jika keberadaan hadiah mempengaruhi harga barang, maka itu tidak dibolehkan. Akan tetapi jika keberadaan hadiah tidak berpengaruh pada harga, maka itu dibolehkan, kerana ia dianggap sebagai potongan harga dan diskaun.

Keempat; Hadiah tidak berlaku untuk semua barang yang diperdagangkan. Hadiah jenis ini dibolehkan dengan syarat keberadaannya tidak mempengaruhi harga barang. Oleh kerana itu, hendaklah pembeli hanya membeli barang atas dasar keperluannya.

Kelima; Hadiah berupa wang, jika wang yang dijadikan hadiah berjumlah sedikit, maka tidak ada maslah, kerana wang bukan menjadi tujuan utamanya. Akan tetapi jika wang tersebut dalam jumlah yang banyak, maka itu tidak dibolehkan. Kerana tujuannya menjadi berubah. Ertinya dia membeli bukan kerana memerlukan barang tetapi kerana wang, sehingga seakan-akan dia membeli wang (hadiah) dengan wang, sedangkan

jenis kedua-dua wang tersebut berbeza. *Wallahu 'A'lam*

Al-Simsarah

Yang dimaksud dengan *al-Simsarah* (simsar) adalah orang yang menjadi penghubung antara pembeli dan penjual guna melaksanakan akad jual-beli. *Al-Simsarah* adalah suatu perbuatan yang dibolehkan syariat. Dan upah yang diambil oleh *simsar* hukumnya halal, kerana merupakan upah atas suatu perbuatan dan kesungguhan yang dapat diterima akal. Akan tetapi Imam Syafi'i berkata; "Tidak sah menyewa seorang tukang jual-beli (*simsar*) yang tidak pernah lelah berkata-kata (menawarkan), sekalipun barang yang dijual tidak berharga."[287]

Imam Ghazali berkata; "Tidak sah mengambil upah atas kalimat yang dikatakan oleh seorang doktor sewaktu menawarkan ubatnya, meskipun yang mengetahui tentang ubat hanya dia. Kerana dia sangat mudah untuk mengatakan hal tersebut. Berbeza dengan tukang pengilat yang mahir yang memaklumkan kepada orang bahawa dirinya mampu meluruskan pedang dan kaca dengan satu kali sentuhan. Oleh kerana itu dia boleh mengambil upah, meskipun banyak. Kerana hal tersebut merupakan pekerjaan yang untuk mempelajarinya sangat menyukarkan dan dia berupaya untuk menghilangkan rasa sukar tersebut."

---

[287] *Mughni al-Muhtaj* (2/335)

Al-Qaffal memberikan fatwa; "Sesungghuhnya tidak sah menyewanya. Dan ini adalah pendapat yang jelas."[288]

Bersamaan dengan ini, tidak ada masalah jika ada orang yang berkata; "Jual-lah barang ini dengan harga sekian, dan jika lebih dari itu, maka selebihnya untukmu atau kita bahagi dua; antara kamu dan aku, kerana ada sabda baginda Nabi ﷺ yang ertinya; *"Kaum Muslim bergantung pada syarat-syarat yang mereka buat."* [289]

Masalah: Hukum Atas Ungkapan: "Barangan Yang Telah Dibeli Tidak Boleh Dikembalikan Dan Tidak Boleh Diganti"

Ungkapan tersebut bertentangan dengan *Khiyar 'Aib*, bahkan pembeli berhak untuk mengembalikan barang yang dibeli dan mengambil semua wang bayarannya. Berkata Ibnu Qudamah; "Sesungguhnya barang yang dijual-beli tidak akan lepas dari keadaan yang meliputinya, maka oleh itu seorang pembeli boleh mengembalikannya dan mengambil wang bayarannya."[290]

Para ulama berbeza pendapat, ketika seorang pembeli ingin tetap memegang barang yang telah dibeli tetapi mengandungi cacat atau ketika dia merasa kesulitan untuk mengembalikannya. Jumhur ulama berpendapat bahawa jika dia memilih untuk tidak mengembalikan barang tersebut, maka dia tidak berhak

---

288 *Ihya' 'Ulum al-Din* (2/155)

289 Riwayat Malik, Abu Daud dan Hakim

290 *Al-Mughni* (4/257)

mendapat ganti rugi.[291] Adapun jika alasannya adalah kerana sukar mengembalikannya, maka dia berhak mendapatkan wang ganti rugi. Pendapat ini juga diambil oleh Ibnu Taimiyah. Apabila ada seseorang membeli sesuatu dan terlihat dalam barang tersebut ada cacat, maka jika dia merasa sukar untuk mengembalikannya, maka dia berhak mendapatkan wang ganti rugi, tetapi jika tidak ada kesukaran, maka dia tidak berhak mendapatkan wang ganti rugi. Pendapat ini sesuai dengan hadith yang diriwayatkan oleh Ahmad dan merupakan pendapat Abu Hanifah dan Syafi'i. Begitu juga dalam pandangannya dikatakan bahawa dihukumkan seperti cacat, jika pada barang ditemui ciri yang berbeza dengan yang ditawarkan penjual.[292]

Imam Malik berpendapat; jika cacat pada barang tersebut sangat sedikit, maka itu tidak terkena hukum dan jika cacatnya berkaitaan dengan nilai jual barang, tetapi hanya sedikit sehingga menyebabkan harganya berkurang, maka pembeli berhak meminta wang ganti rugi sesuai dengan cacat tersebut, seperti koyak pada baju. Dan jika cacatnya parah, yang menyebabkan barang mesti dikembalikan, maka pembeli berhak memilih antara mengembalikan kepada penjual atau tidak mengembalikan dan tidak menuntut wang ganti ruginya.

Imam Hanbali berpendapat bahawa dia berhak memilih antara mengembalikan barang atau tidak mengembalikan namun mendapat wang ganti rugi.

---

[291] Maksudnya adalah selisih antara harga barang yang sebenarnya dengan harga barang ketika dijual mengandung cacat.
[292] *Al-Ikhtiyarat* (hal. 186)

Berkata Ibnu Qudamah; "Sesungguhnya, ketika pembeli memilih tidak mengembalikan barang, namun mengambil wang ganti ruginya, maka dia berhak atas wang ganti rugi sahaja." Akan tetapi menurut mazhab Syafi'i dan Hanbali mereka berpendapat bahawa dia tidak berhak apapun kecuali mengembalikan atau tidak mengembalikan barangnya. Dia tidak berhak mendapatkan wang ganti rugi, kecuali jika dirasa sukar untuk mengembalikan barang yang mengandungi kecacatan tersebut, hal ini kerana baginda Nabi ﷺ telah memberikan pilihan kepada seseorang yang telah membeli binatang yang ditahan air susunya *(al-Musharrat)* antara tidak mengembalikan barang, tetapi tidak mendapat wang ganti rugi atau mengembalikan barang, kerana dia hanya mempunyai hak mengembalikan dan tidak memiliki hak untuk mengambil sebahagian dari harga barang (wang ganti rugi kerana terdapat kecacatan)."[293]

Ibnu Taimiyah berpendapat; "Menurut pendapat yang berlaku, pembeli berhak antara mengembalikan barang dan mengambil wang bayaran atau tidak mengembalikan barang, namun mengambil wang ganti rugi."[294]

Dari keterangan di atas, dapat kita simpulkan bahawa persyaratan yang menyatakan; "Barang yang telah dibeli tidak boleh dikembalikan dan diganti," merupakan persyaratan yang salah. Pada prinsipnya pembeli memiliki dua pilihan, iaitu antara mengembalikan barang

---

[293] *Al-Mughni* (4/259)
[294] *Al-Ikhtiyarat* (hal. 186)

dan mengambil wang bayaran atau tidak mengembalikan barang. Namun para ulama berbeza pendapat apakah dia berhak mendapatkan wang ganti rugi ataukah tidak. Perbezaan tersebut telah diterangkan di atas. Atau dia berhak meminta kepada penjual untuk menggantinya dengan barang yang bagus tanpa cacat. Penjual juga tidak boleh menghapus hak pembeli, dengan menyebut bahawa ia tidak tahu akan keadaan barang yang dijual.

Persyaratan di atas juga tidak berlaku, kerana memang pembeli mempunyai hak untuk mengembalikan dan menuntut wang bayaran yang telah diberikan kepada penjual. *Wallahu 'A'lam*

Masalah: Berbagai Bentuk Rekayasa Hukum Fiqh Yang Bertujuan Untuk Menghalalkan Sesuatu Yang Haram

Rekayasa hukum fiqh merupakan sebuah metod yang kadang-kala diusahakan untuk menghalalkan sesuatu yang telah diharamkan Allah ﷻ dengan memakai penutup syariat. Kadang-kala juga untuk mencari alternatif hukum lain yang pada intinya menganggap halal pada perkara-perkara yang secara terang zahirnya bertentangan dengan kaedah dan ilat hukum Islam, yang mana kaedah dan ilat tersebut telah dijadikan sandaran oleh para ahli fiqh dalam mengidentifikasi hukum syariat ketika mereka dihadapkan dengan pelbagai kes. Ibnu Qayyim al-Jauzi memberi komen atas permasalahan "rekayasa hukum fiqh", dia berpendapat; "Rekayasa hukum fiqh adalah semacam penggunaan dan penerapan hukum yang dilakukan oleh sebahagian orang dengan cara mendudukkan hukum tersebut, lalu pada tataran

praktisnya mereka mendasarkan hukum tersebut pada adat kebiasaan dan melalui cara yang terselubung, mereka berupaya mencapai tujuannya, sehingga mereka dilihat sebagai orang yang cerdas dan pandai. Mereka tidak memperdulikan apakah yang menjadi sasarannya itu dibolehkan atau diharamkan. Akan tetapi saya lebih menitikberatkan jika yang dijadikan sasaran oleh mereka adalah perihal-perihal hukum yang dilarang, sama ada secara syariat, logika mahupun hukum adat. Itulah metod rekayasa hukum yang sering terjadi di dalam masyarakat pada masa kini." [295]

Imam Syatibi berkata; "Rekayasa hukum yang jelas menyimpang, patut dikecam dan dilarang, merupakan rekayasa yang boleh menghancurkan sendi-sendi syariat Islam dan bertentangan dengan maslahat syariat. Apabila kita dapat memastikan jika rekayasa tersebut tidak menghancurkan sendi-sendi syariat dan tidak pula bertentangan dengan maslahat syariat, maka itu tidak termasuk dalam kategori yang dilarang. Dalam erti, rekayasa hukum fiqh tidak semuanya diharamkan. Yang diharamkan adalah rekayasa hukum yang secara zahir disangka dan diupayakan untuk menggugurkan hukum wajib atau menghalalkan yang haram.[296]

Sesungguhnya rekayasa hukum syariat dengan tujuan sekedar untuk memenuhi nafsunya dan berupaya menghalalkan makanan yang haram, lalu mempraktikkannya, merupakan sesuatu yang diharamkan oleh Allah ﷻ dalam al-Qur'an. Para ulama

---

[295] *A'lam al-Muwaqqi'in* (3/252)

[296] *Al-Muwafaqat* (3/582)

salaf juga bersepakat mengharamkannya. Seseorang yang membolehkan pelbagai bentuk transaksi dalam dunia perbankan (yang akan kita diskuskan nanti) dengan tujuan memperoleh keuntungan materi tanpa mempedulikan dirinya terjerumus dalam lingkaran riba atau dengan tujuan hanya sekadar untuk keluar dari kesulitan dan kesempitan, sehingga dia beranggapan hukum syariat amatlah luas, sehingga terkesan memudahkan, meringankannya dan hanya mengambil hukum yang mudah-mudah sahaja, adalah tindakan yang tidak dibolehkan oleh syariat Islam. Di antara tujuan-tujuan syariat *(Maqashid al-Syariah)* adalah untuk memperkukuh takwa kepada Allah ﷻ. Oleh kerana itu, kita dapat melihat bahawa syariat telah mengharamkan pelbagai bentuk transaksi jual-beli agar tidak terjebak dalam lingkaran riba. Sebagaimana syariat telah melarang pelbagai bentuk yang mengandungi unsur syubhat dengan tujuan untuk memperkukuh takwa kepada Allah agar tidak jatuh dalam keharaman. Oleh kerana itu, hendaklah tidak merekayasa hukum yang sudah dilahirkan melalui pelbagai mazhabnya hanya demi memenuhi keinginan dan kesenangan orang-orang tertentu. *Wallahu 'A'lam*

Khithab al-Dhaman (Letter of Credit)

Khithab al-Dhaman atau yang biasa disebut *Khithab Kitabi* (ketentuan tertulis) yang diberikan sebuah bank atas permintaan dari pengguna atau nasabah yang telah membuat kesepakatan dengan bank untuk menyerahkan sejumlah wang tertentu dan pada waktu tertentu kepada pihak ketiga. *Khithab al-Dhaman* dari segi wang yang

diberikan nasabah kepada bank, ketika nasabah meminta *Khithab al-Dhaman* yang berupa wang, atau cek atau lainnya sebagai tanda kepercayaannya kepada bank, dibezakan kepada dua:

1. *al-Ghitha'* (jaminan) sempurna, dalam erti, jaminan yang diberikan sesuai dengan apa yang dikehendaki nasabah dari bank atau ia lebih banyak.
2. *al-Ghitha'* (jaminan) sebahagian, iaitu jaminan untuk sebahagian harga, dan dari segi bentuknya ia dibezakan kepada dua; *Khithab Dhaman Ibtida'i* dan *Khithab Dhaman Niha'i.* Untuk yang pertama adalah borang yang dipegang oleh pemohon (contoh) sebagai tanda atas keseriusan dan ketekunannya. Dan yang kedua adalah borang yang dipegang oleh pemohon yang beruntung dapat melaksanakan sesebuah projek sesuai dengan syarat-syarat yang telah disepakati.

Para pemilik kilang mesti mengambil *Khithab al-Dhaman* dari sebuah bank semasa dia menerima tawaran projek dari kerajaan atau tawaran projek lelongan atau projek pengadaan barang-barang perlengkapan. Sehingga pemerintah merasa yakin dan aman jika projek diberikan kepada kilang yang bersangkutan. *Khithab al-Dhaman* yang diberikan oleh bank menjadikan pemerintah meluluskan permohonannya.

Para ulama semasa telah berbeza pendapat tentang prosedur keluarnya *Khithab al-Dhaman.* Pendapat tersebut dibezakan kepada tiga:

1. *Khithab al-Dhaman* sebagai akad tanggungan *(kafalah)*

Jika Kedudukannya sebagai akad tanggungan, sekiranya bank betindak sebagai perantara, maka mengambil upah atas tanggungannya itu tidak dibolehkan. Kerana sesungguhnya tindakan menanggung adalah salah satu ibadah. Sebahagian ulama menganggapnya sebagai tindakan saling menolong dan merupakan amal kebajikan. Tanggungan juga biasa diistilahkan pada term hutang atau istilahnya seseorang yang menanggung hutang. Akan tetapi jika pihak yang ditanggung mesti mengembalikan dengan tambahan wang, maka ia menjadi riba.

2. *Khithab al-Dhaman* sebagai akad perwakilan (*wakalah*)
   Iaitu tindakan mewakilkan kepada orang lain dalam melaksanakan suatu perbuatan yang dibolehkan dan diketahui. Dalam hal ini, bank dibolehkan mengambil upah atas usahanya.

3. Pendapat Majelis Fiqh Islam *(Majma' al-Fiqh al-Islami)*, dan ia membezakan dua keadaan:
   - Jika *al-Ghitha'* (jaminan yang diberikan) dari *Khithab al-Dhaman* sempurna, maka dari segi *Khithab al-Dhaman* sebagai akad perwakilan, ia dibolehkan.
   - Jika *al-Ghitha'* tidak sempurna, maka dari segi *Khithab al-Dhaman* sebagai akad tanggungan, ia tidak dibolehkan. Dan mungkin pendapat ini yang lebih mendekati kebenaran, kerana memang masyarakat memerlukannya. Sekiranya penawar *(al-Munaqish)* merasa sulit untuk menyerahkan sejumlah wang yang dalam waktu tertentu wang

tersebut dibekukan dan tidak boleh dipakai. Dan ketika projek mengalami kegagalan, maka dia dalam waktu tertentu akan menunggu untuk mencabut wang tersebut.

Pencucian Wang (*Money Loundry*)

Pada masa sekarang ini, perhatian dunia terfokus pada istilah "Pencucian wang (*money loundry*)". Istilah tersebut muncul sebagai reaksi atas keadaan yang amat membimbangkan di tengah-tengah masyarakat global, khususnya keadaan yang berkait dengan masalah perekonomian dan sosial.

Maksud daripada pencucian wang di sini adalah usaha megubah wang kotor yang dihasilkan dari usaha tidak sah dan diharamkan, menjadi wang yang secara lahir kelihatan sah, seperti wang dari hasil perniagaan perkilangan, pembangunan dan pertanian yang dianggap oleh masyarakat dan pihak berkuasa sebagai sumber ekonomi dan usaha yang sah. Istilah "Pencucian wang" biasanya mengacu pada dunia perekonomian yang tertutup, perekonomian yang hitam atau perekonomian semu, yang sebahagian besar sumber dananya berasal dari usaha yang tidak sah. Tujuan "Pencucian wang" adalah untuk menghindarkan diri daripada jeratan undang-undangan yang berlaku dan bergaya tidak bersalah di hadapan masyarakat. Atas dasar tersebut, maka usaha "Pencucian wang" dengan segala makna yang terkandung di dalamnya merupakan perlakuan jenayah. Dan sebagai konsekwensinya tindakan tersebut dapat mengarah ke suatu usaha yang lebih kotor dan penuh dengan dosa,

dipenuhi dengan kebohongan, penipuan, kecurangan dan semua tindak jenayah lain di dunia transaksi yang memerlukan adanya upaya pencucian atau mereka menyebutnya dengan istilah pemutihan wang.

Ternyata di sebalik proses pencucian wang terdapat pelbagai jenayah yang amat kompleks bukan hanya satu jenayah sahaja. Di antaranya adalah, *Pertama*; memperoleh wang haram. *Kedua*; mengubah wang kotor melalui cara tertentu supaya menjadi wang yang sah. *Ketiga*; cuba lari dari undang-undang yang berlaku, dan *Keempat*; pembohongan, kecurangan dan pengkhianatan. Jenayah-jenayah tersebut sangat membahayakan masyarakat dan mengancam kestabilan bangsa. Kestabilan bangsa yang dimaksudkan di sini bukan kerana bebas dari perlawanan kekuatan militer, jenayah politik dan teroris sahaja, melainkan ia lebih luas lagi, iaitu melawan pelbagai permasalahan yang berkait dengan kestabilan ekonomi, khususnya ketika ekonomi menjadi ajang persaingan utama di dunia antarabangsa.

Data statistik antarabangsa menyebutkan bahawa *general income* dari perdagangan dadah di seluruh dunia mencapai 500 juta dolar pertahun. Bahkan ia dapat lebih dari itu, jika ditambahkan dengan hasil jenayah-jenayah perdagangan lainnya, yang di dalamnya mengandungi wang haram. Wang haram tersebut berasal dari pelbagai bentuk transaksi dan usaha ilegal, seperti rasuah, penyelundupan barang, pemalsuan cukai dan permainan para spekulator.

Wang yang dihasilkan dari sindiket jenayah perniagaan dan projek-projek ilegal lainnya yang katanya

telah bersih setelah melalui proses pencucian, bukan bererti memastikan bahawa para pelaku *money loundry* akan memakai wang hasil cuciannya tersebut untuk membiayai projek-projek legal. Tetapi justeru sebaliknya, sebahagian besar dari wang tersebut digunakan untuk membiayai projek-projek ilegal, di samping untuk membiayai kerja-kerja kotor, seperti rasuah yang dilakukan oleh para ahli politik dan pegawai kerajaan, sehingga membuat para pemilik modal semakin bersemangat dalam meningkatkan aktiviti dan dunia usaha mereka yang ilegal.

Pada tahun 1996 Dr. Muhammad Abdul Halim Umar membuat data statistik tentang pelbagai kes jenayah terselubung yang berlaku di sebahagian sektor negara Mesir. Dia berupaya menyingkap seberapa parah jenayah ekonomi yang telah terjadi di negara Mesir. Akan tetapi di sini kami hanya akan menyebut sebahagiannya sahaja, iaitu sebagaimana data di bawah ini:

- Jumlah kes rasuah dan eksploitasi: 453
- Jumlah kes pemalsuan dan rompakan: 3,272
- Jumlah kes perdagangan dan pembiayaan ilegal: 842.74
- Jumlah kes penggelapan: 780
- Jumlah kes penyimpangan cukai: 10,107
- Jumlah kes penyimpangan pegawai kerajaan: 605
- Jumlah kes kecurian bil elektrik : 259,675

Data statistik di atas tidak mencakupi seluruh pembiayaan projek kotor lainnya dengan sumber pembiayaannya. Secara global ia hanyalah daftar yang

menyedihkan dari pelbagai jenis pembiayaan dan pembiayaan kotor.[297]

Di antara kesan dari pencucian wang adalah sesungguhnya pencucian wang mengandungi kesan negatif terhadap kestabilan pasaran antarabangsa, bahkan dapat menghapus pasar-pasar rasmi yang dianggap sebagai sendi utama bagi pembangunan perekonomian dunia.

Begitu juga keberadaan pencucian wang secara tidak langsung mendukung organisasi sindekat jenayah antarabangsa dalam rangka menggoncang dan merobohkan struktur perekonomian, institusi-institusi kewangan dan pembiayaan rasmi. Selain itu, pencucian wang juga dapat menyebabkan konstruksi kewangan mereka turun merudum.

Dari keterangan di atas, jelaslah bahawa sesungguhnya pencucian wang termasuk jenayah berat dan di dalamnya mengandungi pelbagai macam jenayah yang seluruh undang-undang antarabangsa melarangnya. Alangkah baiknya, jika pencucian wang tidak berlaku di dunia Islam dan kaum Muslim jangan sampai melegalkannya, kerana ia termasuk dosa besar dan keji.[298]

---

[297] *al-Taubah min al-Mal al-Muharram*, sebuah makalah yang disampaikan pada saat acara "Haflah al-Naqasyiyah" sekilas Ekonomi Islam yang ke-12 di Auditorium Shalah Kamil, Universiti al-Azhar, Kaherah.

[298] Dr. Muhammad Nabil Ghanayim, *"Ghasl al-Amwal"*, dari Majalah Kuliah Dar al-Ulum (hal. 27)

Wahai paara pembaca yang baik, apakah kamu tahu kenapa para peniaga pada hari kiamat termasuk dalam golongan orang yang derhaka? Mereka dibangkitkan sebagai golongan orang yang derhaka, kerana pelbagai sebab yang tidak mungkin terbatas bentuknya di sepanjang masa, kerana bentuknya selalu berubah. Di antara penyebabnya adalah:

- Para peniaga melakukan transaksi jual-beli yang di dalamnya mengandungi unsur penipuan dan ketidakjelasan.
- Para peniaga menjual sesuatu yang boleh dijual dan yang tidak boleh dijual.
- Para peniaga menjual sesuatu yang tidak dimiliki.
- Para peniaga menjual sesuatu yang mereka miliki, tetapi tidak ada dalam genggamannya.
- Para peniaga menjual sesuatu barang kepada lebih dari seorang pembeli.
- Para peniaga mengeksploitasi keperluan manusia untuk mendapat keuntungan.
- Para peniaga mengeksploitasi kejahilan pembeli terhadap barang.
- Para peniaga menaikkan harga barang hanya pada sebahagain orang, padahal mereka dilarang berbuat curang.
- Para peniaga menipu pengguna dengan cara mendakwa barang yang dijualnya masih baru.
- Para peniaga menjual di atas penjualan orang lain.
- Para peniaga menyorok.
- Para peniaga menaikkan harga barangan di atas harga pasaran.

- Para peniaga menipu dan tidak menampakkan aib dan cacat.
- Para peniaga merekayasa sesuatu yang haram.
- Para peniaga bersumpah, tetapi ia mengingkarinya.
- Para peniaga diberi amanah, tetapi mengkhianatinya.
- Para peniaga mengurangi takaran dan timbangan.
- Para peniaga membuat harga jatuh.
- Para peniaga membakar barang dagangannya.
- Para peniaga melakukan amalan rasuah dan menerima rasuah.
- Para peniaga menjual dengan bentuk *al-'Inah.*
- Para peniaga tidak ingat kepada Allah, kerana terlena oleh perniagaannya.
- Para peniaga tidak memiliki sifat toleransi, tidak *qana'ah* dan tidak bersyukur.

Dan lain sebagainya, yang mana semuanya itu menjadi penyebab mereka masuk dalam golongan orang yang derhaka. Begitulah keadaan pada masa kini, di mana orang-orang telah membenci yang halal dan terus mencari hal-hal yang diharamkan. Oleh kerana itu, muamalah harian mereka memerlukan peraturan-peraturan syariah yang diambil dari al-Qur'an, hadith, *ijma'* (kesepakatan) para ulama dan *qiyas* yang didasarkan pada landasan kuat dan tidak diragukan.

Benar sekali apa yang dikatakan oleh baginda Rasulullah ﷺ dalam hadithnya yang diriwayatkan oleh Abu Daud, Ibnu Majah, Hakim dan al-Baihaqi daripada Abu Hurairah, dia berkata; Sesungguhnya baginda Rasulullah ﷺ bersabda; *"Akan datang suatu masa kepada manusia yang mana pada masa itu tiada seorang pun*

yang tersisa kecuali ia memakan riba, lalu orang yang tidak memakan riba dia akan terkena debunya." Ada hadith lagi yang satu makna dengannya yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam kitab *"Sahih Bukhari"* daripada Abu Hurairah daripada baginda Nabi ﷺ, baginda bersabda; *"Akan datang kepada manusia suatu masa yang mana tidak ada seorang pun yang memperdulikan dari mana dia mendapatkan wang, apakah ia dari barang halal ataukah dari barang haram?"*

Apakah masa yang dimaksud dalam hadith tersebut adalah masa sekarang ini? Benar, sungguh sekarang ini adalah waktu yang dimaksudkan oleh baginda Nabi dalam hadith tersebut. Hadith tersebut telah menjelaskan pelbagai penyebab, alasan dan pelbagai bentuknya. Oleh kerana itu hendaklah kaum Muslim berpegang teguh dengan al-Qur'an dan Hadith, sehingga selamat di dunia dan akhirat. Baginda Rasulullah ﷺ bersabda; *"Aku tinggalkan kepada kamu sesuatu, yang jika kamu berpegang teguh padanya, maka setelah aku meninggal dunia, kamu tidak akan sesat selama-lamanya; sesuatu tersebut adalah al-Qur'an dan Hadith."*

Bukankah seorang Mukmin telah melalaikan kekhusyukan hatinya untuk mengingat Allah ﷻ dan al-Qur'an. Bukankah seorang Mukmin telah mencermati muamalah hariannya, sehingga Allah memudahkan segala kesulitannya dan segala sesuatu yang dibenci. Baginda Rasulullah ﷺ bersabda; *"Wahai manusia, sesungguhnya Allah adalah Zat Yang Maha Indah, Dia tidak menerima sesuatu kecuali yang indah dan sesungguhnya Allah telah memerintahkan sesuatu kepada kaum Mukmin sesuai*

dengan apa yang Dia perintahkan kepada para utusan-Nya."

Allah ﷻ berfirman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلرُّسُلُ كُلُواْ مِنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ وَٱعْمَلُواْ صَٰلِحًا ۖ إِنِّى بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ ﴿٥١﴾

"Wahai para rasul, makanlah dari makanan yang baik-baik, dan kerjakanlah amal yang soleh. Sesungguhnya Aku Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan." **(Surah al-Mukminun: 51)**

Allah ﷻ juga berfirman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ كُلُواْ مِن طَيِّبَٰتِ مَا رَزَقْنَٰكُمْ وَٱشْكُرُواْ لِلَّهِ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴿١٧٢﴾

"Wahai orang-orang yang beriman, makanlah di antara rezeki yang baik-baik yang Kami berikan kepadamu dan bersyukurlah kepada Allah, jika benar-benar hanya kepada-Nya kamu menyembah." **(Surah al-Baqarah: 172)**

Kemudian baginda menuturkan; *"Ada seorang lelaki yang menempuh perjalanan amat jauh dan keadaan tubuhnya acak-acakan dan penuh debu, lalu dia menengadahkan tangannya ke langit; "Wahai Tuhanku, wahai Tuhanku, makanan yang dia makan adalah*

***barang haram, minuman yang diminum adalah minuman haram, dan pakaian yang dipakai juga pakaian haram, oleh kerana itu bagaimana mungkin doanya dikabulkan?"* (Riwayat Tirmizi)**

Sebagai penutup, kami berdoa kepada Allah semoga Allah memberi manfaat kepada kami dan semoga Allah memberi manfaat kepada kaum Muslim dengan apa yang kami ajarkan kepada mereka dan semoga Allah mengajarkan kepada kami apa-apa yang bermanfaat bagi kami. Segala puji-pujian bagi Allah atas segala keadaan dan kami berlindung kepada Allah dari keadaan para penghuni neraka. *Amiin ...*

Wallahu a'lam bi al-shawab